BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Laporan Tahunan
2024



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Keperluan Berkanun

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan 2024 ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2024.



Abdul Rasheed Ghaffour
Pengerusi
Lembaga Pengarah
24 Mac 2025


BANK NEGARA MALAYSIA

Kandungan

Prakata

Peranan Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Kestabilan Monetari **9**

Rencana: Membendung Inflasi, Mengurangkan Kos: Perspektif Dasar *18*

Rencana: Pendorong Ringgit *25*

Menggalakkan Kestabilan Kewangan **36**

Rencana: Berada di Tempat Pemandu: Penambahbaikan Amalan Berkaitan Penyelesaian Tuntutan Motor *44*

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif **47**

Rencana: Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2024 *59*

Rencana: Menjamin Akses yang Berterusan untuk Perlindungan Insurans/ Takaful Perubatan dan Kesihatan *72*

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif **79**

Rencana: Memperdalam Pasaran Kewangan dan Pengurusan Mudah Tunai Islam *90*

Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap **94**

Rencana: Membina Pertahanan yang Bersepadu bagi Memerangi Risiko Penipuan dalam Talian *106*

Rencana: Mengemudi Masa Depan Aset Digital *112*

Pengeluaran Mata Wang **116**

Mengekalkan Integriti Kewangan **123**

Rencana: Penilaian Risiko Negara Malaysia yang Kelima Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2023 *129*

Pengurusan Bank Negara Malaysia

Warga Bank Negara Malaysia **134**

Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari **139**

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman **153**

Menyantuni Rakyat Malaysia **161**

Libat Urus Antarabangsa **174**

Tadbir Urus

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Struktur Organisasi dan Jawatankuasa Berkanun Bank Negara Malaysia **182**

Kewangan Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 **211**

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 **212**

Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 **213**



Abdul Rasheed Ghaffour
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Prakata

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dan inflasi yang sederhana pada tahun 2024. Pertumbuhan ini dicapai meskipun terdapat cabaran dan peluang yang ketara, serta episod ketidaktentuan pasaran kewangan global yang meningkat dan berterusan pada sepanjang tahun. Ketidaktentuan ini dipengaruhi oleh peralihan jangkaan mengenai pergerakan kadar faedah global, kebimbangan berterusan mengenai tekanan inflasi dan peningkatan ketegangan geopolitik. Perkembangan global ini telah memberikan kesan limpahan kepada Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan kedudukannya yang kukuh, ekonomi Malaysia dapat menyerap kejutan-kejutan ini. Kesan terhadap keadaan ekonomi dalam negeri dan kewangan domestik dapat dibendung. Keadaan ini juga membolehkan Malaysia meneruskan pembaharuan struktur yang sangat penting untuk memperkukuh daya tahan dan meningkatkan prospek negara.

Bank Negara Malaysia (BNM) terus komited dalam melaksanakan peranannya dalam menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan. Jawatankuasa Dasar Monetari menumpukan perbincangannya kepada prospek pertumbuhan dan inflasi dalam persekitaran pembaharuan dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dengan mengambil kira semua faktor ini, Jawatankuasa Dasar Monetari mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada kadar yang sama sepanjang tahun dengan penilaian bahawa pendirian dasar monetari kekal menyokong ekonomi Malaysia.

Volatiliti ringgit meningkat sepanjang tahun, dipengaruhi oleh perkembangan global. Keadaan ini konsisten dengan trend mata wang lain. BNM terus fokus dalam memastikan mudah tunai yang mencukupi dan fungsi pasaran kewangan yang teratur. Keadaan ini sangat penting bagi memastikan perniagaan dapat memenuhi semua keperluan mata wang asing mereka. Tindakan terselaras dengan Kerajaan sejak bulan Februari 2024 juga menggalakkan aliran dua hala yang lebih

seimbang dalam pasaran pertukaran asing domestik. Dengan redanya ketidaktentuan global dan peningkatan dalam keyakinan pelabur terhadap prospek Malaysia, tahun 2024 berakhir dengan ringgit yang lebih kukuh. Ringgit mengakhiri tahun 2024 sebanyak 2.7% lebih tinggi berbanding dolar AS dan 7.5% lebih tinggi berbanding rakan dagangan utama Malaysia secara amnya.

Lebih menggalakkan, pelaburan yang diluluskan di Malaysia mencapai rekod tertinggi pada tahun 2024, dengan kemajuan yang baik bagi projek berbilang tahun oleh sektor swasta dan awam. Yang penting ialah peningkatan kitaran semasa dipacu oleh pelaburan yang berkualiti daripada pihak dalam dan luar negeri, selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional. Memandangkan aspirasi ini digarap dengan baik dan disepadukan dalam perumusan strategi nasional, termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Strategi Semikonduktor Kebangsaan, kami percaya bahawa pelaburan bernilai tinggi ini berpotensi untuk menghasilkan pulangan yang menggalakkan pada tahun-tahun akan datang. Keadaan ini akan menjadi pemangkin kepada kitaran yang menjanjikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan, termasuk melalui pekerjaan bergaji tinggi untuk rakyat dan menganjak Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Yang ketara, keyakinan terhadap prospek pertumbuhan jangka panjang Malaysia juga meningkat berikutan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan. Tumpuan berterusan Kerajaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan melalui rasionalisasi subsidi merupakan langkah penting dalam mengukuhkan kedudukan fiskal Malaysia. Selain disiplin fiskal, inisiatif untuk mengukuhkan dasar perindustrian dan daya tahan iklim mengetengahkan keupayaan Malaysia untuk sentiasa membuat pembaharuan serta akan meningkatkan lagi potensi pertumbuhan Malaysia pada masa hadapan. Selaras dengan mandat kami, BNM akan terus menyokong dan menasihati Kerajaan dalam usaha untuk memajukan Malaysia. Selanjutnya, portal Invest Malaysia yang telah dilancarkan akan berfungsi sebagai platform untuk pelabur mendapatkan akses yang lebih mudah kepada maklumat mengenai peluang pelaburan di Malaysia.

Sektor kewangan terus memenuhi keperluan dan permintaan bagi pembangunan ekonomi Malaysia. Yang ketara, sektor kewangan terus meningkatkan usaha untuk menerapkan pendigitalan, mempercepat kewangan berasaskan nilai dan meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia. Pada masa prakata ini digarap, tiga pemohon bank digital telah memulakan operasi. Dua lagi bank digital telah menerima lesen dan akan mula menawarkan produk kewangan kepada orang ramai secara berperingkat. BNM akan membuka peluang kepada pihak yang berminat untuk memohon lesen insurans dan takaful digital pada tahun ini. Kemajuan seterusnya telah dicapai dalam usaha BNM untuk membanteras penipuan kewangan. National Fraud Portal yang dilancarkan pada tahun 2024 meningkatkan keberkesanan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan dengan ketara, sekali gus membolehkan pengesanan wang yang dicuri dengan lebih cepat dan seterusnya meningkatkan prospek wang dikembalikan. Pada tahun 2024, BNM mencapai kemajuan yang ketara dalam mengembangkan pembayaran rentas sempadan. Hal ini termasuk memajukan lagi Projek Nexus, iaitu usaha serantau yang diselaraskan untuk menambah baik kepantasan, kos, ketelusan dan akses kepada pembayaran rentas sempadan.

Dalam usaha memajukan kewangan berasaskan nilai, BNM menerapkan sistem kewangan yang lebih inklusif dan mampan. Kewangan sosial terus diperluas melalui iTEKAD, iaitu program induk (*umbrella programme*) yang bertujuan membantu usahawan mikro berpendapatan rendah. Setakat ini, kira-kira 10,000 peserta telah menerima manfaat, dengan ramai yang beralih daripada status penerima zakat kepada penyumbang zakat dan kini menjana peluang pekerjaan dalam komuniti setempat. Dalam bidang kewangan Islam, saya bangga untuk berkongsi bahawa Malaysia terus diiktiraf sebagai mempunyai ekosistem yang paling komprehensif pada peringkat global. Saya yakin kedudukan dan kekukuhan Malaysia dalam memajukan inovasi dan hasil impak menerusi instrumen kewangan Islam boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan lagi hasil bagi merealisasikan hala tuju pembangunan yang lebih dinamik, inklusif dan mampan di dalam negeri dan pada peringkat global. Sejajar dengan agenda MIFC, kami berhasrat untuk mengukuhkan jalinan dan kerjasama antarabangsa dalam kewangan Islam, seperti yang sedang dilaksanakan oleh BNM dan melalui Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC). Berkenaan pembiayaan hijau, permintaan dan pemberian dana semakin meningkat di bawah Kemudahan Peralihan Rendah Karbon serta Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau. Selain itu, program Penghijauan Rantaian Nilai mencapai kemajuan seterusnya dengan lebih 150 PKS memulakan laporan data pelepasan. Sukacita juga dimaklumkan bahawa institusi kewangan semakin banyak menawarkan pembiayaan dan penyelesaian berkaitan hijau dan peralihan. Perkembangan ini menunjukkan bahawa sektor kewangan mencapai kemajuan berterusan dalam menyokong peralihan Malaysia secara teratur kepada ekonomi yang lebih lestari.

Kemajuan turut dicapai dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan. Pembentangan Rang Undang-Undang Kredit Pengguna di Parlimen pada tahun 2025 dan seterusnya pembentukan Suruhanjaya Kredit Pengguna akan membuka lembaran baharu dalam mengubah landskap pengawalseliaan kredit pengguna. Pada masa yang sama, inisiatif terus diambil untuk menambah baik dan meningkatkan tahap celik kewangan dan keupayaan kewangan orang ramai. Dapatan daripada Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2024 menekankan keperluan mendesak untuk mempercepat usaha ke arah memantapkan perilaku dan sikap berhubung dengan kewangan. Hal ini disebabkan oleh trend semasa, termasuk penggunaan perkhidmatan kewangan digital yang semakin meningkat dan cabaran kos sara hidup yang berterusan. Kami akan meneliti dapatan ini bagi merangka langkah seterusnya dalam usaha kami untuk meningkatkan tahap celik kewangan, termasuk melalui Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Kedua oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN).

Pada tahun 2024, BNM dan industri kewangan juga berusaha untuk memastikan insurans/takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/takaful,* MHIT) swasta adalah mampan dan mampu dimiliki pada jangka panjang. Meskipun terdapat cabaran dalam melaksanakan usaha ini, perhatian yang diperbaharui dan lebih mendalam terhadap perkara ini telah menarik tumpuan pihak berkepentingan utama untuk menangani punca utama inflasi kos perubatan yang tinggi. Sesungguhnya, isu yang kompleks ini memerlukan tindakan bersepadu daripada semua pihak berkepentingan dalam ekosistem penjagaan kesihatan, termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia, penyedia penjagaan kesihatan swasta serta industri insurans dan takaful. Saya percaya bahawa melalui dialog yang terbuka dan telus serta kesediaan dan azam yang teguh untuk bertindak, secara kolektif kita boleh mencapai penyelesaian yang mampan dan boleh dilaksanakan bagi menangani isu yang kompleks dan berlarutan ini.

Selaras dengan usaha untuk membina daya tahan dan mengekalkan kestabilan sektor kewangan, BNM juga terus melaksanakan program pengawalan dan penyeliaan yang terperinci. Usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan kesiapsiagaan sektor kewangan dalam menangani krisis. Termasuk dalam usaha ini ialah langkah-langkah untuk memantapkan daya tahan infrastruktur pasaran kewangan Malaysia. Terdapat juga usaha untuk mengekalkan dan mengukuhkan kedudukan modal dan mudah tunai institusi kewangan. Kami juga terus mencapai kemajuan dalam menyepadukan risiko berkaitan iklim dalam aspek pengawalan kehematan dan penyeliaan.

Bagi tahun ini dan seterusnya, persekitaran ekonomi dan kewangan global tertakluk pada ketidaktentuan yang tinggi. Keadaan ini mencerminkan terutamanya perkembangan geopolitik yang sedang berlaku berhubung dengan sekatan perdagangan mahupun bukan perdagangan. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada perkembangan global ini.

Meskipun demikian, kepelbagaian struktur ekonomi negara dan dasar yang meluas memberikan daya tahan dan ketangkasan kepada negara untuk mengharungi cabaran-cabaran ini. Kami yakin bahawa secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan kekal stabil dengan tekanan inflasi kekal terkawal. BNM komited untuk memastikan persekitaran makroekonomi dan kewangan yang stabil, dan akan terus memastikan bahawa rangka kerja dasar monetari kekal relevan dan berkesan dalam landskap operasi yang berubah-ubah. Langkah ini adalah untuk mewujudkan latar belakang yang kondusif supaya Malaysia boleh menggandakan usaha pembaharuan bagi membina ekonomi yang lebih kukuh pada masa hadapan. Dengan kemajuan yang terus dicapai dalam aspek pembaharuan fiskal, sumber yang tersedia boleh digunakan untuk pelaburan bagi mengukuhkan antara lainnya, pembaharuan perlindungan sosial, pendidikan dan infrastruktur penjagaan kesihatan. Pembaharuan ini akan menghasilkan pulangan jangka panjang serta menjamin pertumbuhan yang mampan dan inklusif untuk generasi rakyat Malaysia pada masa hadapan.

Sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia berpeluang untuk menyumbang secara bermakna pada peringkat serantau dan global. Dalam keadaan dunia yang semakin mengalami polarisasi, haluan progresif dan pragmatik ASEAN menuju integrasi serantau yang lebih tinggi kini terserlah. BNM akan memainkan peranan untuk menerajui inisiatif bagi memajukan kesalinghubungan pembayaran, kewangan yang lestari dan jaringan keselamatan serantau.

Meskipun masih terdapat ketidaktentuan pada peringkat global, BNM akan terus melaksanakan mandatnya dengan setia dan membina kepercayaan rakyat. Bersama-sama saya dalam usaha ini ialah rakan seperjuangan yang berdedikasi. Usaha berterusan dan ketekunan mereka membolehkan BNM melaksanakan mandatnya secara konsisten, meskipun ketika berhadapan dengan cabaran. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan, saya ucapkan terima kasih yang setulusnya dan tidak terhingga kepada semua kakitangan atas sokongan dan profesionalisme mereka yang tidak berbelah bahagi. Mengukuhkan nilai teras integriti, kerjasama, kepelbagaian dan kecemerlangan terus menjadi keutamaan BNM dengan disokong oleh usaha transformasi budaya kami. Hal ini penting dalam usaha membangunkan dan mengekalkan tenaga kerja yang teguh yang merupakan aset terpenting BNM. Usaha ini dilengkapi inisiatif untuk memodenkan infrastruktur, sistem dan proses BNM. Kami juga berusaha bersungguh-sungguh untuk menerapkan amalan yang lebih lestari dan berdaya tahan iklim sebagai sebuah organisasi dan dengan rasa bangga memasukkan penzahiran pelepasan Skop 1 dan Skop 2 buat kali pertama dalam laporan tahun ini. Langkah ini membuka laluan untuk peralihan BNM ke arah organisasi sifar bersih, sejajar dengan aspirasi sifar bersih Malaysia.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pengarah atas sokongan mereka yang tidak ternilai. Dengan bimbingan mereka, BNM akan terus menunaikan mandat yang diamanahkan kepada institusi kami oleh rakyat Malaysia dengan standard profesionalisme dan integriti tanpa kompromi demi manfaat rakyat dan negara untuk generasi akan datang.



Abdul Rasheed Ghaffour

Peranan Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Kestabilan Monetari **9**

Rencana: Membendung Inflasi, Mengurangkan Kos: Perspektif Dasar *18*

Rencana: Pendorong Ringgit *25*

Menggalakkan Kestabilan Kewangan **36**

Rencana: Berada di Tempat Pemandu: Penambahbaikan Amalan Berkaitan Penyelesaian Tuntutan Motor *44*

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif **47**

Rencana: Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2024 *59*

Rencana: Menjamin Akses yang Berterusan untuk Perlindungan Insurans/ Takaful Perubatan dan Kesihatan *72*

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif **79**

Rencana: Memperdalam Pasaran Kewangan dan Pengurusan Mudah Tunai Islam *90*

Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap **94**

Rencana: Membina Pertahanan yang Bersepadu bagi Memerangi Risiko Penipuan dalam Talian *106*

Rencana: Mengemudi Masa Depan Aset Digital *112*

Pengeluaran Mata Wang **116**

Mengekalkan Integriti Kewangan **123**

Rencana: Penilaian Risiko Negara Malaysia yang Kelima Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2023 *129*

Peranan Bank Negara Malaysia



Peranan Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan bank pusat Malaysia. Matlamat utama BNM adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Mandat dan kuasa BNM diberikan menurut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang ditadbirnya.[1]

Dalam melaksanakan usaha untuk mendorong kestabilan monetari, BNM merumus dan mengendalikan dasar monetari supaya inflasi kekal rendah dan stabil, selain memastikan dasar monetari menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. BNM juga diberi mandat untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara.

Bagi menggalakkan kestabilan kewangan, BNM mengawal dan menyelia institusi kewangan bagi memelihara keselamatan dan kekukuhan institusi-institusi tersebut. BNM mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk mengekalkan integriti pasaran dan memastikannya berfungsi dengan teratur. Sistem pembayaran juga berada di bawah pengawasan BNM agar sistem pembayaran dan instrumen pembayaran kekal selamat, cekap dan diyakini. Selain itu, BNM juga mengawal selia amalan dalam kalangan institusi kewangan dan syarikat perantara yang terlibat bagi menyediakan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna kewangan.

BNM memainkan peranan penting dalam mendorong sistem kewangan yang progresif dan inklusif. Usaha ini dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan rakyat Malaysia yang berubah-ubah serta peranan utama kewangan dalam kemajuan sosioekonomi negara. Langkah BNM untuk membangunkan dan memperdalam sistem kewangan konvensional dan kewangan Islam dilaksanakan dengan mengakui bahawa sistem kewangan yang lebih maju ialah sistem yang dapat membantu menyerap kejutan, dan seterusnya menyumbang kepada daya tahan negara.

Selain itu, BNM juga melaksanakan beberapa fungsi penting lain. Antaranya ialah pengeluaran mata wang serta pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa negara. BNM juga merupakan penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan. Bersama-sama dengan agensi kerajaan dan penguatkuasaan undang-undang lain, BNM memainkan peranan dalam membantu mencegah jenayah penyalahgunaan perkhidmatan kewangan. Di samping itu, BNM telah bertindak balas terhadap risiko iklim. Pertama, melalui pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan yang bersesuaian bagi menyokong peralihan yang teratur ke arah ekonomi rendah karbon. Kedua, melalui penerapan amalan kelestarian dalam operasi BNM.

Semua peranan dan tindakan yang diambil oleh BNM ini adalah demi menjaga kepentingan negara.

[1] Perundangan utama yang lain antaranya termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011; dan Akta Mata Wang 2020.

Menggalakkan Kestabilan Monetari

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia bertanggungjawab menetapkan dasar monetari di Malaysia untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan perhatian yang sewajarnya kepada perkembangan ekonomi.[1] Bagi mencapai matlamat ini, MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk menilai prospek ekonomi serta inflasi Malaysia secara berkala, dan membuat keputusan mengenai Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR).

Dasar Monetari pada Tahun 2024

Ekonomi global kekal stabil pada tahun 2024 meskipun terdapat kebimbangan mengenai kelembapan ekonomi global pada awal tahun. Kebimbangan awal ini timbul berikutan langkah pengetatan dasar monetari yang lebih cepat oleh bank-bank pusat pada tahun sebelumnya, ditambah pula dengan kesan ekonomi akibat mengekalkan kadar faedah yang lebih tinggi untuk tempoh yang lebih lama bagi mengawal inflasi. Walau bagaimanapun, sepanjang tahun 2024, aktiviti ekonomi disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan, inflasi yang menjadi sederhana serta pelonggaran dasar monetari global. Perdagangan global juga kembali pulih sejajar dengan permintaan yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, pemulihan itu bukan tanpa sebarang cabaran. Sebagai contoh, konflik ketenteraan yang semakin meruncing di Timur Tengah telah menyebabkan beberapa tempoh gangguan yang berselang-seli terhadap aktiviti perkapalan. Namun begitu, peningkatan kitaran teknologi global yang mendorong permintaan terhadap semikonduktor serta barangan elektrik dan elektronik (*electrical and electronics,* E&E) lain, pertumbuhan dalam segmen bukan E&E[2] serta peningkatan aktiviti pelancongan telah membantu menyokong perdagangan global.

Apabila kesan dasar monetari yang ketat sebelum ini semakin dirasai, banyak negara mencapai kemajuan yang ketara dalam usaha mengurangkan inflasi pada tahun 2024, walaupun pada kadar yang berbeza. Penurunan harga komoditi global dan keadaan rantaian bekalan yang bertambah baik turut membantu menurunkan inflasi global. Keadaan ini telah memberikan ruang kepada bank-bank pusat utama untuk melonggarkan dasar monetari sepanjang tahun 2024, termasuk Amerika Syarikat (AS). Hasilnya, keadaan kewangan global mula menjadi lebih longgar menjelang separuh kedua tahun 2024. Namun begitu, pada masa yang sama, pasaran kewangan global juga mengalami volatiliti yang tinggi sepanjang tahun. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh peralihan jangkaan pelabur mengenai magnitud dan jangka masa pengurangan kadar dasar AS.[3] Di samping itu, ketidakpastian mengenai prospek ekonomi China dan keputusan pilihan raya AS, serta kebimbangan geopolitik yang berterusan menyebabkan tekanan yang menjadikan keadaan kewangan global lebih ketat dari semasa ke semasa. Faktor-faktor ini seterusnya memberikan kesan kepada mata wang ekonomi sedang pesat membangun, termasuk ringgit.

Meskipun terdapat cabaran persekitaran makroekonomi global, ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang

[1] Maklumat lanjut mengenai dasar monetari Malaysia dan MPC boleh didapati melalui bab "Tadbir Urus" dalam Laporan Tahunan ini dan bahagian "Kestabilan Monetari" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability).

[2] Segmen bukan E&E, seperti jentera dan peralatan (*machinery and equipment*, M&E), mendapat manfaat daripada peningkatan pelaburan dalam bidang yang sedang pesat berkembang seperti pendigitalan dan tenaga hijau.

[3] Pada awal tahun, peserta pasaran kewangan menjangkakan Federal Reserve (Fed) AS akan melonggarkan pendirian dasar monetarinya dengan ketara. Walau bagaimanapun, inflasi yang kekal tinggi di AS menyebabkan penangguhan pemotongan kadar dasar oleh Fed berbanding dengan jangkaan awal pasaran kewangan.

baik pada tahun 2024. Ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, berkembang sebanyak 5.1% (2023: 3.6%) disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dengan pelaburan yang mantap, berserta pemulihan dalam eksport. Sistem kewangan Malaysia yang utuh juga menyediakan penampan yang kukuh terhadap kesan pasaran kewangan global yang tidak menentu. Hal ini membantu memastikan keadaan kewangan domestik kekal kondusif untuk pengantaraan kewangan, dengan pertumbuhan kredit yang berterusan menyokong ekonomi.

Keadaan pasaran pekerja yang positif dengan pertumbuhan pekerjaan dan gaji yang berterusan memberi sokongan asas kepada perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan. Peningkatan kekayaan isi rumah, bersama dengan langkah-langkah dasar seperti pemindahan wang tunai bersasar,[4] turut memberi sokongan tambahan kepada penggunaan swasta. Tahun 2024 menandakan kemajuan yang selanjutnya dalam peningkatan kitaran pelaburan di Malaysia apabila berlaku lonjakan pelaburan yang ketara dalam sektor swasta dan awam. Pengembangan Malaysia dalam pengeluaran semikonduktor dan kemunculan negara sebagai hab pusat data di Asia Tenggara telah memacu projek pelaburan dalam subsektor E&E serta teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology,* ICT). Selain itu, projek sektor swasta dan awam berbilang tahun terus dilaksanakan dengan baik sepanjang tahun.

Gambar Rajah 1: Peningkatan Kitaran Pelaburan di Malaysia



1988–1997
Peralihan kepada ekonomi yang didorong oleh perkilangan



2011–2015
Pengembangan pesat dalam aktiviti minyak dan gas serta lonjakan pasaran harta tanah



2023–kini
Pelaburan bernilai tinggi yang dipacu oleh sektor ICT dan E&E

Tahukah anda? Peningkatan kitaran pelaburan dikaitkan dengan pertumbuhan pengeluaran yang lebih pantas dan boleh menjadi pemacu penting transformasi ekonomi bagi Malaysia. Sila rujuk Rencana BNM bertajuk "Menguraikan Kitaran Pelaburan di Malaysia" dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024 untuk maklumat lanjut.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Eksport Malaysia kembali pulih pada tahun 2024, sejajar dengan aktiviti perdagangan global yang bertambah baik. Kedudukan Malaysia yang kukuh dalam rantaian bekalan semikonduktor global dengan peningkatan kitaran teknologi global telah meningkatkan eksport E&E. Aktiviti pelaburan yang lebih kukuh di negara-negara serantau juga telah meningkatkan permintaan untuk eksport bukan E&E Malaysia. Di samping itu, peningkatan kapasiti penerbangan serta langkah pengecualian visa oleh Malaysia[5] menyokong peningkatan dalam ketibaan dan perbelanjaan pelancong yang berterusan. Keadaan ini seterusnya menyokong prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2024.

Inflasi dalam negeri menjadi sederhana pada tahun 2024 dalam keadaan kos global yang menurun dan tiada tekanan permintaan yang berlebihan. Kedua-dua inflasi keseluruhan dan inflasi teras mencatat kadar purata 1.8% (2023: masing-masing 2.5% dan 3%). Perkembangan luaran seperti gangguan rantaian bekalan global dan dolar AS yang lebih kukuh berbanding dengan ringgit telah menyebabkan tekanan kos pada awal tahun. Walau bagaimanapun, tekanan kos telah berkurang apabila harga komoditi global menurun, keadaan rantaian bekalan global bertambah baik dan ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama. Meskipun permintaan dalam negeri semakin meningkat, perbelanjaan isi rumah kekal di bawah trend, justeru menunjukkan tiada tekanan permintaan berlebihan.

Beberapa dasar pembaharuan oleh Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan pada tahun 2024, termasuk kadar tarif air yang lebih tinggi, pelarasan kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST),[6] dan pelaksanaan subsidi bersasar untuk diesel. Penyelarasan ini telah menyebabkan

[4] Langkah-langkah ini termasuk Sumbangan Tunai Rahmah (pemindahan wang tunai yang disasarkan untuk kumpulan berpendapatan rendah), langkah berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), serta pembayaran insentif awal kepada penjawat awam dan pesara, yang menyokong perbelanjaan isi rumah pada tahun 2024.

[5] Malaysia memberikan pengecualian visa untuk pelancong dari China dan India bagi lawatan sehingga 30 hari, dari 1 Disember 2023 hingga 31 Disember 2024. Inisiatif ini kemudiannya dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026.

[6] Pada tahun 2024, kadar SST telah dinaikkan daripada 6% kepada 8% untuk perkhidmatan terpilih termasuk penginapan, perkhidmatan profesional, dan perkhidmatan digital. Perkhidmatan lain seperti makanan dan minuman, serta telekomunikasi dikekalkan pada kadar SST 6%. Skop perkhidmatan bercukai juga diperluas untuk meliputi perkhidmatan logistik dan hiburan.

Gambar Rajah 2: Mari Berbincang tentang Inflasi

Inflasi keseluruhan mengukur inflasi secara menyeluruh dalam sesebuah ekonomi. Kadar ini berpandukan Indeks Harga Pengguna (IHP), yang dikira oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dan memantau perubahan dalam harga bagi kumpulan barangan dan perkhidmatan yang tetap untuk suatu tempoh masa. Kumpulan IHP ini mencerminkan purata corak perbelanjaan isi rumah Malaysia dan meliputi item keperluan seperti makanan dan bekalan tenaga yang cenderung mengalami turun naik harga jangka pendek.

Inflasi teras mengukur trend asas dalam perubahan harga. Di Malaysia, inflasi teras dikira dengan mengecualikan barangan yang harganya tidak menentu (contohnya daging segar, sayur-sayuran dan telur) dan barangan yang harganya ditadbir (contohnya elektrik, bayaran tol dan gula). Dengan tidak mengambil kira barangan yang turun naik harganya dianggap sebagai sementara, inflasi teras boleh mengenal pasti trend inflasi yang berterusan secara lebih baik, yang diambil kira dalam pertimbangan dasar monetari.



Sumber: Bank Negara Malaysia

tekanan harga ke atas beberapa kategori barangan dan perkhidmatan pengguna yang tertentu. Walau bagaimanapun, tekanan harga ini diimbangi oleh penurunan inflasi yang lebih menyeluruh dalam segmen lain, khususnya, makanan dan minuman bukan alkohol. Selain itu, langkah-langkah pengurangan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan mengurangkan kesan limpahan ke atas harga barangan dan perkhidmatan lain. Sebagai contoh, pengusaha pengangkutan awam dan perniagaan yang terlibat dalam pengangkutan barangan boleh terus mengakses diesel bersubsidi, lantas mengehadkan kesan kos ke atas perniagaan. Oleh itu, kesan keseluruhan pelarasan dasar tersebut ke atas inflasi telah kekal terkawal.

MPC telah mengekalkan OPR untuk tahun 2024 pada kadar 3.00%, kekal tidak berubah sejak bulan Mei 2023. Walaupun banyak bank pusat di seluruh dunia melaksanakan pelonggaran dasar monetari pada tahun 2024, prospek inflasi dan ekonomi Malaysia tidak memerlukan tindak balas yang sama. Pembukaan semula banyak ekonomi selepas krisis COVID-19 menyaksikan pemulihan dalam permintaan yang mengakibatkan tekanan inflasi yang ketara di seluruh dunia. Keadaan ini mendorong banyak bank pusat mengetatkan dasar monetari dengan ketara sepanjang tahun 2022 dan 2023 bagi menguruskan inflasi yang tinggi, berikutan pelonggaran dasar monetari yang besar bagi menyokong ekonomi semasa pandemik. Berbanding dengan negara lain, Malaysia mengalami tahap tekanan inflasi yang lebih rendah. Tahap pelonggaran dasar monetari negara semasa krisis COVID-19 tidak begitu besar.[7] Sokongan fiskal negara juga adalah pada tahap lebih sederhana. Apabila ekonomi dalam negeri berada pada kedudukan yang lebih kukuh, Malaysia telah mengambil langkah awalan dan pendekatan yang beransur-ansur dalam menaikkan OPR sejajar dengan peningkatan permintaan.[8] Pendekatan terkawal ini membantu mengekalkan persekitaran yang menyokong kegiatan ekonomi dalam negeri dan pada masa yang sama mengawal inflasi, termasuk sepanjang tahun 2024.

Pada tahun 2024, MPC memberi tumpuan pada penilaian mengenai potensi kesan kejutan penawaran[9] daripada gangguan luaran serta pembaharuan dasar dalam negeri ke atas ekonomi. Dasar monetari adalah alat pengurusan permintaan, justeru mempunyai pengaruh langsung yang terhad dalam menangani kejutan penawaran. Selain itu, sebarang perubahan OPR memerlukan masa untuk memberi kesan ke atas ekonomi. Bagi melindungi prospek jangka sederhana untuk kestabilan harga dan pertumbuhan mampan, MPC menilai dengan teliti potensi kesan jangka pendek serta jangka panjang daripada kejutan ini terhadap inflasi dan pertumbuhan. Penilaian ini melibatkan pemantauan risiko yang teliti ke atas kenaikan harga yang didorong oleh penawaran daripada menjadi berleluasa dan berterusan. Hal ini boleh berlaku terutamanya jika kejutan penawaran disertai dengan permintaan yang berlebihan serta jangkaan inflasi yang

[7] MPC menurunkan OPR sebanyak 125 mata asas secara keseluruhan pada tahun 2020 untuk menyokong ekonomi dalam negeri semasa krisis COVID-19. Maklumat lanjut mengenai pertimbangan MPC pada tahun 2020 boleh didapati dalam Laporan Tahunan BNM 2020.

[8] Antara bulan Mei 2022 hingga Mei 2023, MPC menaikkan OPR sebanyak 125 mata asas secara keseluruhan melalui lima pelarasan sebanyak 25 mata asas, sekali gus menaikkan kadar OPR daripada 1.75% kepada 3.00%. Maklumat lanjut mengenai pertimbangan MPC dalam tempoh tersebut boleh didapati dalam Laporan Tahunan BNM 2022 dan Laporan Tahunan BNM 2023.

[9] Perbincangan lanjut mengenai kejutan penawaran boleh didapati dalam Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2024 bertajuk "Kejutan Penawaran dan Implikasi Terhadap Dasar Monetari".

tidak terkawal.[10] Tanda-tanda awal kenaikan harga yang meluas dan berterusan, jika tidak dikawal, boleh membawa kepada inflasi yang tinggi dan berpanjangan. Keadaan ini akan memberikan kesan pada kebajikan semua rakyat Malaysia, terutamanya golongan isi rumah berpendapatan rendah. Inflasi yang tinggi menghakis kuasa beli dan simpanan orang ramai, khususnya memberikan kesan kepada golongan berpendapatan rendah. Inflasi yang tinggi turut menjejaskan perniagaan yang terpaksa menanggung kos yang meningkat untuk menghasilkan barangan dan menyediakan perkhidmatan, atau mengalami penurunan jualan disebabkan oleh permintaan yang berkurangan. Faktor-faktor ini seterusnya akan menyebabkan aktiviti dan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan.

Secara keseluruhannya, penilaian menunjukkan bahawa kejutan penawaran memberikan kesan terhad terhadap inflasi pada tahun 2024. Perubahan harga secara relatif daripada pembaharuan dasar dalam negeri adalah terkawal, dengan langkah-langkah berkesan yang dilaksanakan bagi menghadkan kesan ke atas kos perniagaan. Tekanan kos global pada awal tahun juga berkurangan, yang membawa kepada tekanan yang lebih rendah pada kos pengeluaran firma. Selain itu, berikutan ketiadaan permintaan dalam negeri yang berlebihan dan jangkaan inflasi yang masih terkawal, MPC mendapati tiada tanda perbelanjaan, pinjaman dan perilaku pengambilan risiko yang berlebihan oleh isi rumah dan perniagaan. Permintaan yang kukuh sepanjang tahun juga didorong oleh aktiviti pelaburan yang lebih mantap, yang akan menyokong pengembangan keupayaan pengeluaran Malaysia. Keadaan ini bermakna lebih banyak barangan dan perkhidmatan boleh dihasilkan dari semasa ke semasa untuk memenuhi permintaan masa hadapan tanpa menghasilkan tekanan harga yang berlebihan. Dengan mengambil kira semua faktor ini, tidak ada bukti bahawa kenaikan harga adalah berleluasa dan berterusan dalam persekitaran semasa. Oleh itu, keadaan ini telah membolehkan MPC meneliti kejutan penawaran tanpa perlu bertindak balas dengan melaraskan OPR. Secara keseluruhan, dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2024.

Pada tahap OPR semasa, keadaan monetari dalam negeri kekal kondusif kepada ekonomi. Keadaan kredit menyokong keperluan pembiayaan isi rumah dan perniagaan. Kadar pemberian pinjaman juga pada amnya kekal stabil. Operasi monetari BNM memberi tumpuan kepada memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan. Keadaan ini memastikan pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan dalam ekonomi berfungsi dengan teratur.[11]

Gambar Rajah 3: Angka-angka Penting Dalam Negeri bagi Tahun 2024 Secara Sepintas Lalu



Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar berkembang sebanyak

5.1%
(2023: 3.6%)

Inflasi keseluruhan berpurata pada

1.8%
(2023: 2.5%)





Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada

3.00%
sejak bulan Mei 2023

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar Pertukaran Ringgit

Seperti tahun sebelum ini, prestasi ringgit pada tahun 2024 terus dipengaruhi terutamanya oleh faktor luaran.[12] Pada separuh tahun pertama, ringgit, seiring dengan kebanyakan mata wang serantau lain menghadapi tekanan penurunan nilai berbanding dengan dolar AS. Ketidakpastian mengenai keputusan kadar faedah Fed dan kelewatan dalam pemotongan kadar faedah AS telah

[10] Jangkaan inflasi boleh mempengaruhi perilaku penetapan harga dan upah yang boleh menjejaskan inflasi sebenar. Sebagai contoh, apabila jangkaan tidak terkawal dalam persekitaran inflasi yang tinggi, firma akan menjangkakan harga, termasuk kos input mereka, akan terus meningkat, sekali gus menyebabkan mereka menaikkan harga barangan dan perkhidmatan pada kadar yang lebih pantas. Pada masa yang sama, pekerja mungkin menuntut upah yang lebih tinggi disebabkan oleh jangkaan kuasa beli mereka akan berkurang. Tingkah laku ini boleh mengakibatkan inflasi sebenar yang lebih tinggi, lantas jangkaan awal tentang inflasi tersebut menjadi nyata.

[11] BNM menjalankan operasi monetari dengan menggunakan pelbagai instrumen. Maklumat lanjut mengenai pelbagai instrumen yang digunakan boleh didapati pada bahagian "Operasi Monetari" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/overview).

[12] Maklumat lanjut mengenai pendorong ringgit, termasuk volatiliti jangka pendek dan asas jangka panjang boleh didapati melalui Rencana BNM bertajuk "Pendorong Ringgit" dalam Laporan Tahunan ini.

menyebabkan nilai dolar AS lebih kukuh, apabila pelabur terus menggemari aset dalam denominasi dolar AS. Hal ini didorong oleh kadar faedah di AS yang lebih tinggi berbanding dengan kadar faedah semasa di banyak negara, termasuk Malaysia, yang memberikan pulangan yang lebih baik kepada pelabur. Peningkatan ketegangan geopolitik juga menyebabkan peserta pasaran kewangan lebih cenderung untuk memegang dolar AS, yang lazimnya dilihat sebagai "aset selamat" dalam keadaan tidak menentu.

Pada masa ini, Kerajaan bersama-sama BNM telah mengambil tindakan terselaras untuk mengurangkan tekanan penurunan nilai ringgit. Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat dan pelabur untuk membawa balik dan menukar pendapatan asing mereka dengan lebih konsisten. Tindakan kolektif ini menyumbang kepada aliran masuk yang lebih konsisten dan membantu mengurangkan tekanan terhadap ringgit.

Selari dengan peredaran masa tahun itu, jangkaan pasaran kewangan meningkat untuk Fed mula menurunkan kadar dasarnya. Keputusan Fed untuk mengurangkan kadar dasar pada September 2024 menyebabkan perbezaan kadar faedah antara AS dengan seluruh dunia semakin mengecil. Faktor ini mendorong kepada aliran masuk modal ke pasaran pesat membangun apabila para pelabur mencari pulangan yang lebih tinggi. Susulan itu, nilai dolar AS menjadi lemah berbanding dengan mata wang pasaran utama dan sedang pesat membangun. Nilai ringgit telah meningkat berbanding dolar AS. Pada masa yang sama, keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Malaysia yang positif terus menyokong ringgit. Meskipun tekanan penyusutan nilai muncul semula pada akhir tahun disebabkan ketidaktentuan sekitar pilihan raya AS, ringgit mencatat penambahan nilai secara keseluruhan berbanding dengan dolar AS dan ekonomi utama lain pada tahun 2024 (lihat Rajah 1). Dalam jangka lebih panjang, pembaharuan struktur dalam negeri yang berterusan dijangka mendorong lebih banyak aliran pelaburan ke Malaysia. Hal ini akan memberikan sokongan yang lebih berterusan untuk ringgit.

Operasi mudah tunai dan pertukaran asing BNM terus memberikan sokongan yang diperlukan untuk memastikan keadaan pasaran yang teratur. Melalui aktiviti pembelian dan penjualan ringgit, BNM memastikan mudah tunai dua hala yang mencukupi dalam pasaran pertukaran asing semasa tempoh tekanan pasaran. Usaha ini membantu mengelakkan pergerakan kadar pertukaran ringgit yang mendadak atau berlebihan. Pergerakan ringgit sedemikian boleh mengganggu kegiatan ekonomi seperti eksport dan pelaburan.[13] BNM terus berusaha untuk memperdalam pasaran pertukaran asing melalui inisiatif berterusan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan BNM dan bank-bank yang beroperasi di Malaysia. Hal ini membantu perniagaan memenuhi keperluan pendanaan mereka dengan lebih berkesan. BNM juga terus menggalakkan akses kepada instrumen lindung nilai untuk perniagaan menguruskan risiko pertukaran asing mereka dengan lebih baik.[14]

Rajah 1: Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau Terpilih Lain pada Tahun 2024



Nota: NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal (*nominal effective exchange rate*) ringgit. NEER merupakan indeks yang mengukur prestasi ringgit berbanding mata wang rakan perdagangan utama Malaysia. Sebagai ekonomi pengeksport bersih yang mempunyai hubungan penting dengan banyak negara, NEER merupakan ukuran yang lebih baik bagi trend umum dalam kadar pertukaran berbanding dengan mana-mana kadar pertukaran dua hala yang lain (contohnya, ringgit berbanding dengan USD) untuk mengukur daya saing relatif eksport Malaysia berbanding rakan perdagangan utama.

Sumber: Bank Negara Malaysia. Kadar pertukaran yang digunakan ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur.

Analisis dan Penyelidikan

Perubahan di dalam dan luar negeri telah menjadikan tahun 2024 sebagai satu lagi tahun yang mencabar dalam memastikan kestabilan monetari. Penyelidikan BNM terus tertumpu dalam menilai daya tahan ekonomi Malaysia terhadap pelbagai kejutan dan trend yang muncul. Tugas ini kompleks memandangkan kesan daripada perkembangan ekonomi tidak selalunya jelas. Sesetengah perubahan mewujudkan volatiliti jangka pendek manakala yang lain mempunyai kesan jangka panjang. Sepanjang tahun, BNM telah memperluas usahanya untuk memahami perubahan-perubahan ini

[13] Maklumat lanjut mengenai dasar berkaitan ringgit boleh didapati melalui bahagian "Dasar Kadar Pertukaran Ringgit" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability/ringgit).

[14] Maklumat lanjut mengenai inisiatif pembangunan pasaran kewangan boleh didapati melalui bahagian "Inisiatif Pembangunan Pasaran" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/committees/fmc).

dan kesannya dengan lebih baik, yang merupakan aspek penting bagi memaklumkan penilaian dan perumusan dasar BNM.

Perkembangan penting bagi Malaysia pada tahun 2024 ialah pelaksanaan langkah-langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang masih berterusan. BNM menjalankan analisis senario untuk mengkaji kesan pelaksanaan pembaharuan dasar terhadap inflasi dan pertumbuhan dalam negeri dalam jangka masa terdekat dan sederhana. Dengan berlalunya masa pada tahun itu, BNM mengemas kini andaian senario apabila maklumat tersedia untuk memperhalusi penilaian terhadap prospek ekonomi dan inflasi Malaysia. Pelarasan dasar dalam negeri boleh memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada harga barangan dan perkhidmatan. BNM sentiasa memantau tanda kesan limpahan kepada trend harga yang lebih luas dengan menilai tahap inflasi berlanjutan dan meluas. BNM mengumpul pandangan tentang sentimen dan perilaku firma,[15] termasuk cara mereka mengurus penetapan harga dan tekanan kos apabila berhadapan dengan keadaan yang berubah. BNM juga menjalankan analisis yang lebih mendalam tentang peranan jangkaan inflasi dalam membentuk keputusan ekonomi seperti perbelanjaan isi rumah. Di samping itu, BNM terus meneliti pendorong inflasi terkini di Malaysia,[16] dan menambah baik instrumen pemantauan untuk menggabungkan lebih banyak data berfrekuensi tinggi bagi mendapatkan penunjuk yang lebih tepat pada masanya berkaitan trend inflasi asas.

Selain daripada kesan pembaharuan dasar dalam negeri, BNM menjalankan penilaian mendalam tentang peningkatan kitaran pelaburan, yang merupakan pemacu penting ekonomi Malaysia. BNM meneliti ciri-ciri pelaburan, profil perniagaan yang terlibat, serta hubung kait dengan ekonomi dalam negeri, seperti penciptaan pekerjaan. Penilaian BNM mengkaji kesan jangka pendek daripada peningkatan aktiviti pelaburan, serta potensi kesan jangka panjang terhadap ekonomi seperti peningkatan produktiviti.[17] Berhubung dengan satu lagi pemacu penting pertumbuhan, BNM meneruskan penilaian terhadap pasaran pekerja dalam negeri dan kekukuhan penggunaan swasta. Hal ini termasuk mengkaji kepentingan ekonomi gig di Malaysia serta kesannya terhadap prospek guna tenaga dan pendapatan untuk menyokong perbelanjaan isi rumah. BNM juga kerap menilai keadaan kewangan dalam negeri dan kesannya terhadap keadaan kredit dan pembiayaan, serta aktiviti penggunaan dan pelaburan.

Berlatarkan cabaran luaran, BNM mengkaji bagaimana keadaan ekonomi dan kewangan global boleh mempengaruhi ekonomi Malaysia dan ringgit. Hal ini termasuk menganalisis kesan daripada perubahan kadar dasar oleh bank pusat lain, ketegangan geopolitik, dan perubahan sentimen pasaran kewangan. Landskap global masih mempunyai perkembangan positif. Contoh utama ialah kemunculan peningkatan kitaran teknologi global, didorong oleh peningkatan penggunaan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) serta pengkomputeran awan (*cloud computing*). Dengan meneliti kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan teknologi global, BNM menganalisis bagaimana peningkatan kitaran ini boleh mempengaruhi eksport negara, industri tempatan, dan seterusnya guna tenaga dan upah dalam negeri. Analisis BNM menunjukkan bahawa Malaysia berada pada kedudukan yang baik dalam rantaian bekalan semikonduktor dan akan mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan global dalam kitaran menaik ini.[18]

Sebagai penasihat kewangan dan ekonomi kepada Kerajaan, BNM terus menyumbang secara aktif kepada beberapa kumpulan dasar antara agensi yang memberi tumpuan pada keutamaan ekonomi Malaysia. Tumpuan ini termasuk dasar yang berkaitan dengan kos sara hidup,[19] pekerja, kewangan awam, perlindungan sosial serta pelaburan. BNM memberi nasihat dasar daripada perspektif makroekonomi, dengan mengambil kira kesan potensi terhadap inflasi dan pertumbuhan dalam negeri, serta isi rumah dan perniagaan. Matlamat utama adalah untuk memelihara kestabilan makroekonomi dan melindungi kebajikan rakyat Malaysia.

BNM juga menyokong dasar yang membantu peralihan Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi. Memperkukuh aliran masuk pelaburan berkualiti adalah penting untuk memastikan daya saing ekonomi dan potensi pertumbuhan dalam jangka panjang. BNM mengadakan libat urus dengan pelabur global secara lebih langsung melalui jerayawara pelabur (*investor roadshows*) yang diselaraskan antara BNM dengan Kerajaan, bagi

[15] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Ketiga 2024 bertajuk "Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES".

[16] Maklumat lanjut tentang sama ada perubahan harga di Malaysia didorong oleh faktor keseluruhan ekonomi atau idiosinkratik boleh didapati dalam kertas kerja kakitangan BNM bertajuk "Understanding Inflation Drivers: Differentiating Common and Idiosyncratic Dynamics in Malaysia" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/publications/research).

[17] Perbincangan lanjut mengenai peningkatan kitaran pelaburan Malaysia boleh didapati dalam Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2024 bertajuk "Menguraikan Kitaran Pelaburan di Malaysia".

[18] Perbincangan lanjut boleh didapati dalam Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2024 bertajuk "Kedudukan Malaysia dalam Rantaian Nilai E&E Global dan Prospek".

[19] Perbincangan lanjut mengenai kos sara hidup boleh didapati melalui Rencana bertajuk "Membendung Inflasi, Mengurangkan Kos: Perspektif Dasar" dalam Laporan Tahunan ini.

mengetengahkan kekukuhan ekonomi dan peluang pelaburan di Malaysia. Pelancaran Portal InvestMalaysia pada November 2024[20] juga menandakan pencapaian penting dalam usaha meningkatkan lagi daya tarikan negara sebagai destinasi perniagaan dan pelaburan. Menyedari bahawa peningkatan aktiviti pelaburan pusat data mampu mencetuskan peluang pertumbuhan ekonomi selanjutnya bagi Malaysia, BNM turut menyokong pembangunan sebuah ekosistem tempatan untuk aktiviti pusat data bagi memanfaatkan potensi ini. Hal ini termasuk memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan perniagaan dan industri tempatan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan dan bahagian hadapan yang penting dalam menyokong aktiviti pusat data. BNM juga meneruskan sokongan mengenai peralihan iklim dan langkah-langkah untuk memupuk industri mobiliti hijau, lantas mengiktiraf potensinya sebagai sumber pertumbuhan baharu untuk Malaysia.[21] Tenaga kerja berkemahiran tinggi diperlukan untuk membina negara berpendapatan tinggi. BNM terus menyokong dasar yang akan membantu pekerja Malaysia memenuhi tuntutan kemahiran yang diperlukan dalam ekonomi digital pada masa hadapan. BNM juga meneruskan sokongan mengenai dasar yang menggalakkan sistem perlindungan sosial yang lebih komprehensif dan cekap bagi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia dalam jangka panjang.[22]

Komunikasi dan Jangkauan

Sepanjang tahun 2024, BNM terus berkongsi maklumat secara konsisten mengenai keputusan OPR, prospek pertumbuhan dan inflasi Malaysia, serta ringgit. Matlamat BNM adalah untuk memastikan orang ramai mendapat maklumat dan cakna dalam perkara ini. BNM sentiasa berusaha untuk meningkatkan komunikasi dan menggalakkan ketelusan yang lebih besar dalam keputusan MPC. Usaha ini termasuk berkongsi maklumat mengenai proses membuat keputusan MPC dan pandangan penting yang mendorong keputusan dibuat. Bagi tujuan ini, BNM memanfaatkan pelbagai platform komunikasi, termasuk saluran media sosial, temu bual, ucapan serta bengkel awam. BNM juga terus mengadakan libat urus secara aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan sepanjang tahun 2024, termasuk penganalisis, pelabur, industri, media dan wakil Kerajaan.[23]

BNM mengekalkan kerjasama berterusan dengan ahli akademik melalui pelbagai inisiatif. Inisiatif ini termasuk program Felo Penyelidik Tamu (Visiting Research Fellowship, VRF)[24] dan Inisiatif Sokongan Penyelidikan (Research Support Initiative, RSI).[25] Program VRF membolehkan BNM mengembangkan penyelidikannya mengenai ekonomi monetari dan kewangan dengan menghasilkan penerbitan bersama, dengan dua kertas kerja diterbitkan pada tahun 2024.[26]

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2025, seperti kebanyakan ekonomi lain, ekonomi Malaysia dijangka menghadapi cabaran yang berpunca daripada perkembangan global. Keadaan ini berlatarkan ketidakpastian berkaitan tarif dan dasar lain daripada ekonomi utama, serta konflik geopolitik. Namun begitu, permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan menjadi penampan penting terhadap kejutan luaran ini. Aktiviti pelaburan dijangka kekal kukuh dan perbelanjaan isi rumah kekal berdaya tahan. Pada masa yang sama, inflasi juga dijangka kekal terkawal pada tahun 2025. Keadaan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan pada tahun 2025 menyediakan asas yang kukuh untuk pelaksanaan langkah-langkah dasar pembaharuan struktur yang berterusan seperti yang diumumkan oleh Kerajaan. Walaupun langkah Kerajaan ini mungkin memberi kesan kepada inflasi dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa terdekat, usaha ini sangat diperlukan demi mengukuhkan daya tahan ekonomi negara, serta memastikan pembangunan ekonomi negara yang mampan dari semasa ke semasa.

Selaras dengan persekitaran global dan dalam negeri yang berubah, MPC akan terus berwaspada terhadap perkembangan berterusan yang mungkin memberi kesan terhadap prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

[20] Untuk mengakses portal InvestMalaysia, layari https://www.investmalaysia.gov.my/.

[21] Maklumat lanjut mengenai kemajuan firma Malaysia dalam perjalanan kelestarian alam sekitar boleh didapati dalam Rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua 2024 bertajuk "Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar".

[22] Dasar ini termasuk dasar yang menggalakkan bantuan sosial disasarkan dengan baik untuk mereka yang memerlukan sokongan, serta jaminan pendapatan yang lebih luas untuk kumpulan mudah terjejas dan pekerja dalam sektor tidak formal (contohnya individu yang bekerja sendiri) dengan memastikan akses kepada pelan simpanan persaraan yang berdaya maju dan peluang peningkatan kemahiran.

[23] Maklumat lanjut mengenai interaksi BNM dengan orang ramai boleh didapati melalui bab "Menyantuni Rakyat Malaysia" dalam Laporan Tahunan ini.

[24] Program VRF dilancarkan pada bulan Oktober 2020. Program ini bertujuan untuk menghasilkan penerbitan penyelidikan bersama antara ahli akademik dengan kakitangan BNM. Maklumat lanjut boleh didapati menerusi laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/research/vrf).

[25] Program RSI dilancarkan pada bulan Oktober 2020. Program ini direka untuk calon pascasiswazah dan pascakedoktoran yang pakar dalam bidang ekonometrik, makroekonomi, ekonomi monetari dan kewangan, pembelajaran mesin dan sains data. Maklumat lanjut boleh didapati menerusi laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/research/rsi).

[26] Penerbitan penyelidikan bersama bertajuk "Does the threshold effect of government debt on growth exist for Malaysia?" dan "Phillips Curve Relation in Pre and Post Covid Malaysia" boleh didapati menerusi laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/publications/research).





Ahli-ahli MPC, termasuk tiga ahli luarnya, saling bertukar pandangan semasa perbincangan mendalam pada mesyuarat MPC bulan September 2024. Di samping 10 ahli MPC, mesyuarat MPC juga dihadiri oleh kakitangan BNM yang berkaitan.

Maklumat terkini mengenai perkembangan ekonomi dan monetari akan terus memaklumkan penilaian prospek pertumbuhan dan inflasi Malaysia. BNM kekal teguh dalam memastikan kestabilan harga dalam menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka panjang. Dalam persekitaran yang tidak menentu, BNM akan terus memanfaatkan platform komunikasi sedia ada untuk berkongsi pandangan yang lebih mendalam tentang perkembangan ekonomi dan kewangan Malaysia, serta risiko terhadap prospek negara. Operasi monetari BNM akan terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan dan pasaran kewangan. Usaha ini akan melengkapkan dasar BNM yang lain, demi memastikan pengantaraan kewangan berfungsi dengan lancar dan kondusif untuk ekonomi.

Untuk jangka masa yang akan datang, tumpuan BNM adalah untuk mengukuhkan daya tahan negara demi masa hadapan. Malaysia perlu menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi, memupuk pendigitalan, serta membina tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan. Terdapat juga keperluan untuk mengukuhkan daya tahan iklim negara sambil memanfaat peluang yang muncul hasil daripada peralihan. Selain usaha advokasi, BNM akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan mengenai langkah-langkah dasar yang relevan, terutama pembaharuan struktur, demi mempertingkatkan kekukuhan ekonomi negara dan meningkatkan potensi pertumbuhan Malaysia. Usaha kolektif ini bertujuan bagi mencapai aspirasi Malaysia untuk beralih kepada taraf negara maju berpendapatan tinggi dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan saksama.

Membendung Inflasi, Mengurangkan Kos: Perspektif Dasar

Gambar Rajah 1: Inflasi dan Kos Sara Hidup



Sumber: Bank Negara Malaysia

Walaupun inflasi dan kos sara hidup sering digunakan secara bertukar ganti kerana kedua-duanya memberikan kesan kepada kesejahteraan ekonomi individu, maknanya berbeza

Inflasi dan kos sara hidup merupakan dua konsep ekonomi penting yang memberikan kesan terhadap kehidupan seharian individu dan ekonomi secara keseluruhan. Paras harga merujuk kos keseluruhan barangan dan perkhidmatan yang dibeli pada masa tertentu. **Inflasi**[1] pula merujuk kadar perubahan paras harga bagi kumpulan barangan penggunaan tetap yang mewakili purata corak pembelian dalam kalangan isi rumah di Malaysia. Walaupun inflasi tidak semestinya mencerminkan kenaikan harga dari sehari ke sehari, penunjuk ini berguna untuk memahami perubahan harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi yang lebih luas. Sebaliknya, **kos sara hidup** (*cost of living*, COL)[2] merujuk jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk mengekalkan taraf hidup pada tahap tertentu. Taraf hidup ini berbeza mengikut isi rumah dan bergantung pada tahap pendapatan, cara berbelanja, lokasi dan faktor-faktor lain.

[1] Inflasi diukur menggunakan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics, Malaysia, DOSM) setiap bulan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana "Inflasi, Kos Sara Hidup dan Gaji Kehidupan Wajar" dalam Laporan Tahunan BNM 2018.
[2] Kos sara hidup boleh diukur menggunakan Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) yang diterbitkan buat kali pertama oleh DOSM pada bulan Disember 2024.

Pendorong Kenaikan Kos Sara Hidup di Malaysia

Kos sara hidup boleh dipengaruhi oleh kenaikan umum pada paras harga, seperti yang diukur oleh inflasi. Pada beberapa tahun kebelakangan ini, kebimbangan berhubung dengan kenaikan kos sara hidup kembali muncul, didorong oleh persekitaran inflasi yang tinggi susulan pembukaan semula ekonomi selepas pandemik. Walaupun inflasi telah semakin sederhana sejak tahun 2023, paras harga barangan dan perkhidmatan kekal tinggi.[3] Hal ini terus menjadi topik wacana awam yang sering mengetengahkan kebimbangan mengenai kemampuan dan perbelanjaan isi rumah.

Selain peningkatan perbelanjaan yang disebabkan oleh harga barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi, kos sara hidup juga merangkumi perspektif pendapatan. Isi rumah akan merasakan tekanan daripada kenaikan kos sara hidup jika pendapatan mereka tidak meningkat pada kadar yang sama dengan harga. Apabila perkara ini berlaku, kuasa beli mereka terhakis dan taraf hidup mereka merosot. Sejak pandemik, pertumbuhan upah tidak seiring dengan kenaikan harga keseluruhan (Rajah 1). Isi rumah berpendapatan rendah lebih mudah terjejas memandangkan mereka lazimnya mempunyai penampan kewangan yang minimum. Selain itu, mereka cenderung membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka untuk makanan.[4] Kenaikan inflasi harga makanan amat membimbangkan kerana keadaan ini menghakis lagi kuasa beli mereka yang sedia rendah. Bagi mengekalkan atau meningkatkan taraf hidup, pertumbuhan pendapatan perlu sepadan atau melebihi inflasi bagi memelihara kuasa beli isi rumah.

Rajah 1: Harga Pengguna dan Upah



* Angka ini merujuk kepada pertumbuhan kumulatif antara S419–S424

Sumber: Perangkaan Pembuatan Bulanan, Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan dan Indeks Harga Pengguna oleh Jabatan Perangkaan Malaysia serta anggaran Bank Negara Malaysia

Dasar monetari merupakan salah satu alat dasar utama untuk menguruskan inflasi dan membendung kenaikan kos sara hidup

Satu aspek dalam menangani kenaikan kos sara hidup adalah untuk memastikan inflasi kekal rendah dan stabil. Dasar monetari merupakan salah satu alat utama untuk menguruskan inflasi menerusi kesannya terhadap keadaan permintaan keseluruhan. Pada masa yang sama, walaupun menguruskan inflasi merupakan syarat penting untuk membendung kenaikan kos sara hidup, pengurusan inflasi semata-mata tidak mencukupi untuk menangani isu ini sepenuhnya.

Tahukah Anda?

Kadar inflasi purata jangka panjang di Malaysia secara amnya rendah dan stabil, lazimnya sekitar 2% setahun sejak beberapa dekad yang lalu.

[3] Selepas pandemik, kadar inflasi di Malaysia menurun dengan ketara kepada 1.7% pada bulan Januari 2025 daripada paras tertinggi 4.7% pada bulan Ogos 2022.
[4] Berdasarkan Tinjauan Perbelanjaan Isi Rumah 2022 oleh DOSM, isi rumah B20 membelanjakan 31.1% daripada pendapatan bulanan mereka untuk makanan dan minuman, manakala isi rumah T20 membelanjakan 16.6% daripada pendapatan bulanan mereka untuk kategori yang sama.

Bank Negara Malaysia (BNM) melaksanakan dasar monetari dengan menentukan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). Kadar ini seterusnya mempengaruhi cara bank-bank menetapkan kadar faedah untuk pinjaman, pembiayaan dan deposit. Pada tempoh permintaan kukuh dan inflasi tinggi, BNM menaikkan OPR yang seterusnya menjadikan lebih mahal bagi bank untuk meminjam wang semalaman daripada bank pusat dan antara satu sama lain. Bank-bank kemudiannya akan menaikkan kadar pinjaman untuk perniagaan dan pengguna. Bank juga akan menaikkan kadar deposit untuk mengumpulkan dana. Kesannya, pinjaman menjadi lebih mahal, manakala perniagaan dan isi rumah akan lebih tertarik untuk menambahkan simpanan berikutan pulangan yang lebih tinggi. Kedua-dua faktor ini akan mengurangkan perbelanjaan dan pelaburan secara umum, yang akhirnya mengurangkan permintaan dalam ekonomi. Kegiatan ekonomi akan menjadi perlahan dan mengurangkan tekanan ke atas harga, sekali gus membantu membendung inflasi.[5]



Apakah penyebab inflasi?

Kejutan permintaan berlaku apabila terdapat peningkatan permintaan yang mendadak untuk barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi.[6] Apabila penawaran dalam ekonomi tidak dapat memenuhi permintaan yang kukuh ini, akan berlaku keadaan yang dikenali sebagai "terlalu banyak wang mengejar terlalu sedikit barangan" (*too much money chasing too few goods*), seperti yang diungkapkan oleh ahli ekonomi Milton Friedman.[7] Permintaan berlebihan mendorong perniagaan untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan, lantas menyebabkan inflasi. Keadaan ini berlaku selepas pandemik apabila gabungan faktor sokongan dasar Kerajaan[8] yang berterusan dan realisasi permintaan terpendam menyebabkan perbelanjaan isi rumah menjadi lebih tinggi. Kesannya, permintaan meningkat dan seterusnya menyumbang kepada kenaikan inflasi.[9]

Sebaliknya, **kejutan penawaran** berlaku apabila penawaran barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi berkurang secara mendadak. Keadaan ini boleh disebabkan oleh faktor seperti keadaan cuaca buruk, gangguan bekalan bahan input dan penutupan kilang. Akibatnya, kapasiti pengeluaran terjejas dan kos mungkin meningkat. Sebagai contoh, sekatan eksport di negara pengeksport komoditi utama yang berpunca daripada konflik ketenteraan Rusia-Ukraine merupakan faktor utama yang mendorong lonjakan harga tenaga dan komoditi makanan global pada tahun 2022.

Perubahan pengawalseliaan seperti cukai, tarif atau keperluan baharu untuk mematuhi dasar alam sekitar yang lebih ketat boleh meningkatkan kos pengeluaran. Lazimnya, perniagaan memindahkan kenaikan kos kepada pengguna dengan mengenakan harga yang lebih tinggi. Sebagai contoh, kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (*sales and service tax*, SST) pada awal tahun 2024 memberikan tekanan menaik pada harga kebanyakan perkhidmatan bercukai, seperti cukai ke atas bil elektrik isi rumah dengan penggunaan bulanan melebihi 600kWj.[10]

Memandangkan inflasi juga didorong oleh faktor selain permintaan, kebergantungan pada dasar monetari semata-mata tidak mencukupi untuk menangani kenaikan harga. Secara khusus, dasar monetari tidak dapat menangani cabaran yang timbul daripada kejutan penawaran atau perubahan pengawalseliaan yang sering menyebabkan kos pengeluaran yang lebih tinggi dan akhirnya, harga yang lebih tinggi kepada pengguna. Di samping itu, kesan dasar monetari tidak dapat dilihat dengan serta-merta. Mengikut anggaran BNM, kenaikan kadar faedah mungkin mengambil masa hingga dua tahun untuk memberikan kesan sepenuhnya terhadap inflasi. Hasilnya bergantung pada beberapa faktor, termasuk kadar kepantasan bank melaraskan kadar deposit dan pinjaman,[11] sejauh mana pengguna dan perniagaan mengubah perbelanjaan mereka

---

5 Sebaliknya apabila inflasi terlalu rendah, BNM menurunkan OPR, lantas menyebabkan kos pinjaman dan kadar deposit menjadi lebih rendah. Keadaan ini akan menggalakkan perniagaan dan isi rumah untuk berbelanja, lantas meningkatkan permintaan dan akhirnya memberikan tekanan menaik terhadap inflasi. Inflasi yang terlalu rendah sering menandakan permintaan yang lemah dalam ekonomi. Keadaan ini berlaku apabila pengguna dan perniagaan tidak berbelanja atau melabur dengan secukupnya.

6 Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pertumbuhan pendapatan yang pesat berikutan kegiatan ekonomi yang kukuh, kadar faedah yang sangat rendah yang menyebabkan pinjaman berlebihan, terlalu banyak perbelanjaan oleh Kerajaan yang meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat dan sentimen pengguna yang bertambah baik terhadap ekonomi.

7 Lebihan wang berlaku apabila bank-bank pusat menurunkan kadar faedah, sekali gus menjadikan pinjaman lebih murah dan meningkatkan bekalan wang, serta apabila perbelanjaan kerajaan menerusi pembiayaan defisit menyuntik dana tambahan ke dalam ekonomi.

8 Langkah rangsangan Kerajaan termasuk pemindahan wang tunai, subsidi untuk barangan pengguna terpilih dan kawalan harga bermusim.

9 Inflasi melonjak berikutan pandemik, didorong oleh peningkatan permintaan dan kejutan penawaran. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana "Anatomi Inflasi: Kesan daripada Pandemik yang Berpanjangan" dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari Bank Negara Malaysia 2021.

10 Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024, kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% bagi semua perkhidmatan bercukai kecuali perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan tempat letak kereta dan perkhidmatan logistik.

11 Pelarasan ini lebih relevan untuk pinjaman baharu kerana perubahan pada pinjaman sedia ada berlaku dengan serta-merta.

dan sama ada permintaan cukup lemah untuk memperlahankan kenaikan harga. Kelewatan ini bermakna harga mungkin terus naik buat seketika sebelum menjadi stabil dan keadaan ini menimbulkan kesukaran untuk mengehadkan kenaikan kos sara hidup isi rumah. Oleh itu, usaha menangani inflasi memerlukan alat dasar pelengkap yang lain untuk mempengaruhi harga yang ditanggung oleh isi rumah, terutama mereka yang terjejas oleh faktor penawaran.

Dasar fiskal boleh melengkapkan dasar monetari untuk menguruskan inflasi dan kos sara hidup

Selain melaksanakan dasar monetari menerusi bank pusat, Kerajaan boleh menggunakan dasar fiskal untuk menguruskan inflasi serta isu kos sara hidup. Dasar fiskal menggunakan perbelanjaan kerajaan dan dasar cukai untuk mempengaruhi keadaan ekonomi seperti permintaan, pertumbuhan dan inflasi. Sama seperti dasar monetari, dasar fiskal bertindak sebagai penstabil kitaran berbalas bagi ekonomi dengan mengimbangi pasang surut kegiatan ekonomi. Apabila permintaan tinggi, Kerajaan boleh mengurangkan perbelanjaannya untuk menurunkan permintaan dan membantu mengurangkan tekanan kenaikan harga. Kerajaan juga boleh menaikkan cukai untuk mengurangkan pendapatan boleh guna, lantas menyebabkan perbelanjaan berkurang dan membantu menstabilkan tekanan harga.[12]

Tidak seperti dasar monetari yang merupakan alat dasar yang memberikan kesan meluas (*blunt tool*), dasar fiskal lebih bersasar untuk membantu mengurangkan kos sara hidup bagi kumpulan tertentu. Sebagai contoh, Kerajaan boleh membantu menangani perbelanjaan isi rumah yang semakin meningkat dengan menyediakan subsidi bersasar atau pelepasan cukai untuk isi rumah. Selain itu, apabila berlaku gangguan bekalan akibat peristiwa seperti cuaca buruk yang menyebabkan kenaikan harga secara umum, Kerajaan boleh memberikan bantuan wang tunai kepada isi rumah yang terjejas untuk menambah pendapatan mereka. Sebagai alternatif, bantuan kewangan atau subsidi boleh diberikan kepada perniagaan untuk membantu mereka mengendalikan kos pengeluaran yang lebih tinggi berikutan kejutan penawaran. Hal ini boleh mengurangkan tahap pindahan kos dan seterusnya kenaikan harga kepada pengguna. Walau bagaimanapun, keadaan ini bakal meningkatkan beban fiskal dan mengehadkan pelaburan dalam bidang penting lain seperti kesihatan, pendidikan dan infrastruktur. Oleh itu, langkah-langkah ini hendaklah dilaksanakan secara berpada-pada dan sebagai penyelesaian sementara kerana pendekatan ini hanya menangani kesan-kesan dan bukannya punca kebimbangan berhubung dengan kos sara hidup.

Dasar fiskal juga berperanan untuk meningkatkan kapasiti produktif ekonomi. Sebagai contoh, Kerajaan boleh menggalakkan pengeluaran dengan melabur dalam infrastruktur, menawarkan dasar cukai yang menggalakkan untuk sektor tertentu seperti industri pertumbuhan tinggi-bernilai tinggi (*high-growth-high-value*, HGHV) dan menggalakkan inisiatif penyelidikan dan pembangunan (*research and development,* R&D). Langkah-langkah ini menjadikan ekonomi lebih berdaya saing dan cekap, lantas membolehkan perniagaan meningkatkan pengeluaran pada kos yang lebih rendah. Akhirnya, perkara ini boleh menyebabkan kadar inflasi yang lebih sederhana.



Kawalan Harga

Terdapat juga langkah-langkah dasar yang bersifat sementara untuk mengawal inflasi dengan menyasarkan sektor atau barangan tertentu dalam kumpulan penggunaan. Kawalan harga, seperti harga siling bagi barangan keperluan, boleh membantu meringankan beban kos sara hidup yang tinggi dengan menjadikan barangan lebih mampu milik untuk isi rumah berpendapatan rendah. Walaupun langkah ini boleh membantu secara langsung untuk jangka pendek, kawalan harga tidak boleh digunakan terlalu lama kerana kaedah ini mengganggu penentuan harga oleh kuasa pasaran. Penetapan harga di bawah paras pasaran sebenar untuk tempoh yang panjang boleh menggalakkan penggunaan yang berlebihan dan tingkah laku pembaziran. Hal ini seterusnya boleh mengakibatkan kekangan penawaran.[13] Membiarkan harga ditentukan oleh permintaan dan penawaran akan menghasilkan harga saksama seiring dengan nilai barangan dan perkhidmatan. Keadaan ini mencerminkan harga yang sanggup dibayar oleh pembeli berbanding dengan harga yang ingin dikenakan oleh penjual. Seterusnya, harga boleh berfungsi sebagai isyarat untuk mendorong pengagihan sumber yang cekap.

[12] Sebaliknya semasa kemelesetan ekonomi, kerajaan boleh meningkatkan perbelanjaan untuk merangsang permintaan dan kegiatan ekonomi. Kerajaan juga boleh mengenakan cukai yang lebih rendah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna, lantas menggalakkan perbelanjaan pengguna dan pelaburan yang lebih besar. Langkah-langkah ini membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan tekanan terhadap perniagaan untuk menurunkan harga. Walaupun harga yang lebih rendah bermanfaat kepada pengguna, keadaan ini juga boleh menyebabkan upah pekerja menjadi lebih rendah dan mengurangkan keuntungan yang bakal diperoleh oleh perniagaan.

[13] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana "Pembaharuan Harga: Dorongan, Kesan dan Langkah-langkah Sokongan" dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014 dan rencana "Penelitian Semula Kos Sara Hidup: Punca dan Kesannya" dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2021.

Pembaharuan struktur menangani punca tekanan harga yang menjejaskan kos sara hidup

Tekanan harga juga boleh disebabkan oleh struktur pasaran yang meningkatkan kos dan menjadikan ekonomi lebih mudah terjejas akibat kejutan. Sebagai contoh, pasaran yang tidak cekap boleh menyebabkan amalan monopoli dan mengurangkan persaingan. Keadaan ini membolehkan syarikat besar menaikkan harga barangan dan perkhidmatan tanpa meningkatkan kualiti. Dalam hal ini, pembaharuan struktur boleh dilaksanakan untuk melonjakkan produktiviti, meningkatkan persaingan dan mengukuhkan daya tahan ekonomi. Pembaharuan ini melibatkan pelarasan jangka panjang terhadap dasar, institusi dan rangka kerja ekonomi. Matlamat akhirnya adalah untuk mewujudkan persekitaran ekonomi yang teguh serta menggalakkan persaingan, kecekapan dan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, pembaharuan ini bertujuan memastikan inflasi kekal rendah dan stabil. Dengan menangani kedua-dua faktor kos dan pendapatan, pembaharuan ini akan membantu isi rumah menangani cabaran kos sara hidup pada masa hadapan dengan lebih baik.

Pembaharuan struktur boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk. Satu pendekatan adalah dengan mengurangkan beban pengawalseliaan yang boleh melibatkan pembaharuan sistem cukai dan subsidi, menambah baik perkhidmatan awam dan memudahkan amalan pematuhan. Langkah-langkah tersebut akan memudahkan operasi perniagaan dan mempercepat proses, yang seterusnya meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos untuk menjalankan perniagaan.

Usaha menggalakkan penggunaan teknologi dan R&D juga penting dalam pembaharuan struktur. Dengan menawarkan insentif seperti pelepasan cukai dan pemberian geran, perniagaan boleh melabur dalam teknologi canggih dan kaedah inovatif. Tumpuan yang diberikan kepada teknologi dan R&D membolehkan ekonomi menggunakan sumber yang sedia ada dengan lebih cekap dan menarik pelaburan bernilai tinggi yang meningkatkan produktiviti. Apabila lebih banyak barangan dihasilkan dengan sumber yang sama ataupun kurang, produktiviti yang lebih tinggi ini membolehkan perniagaan menaikkan upah pekerja dan pada masa yang sama mengekalkan harga yang kompetitif.

Selain itu, usaha meningkatkan persaingan juga amat penting bagi kecekapan ekonomi. Dengan mengurangkan halangan perdagangan seperti tarif dan kuota, halangan kemasukan bagi perniagaan akan turut berkurang. Langkah menggalakkan persaingan yang sihat dan mencegah amalan antipersaingan membantu mengekalkan harga yang kompetitif dan memacu inovasi. Bagi pengguna, hal ini bermaksud barangan dan perkhidmatan boleh diperoleh pada harga yang lebih mampu milik dan lebih berkualiti.

Dasar juga harus ditumpukan pada peningkatan pendapatan yang bermakna, lantas membolehkan isi rumah mampu membeli barangan dan perkhidmatan dalam keadaan kenaikan harga

Satu lagi aspek dalam menangani tekanan kos sara hidup adalah dengan menambah pendapatan. Pelaksanaan dasar perindustrian yang strategik dan dipacu inovasi serta pembaharuan pasaran pekerja boleh meningkatkan pendapatan isi rumah menerusi peningkatan produktiviti, pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan pampasan yang adil. Terdapat beberapa strategi untuk mencapai matlamat ini.[14] Sebagai contoh, inisiatif telah ditumpukan ke arah menggalakkan pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi.[15] Dari segi penawaran pekerja, program pendidikan dan latihan juga boleh dimantapkan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja supaya mereka boleh mengambil peranan yang lebih kompleks dan kerja bernilai tinggi yang membayar gaji yang lebih tinggi. Untuk jangka panjang, pembaharuan pada sistem pendidikan yang menggalakkan lebih banyak pelajar menceburi bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (*science, technology, engineering, and mathematics*, STEM) juga akan membantu memenuhi permintaan pekerja dalam ekonomi bernilai tambah yang tinggi.

[14] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana "Keperluan Pembaharuan Pasaran Pekerja di Malaysia: Cabaran dan Peluang" dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari Bank Negara Malaysia 2023.

[15] Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations, NIA) dijangka mewujudkan kira-kira 500,000 pekerjaan berkemahiran tinggi dalam tempoh lima tahun akan datang. Selain itu, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030) menyasarkan pewujudan 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2030, termasuk jawatan dalam sektor bernilai tinggi seperti perkilangan berteknologi tinggi, teknologi dan perkhidmatan.

Seterusnya, pembaharuan boleh ditumpukan pada usaha meningkatkan fleksibiliti pasaran pekerja dengan melonggarkan undang-undang pekerja yang terbatas dan menggalakkan mobiliti tenaga kerja. Sebagai contoh, meningkatkan keseragaman kemahiran akan membolehkan pergerakan pekerja antara pekerjaan dan industri yang berbeza. Dengan memanfaatkan teknologi, pengaturan kerja juga boleh dijadikan fleksibel untuk menampung keperluan tenaga kerja yang pelbagai dan meningkatkan penyertaan pekerja, terutamanya bagi wanita.[16]

Selanjutnya, usaha mengukuhkan institusi pasaran kerja dan melaksanakan dasar yang menggalakkan pampasan yang adil selaras dengan produktiviti pekerja juga sangat penting. Langkah ini termasuk menambah baik dasar upah yang sedia ada seperti undang-undang gaji minimum dan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (Productivity-Linked Wage System). Selain itu, amalan penetapan upah yang lebih telus dan adil boleh digalakkan menerusi perundingan dan rundingan upah secara kolektif bagi meningkatkan keupayaan pendapatan pekerja.

Akhirnya, sistem perlindungan sosial[17] merupakan asas bagi menyediakan jaringan keselamatan untuk kumpulan mudah terjejas yang terkesan akibat kejutan ekonomi. Bantuan kewangan sementara boleh diberikan melalui pindahan tunai secara langsung untuk mengurangkan tekanan kewangan. Program insurans sosial juga amat penting untuk memastikan sokongan pendapatan yang berterusan apabila kos sara hidup meningkat. Memandangkan populasi mudah terjejas cenderung bekerja dalam sektor tidak formal,[18] mereka boleh dilindungi menerusi penyediaan hak undang-undang, manfaat keselamatan sosial dan keselamatan tempat kerja.

Untuk sistem perlindungan sosial membantu orang ramai mengharungi cabaran kos sara hidup dengan berkesan, sistem ini perlu inklusif dan mudah diakses. Data yang tepat mengenai isi rumah diperlukan untuk menyasarkan dan mengagihkan manfaat dengan berkesan. Tambahan lagi, orang ramai harus mempunyai akses kepada pelbagai perkhidmatan untuk risiko kitaran hayat yang berbeza, termasuk sokongan pendapatan serta manfaat kesihatan, pendidikan, perumahan dan pengangguran. Bagi mengelakkan pergantungan yang berlebihan pada manfaat ini, penting untuk memantau penambahbaikan dalam keadaan kewangan penerima manfaat supaya bantuan boleh diberikan pula secara beransur-ansur kepada orang lain yang lebih memerlukannya.

Isi rumah juga boleh menambah baik keadaan kewangan mereka dengan mempelajari cara pengurusan wang yang lebih berkesan dan membuat pilihan perbelanjaan yang lebih baik. Platform seperti Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN)[19] memacu usaha untuk menggalakkan literasi kewangan yang boleh membantu orang ramai menguruskan perbelanjaan dan hutang mereka.[20] Selain itu, jika isi rumah memerlukan bantuan pengurusan kewangan, mereka boleh mendapatkan bantuan daripada agensi seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK menawarkan perkhidmatan seperti pendidikan kewangan, kaunseling dan khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan serta program pengurusan hutang untuk membantu mereka ke arah kebebasan kewangan.

Kesimpulan

Kos sara hidup merupakan aspek asas dalam kehidupan seharian orang ramai dan penentu penting bagi kesejahteraan secara keseluruhan. Oleh itu, kos sara hidup kekal sebagai kepentingan dasar utama bagi mana-mana kerajaan dalam membentuk keputusan yang disasarkan untuk meningkatkan taraf hidup. Langkah yang lebih langsung, seperti kawalan harga dan subsidi, boleh memberikan kesan yang ketara pada usaha melegakan beban kos dan memastikan harga barangan keperluan kekal stabil. Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini perlu digunakan secara berhati-hati kerana melibatkan kos fiskal yang tinggi dan tidak mampan. Selain itu, pendekatan ini boleh menyebabkan gangguan yang menghalang pelarasan harga secara semula jadi dan seterusnya boleh memberikan kesan negatif kepada ekonomi

[16] Pada S4 2024, kadar penyertaan tenaga pekerja wanita (*labour force participation rate*, LFPR) ialah 56.8%, jauh lebih rendah daripada lelaki iaitu 83.6%.
[17] Sistem perlindungan sosial termasuk jaringan keselamatan sosial, insurans pekerjaan dan dasar pasaran pekerja yang aktif.
[18] Sektor tidak formal merujuk kegiatan ekonomi yang tidak dikawal selia oleh kerajaan dan lazimnya beroperasi di luar rangka kerja undang-undang dan pencukaian formal. Contohnya termasuk penjaja jalanan yang menjual barangan, pembantu rumah yang menyediakan perkhidmatan isi rumah dan tukang yang menghasilkan produk buatan tangan.
[19] Rangkaian Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) merupakan platform antara agensi yang komited untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk: www.fenetwork.my.
[20] Berdasarkan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2024 (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI), Indeks Literasi Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Literacy Index, MYFLIC) memberikan gambaran optimistik tentang pengetahuan kewangan. Antara tahun 2018 hingga 2024, komponen pengetahuan kewangan indeks ini meningkat sebanyak 7.3 mata daripada 55.6 kepada 62.9.

pada jangka panjang. Sehubungan dengan itu, dasar makroekonomi secara kitaran berbalas seperti dasar monetari dan fiskal yang disertai pembaharuan struktur perlu dilaksanakan bersama-sama untuk mengekalkan inflasi pada tahap yang rendah dan stabil. Mencapai kestabilan harga juga merupakan prasyarat untuk mewujudkan keadaan sesuai yang diperlukan untuk pembaharuan struktur berkembang selanjutnya, dan yang paling penting, meningkatkan pendapatan isi rumah. Langkah-langkah ini akan mengambil masa sebelum menghasilkan pengurangan kos sara hidup yang lebih berpanjangan dan berkesan.

Akhirnya, menangani isu-isu ini memerlukan perancangan strategik dengan keseimbangan yang teliti antara matlamat jangka pendek dengan jangka panjang. Hal ini melibatkan dialog yang berterusan dengan pihak berkepentingan utama dan komunikasi yang jelas untuk membina pemahaman dan sokongan orang ramai terhadap manfaat daripada pembaharuan ini. Dengan menyelaraskan dasar monetari dan fiskal dengan pembaharuan struktur, pembuat dasar boleh mewujudkan rangka kerja yang kohesif yang mengekalkan inflasi pada tahap rendah dan stabil serta memastikan kos sara hidup kekal terkawal.

Pendorong Ringgit

Pengenalan

Ringgit, seperti kebanyakan mata wang lain, telah mengalami turun naik yang ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, ringgit sensitif terhadap peralihan aliran modal global dan trend pasaran kewangan yang lebih meluas. Rencana ini akan mengkaji faktor global dan dalam negeri yang mendorong prestasi ringgit, baik untuk tempoh jangka pendek mahupun jangka panjang. Pemahaman tentang pendorong ini penting bagi pembuat dasar, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), untuk merumus dasar bagi menguruskan turun naik kadar pertukaran dan mengurangkan kesan buruknya terhadap ekonomi Malaysia. Hal ini memastikan kestabilan ekonomi di samping menggalakkan pertumbuhan jangka panjang.

Peralihan Malaysia daripada kadar pertukaran tetap yang ditambat kepada dolar Amerika Syarikat (AS), yang diperkenalkan semasa Krisis Kewangan Asia pada bulan September 1998, kepada rejim yang fleksibel sejak bulan Julai 2005 mencerminkan daya tahan kewangan dan makroekonomi negara yang diperkukuh. Pendekatan yang fleksibel ini bermakna nilai ringgit sensitif terhadap pendorong jangka pendek dan jangka panjang.[1] Pendorong jangka pendek, yang kebiasaannya bersifat kitaran, sama ada faktor dalam negeri atau luaran mempengaruhi keadaan pasaran atau sentimen semasa. Sebaliknya, pendorong jangka panjang memberikan kesan terhadap hala tuju mata wang yang lebih meluas dan bersandarkan asas makroekonomi negara, seperti imbangan perdagangan, pertumbuhan produktiviti dan pelaburan modal. Hal ini bukan sahaja merangkumi perubahan dalam negeri tetapi juga sejauh mana pencapaiannya berbanding dengan negara lain. Contohnya, produktiviti sesebuah negara akan dibandingkan dengan produktiviti rakan perdagangan utamanya. Kedua-dua pendorong jangka pendek dan jangka panjang tidak berfungsi secara bersendirian tetapi sering kali bertindak seiring untuk mewujudkan pengaruh dinamik terhadap prestasi mata wang.[2]

Pendorong jangka pendek bagi ringgit

Faktor jangka pendek yang berpunca daripada perkembangan global, serantau atau dalam negeri merangkumi perubahan dalam dasar monetari, kitaran perniagaan, prospek pertumbuhan serantau atau ketegangan geopolitik yang boleh mempengaruhi sentimen pelabur dan keputusan pelaburan mereka. Salah satu contoh ialah keputusan Federal Reserve (Fed) untuk menaikkan kadar faedah dasarnya,[3] iaitu kadar dana persekutuan bermula pada bulan Mac 2022. Kadar faedah yang lebih tinggi di AS menjadikan pelaburan jangka pendek di negara itu lebih menarik berbanding dengan ekonomi lain. Hal ini seterusnya menggalakkan lebih banyak pelabur ke AS sekali gus memperkukuh dolar AS. Seperti kebanyakan mata wang lain, ringgit lazimnya didagangkan berbanding dolar AS. Kesannya, prestasi ringgit, seperti yang dipantau menerusi kadar pertukaran USD/MYR, menurun nilai sebanyak 15% sejak permulaan tahun 2022 sehingga awal tahun 2024 (Rajah 1). Meskipun pertumbuhan global positif dalam tempoh ini, yang lazimnya memberikan manfaat kepada ekonomi yang bergantung pada perdagangan seperti Malaysia, mata wang serantau termasuk ringgit menjadi lemah dengan ketara berbanding dolar AS yang semakin kukuh. Hal ini menyerlahkan pengaruh dominan dolar AS ke atas dinamik mata wang pasaran sedang pesat membangun untuk jangka pendek, walaupun persekitaran ekonomi yang lebih luas menyokong pertumbuhan dalam negeri yang lebih kukuh.

---

1 Rejim kadar pertukaran ialah cara pihak berkuasa monetari menguruskan mata wangnya berbanding mata wang lain, yang boleh ditambat kepada mata wang lain atau dibiarkan turun naik mengikut keadaan pasaran. Menurut Laporan Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) berhubung dengan laporan Exchange Arrangements and Exchange Restrictions (AREAER), beberapa negara menggunakan rejim kadar pertukaran yang fleksibel. Contoh yang utama termasuk AS, negara-negara Kawasan Euro, Jepun, Kanada, Australia, India, Korea Selatan dan Brazil.

2 Tawaran dan permintaan mata wang datang daripada aktiviti perdagangan bagi pembelian barangan dan perkhidmatan serta aktiviti pasaran kewangan seperti jualan dan belian aset benar dan aset kewangan.

3 Seperti yang diukur oleh had atas bagi julat sasaran dana persekutuan (*federal funds target range)*.

Rajah 1: Prestasi Ringgit Berbanding dengan Dolar AS Sejak Tahun 2022



Nota: 1. Kadar pertukaran USD/MYR yang digunakan di sini ialah kadar harian pada pukul 12.00 tengah hari hingga 31 Disember 2024.
2. Indeks dolar AS (US dollar index, DXY) mewakili prestasi dolar AS berbanding sekumpulan mata wang yang terdiri daripada euro (57.6%), yen Jepun (13.6%), pound sterling Britain (11.9%), dolar Kanada (9.1%), krona Sweden (4.2%) dan franc Switzerland (3.6%) setakat 31 Disember 2024.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Apakah yang menyebabkan dolar AS mencatatkan prestasi yang secara relatif lebih baik berbanding dengan ringgit dalam tempoh dua tahun yang lalu? Terdapat dua faktor yang memainkan peranan utama.

a. *Kadar faedah AS yang lebih tinggi*: Kenaikan inflasi di AS selepas pandemik menyebabkan Fed menaikkan kadar dasarnya secara agresif sejumlah 525 mata asas kepada julat sasaran sebanyak 5.25 - 5.50%. Sebaliknya, inflasi di Malaysia lebih terkawal, lantas mendorong BNM untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sejumlah hanya 125 mata asas kepada 3%. Oleh itu, perbezaan kadar faedah yang besar antara AS dengan Malaysia menjadikan pemegangan aset kewangan AS lebih menarik, lantas mendorong pelabur global untuk mengalihkan dana mereka ke AS, sekali gus mengukuhkan lagi dolar AS (Rajah 2).

Rajah 2: Perubahan Kadar Dasar Di Ekonomi Terpilih dan Prestasi Mata Wang Ekonomi Tersebut Berbanding dengan Dolar AS Semasa Kitaran Kenaikan Kadar Fed AS Selepas COVID-19 (15 Mac 2022 – 30 Julai 2024)



Nota: 1. Pengiraan berdasarkan tempoh masa yang berikut: antara 15 Mac 2022 (hari pertama kenaikan kadar dasar Fed AS semasa mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) bulan Mac 2022) hingga 30 Julai 2024 (peralihan jangkaan pasaran berhubung dengan permulaan pemotongan kadar dasar Fed AS susulan mesyuarat FOMC bulan Julai 2024, seperti yang ditunjukkan oleh kadar swap indeks semalaman AS).
2. Singkatan mata wang seperti yang berikut: JPY – yen Jepun, IDR – rupiah Indonesia, CNY – renminbi China, PHP – peso Filipina, AUD – dolar Australia, MYR – ringgit Malaysia, INR – rupee India, THB – baht Thailand, GBP – pound sterling Britain, HKD – dolar Hong Kong dan SGD – dolar Singapura.
3. Pengiraan prestasi mata wang adalah berdasarkan kadar 12.00 tengah hari.
4. Rajah menunjukkan kadar dasar negara masing-masing kecuali bagi Singapura yang berdasarkan Singapore Overnight Rate Average (SORA).

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

b. *Ketegangan geopolitik dan permintaan terhadap "pasaran selamat":* Ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan Ukraine juga meningkatkan permintaan terhadap mata wang "selamat" apabila pelabur mencari perlindungan daripada volatiliti pasaran kewangan global dan kemungkinan kerugian.[4] Semasa tempoh ketidaktentuan global, permintaan terhadap mata wang seperti itu lazimnya meningkat. Dolar AS, yang dianggap sebagai mata wang "selamat" disebabkan oleh mudah tunainya yang tinggi dan peranannya yang penting dalam perdagangan antarabangsa, mengalami peningkatan nilai yang ketara. Hal ini menambahkan tekanan pada ringgit, yang semakin lemah berbanding dolar AS yang semakin mengukuh.

Bagaimanakah Pasaran Menentukan Kadar Pertukaran?

Apabila kadar pertukaran USD/MYR meningkat daripada 4.00 kepada 4.20, hal ini bermakna ringgit telah menurun nilai berbanding dolar AS. Mengapakah hal ini berlaku? Pada kadar 4.00, satu dolar AS boleh ditukar dengan 4.00 ringgit Malaysia. Jika kadar beralih kepada 4.20, hal ini bermakna kini lebih banyak ringgit diperlukan untuk membeli satu dolar AS, menandakan dolar AS semakin kukuh atau ringgit semakin lemah. Prinsip yang sama digunakan bagi pasangan mata wang lain. Sebagai contoh, apabila kadar SGD/MYR bergerak daripada 3.50 kepada 3.25, hal ini bermakna dolar Singapura kini membeli lebih sedikit ringgit. Keadaan ini sekali lagi menandakan dolar Singapura semakin lemah atau ringgit semakin kukuh.

Gambar Rajah 1: Illustrasi Penawaran dan Permintaan yang Mempengaruhi Kadar Pertukaran Ringgit (MYR) Berbanding dengan Dolar AS (USD)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Berbeza daripada mata wang "selamat", mata wang "berisiko" (yang lazimnya termasuk mata wang yang sensitif terhadap prospek pertumbuhan global seperti ringgit) cenderung untuk menurun nilai semasa tempoh ketidaktentuan ekonomi dan menambah nilai semasa ekonomi optimis dan pasaran yang stabil, kerana pelabur bersedia untuk mengambil risiko yang lebih tinggi.

Pasaran pertukaran asing beroperasi seperti mana-mana pasaran lain, iaitu harga ditentukan menerusi keseimbangan permintaan dan penawaran (Gambar Rajah 1). Apabila permintaan untuk mata wang melebihi daripada penawaran, harganya akan meningkat (mata wang menambah nilai), dan sebaliknya. Sebagai contoh, pertukaran mata wang melonjak berikutan peningkatan ketara pelancongan selepas COVID-19 apabila sekatan pergerakan di seluruh dunia ditamatkan dan pelancongan global bersambung semula. Seorang pelancong AS yang melancong ke Malaysia perlu menukar dolar AS kepada ringgit untuk bercuti di Pulau Langkawi. Hal ini meningkatkan permintaan relatif ringgit berbanding dolar AS. Begitu juga, pelancong Malaysia yang melancong ke Thailand perlu menukar ringgit kepada baht Thailand, lantas meningkatkan permintaan relatif untuk baht berbanding dengan ringgit. Pertukaran mata wang rentas sempadan ini mendorong perubahan nilai mata wang masing-masing merentas negara.

Urus niaga ini lazimnya dikenali sebagai "aliran pertukaran asing". Aliran ini berpunca daripada dua sumber utama, iaitu aliran perdagangan dan aliran kewangan (Gambar Rajah 2).

Gambar Rajah 2: Illustrasi Kegiatan Ekonomi yang Mempengaruhi Aliran Pertukaran Asing



Sumber: Bank Negara Malaysia

a. **Aliran perdagangan** melibatkan pertukaran mata wang untuk barangan dan perkhidmatan. Sebagai contoh, apabila Malaysia mengeksport komoditi seperti minyak sawit atau produk elektronik, pembeli luar negara menukar mata wang masing-masing kepada ringgit untuk membayar barangan ini, lantas menjana aliran masuk ke Malaysia. Sebaliknya, apabila Malaysia mengimport jentera atau apabila rakyat Malaysia melancong ke luar negara, ringgit ditukar dengan mata wang asing yang menghasilkan aliran keluar. Pertukaran yang didorong oleh perdagangan ini mencerminkan aliran barangan dan perkhidmatan antara negara, dan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti permintaan global dan harga komoditi.

b. Sebaliknya, **aliran kewangan** pula berasaskan portfolio dan aktiviti pelaburan langsung. Aliran portfolio khususnya, sering lebih tidak menentu dan sensitif terhadap perubahan sentimen dan kadar faedah antara ekonomi. Contohnya, apabila kadar faedah AS meningkat, aset kewangan AS seperti bon Treasury menjadi lebih menarik kepada pelabur global. Para pelabur ini menukar mata wang negara masing-masing kepada dolar AS, lantas meningkatkan permintaan terhadap dolar. Sama juga apabila Malaysia menawarkan pulangan yang berdaya saing untuk aset kewangannya, hal ini akan menarik pelabur-pelabur asing untuk menukar mata wang kepada ringgit, lantas menambahkan nilai ringgit.

Aliran perdagangan dan kewangan secara kolektif membentuk dinamik penawaran dan permintaan terhadap ringgit dalam pasaran global. Seperti yang akan dihuraikan lebih lanjut oleh rencana ini, permintaan terhadap mata wang secara relatif kekal sebagai faktor utama yang mempengaruhi prestasinya.

Rejim kadar pertukaran fleksibel yang digunakan bagi ringgit membolehkan ekonomi Malaysia membuat penyesuaian dengan perubahan keadaan luaran. Apabila ringgit semakin lemah berbanding mata wang lain, hal ini meningkatkan daya saing eksport Malaysia,[5] barangan keluaran tempatan dan pelancongan ke dalam negeri. Peningkatan daya saing ini akan menggalakkan permintaan asing terhadap barangan dan perkhidmatan Malaysia, sekali gus merangsang kegiatan ekonomi dalam negeri.[6] Pada awal tahun 2024, apabila ringgit menghampiri paras terendah yang pernah dicatatkan, terdapat seruan untuk menambat ringgit kepada dolar AS sama seperti tempoh selepas berlakunya Krisis Kewangan Asia. Walau bagaimanapun, untuk mengekalkan tambatan, Malaysia perlu sama ada memiliki rizab mata wang asing yang besar, mengenakan kawalan modal, atau menyelaraskan kadar faedah domestik dengan negara yang ditambat nilai wangnya.[7] Sebagai contoh, jika Malaysia menetapkan kadar pertukaran ringgit dan pada masa yang sama membenarkan aliran modal bebas, negara akan kehilangan kawalan terhadap autonomi dasar monetari kerana kadar faedah domestik perlu sejajar dengan AS untuk mengekalkan tambatan. Hal ini bermakna OPR Malaysia yang berada pada 3% pada awal tahun 2024 perlu dinaikkan seiring dengan kadar faedah AS, yang melebihi 5% pada tempoh yang sama.

Asas ekonomi Malaysia yang pelbagai, sektor kewangan yang kukuh dan kedudukan luaran yang teguh termasuk lebihan akaun semasa yang berterusan serta rizab yang mencukupi, memberikan daya tahan terhadap kejutan luaran, lantas membolehkan ringgit kekal di bawah rejim kadar pertukaran fleksibel yang lebih sesuai dengan struktur ekonominya.[8] Walau bagaimanapun, fleksibiliti ringgit ini mempunyai kekurangan bagi segmen ekonomi tertentu. Dengan lebih 80%[9] perdagangan antarabangsa Malaysia diurusniagakan dalam dolar AS, perniagaan berdepan dengan kos yang lebih tinggi untuk input yang diimport serta barangan modal yang diimport sepanjang tempoh ringgit menurun nilai. Sementara itu, isi rumah terkesan akibat kenaikan harga barangan import seperti produk tenusu dan pakaian. Fenomena ini, yang dikenali sebagai pindahan kadar pertukaran (*exchange rate pass-through*, ERPT), menggambarkan sejauh mana nilai ringgit yang lebih rendah boleh menyebabkan harga pengguna dalam negeri yang lebih tinggi. Meskipun analisis BNM[10] menunjukkan ERPT secara umumnya rendah sejak dua dekad yang lalu, hal ini kekal menjadi pertimbangan utama dalam keputusan dasar monetari BNM, berikutan kesannya terhadap inflasi dan kegiatan ekonomi yang lebih luas.

---

5 Memandangkan sebahagian besar harga eksport Malaysia ditetapkan dalam dolar AS, ringgit yang semakin lemah berbanding dolar AS mungkin mempunyai kesan terhad dan tertangguh dari segi jumlah eksport atau daya saing. Fenomena ini umumnya dikenali sebagai "paradigma mata wang dominan". Walau bagaimanapun, untuk tempoh jangka pendek, pengeksport masih mendapat manfaat daripada keuntungan tukaran, kerana pengeksport menerima lebih banyak ringgit daripada setiap barangan atau perkhidmatan yang dijual dalam dolar AS.

6 Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan rejim kadar pertukaran Malaysia, sila rujuk rencana Laporan Tahunan BNM 2022 bertajuk "Kadar Pertukaran Ringgit dan Ekonomi Malaysia".

7 Dilema dasar tiga penjuru menyatakan bahawa sesebuah negara hanya boleh mencapai dua daripada tiga matlamat, iaitu aliran modal tanpa sekatan, kadar pertukaran asing yang tetap dan dasar monetari yang bebas. Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dilema dasar tiga penjuru ini, sila rujuk laman sesawang BNM mengenai "Dasar Kadar Pertukaran Ringgit". Rujuk https://www.bnm.gov.my/monetary-stability/ringgit.

8 Sebaliknya, Singapura menggunakan rejim apungan terurus manakala Hong Kong menggunakan sistem lembaga mata wang yang dicirikan melalui tambatan dolar Hong Kong-Amerika Syarikat. Pilihan untuk melaksanakan sistem kadar pertukaran yang kurang fleksibel ini didorong oleh ekonomi negara mereka yang secara relatif lebih terbuka serta kebergantungan yang lebih tinggi terhadap perdagangan luaran dan aliran modal.

9 Untuk maklumat lanjut tentang mata wang yang digunakan sebagai peratusan daripada jumlah penyelesaian perdagangan Malaysia, sila rujuk rencana Laporan Tahunan BNM 2023 bertajuk "Menggalakkan Penyelesaian dalam Mata Wang Tempatan Rentas Sempadan".

10 Untuk maklumat lanjut tentang sejauh mana saluran pindahan kadar pertukaran memberikan kesan terhadap harga pengguna dalam negeri di Malaysia, sila rujuk rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2022 bertajuk "Meninjau Semula Kesan Pindahan Kadar Pertukaran Ringgit Terhadap Inflasi di Malaysia".

Peranan BNM dalam pasaran pertukaran asing

Pasaran pertukaran asing boleh menjadi tidak menentu. Kejutan yang positif mahupun negatif boleh menyebabkan nilai ringgit turun dan naik. Semakin besar kejutan, semakin ketara pergerakan ringgit. Sebagai harga relatif yang penting, BNM memberikan penekanan yang tinggi terhadap pengurusan volatiliti yang berlebihan dalam kadar pertukaran USD/MYR. Alat utama yang digunakan BNM ialah intervensi pertukaran asing (*foreign exchange intervention*, FXI), yang melibatkan penggunaan rizab antarabangsa[11] semasa tempoh keadaan pasaran yang tidak teratur. Hal ini selalunya berpunca daripada faktor jangka pendek seperti kejutan data ekonomi global atau perubahan ketara yang mendadak pada kesanggupan pelabur mengambil risiko. Dalam situasi yang ekstrem, harga pasaran mungkin mengalami reaksi "refleks"[12] apabila mudah tunai pasaran rendah, kerana kebanyakan peserta pasaran kewangan berhasrat untuk membeli atau menjual mata wang tertentu pada masa yang sama sedangkan penjual atau pembeli yang tersedia adalah terhad. Semasa nilai ringgit mengalami beberapa episod penurunan yang ketara, BNM melakukan intervensi dengan membeli ringgit daripada pihak yang ingin menjual ringgit sebagai tukaran dengan mata wang asing, sekali gus menyediakan mudah tunai dan menyokong nilai ringgit. Sebaliknya, apabila nilai ringgit meningkat dengan ketara, BNM menjual ringgit sebagai tukaran dengan mata wang asing bagi membendung tekanan kenaikan yang berlebihan terhadap ringgit. Apabila permintaan dan penawaran ringgit lebih seimbang, hal ini membantu memastikan penyesuaian ringgit secara beransur-ansur, lalu menghalang perubahan mendadak dari segi nilai dan mengekalkan kestabilan pasaran pertukaran asing.

BNM perlu melakukan pengimbangan dengan bijaksana apabila membuat keputusan untuk melakukan intervensi dalam pasaran pertukaran asing, di samping mengambil pendekatan yang terkawal dan berhemat. Banyak kejutan pasaran bersifat sementara, yakni volatiliti ringgit mungkin tidak bertahan lama. Contohnya, kejutan yang didorong oleh peristiwa tertentu, seperti pilihan raya di seluruh dunia, pengumuman dasar atau ucapan tokoh berpengaruh seperti Pengerusi Fed AS, boleh menyebabkan pergerakan ringgit yang ketara buat sementara waktu. Perubahan ini lazimnya didorong oleh pelabur jangka pendek yang ingin mengambil peluang daripada pergerakan harga untuk meraih keuntungan. Harga pasaran cenderung stabil apabila ketidaktentuan berkurang dan dasar yang diumumkan menjadi lebih jelas. Dalam keadaan sedemikian, pendekatan yang lebih berhemat adalah untuk "mengharungi" volatiliti tersebut, dan bukannya menggunakan rizab antarabangsa sekiranya tiada keperluan.

BNM memberikan tumpuan pada pembinaan daya tahan ejen ekonomi[13] dan sistem kewangan terhadap kejutan kadar pertukaran supaya pasaran dapat menghadapi cabaran ini dengan lebih baik. BNM telah membangunkan beberapa inisiatif untuk memperdalam pasaran yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian ringgit, mewujudkan jalinan kewangan dengan rakan perdagangan serantau dan meningkatkan fleksibiliti peserta pasaran bagi menguruskan dedahan pertukaran asing mereka.[14] Kesemua inisiatif ini pada dasarnya membantu Malaysia mempelbagaikan dan menguruskan dedahannya terhadap risiko mata wang asing. Di samping itu, liberalisasi secara beransur-ansur dasar pertukaran asing BNM telah menyebabkan desentralisasi rizab, lantas membolehkan bank dan entiti tempatan mengumpulkan aset asing mudah tunai yang cukup besar. Kesemua aset ini boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri tanpa perlu bergantung pada tindakan BNM.

Pada awal tahun 2024, semasa dolar AS mencapai kemuncak kitarannya, pihak Kerajaan bersama-sama dengan BNM telah mengambil tindakan terselaras untuk meningkatkan mudah tunai pasaran pertukaran asing. Selain itu, BNM telah memperkenalkan program rintis Qualified Resident Investor (QRI) pada bulan April 2024 untuk memudahkan proses bagi syarikat korporat pemastautin untuk membawa balik hasil mata wang asing daripada pelaburan luar negara dan menukarkannya kepada ringgit, serta memudahkan pelaburan semula di luar negara oleh syarikat korporat. Program ini bertujuan untuk menggalakkan aliran dana yang seimbang dalam pasaran pertukaran asing. Di samping itu, libat urus secara berkala dengan pelabur dan syarikat korporat untuk menggalakkan penghantaran balik serta penukaran

---

[11] Juga dikenali sebagai aset mata wang asing yang kebiasaannya dipegang oleh bank-bank pusat.

[12] Merujuk pergerakan harga yang cepat dan mengejut, seperti kenaikan atau penurunan mendadak yang berlaku sejurus selepas sesuatu berita atau peristiwa diuar-uarkan. Reaksi sebegini sering terjadi kerana pedagang dan pelabur mengambil tindakan tanpa menganalisis situasi dengan teliti, yang menjurus kepada perubahan mendadak yang tidak semestinya mencerminkan kesan jangka panjang yang sebenar bagi sesuatu peristiwa.

[13] Merangkumi perniagaan, institusi kewangan dan bukan kewangan, serta peserta pasaran kewangan.

[14] Hal ini termasuk inisiatif mata wang tempatan dengan China seperti perjanjian pengaturan swap mata wang dua hala dengan People's Bank of China, Pengaturan Cagaran Rentas Sempadan (Cross Border Collateral Agreement, CBCA) pada tahun 2010, Kemudahan Mudah Tunai Renminbi pada tahun 2013, dan Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (Local Currency Settlement Framework, LCSF) dengan kerjasama Bank of Thailand pada tahun 2016 serta Bank Indonesia pada tahun 2018. BNM juga telah memperkenalkan program lindung nilai dinamik pada bulan Disember 2016 bagi memberikan ruang fleksibiliti yang lebih besar kepada pelabur institusi berdaftar untuk menguruskan dedahan pertukaran asing aset pelaburan mereka secara aktif.

hasil eksport dan pendapatan pelaburan telah memberikan sokongan kepada ringgit semasa tempoh volatiliti pasaran kewangan yang meningkat. Dengan berlalunya masa pada tahun itu dan hala tuju dasar monetari dalam ekonomi maju semakin jelas, khususnya di AS, sentimen pelabur turut berubah. Menjelang bulan September 2024, dengan inflasi yang semakin mereda di AS, Fed mula menurunkan kadar dasarnya, lalu mengurangkan permintaan pelabur terhadap dolar AS. Perbezaan kadar faedah yang semakin kecil secara beransur-ansur antara AS dengan seluruh dunia turut menyumbang kepada perubahan sentimen pelabur dan pemulihan mata wang serantau secara meluas, termasuk ringgit. Berikutan asas makroekonomi Malaysia yang kukuh dan prospek ekonomi yang positif, ringgit bukan sahaja mendapat manfaat daripada perkembangan global ini malah mencatatkan prestasi yang secara relatif baik berbanding dengan mata wang serantau pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan sebelum ini, volatiliti pasaran kewangan global kekal tinggi disebabkan oleh ketidaktentuan yang berterusan susulan perkembangan ekonomi dan geopolitik. Berlatarkan keadaan ini, bahagian seterusnya akan meneliti kepentingan pembinaan daya tahan bagi menghadapi kesan negatif volatiliti kadar pertukaran, yang memberikan penekanan pada peranan pendorong asas jangka panjang bagi ringgit.

Pendorong jangka panjang bagi ringgit

Kadar pertukaran USD/MYR hanyalah salah satu ukuran prestasi ringgit. Untuk mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh, ahli ekonomi sering merujuk kepada "kadar pertukaran efektif" berbanding dengan kadar pertukaran dua hala.[15] Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate) ringgit, atau singkatannya NEER ringgit, lazimnya digunakan bagi tujuan ini. Indeks ini mengukur ringgit berbanding dengan purata berwajaran mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, seperti dolar Singapura, renminbi China dan dolar AS. Penurunan NEER menandakan penurunan nilai ringgit berbanding kumpulan mata wang tersebut, manakala peningkatan NEER menandakan penambahan nilai ringgit. Satu ukuran berkaitan, iaitu Kadar Pertukaran Efektif Benar (Real Effective Exchange Rate, REER) ringgit yang turut mencatatkan perbezaan paras harga antara Malaysia dengan rakan perdagangannya, seterusnya memberikan pemahaman tentang daya saing eksport negara. REER yang lebih rendah bermaksud barangan dan perkhidmatan Malaysia menjadi lebih murah berbanding dengan rakan perdagangan, lantas menjadikannya lebih menarik kepada pembeli global. Sebaliknya, REER yang lebih tinggi menandakan eksport Malaysia mungkin secara relatif lebih mahal, dan berkemungkinan mengurangkan permintaan asing. NEER dan REER ringgit memberikan asas untuk menganalisis[16] pergerakan ringgit pada jangka panjang.

Kadar pertukaran efektif (*effective exchange rates*, EER) memberikan perspektif jangka panjang yang lebih tepat terhadap prestasi mana-mana mata wang kerana EER kurang sensitif terhadap turun naik jangka pendek. EER juga tidak terlalu dipengaruhi oleh pergerakan mendadak dan unik yang timbul daripada mana-mana ekonomi tunggal.[17] Komposisi pelbagai kumpulan mata wang (*currency basket*) yang digunakan dalam EER bertindak sebagai faktor penstabil. Perbandingan antara NEER dan REER dengan kadar pertukaran USD/MYR (Rajah 3) menunjukkan perbezaan. Meskipun kadar dua hala telah menurun nilai sejak beberapa tahun lalu, EER kekal lebih stabil, terutamanya semasa tempoh kekukuhan dolar AS. Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang lebih panjang sejak tahun 2014, kedua-dua ukuran menunjukkan penurunan nilai ringgit secara beransur-ansur. Perbezaan daripada prestasi mata wang serantau lain ini menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh ringgit melangkaui faktor global. Langkah seterusnya adalah untuk mengenal pasti pendorong asas perbezaan ini, yang kebanyakannya berakar umbi dalam asas ekonomi Malaysia berbanding dengan negara-negara lain.

Malaysia merupakan sebuah ekonomi kecil yang terbuka dan mempunyai jalinan kewangan yang meluas serta dedahan kepada perdagangan global. Hal ini menjadikan ringgit mudah terkesan dengan perkembangan luaran. Walau bagaimanapun, faktor luaran ini kebiasaannya mempengaruhi kebanyakan mata wang dalam arah yang sama dan selalunya berbentuk kitaran. Hal ini bermakna keadaan ini tidak menjelaskan sepenuhnya trend turun nilai jangka panjang bagi EER ringgit. Kajian terhadap NEER dan REER menunjukkan bahawa pendorong struktur ekonomi merupakan penentu utama kadar pertukaran dari semasa ke semasa.[18] Hal ini merangkumi pertumbuhan produktiviti relatif, kadar syarat perdagangan (*terms-of-trade*) dan keterbukaan

[15] Laman sesawang BIS menyediakan data indeks kadar pertukaran efektif yang dikemas kini dan indeks yang dicatatkan sebelum ini untuk pelbagai negara, termasuk Malaysia, berserta dengan penjelasan tentang metodologi yang digunakan. Rujuk https://data.bis.org/topics/EER.

[16] Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan trend terkini NEER ringgit dan REER ringgit, sila rujuk rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua 2023 bertajuk "Rangka Kerja Metodologi bagi Pengiraan Indeks Kadar Pertukaran Efektif di Malaysia".

[17] Turun naik mata wang yang penting pada ekonomi global, seperti dolar AS dan renminbi China, cenderung meninggalkan kesan limpahan yang ketara terhadap mata wang ekonomi kecil dan terbuka seperti ringgit.

[18] Meskipun mempunyai inflasi yang secara relatif lebih rendah berbanding rakan perdagangannya, EER Malaysia dalam jangka panjang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor struktur yang melangkaui harga relatif (atau inflasi). Sebaliknya, di beberapa ekonomi pasaran sedang pesat membangun Amerika Latin seperti Argentina atau Venezuela, mata wang domestik negara-negara ini mengalami penurunan nilai yang ketara, yang sering dikaitkan dengan kuasa beli yang merosot akibat kadar inflasi yang tinggi dan krisis ekonomi yang berulang.

Rajah 3: Tahap USD/MYR Berbanding dengan EER Ringgit



Nota: 1. Kadar pertukaran USD/MYR yang digunakan di sini ialah pukul 12.00 tengah hari hingga 31 Disember 2024.
2. Indeks NEER dan REER dikira berdasarkan kadar harian pukul 12.00 tengah hari hingga 31 Disember 2024.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

perdagangan.[19] Walaupun asas ekonomi Malaysia kekal kukuh selama ini, usaha berterusan untuk meningkatkan daya saing jangka panjang dan potensi pertumbuhan negara (Jadual 1) menerusi pelaksanaan pembaharuan struktur yang tegas dan dipercepat akan memastikan sokongan yang berterusan untuk ringgit. Faktor-faktor kitaran mungkin memberikan tekanan turun nilai jangka pendek terhadap kadar pertukaran dua hala, namun permintaan yang berterusan terhadap ringgit, yang disokong oleh asas-asas yang kukuh dapat membantu mengimbangi kejutan luaran ini dan menyumbang kepada EER yang lebih stabil dalam jangka masa panjang.

Jadual 1: Penunjuk Makroekonomi Utama untuk Malaysia Sejak Beberapa Tahun

Penunjuk (purata tempoh)	2005 – 2015	2016 – 2024
KDNK per kapita (RM)	29,250	47,866
Pertumbuhan KDNK benar (%)	5.0	3.9
Inflasi (tahun ke tahun %)	2.6	1.8
Rizab antarabangsa kasar (USD juta)	107,648	106,598
Kedudukan pelaburan antarabangsa bersih (RM juta)	15,784	30,026
Baki akaun semasa (% daripada KDNK)	10.5	2.8
Kadar syarat perdagangan (indeks)	102.8	103.5
Defisit fiskal (% daripada KDNK)	-4.2	-4.5
Nisbah modal keseluruhan sistem perbankan (%)	15.0	17.9

Nota: 1. Data kadar syarat perdagangan merangkumi tempoh 2010-24, dan pengindeksan bermula pada tahun 2010=100.
2. Data nisbah modal keseluruhan sistem perbankan hanya tersedia mulai tahun 2013 susulan penerapan rangka kerja pengawalseliaan Basel III.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

[19] Ca 'Zorci dll. (2022); Goldfajn dan Valdes (1999); Elbadawi (1994); Dufrenot dan Yehoue (2005); serta Melecký dan Komárek (2007).

Hal ini menunjukkan sebab perbincangan dasar berkenaan prospek jangka panjang ringgit adalah berasaskan pembaharuan struktur dalam negeri di Malaysia. Bagi mempertingkatkan pertumbuhan produktiviti relatif dan kadar syarat perdagangan relatif bagi Malaysia, inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan 2030, NIMP) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) memainkan peranan yang sangat penting. Kedua-duanya dirangka untuk meningkatkan industri Malaysia dalam rantaian nilai global dan meletakkan negara pada kedudukan yang lebih baik untuk memanfaatkan trend pelaburan global. Sekiranya industri Malaysia dapat memperoleh kelebihan daya saing dari segi kualiti, kerumitan dan kepelbagaian produk yang dihasilkan, serta tidak terlalu bergantung pada kos yang lebih rendah sahaja, negara akan mempunyai kedudukan yang lebih kukuh dalam rantaian nilai global dan meningkatkan nilai keluarannya. Apabila dieksport, keluaran sebegini akan menjana pendapatan yang lebih besar dan lebih berdaya tahan bagi perniagaan Malaysia, yang menjurus kepada keuntungan yang lebih besar dan lebih konsisten untuk dibawa balik. Daripada perspektif pelabur global, dasar-dasar yang meningkatkan daya tarikan Malaysia seperti rangka kerja yang menyokong pelaburan, urusan menjalankan perniagaan yang semakin dipermudah serta prospek pertumbuhan ekonomi yang kukuh, akan menggalakkan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment,* FDI) dan aliran modal jangka panjang lain. Faktor-faktor tarikan ini mewujudkan sokongan jangka panjang untuk ringgit, walaupun semasa tempoh kitaran tekanan pasaran kewangan.

Sebagai sebahagian daripada pembaharuan struktur, penting supaya perbelanjaan Kerajaan dipertingkatkan bagi membangunkan infrastruktur yang diperlukan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi tanpa menjejaskan komitmen terhadap disiplin fiskal. Pengekalan rekod disiplin fiskal yang konsisten memberikan isyarat bahawa pertumbuhan Malaysia adalah seimbang, mampan dan kondusif bagi pelaburan jangka panjang. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (Medium-Term Fiscal Framework, MTFF) menggariskan hala tuju yang jelas bagi konsolidasi fiskal Malaysia, dengan inisiatif yang dirangka khusus untuk mempelbagaikan dan memperluas asas cukai dan pada masa yang sama memastikan perbelanjaan yang lebih produktif. Sebagai contoh, rasionalisasi subsidi untuk elektrik, air, dan diesel telah dijadualkan dan disusun berdasarkan keadaan makroekonomi yang menggalakkan di Malaysia, seperti trajektori pertumbuhan positif dan inflasi yang rendah. Hal ini bagi menangani kesannya terhadap isi rumah dan perniagaan.

Gambar Rajah 3: Saluran Transmisi Pembaharuan Struktur dan Cabaran yang Berkaitan



* Gambar rajah ini tidak mewakili pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan secara keseluruhan dan bertujuan untuk ilustrasi sahaja.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Kewangan dan Malaysian Investment Development Authority.

Kesimpulan: Prospek ekonomi dan ringgit

Pergerakan ringgit, seperti kebanyakan mata wang, akan didorong oleh turun naik jangka pendek serta asas ekonomi jangka panjang. Pilihan tindak balas dasar untuk mengekalkan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing akan bergantung pada pendorong asas pergerakan kadar pertukaran. Lazimnya, instrumen dasar pelbagai hala digunakan untuk meningkatkan keberkesanan dasar dan mengelakkan mana-mana satu alat menjadi terlalu terbeban. Intervensi BNM membantu untuk mengurangkan volatiliti jangka pendek berlebihan yang diakibatkan oleh kejutan global. Walau bagaimanapun, kebergantungan pada rizab antarabangsa untuk bertindak balas terhadap pendorong jangka panjang yang berpunca daripada faktor asas mungkin bukan strategi yang sesuai. Sebaliknya, pembaharuan struktur dan dasar mesti diutamakan, sama ada melalui perkembangan pasaran kewangan yang selanjutnya untuk membangunkan daya tahan terhadap kesan negatif volatiliti ringgit, atau menerusi dasar yang bertujuan untuk memperkukuh produktiviti dan daya saing, lantas menambah baik prospek pertumbuhan ekonomi dan kemampanan fiskal.

BNM terus mengadakan kerjasama erat dengan Kerajaan dalam pelbagai aspek untuk mengekalkan keyakinan terhadap ringgit dan menggalakkan keadaan yang teratur bagi isi rumah dan perniagaan dalam mengurus dedahan pertukaran asing mereka. Hal ini termasuk menyokong pelaksanaan pembaharuan struktur yang berkesan, mengadakan libat urus dengan komuniti pelaburan global untuk mengetengahkan kesan positif semua pembaharuan ini, dan memanfaatkan instrumen dasarnya bagi memastikan keadaan kewangan domestik yang menggalakkan untuk membolehkan pelaksanaan pembaharuan. Walau bagaimanapun, pokok pangkalnya, usaha kolektif yang merangkumi pembuat dasar, perniagaan dan masyarakat secara amnya adalah sangat penting untuk merealisasikan sepenuhnya potensi pembaharuan sedemikian. Pendekatan bersepadu ini merupakan faktor utama untuk memastikan pertumbuhan yang mampan serta memastikan daya tahan jangka panjang dan penambahan nilai ringgit.

Rujukan

Bank Negara Malaysia, "Dasar Kadar Pertukaran Ringgit". Rujuk https://www.bnm.gov.my/monetary-stability/ringgit.

Bank Negara Malaysia (2022), "Meninjau Semula Kesan Pindahan Kadar Pertukaran Ringgit terhadap Inflasi di Malaysia", Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2022.

Bank Negara Malaysia (2022), "Kadar Pertukaran Ringgit dan Ekonomi Malaysia", Laporan Tahunan BNM 2022.

Bank Negara Malaysia (2023), "Rangka Kerja Metodologi bagi Pengiraan Indeks Kadar Pertukaran Efektif di Malaysia", Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua 2023.

Bank Negara Malaysia (2023), "Menggalakkan Penyelesaian dalam Mata Wang Tempatan Rentas Sempadan", Laporan Tahunan BNM 2023.

Bank for International Settlements (2023), "Effective Exchange Rate Indices". Rujuk https://data.bis.org/topics/EER.

Boz et al. (2020), "Patterns in Invoicing Currency in Global Trade", International Monetary Fund (IMF). Rujuk https://www.imf.org/en/Publications/WP/Issues/2020/07/17/Patterns-in-Invoicing-Currency-in-Global-Trade-49574.

Ca'Zorci, M., Cap, A., Mijakovic, A. dan Rubaszek, M. (2022), "The Reliability of Equilibrium Exchange Rate Models: A Forecasting Perspective", International Journal of Central Banking.

Elbadawi, (1994) I. A., "Estimating Long-Run Equilibrium Real Exchange Rates". Institute for International Economics.

Goh, N. (2023), "Malaysia's Anwar pushes for local currency transactions in trade", Nikkei Asia. Rujuk https://asia.nikkei.com/Editor-s-Picks/Interview/Malaysia-s-Anwar-pushes-for-local-currency-transactions-in-trade.

Goldfajn, I.dan Valdes, R. (1999), "The Aftermath of Appreciations", Quarterly Journal of Economics.

Hofmann, B., Mehrotra, A., dan Sandri, D. (2022), "Global Exchange Rate Adjustments: Drivers, Impacts and Policy Implications", Bank for International Settlements. Rujuk https://www.bis.org/publ/bisbull62.pdf.

International Monetary Fund (2023), rujuk Laporan Tahunan "Exchange Arrangements and Exchange Restrictions 2023". Rujuk https://www.elibrary-areaer.imf.org/Pages/YearlyReports.aspx.

Melecký, M. dan Komárek, L. (2007), "The Behavioral Equilibrium Exchange Rate of the Czech Koruna", Transition Studies Review.

Siregar, R. (2011), "The Concepts of Equilibrium Exchange Rate: A Survey of Literature", SEACEN Research and Training Centre.

Yehoue, E. dan Dufrénot, G. (2005), "Real Exchange Rate Misalignment: A Panel Co-Integration and Common Factor Analysis", International Monetary Fund.

Menggalakkan Kestabilan Kewangan

Keutamaan Kestabilan Kewangan pada Tahun 2024

Selain kestabilan monetari, Bank Negara Malaysia (BNM) diberikan mandat untuk menggalakkan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. BNM melaksanakan mandat ini dengan memastikan sistem kewangan berdaya tahan serta berupaya menghadapi kejutan sepanjang kitaran ekonomi. Hal ini melibatkan usaha menggalakkan institusi kewangan yang kukuh dan diurus dengan baik. Usaha ini termasuk memupuk sistem penjelasan dan penyelesaian yang selamat dan boleh dipercayai serta mengekalkan pasaran kewangan yang teratur.

Pada tahun 2024, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh iaitu sebanyak 5.1% (2023: 3.6%), didorong oleh permintaan dalam negeri yang mantap, pelaburan yang teguh dan pemulihan eksport disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global. Berlatarkan keadaan ini, sektor kewangan Malaysia terus berada pada kedudukan yang kukuh untuk menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.

Pada tahun 2024, keutamaan pengawalseliaan dan penyeliaan BNM disasarkan kepada usaha:

- menggalakkan penerapan piawaian kehematan yang konsisten dengan piawaian antarabangsa dan bersesuaian dengan ekonomi Malaysia;
- memperkukuh amalan tadbir urus dan pengurusan risiko institusi kewangan;
- meningkatkan pengukuhan daya tahan institusi kewangan terhadap risiko yang baru muncul seperti ancaman siber, iklim dan penipuan;
- meningkatkan kesiapsiagaan sistem perbankan bagi menghadapi krisis; dan
- menggalakkan standard amalan perniagaan yang tinggi bagi memastikan hasil yang adil untuk pengguna kewangan.

Keutamaan Pengawalseliaan

Pada tahun 2024, BNM mengeluarkan 11 dasar utama kehematan dan amalan (rujuk Gambar Rajah 1).

Pembaharuan rangka kerja modal

BNM komited untuk menerapkan piawaian antarabangsa dalam rangka kerja modal pengawalseliaan. Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelaksanaan pakej pembaharuan Basel III[1] pada tahun 2024. BNM telah memuktamadkan semakan piawaian modal bagi risiko kredit di bawah pendekatan standard.[2] Selain itu, pada bulan Disember 2024, BNM turut mengeluarkan keperluan yang telah dipertingkatkan untuk mengehadkan kerugian kepada bank daripada dedahan besar[3] kepada satu rakan niaga atau sekumpulan rakan niaga yang berkaitan bagi maklum balas industri. Pada tahun 2025, BNM akan mendapatkan maklum balas industri mengenai tiga elemen tambahan dalam pembaharuan Basel III: (i) semakan pendekatan berasaskan penarafan dalaman bagi risiko kredit; (ii) keperluan modal untuk risiko rakan niaga bagi perdagangan derivatif; dan (iii) keperluan untuk menilai risiko kadar faedah dalam buku perbankan. Secara kolektif, piawaian ini bertujuan untuk memastikan sistem kewangan Malaysia berdaya tahan apabila menghadapi kejutan pada masa hadapan, sambil kekal berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan pembiayaan dan perlindungan isi rumah dan perniagaan dengan lebih baik.

---

[1] Basel III ialah satu set langkah yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa yang dibangunkan oleh Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) sebagai tindak balas terhadap krisis kewangan tahun 2007 hingga 2009. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan tahap dan kualiti modal pengawalseliaan, memastikan risiko yang ketara diambil kira dengan betul, meningkatkan mudah tunai bank serta mencegah leveraj yang berlebihan.

[2] Butiran lanjut mengenai dasar ini boleh didapati dalam rencana khas bertajuk "Pelaksanaan Pendekatan Standard untuk Risiko Kredit: Semakan Utama di bawah Basel III dan Kesan Terhadap Bank-bank" dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Kedua Tahun 2024.

[3] Dedahan besar merujuk jumlah dedahan sesebuah bank terhadap satu rakan niaga yang bersamaan atau melebihi 10% daripada Modal Kumpulan 1.

Bagi penanggung insurans dan pengendali takaful, BNM telah mendapatkan maklum balas industri mengenai semakan rangka kerja modal berasaskan risiko yang selaras dengan Insurance Capital Standard (ICS).[4] Semakan ini bertujuan untuk meningkatkan kepekaan risiko serta kebolehbandingan pengukuran kecukupan modal merentasi sektor insurans dan takaful.

Mengukuhkan piawaian kehematan mengenai pengurusan risiko

Pada tahun 2024, inisiatif dasar kehematan BNM turut ditumpukan kepada pengukuhan piawaian pengurusan risiko serta keupayaan institusi kewangan dalam persekitaran operasi yang berubah-ubah dan landskap teknologi yang berkembang. Peningkatan digitalisasi perkhidmatan kewangan telah meningkatkan risiko gangguan operasi dan ancaman keselamatan siber bagi institusi kewangan. Sehubungan dengan itu, BNM telah mengkaji semula dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) untuk meningkatkan daya tahan institusi kewangan terhadap gangguan operasi dan memperkukuh pertahanan seluruh sistem kewangan daripada serangan siber dan jenayah digital. Keperluan terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman yang lebih ketat, seperti yang dicadangkan dalam dasar RMiT, bertujuan untuk memelihara keyakinan orang ramai terhadap kebolehpercayaan dan keselamatan sistem kewangan.

BNM juga meneruskan usaha untuk meningkatkan keupayaan institusi kewangan dalam menyokong peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari. Pada tahun ini, BNM telah memuktamadkan Kertas Kerja Pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Iklim (Climate Risk Stress Testing Exercise) sebagai persediaan untuk penyerahan ujian tekanan risiko iklim yang pertama oleh seluruh industri kepada BNM pada tahun 2025. Hasil daripada ujian tekanan ini akan digunakan untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko iklim institusi kewangan.[5]

BNM turut mengambil langkah-langkah untuk memastikan pengawalan berhemat terus mencerminkan jangkaan terhadap tadbir urus dan pengawasan Syariah yang kukuh dalam menjalankan perniagaan kewangan Islam. Hal ini termasuk piawaian yang menyokong penggunaan lebih luas konsep *ta`awun*[6] oleh pengendali takaful dan penzahiran maklumat yang sewajarnya kepada peserta takaful.[7]

Memastikan layanan dan hasil yang adil untuk pengguna kewangan

BNM menghendaki institusi kewangan untuk melaksanakan standard amalan pasaran dan profesionalisme yang tinggi bagi memastikan hasil yang adil untuk pengguna kewangan. Antaranya, BNM memastikan keperluan amalan pasaran adalah mencukupi untuk menangani risiko yang baru berikutan pendigitalan perkhidmatan kewangan serta produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin rumit. Pada tahun 2024, BNM telah mengemas kini keperluan ketelusan dan penzahiran produk untuk mencakupi saluran digital. Hal ini adalah untuk memastikan pengguna mendapat akses kepada maklumat yang terperinci mengenai produk dan perkhidmatan kewangan untuk membuat keputusan. BNM juga telah mengukuhkan piawaian supaya institusi kewangan lebih responsif, adil, telus dan berkesan dalam menguruskan aduan pelanggan.

Sebagai sebahagian daripada usaha bagi memastikan saluran yang berkesan untuk pengguna mendapatkan bantuan penyelesaian yang adil sekiranya berlaku pertikaian dengan institusi kewangan, BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) telah menggabungkan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Ombudsman for Financial Services, OFS) dengan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (Securities Industry Dispute Resolution Center, SIDREC) menjadi Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Financial Markets Ombudsman Service, FMOS). FMOS akan berfungsi sebagai badan penyelesaian pertikaian sehenti bagi perkhidmatan kewangan. Pusat penyelesaian pertikaian bersepadu ini bertujuan untuk memperbaiki keseluruhan proses bagi memberikan penyelesaian yang lebih cepat dan telus untuk pengguna kewangan dan pelabur, lantas mengukuhkan keyakinan mereka terhadap sistem kewangan.

Bagi sektor insurans dan takaful, BNM telah meningkatkan keperluan untuk menambah baik proses pengendalian dan penilaian tuntutan insurans dan takaful am.[8] Keperluan pengawalseliaan baharu juga sedang

[4] ICS ialah keperluan modal ditetapkan yang dibangunkan oleh International Association of Insurance Supervisors (IAIS) untuk menggalakkan penggunaan ukuran kecukupan modal berasaskan risiko yang setara bagi kumpulan insurans yang aktif pada peringkat antarabangsa (Internationally Active Insurance Groups, IAIG).

[5] Butiran lanjut tentang inisiatif BNM dalam menyokong peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari boleh didapati dalam bahagian "Keutamaan dan Pendekatan Penyeliaan" dan bab "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari".

[6] *Ta`awun* merujuk kerjasama dalam kalangan sekumpulan individu bagi sesebuah dana takaful untuk saling membantu bagi memenuhi keperluan tertentu, seperti yang dipersetujui secara kolektif dalam kontrak takaful.

[7] Butiran lanjut mengenai inisiatif untuk memperluas penggunaan *ta`awun* boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif".

[8] Maklumat lanjut boleh didapati dalam rencana khas bertajuk "Berada di Tempat Pemandu: Penambahbaikan Amalan Berkaitan Penyelesaian Tuntutan Motor".

Gambar Rajah 1: Pengeluaran dan Pengemaskinian Dasar-dasar Utama pada Tahun 2024

Pembaharuan rangka kerja modal

Menyelaraskan rangka kerja modal domestik dengan piawaian global yang sesuai untuk ekonomi Malaysia

Pendekatan Standard untuk Risiko Kredit
Menetapkan piawaian dan panduan untuk pengiraan keperluan modal risiko kredit mengikut Pendekatan Standard Basel III.

Draf Dedahan Had Pendedahan Besar
Langkah untuk mencegah bank-bank daripada menanggung kerugian yang tidak seimbang disebabkan oleh kegagalan rakan niaga atau sekumpulan pihak yang saling berkaitan.



Draf Dedahan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful
Memperkukuh piawaian dan panduan untuk mengira kecukupan modal.
- √ Sensitif kepada risiko dan responsif kepada perkembangan keadaan pasaran.
- √ Mencerminkan dedahan risiko asas penanggung insurans dan pengendali takaful dengan wajar.

Memperkukuh piawaian pengurusan risiko dan kawalan dalaman

Memastikan amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang teguh untuk mengekalkan keselamatan dan kekukuhan

Draf Dedahan Pengurusan Risiko dalam Teknologi
Menetapkan keperluan baharu untuk mengukuhkan pengurusan risiko teknologi bagi meningkatkan daya tahan perkhidmatan kewangan dan memantapkan pertahanan siber seluruh sistem.
- √ Menggalakkan kewaspadaan dalam memerangi penipuan digital menerusi kawalan teknologi dan keselamatan siber yang mantap.
- √ Memastikan penyedia jaminan luar mempunyai kecekapan teknikal.
- √ Menggalakkan institusi kewangan untuk menerapkan amalan terbaik.



Kertas Kerja Pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Iklim 2024 (Climate Risk Stress Testing Exercise 2024)
Menetapkan jangkaan dalam pelaksanaan ujian tekanan seluruh industri untuk menilai kelemahan di bawah pelbagai senario iklim. Pelaksanaan ujian tekanan akan membolehkan institusi kewangan untuk:
- √ Memperhalusi amalan pengurusan risiko sedia ada.
- √ Mengenal pasti dan menangani jurang data, teknologi dan metodologi untuk menguruskan risiko berkaitan iklim dengan berkesan.

Memperkukuh piawaian pengendalian perniagaan

Mempertingkatkan piawaian amalan, termasuk sikap profesionalisme pengantara, untuk mencapai hasil yang saksama kepada pengguna

Amalan Penyelesaian Tuntutan
Memperkukuh amalan pengendalian tuntutan insurans/takaful am, terutamanya tuntutan motor.
- √ Mengurangkan masa memproses tuntutan.
- √ Menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mengemukakan tuntutan "Own Damage Knock-for-Knock".
- √ Penggunaan saluran digital untuk mengurus proses tuntutan secara menyeluruh.
- √ Menerbitkan Piagam Perkhidmatan Pelanggan Motor (Motor Consumer Service Charter) sebagai panduan pada setiap peringkat proses tuntutan.

Memastikan Layanan yang Adil kepada Mangsa Transaksi e-Perbankan Tanpa Kebenaran
Memperkukuh keperluan untuk mencegah transaksi e-perbankan tanpa kebenaran dan meningkatkan ketelusan proses siasatan kes penipuan.

Ketelusan dan Penzahiran Produk
- √ Memastikan maklumat yang dizahirkan melalui saluran digital adalah jelas, boleh diakses dan sejajar dengan saluran digital yang digunakan.
- √ Menambah baik templat Lembaran Penzahiran Produk untuk memudahkan pengguna membuat keputusan.



Draf Dedahan Pembiayaan Peribadi
- √ Memansuhkan tawaran pembiayaan peribadi dengan faedah atau keuntungan yang dikira menggunakan kadar faedah rata di bawah kaedah Peraturan 78.
- √ Memperkukuh pengurusan pembiayaan peribadi untuk mencegah hutang berlebihan.

Draf Dedahan Pengurusan Aduan
Memperkukuh keperluan untuk memastikan mekanisme pengurusan aduan adalah relevan, boleh diakses dan tepat pada masanya.
- √ Meningkatkan akses pengguna kepada saluran pengurusan aduan.
- √ Memastikan penyelesaian aduan dengan segera.

Draf Dedahan Amalan Berhemat dan Profesional bagi Broker Insurans dan Takaful
- √ Memperkukuh piawaian kecekapan dan kelayakan.
- √ Memperkenalkan keperluan untuk menyediakan pilihan produk kepada pengguna.
- √ Memperkukuh langkah-langkah supaya wang pengguna disimpan dengan selamat.

Sumber: Bank Negara Malaysia

dimuktamadkan untuk memastikan broker insurans dan takaful menjalankan tanggungjawab mereka secara berhemat dan profesional.

Keutamaan dan Pendekatan Penyeliaan

BNM menggunakan pendekatan berasaskan risiko dalam penyeliaan institusi kewangan, merangkumi pengawasan di premis dan di luar premis. Pendekatan yang dinamik dan berpandangan ke hadapan ini membolehkan penyelia memberikan tumpuan kepada aktiviti yang menimbulkan risiko yang besar terhadap institusi kewangan. Penilaian penyeliaan akan dimaklumkan secara rasmi kepada institusi kewangan untuk tindakan pembetulan segera.

Daya tahan siber

Penumpuan penyeliaan yang utama pada tahun 2024 adalah pengukuhan langkah keselamatan siber oleh institusi kewangan serta tahap kesiapsiagaan mereka untuk menangani insiden siber yang boleh mengganggu penyediaan perkhidmatan kewangan dan menjejaskan integriti sistem kewangan. Hal ini termasuk menguruskan risiko penularan yang berpunca daripada kesalinghubungan dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

BNM telah menjalankan latihan siber merentasi industri yang kedua bagi menilai tahap kesediaan institusi kewangan untuk menghadapi serangan siber yang meluas serta menguji pengaturan kerjasama seluruh industri berhubung dengan perkongsian maklumat untuk menyokong tindak balas terhadap insiden. Latihan ini melibatkan 242 peserta daripada 49 institusi kewangan. Kebanyakan institusi kewangan menunjukkan tahap tindak balas yang lebih baik terhadap insiden serangan siber berbanding dengan latihan siber pertama yang dijalankan pada tahun 2022. BNM akan meneruskan libat urus dengan institusi kewangan, entiti awam dan swasta yang berkaitan, pakar keselamatan siber dan penyedia penyelesaian untuk mengenal pasti risiko siber yang baru muncul serta memaklumkan pembangunan pengawalan dan amalan penyeliaan.

Akta Keselamatan Siber 2024 (Cyber Security Act, CSA 2024) yang berkuat kuasa sejak bulan Ogos 2024 menetapkan BNM sebagai salah satu ketua sektor bagi sektor kewangan bersama-sama dengan SC dan Kementerian Kewangan. Berikutan itu, BNM telah menetapkan beberapa institusi kewangan sebagai entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (National Critical Information Infrastructure, NCII). Entiti-entiti ini dikehendaki mematuhi piawaian dan langkah-langkah keselamatan yang ketat di bawah CSA 2024, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan pertahanan siber di Malaysia dan daya tahan terhadap ancaman siber yang baru muncul.

Memperkukuh daya tahan terhadap penipuan kewangan

BNM terus memantau rapi keberkesanan langkah-langkah pencegahan penipuan yang dilaksanakan oleh industri sejak tahun 2022. Langkah-langkah ini, yang termasuk peralihan kepada kaedah pengesahan yang lebih selamat, memperkenalkan keupayaan mekanisme "*kill-switch*" dan pelaksanaan tempoh bertenang untuk transaksi berisiko tinggi, telah menyumbang kepada pengurangan keseluruhan dalam bilangan transaksi tanpa kebenaran yang bersifat penipuan. Memandangkan taktik penipuan terus berubah-ubah, BNM menghendaki institusi kewangan untuk meningkatkan lagi langkah-langkah pengesanan penipuan dan kekal berwaspada terhadap ancaman-ancaman yang baru muncul. BNM bersama-sama institusi kewangan juga telah mempergiat usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa taktik penipuan yang sering berubah, terutamanya yang melibatkan perisian hasad (*malware*) dan kegiatan memancing data (*phishing*).[9]

Memastikan daya tahan terhadap risiko berkaitan iklim

Dalam pengurusan risiko berkaitan iklim, BNM terus memantau kemajuan institusi kewangan dalam menerima pakai taksonomi untuk mengelaskan kegiatan ekonomi yang selaras dengan hasil berkaitan iklim[10] dan piawaian yang kukuh mengenai pengurusan risiko iklim.[11] Berikutan pengeluaran garis panduan tambahan mengenai penilaian usaha wajar berkaitan iklim terhadap pelanggan pada tahun 2023, BNM telah melihat peningkatan ketara dalam kualiti pelaporan oleh institusi kewangan mengenai kesan iklim yang berpunca daripada dedahan pembiayaan dan pelaburan mereka.

BNM juga meningkatkan libat urus dengan institusi kewangan untuk memahami sasaran dan pelan iklim mereka bagi menyokong peralihan ke arah ekonomi sifar bersih. Kebanyakan institusi kewangan telah menetapkan sasaran iklim untuk jangka sederhana hingga jangka panjang, namun masih memperhalusi pelan pelaksanaan dan garis masa bagi mencapai sasaran tersebut. Sebagai sebahagian daripada proses

[9] Butiran lanjut mengenai pelbagai inisiatif ini boleh didapati dalam rencana khas bertajuk "Membina Pertahanan yang Bersepadu bagi Memerangi Risiko Penipuan dalam Talian" dan bab "Mengekalkan Integriti Kewangan".
[10] Dokumen dasar mengenai Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-Based Taxonomy).
[11] Dokumen dasar mengenai Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (Climate Risk Management and Scenario Analysis).

ini, BNM menjangkakan strategi perniagaan institusi kewangan akan lebih selaras dengan pengurusan risiko fizikal dan risiko peralihan yang berpunca daripada dedahan kepada sektor-sektor berisiko tinggi terhadap perubahan iklim, dan pada masa yang sama memastikan peralihan ini dilakukan secara saksama dan teratur. Selain itu, kemajuan yang dicapai oleh institusi kewangan dalam melaksanakan penzahiran berkaitan iklim yang selaras dengan saranan Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-related Financial Disclosures, TCFD) di bawah Financial Stability Board mulai tahun 2024 dijangka akan menyokong keupayaan institusi kewangan untuk melaksanakan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (National Sustainability Reporting Framework, NSRF) secara berperingkat mulai tahun 2025.[12]

Kesiapsiagaan menghadapi krisis

Perancangan pemulihan merupakan salah satu inisiatif BNM untuk meningkatkan kesiapsiagaan sistem perbankan dalam menguruskan krisis. Selepas dasar berhubung dengan Perancangan Pemulihan dikeluarkan pada tahun 2021, BNM telah menyemak rancangan pemulihan beberapa bank terpilih pada tahun 2024 berdasarkan komponen-komponen utama dasar perancangan pemulihan BNM. Semakan ini ditumpukan pada pengaturan tadbir urus mengenai perancangan pemulihan, analisis strategik, penunjuk pemulihan, pilihan-pilihan pemulihan dan analisis senario yang boleh mengancam daya maju bank tersebut. Berdasarkan penemuan daripada semakan ini, bank-bank tersebut perlu menambah baik kesempurnaan dan kualiti rancangan pemulihan mereka, yang mana berkenaan.

Memastikan hasil yang saksama untuk pengguna kewangan

BNM terus memberikan tumpuan pada aktiviti penyeliaan amalan pasaran untuk menegakkan prinsip layanan adil kepada pengguna kewangan. Pada tahun 2024, tujuan utama aktiviti penyeliaan BNM adalah untuk memastikan institusi kewangan mempunyai tadbir urus dan langkah kawalan yang wajar untuk melayan pengguna mereka dengan saksama. Apabila kelemahan dikenal pasti, institusi kewangan terbabit dikehendaki mengambil tindakan pembetulan dengan segera.

Bagi menangani isu hutang isi rumah yang tinggi, BNM menghendaki institusi kewangan untuk memastikan bahawa piawaian penilaian kemampuan dan kesesuaian untuk produk pembiayaan peribadi yang melibatkan jumlah besar atau yang ditawarkan kepada pesara adalah cukup mantap. Langkah-langkah yang dipertingkatkan ini bertujuan untuk melindungi pengguna daripada menanggung hutang yang melebihi kemampuan mereka untuk membayar balik. Selain itu, BNM mengarahkan institusi kewangan untuk mempertingkatkan pengawasan dan kawalan terhadap kakitangan yang terlibat dalam penjualan dan kelulusan pembiayaan peribadi. BNM juga mempergiat inisiatif pendidikan kewangan untuk membantu pengguna, khususnya pengguna yang mudah terjejas, supaya lebih sedar akan risiko menanggung hutang secara berlebihan.

Selari dengan usaha BNM untuk memastikan hasil yang saksama untuk pengguna, BNM telah menyemak semula dasar dan amalan tadbir urus berkaitan dengan fi dan caj untuk memastikan bahawa fi dan caj adalah adil, tidak bersifat menindas dan selaras dengan piawaian BNM. Sebanyak 14 institusi kewangan telah diarahkan untuk menghentikan ataupun menyemak semula fi and caj yang dikenakan, setelah institusi tersebut didapati mengenakan fi dan caj yang tidak munasabah serta tidak memenuhi piawaian BNM. Institusi kewangan yang terbabit juga dikehendaki memberikan penyelesaian yang adil dan pembayaran balik kepada pelanggan yang terkesan.

Institusi kewangan juga dikehendaki sentiasa berwaspada dalam melindungi maklumat pengguna. Bagi memastikan perkara ini, BNM terus memberikan tumpuan penyeliaan yang kukuh terhadap tadbir urus dan kawalan institusi kewangan untuk menilai keberkesanannya dalam melindungi maklumat pengguna. Institusi kewangan dikehendaki meningkatkan kewaspadaan terhadap serangan siber dan perisian tebusan (*ransomware*) serta memastikan mereka bersedia untuk mengambil tindakan pantas bagi membendung sebarang kesan daripada kebocoran maklumat. Hal ini termasuk memberikan makluman yang mencukupi dan tepat pada masanya kepada pengguna yang terjejas serta melaksanakan kawalan bagi memantau risiko kecurian identiti. BNM juga mengambil tindakan penguatkuasaan setimpal dengan tahap kemudaratan kepada pengguna kewangan dan kesan kepada kepercayaan orang ramai.[13]

[12] Butiran lanjut mengenai kemajuan institusi kewangan dalam melaksanakan penzahiran berkaitan iklim dan penggunaan NSRF boleh didapati dalam rencana khas bertajuk "Mengendalikan Peralihan Sektor Kewangan kepada Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan" dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Kedua Tahun 2024.

[13] Butiran lanjut mengenai tindakan yang diambil boleh didapati dalam bahagian "Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan".

Kerjasama penyeliaan

BNM bekerjasama dengan pengawal selia lain di dalam dan luar negara melalui pertukaran maklumat penyeliaan dan pengawalseliaan. Pertukaran maklumat ini membantu penyeliaan kumpulan kewangan secara bersepadu, terutamanya yang mempunyai operasi merentas sempadan. Pada tahun 2024, BNM menyertai 20 forum penyeliaan[14] dan dua daripadanya dianjurkan oleh BNM sebagai pengawal selia tuan rumah.

Pada tahun 2024, BNM telah menganjurkan forum penyeliaan pertamanya yang memberikan tumpuan kepada risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Pihak berkuasa penyeliaan di rantau ini yang bertanggungjawab untuk menyelia kumpulan perbankan dengan operasi merentas sempadan di Malaysia mengambil bahagian dalam forum tersebut. Perkongsian pengalaman dalam menguruskan aliran merentas sempadan membantu menyumbang kepada usaha pada peringkat antarabangsa dalam membanteras jenayah kewangan dan mengekalkan integriti sistem kewangan.

BNM kekal aktif dalam forum dan jawatankuasa antarabangsa.[15] Platform seperti ini memberikan peluang kepada BNM untuk bertukar-tukar pandangan dan perspektif mengenai bidang-bidang penting dan bidang-bidang yang baru muncul, terutamanya daripada perspektif pasaran sedang pesat membangun. Penglibatan ini menyumbang kepada keupayaan BNM untuk melaksanakan mandat kestabilan kewangan secara berkesan melalui pengukuhan fungsi penyeliaan dan memastikan pengawalan yang mantap, selaras dengan piawaian global dan bersesuaian dengan keadaan domestik.[16]

BNM juga merupakan ahli Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) Cybersecurity Resilience and Information Sharing Platform (CRISP).[17] Inisiatif ini mengumpulkan bank-bank pusat di rantau ASEAN untuk meningkatkan keupayaan ahli-ahlinya melalui perkongsian maklumat dan pengalaman mengenai ancaman keselamatan siber serta maklumat penggubalan strategi keselamatan siber yang mantap untuk menangani ancaman ini. BNM telah mengambil bahagian secara aktif sejak program ini mula ditubuhkan.

Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan

BNM melaksanakan pelbagai tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan untuk memelihara kestabilan kewangan dan melindungi integriti sistem kewangan. Tindakan-tindakan yang diambil terhadap institusi kewangan adalah berbeza mengikut tahap keseriusan pelanggaran. Tindakan penyeliaan seperti arahan pematuhan biasanya dilaksanakan semasa proses penyeliaan berkala. Ini bertujuan untuk bersifat pencegahan atau pembetulan. Sebaliknya, tindakan penguatkuasaan seperti penalti pentadbiran dan kompaun adalah lebih bersifat punitif dan selalunya dikenakan pada pelanggaran pengawalan yang lebih serius. Pendekatan yang menyeluruh ini telah menyumbang kepada perubahan positif terhadap budaya pematuhan institusi kewangan. Bagi meningkatkan ketelusan pendekatan yang diambil dalam menentukan tindakan yang sesuai, BNM telah menerbitkan dokumen Pendekatan Penguatkuasaan[18] untuk memberikan penjelasan mengenai rejim dan strategi penguatkuasaan BNM.

Pada tahun 2024, sebanyak 326 tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan telah diambil terhadap entiti yang dikawal selia oleh BNM serta individu dan institusi yang melanggar pengawalan BNM (lihat Rajah 1). Tindakan ini kebanyakannya adalah kesalahan yang melibatkan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan pencegahan pembiayaan percambahan (*anti-money laundering, countering financing of terrorism, countering proliferation financing*, AML/CFT/CPF) serta dasar kehematan dan dasar pertukaran asing (lihat Rajah 2). Penalti monetari berjumlah RM18.9 juta telah dikenakan ke atas institusi-institusi yang terbabit. BNM akan terus menerbitkan butiran tindakan penguatkuasaan menerusi laman sesawang BNM untuk mencegah pelanggaran peraturan pada masa hadapan dan memupuk keyakinan terhadap sistem kewangan.

BNM juga melaksanakan tindakan untuk mencegah dan memerangi jenayah kewangan (Gambar Rajah 2). BNM telah melaksanakan aktiviti pemantauan di premis terhadap 123 entiti yang melibatkan 166 premis untuk mengesan aktiviti haram yang mungkin berlaku. Aktiviti pemantauan ini turut disokong oleh rakan penguat kuasa undang-undang seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM)

[14] Forum penyeliaan ialah kumpulan penyelia yang tujuan utamanya adalah untuk bertukar-tukar maklumat dan mengadakan dialog bagi memastikan mereka dapat mengenal pasti dan menangani risiko-risiko utama dalam sesebuah kumpulan kewangan.

[15] Jawatankuasa ini termasuk BCBS, IAIS, Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP), Islamic Financial Services Board (IFSB), Network for Greening the Financial System (NGFS) dan ASEAN Taxonomy Board.

[16] Butiran lanjut mengenai peranan BNM dalam komuniti antarabangsa dan serantau boleh didapati dalam bab "Libat Urus Antarabangsa".

[17] BNM merupakan ahli sulung CRISP sejak penubuhannya pada tahun 2019.

[18] BNM mengeluarkan dokumen ini pada 30 April 2024.

Rajah 1: Jumlah Tindakan yang Diambil pada Tahun 2024 Mengikut Jenis Institusi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Jumlah Tindakan yang Diambil pada Tahun 2024 Mengikut Jenis Pelanggaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre, NFCC) untuk mengganggu dan membongkar skim dan entiti haram. Selain itu, BNM juga memanfaatkan alat-alat penyiasatan lain, termasuk penggunaan analitik data.

BNM telah mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap aktiviti haram, termasuk menyiasat dan mendakwa pengendali perniagaan perkhidmatan wang (*money services business*, MSB) haram. Sebanyak 37 perintah pemberhentian dan larangan telah dikeluarkan terhadap pengendali MSB haram. BNM juga melucutkan aset daripada aktiviti haram berjumlah RM28.4 juta. Bagi pelanggaran Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, BNM mensabitkan kesalahan terhadap 11 pengendali MSB haram pada tahun 2024 dengan jumlah denda sebanyak RM891,000.

Pindaan terhadap Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2024.

Pindaan ini membolehkan BNM mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan terhadap pengendali MSB haram sebagai langkah pencegahan yang tegas terhadap aktiviti tanpa kebenaran yang membahayakan kepentingan pelanggan dan menjejaskan integriti industri MSB. Dalam usaha membanteras skim haram lain, BNM bekerjasama dengan NFCC dan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang[19] untuk menyiasat dan mendakwa kes-kes yang melibatkan pengambilan deposit secara haram dan skim berkaitan dengan pengubahan wang haram.

Dari segi amalan pasaran, BNM giat melaksanakan tindakan punitif terhadap institusi kewangan yang gagal mengekalkan standard yang wajar bagi amalan yang baik dan bertanggungjawab untuk melindungi pengguna kewangan. BNM berjaya melaksanakan pengembalian semula wang berjumlah RM125.5 juta kepada kira-kira 1.5 juta pelanggan (Gambar Rajah 3). BNM juga mengambil tindakan kawal selia terhadap broker insurans dan takaful serta penasihat kewangan yang gagal memenuhi jangkaan pengawalseliaan, termasuk standard profesionalisme yang sewajarnya. BNM turut mengeluarkan arahan khusus kepada institusi kewangan supaya mengambil langkah-langkah pembetulan bagi mengekalkan standard urus niaga yang berkualiti tinggi dan adil kepada pengguna.

[19] Agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang ini termasuk PDRM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cybersecurity Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Gambar Rajah 2: Tindakan-tindakan Mengganggu, Membongkar dan Membanteras pada Tahun 2024



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Pemulangan dan Pengembalian Semula Dana oleh Insititusi Kewangan Akibat Kegagalan Mematuhi Keperluan Amalan Perniagaan pada Tahun 2024



* Setakat akhir bulan Disember 2024, sebanyak RM2.8 juta telah dipulangkan kepada pengguna yang terjejas dan proses ini masih dijalankan pada tahun 2025.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Melangkah ke Hadapan

Persekitaran kewangan akan terus berkembang, terutamanya didorong oleh kemajuan digital dan teknologi, risiko baharu dan yang baru muncul serta perubahan dalam demografi. Untuk langkah selanjutnya, bagi memastikan keutamaan penyeliaan dan pengawalseliaan BNM selaras dengan mandat kestabilan kewangannya, BNM akan:

a. Terus memperkukuh pendekatan pengawalseliaan dan penyeliaan bagi menggalakkan sistem kewangan yang berdaya tahan terhadap kejutan pada masa hadapan dan risiko yang baru muncul. Hal ini termasuk memajukan inisiatif pengawalseliaan yang utama supaya selaras dengan piawaian antarabangsa dan sesuai dengan konteks Malaysia.

b. Mempergiat usaha untuk melindungi keselamatan dan integriti sistem kewangan melalui tindakan penguatkuasaan yang tegas serta kerjasama yang berterusan dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang.

c. Memastikan keberkesanan pengawalan serta pemantauan dan pengawasan terhadap hal ehwal amalan untuk memastikan layanan yang adil terhadap pengguna.

d. Meningkatkan usaha untuk mengukuhkan daya tahan operasi dan kesiapsiagaan sektor kewangan untuk menghadapi krisis.

e. Meneruskan usaha untuk memperkukuh daya tahan institusi kewangan terhadap risiko berkaitan iklim dan menyokong peralihan yang teratur ke arah sistem kewangan yang lebih lestari.

Berada di Tempat Pemandu: Penambahbaikan Amalan Berkaitan Penyelesaian Tuntutan Motor

Harapan utama sesiapa sahaja yang membeli insurans motor adalah untuk memperoleh pampasan yang adil dan tepat pada masanya sekiranya berlaku kejadian seperti kemalangan jalan raya atau bencana alam. Oleh itu, amat penting untuk penanggung insurans dan pengendali takaful am (*general insurers and takaful operators*, GITO) memastikan bahawa amalan pengendalian tuntutan mereka adalah cekap untuk memberikan penyelesaian yang adil kepada pengguna kewangan. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menambah baik Dokumen Dasar Amalan Penyelesaian Tuntutan (Claims Settlement Practices Policy Document). Dokumen Dasar ini bertujuan menambah baik proses tuntutan supaya lebih jelas, adil dan pantas terutamanya untuk tuntutan motor, serta meningkatkan standard profesionalisme GITO dan ajuster berdaftar.[1]

Penambahbaikan ini merangkumi keperluan tambahan yang bertujuan memendekkan jumlah masa yang diambil (juga lazimnya dikenali sebagai masa pusingan (*turnaround time*, TAT)) untuk menyelesaikan proses tuntutan motor. BNM menjangkakan langkah ini akan menambah baik lagi purata tempoh pemprosesan yang diambil untuk menyelesaikan tuntutan motor dengan tempoh purata dipendekkan sehingga separuh daripada masa yang diambil sebelum ini.

Dokumen Dasar yang disemak ini juga menghendaki GITO untuk memaklumkan kepada pengguna tentang pilihan Own-Damage Knock-for-Knock (OD KfK). Pilihan OD KfK membolehkan pengguna yang mempunyai polisi insurans atau sijil takaful motor komprehensif untuk mengemukakan tuntutan kepada GITO masing-masing bagi kemalangan jalan raya yang bukan berpunca daripada mereka dan tidak perlu berurusan dengan GITO pihak satu lagi. OD KfK membolehkan pengguna menyelesaikan proses tuntutan dengan lebih mudah dan lebih pantas. Yang penting, Diskaun Tanpa Tuntutan (No-Claim-Discount) pengguna tersebut akan kekal tidak terjejas.

Setiap GITO juga dikehendaki memaparkan Piagam Perkhidmatan Pelanggan Motor (Motor Customer Service Charter, MCSC) dalam laman sesawang mereka untuk memberikan panduan kepada pengguna tentang perkara yang boleh dijangka pada setiap peringkat dalam proses tuntutan. Menerusi MCSC, pengguna dapat mengetahui standard perkhidmatan yang GITO telah komited untuk berikan dan jangkaan TAT sepanjang proses tuntutan motor. Sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat oleh GITO, mereka boleh mengemukakan aduan kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Financial Markets Ombudsman Service, FMOS) atau Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) BNM untuk bantuan selanjutnya.

Dokumen Dasar yang disemak ini juga memberi penjelasan tentang dua jenis tuntutan kenderaan bagi kerosakan menyeluruh (*total loss*) yang berbeza iaitu Kerosakan Menyeluruh Sebenar (Actual Total Loss, ATL) dan Tidak Berhemat untuk Dibaiki (Beyond Economic Repair, BER). Kekurangan pemahaman mengenai perbezaan antara ATL dengan BER merupakan punca kekeliruan yang lazim dalam kalangan pengguna. Dengan penjelasan ini, pengguna boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan mengetahui perkara yang boleh dijangka sekiranya kenderaan mereka berada dalam mana-mana kategori, iaitu sama ada kenderaan mereka perlu dilupuskan atau diambil oleh GITO sebagai pertukaran untuk penyelesaian BER.

[1] Merujuk kepada profesional yang menyiasat tuntutan insurans/takaful untuk menentukan punca dan jumlah kerugian.

Gambar Rajah 1: Perbezaan antara Kenderaan ATL dengan BER

ATL	BER
	
Sarah terlibat dalam kemalangan yang serius dan keretanya rosak teruk sehingga tidak dapat dibaiki atau dianggap tidak selamat walaupun telah dibaiki. Dalam keadaan ini, kereta Sarah dikategorikan sebagai kenderaan ATL. Oleh itu, Sarah akan menerima penyelesaian ATL. Pendaftaran kereta Sarah perlu dibatalkan dan kereta tersebut perlu dilupuskan kerana tidak boleh lagi dipandu di atas jalan raya.	Ini pula kisah Muthu, yang keretanya juga rosak dalam suatu kemalangan. Walaupun kereta Muthu masih boleh dibaiki, tindakan ini akan melibatkan kos yang tinggi, melebihi amaun yang dilindungi oleh insuransnya. Muthu mempunyai dua pilihan: 1. Menerima penyelesaian BER: Muthu perlu menyerahkan kereta yang rosak itu kepada GITO-nya. GITO akan mengambil alih pemilikan kereta tersebut, membaikinya, mendapatkan sijil layak jalan dan kemudian menjualnya. 2. Tidak menerima penyelesaian BER: Muthu dapat mengekalkan pemilikan keretanya setelah bersetuju dengan terma-terma pembaikan bersama GITO-nya. Terma ini mungkin termasuk Muthu membayar sebahagian daripada kos pembaikan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penambahbaikan penting lain pada dasar ini yang bertujuan untuk memastikan keselamatan kenderaan BER dan melindungi alam sekitar diringkaskan di bawah.

Gambar Rajah 2: Keperluan Lain Terhadap GITO Berkenaan Kenderaan ATL dan BER

	GITO perlu melaporkan status ATL dan BER kenderaan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam tempoh lima hari bekerja selepas pengguna menerima tuntutan yang ditawarkan. Bagi kenderaan BER, pemeriksaan keselamatan yang ketat akan dijalankan oleh penyedia pemeriksaan kenderaan (*vehicle inspection providers*, VIP), seperti PUSPAKOM, untuk memastikan kenderaan tersebut memenuhi piawaian keselamatan sebelum diakui selamat untuk dipandu.
	GITO perlu melupuskan kenderaan ATL di kemudahan baik pulih automotif berlesen (*authorised automotive treatment facilities*, AATF) yang tersedia, yang menyokong objektif kelestarian alam sekitar dan membantu mengurangkan aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti penukaran hak milik yang tidak sah atau tuntutan palsu.
	GITO tidak boleh menafikan perlindungan kepada pengguna hanya kerana kenderaan tersebut diklasifikasikan sebagai BER. Jika GITO tidak dapat menawarkan perlindungan kepada pengguna, GITO tersebut hendaklah memberikan sebab yang jelas dan memaklumkan kepada pengguna mengenai pilihan-pilihan lain yang tersedia.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Susulan Dokumen Dasar yang disemak semula dan seruan BNM untuk menerapkan pendigitalan, semua GITO telah memperkenalkan Bantuan Tepi Jalan Digital (Digital Roadside Assistance, DRA). Inisiatif ini membolehkan pengguna meminta bantuan menggunakan saluran digital sekiranya berlaku kemalangan atau kerosakan kenderaan, menjejaki lokasi trak tunda, memilih bengkel serta mengemukakan dan memantau tuntutan mereka, semuanya dalam masa nyata. Menerusi DRA, pengalaman dan kemudahan pengguna dijangka bertambah baik.[2] Gambar Rajah 3 menunjukkan contoh langkah demi langkah cara menggunakan DRA apabila proses dimulakan menerusi aplikasi mudah alih.

Menerusi penambahbaikan ini, pengguna boleh mengharapkan prosedur yang lebih pantas dan mudah serta kualiti perkhidmatan yang lebih baik.

[2] Maklumat lanjut tentang GITO yang telah menggabungkan DRA boleh didapati menerusi bab "Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif" dalam laporan ini.

Gambar Rajah 3: Contoh Proses Langkah Demi Langkah untuk DRA Menerusi Aplikasi Mudah Alih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif

Bank Negara Malaysia terus memupuk sistem kewangan yang progresif dan inklusif selaras dengan hasil yang dihasratkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022–2026.

Seiring dengan Pelan Sektor Kewangan (PSK) 2022–2026 mencapai titik pertengahannya, keutamaan pembangunan BNM kekal tertumpu pada usaha untuk memajukan sistem kewangan inklusif yang menyokong transformasi ekonomi dalam persekitaran yang lebih digital. Komitmen ini ditegaskan lagi menerusi Rangka Kerja Rangkuman Kewangan kedua (2023-2026) (Financial Inclusion Framework, FIF)[1] yang menawarkan strategi bersasar untuk meningkatkan rangkuman kewangan. Pada tahun 2024, BNM mengutamakan inisiatif yang membantu perniagaan, terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk membina daya tahan perniagaan, meningkatkan akses kepada kewangan dan peralihan kepada amalan hijau. BNM juga menggembleng usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan sambil memahami cabaran rangkuman kewangan yang dihadapi di peringkat lapangan bagi memastikan intervensi yang berkesan. Seiring dengan ini, BNM menggalakkan penyertaan oleh peserta utama untuk memacu inovasi yang bertanggungjawab dalam landskap perkhidmatan kewangan digital yang dinamik. Landskap yang berkembang ini juga menggariskan keperluan usaha lanjut untuk membangunkan model pembiayaan alternatif bagi menyokong transformasi ekonomi, menangani jurang perlindungan dan melengkapkan tenaga kerja untuk meraih peluang serta menangani cabaran yang muncul. Bab yang bertajuk "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif" dan "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari" menghuraikan lebih lanjut tentang usaha utama dan perkembangan dalam memajukan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan berwawasan kewangan Islam dan memudahkan peralihan yang teratur kepada ekonomi yang lebih lestari.

Meningkatkan Akses yang Berterusan kepada Pembiayaan

Pada tahun 2024, keadaan kredit kekal menyokong keperluan pembiayaan perniagaan, di mana pembiayaan kepada perniagaan meningkat sebanyak 5.1% (2023: 3.7%). Daripada jumlah ini, pertumbuhan pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terkumpul terus kekal kukuh pada 8.1% (2023: 8.7%), disokong oleh pengeluaran pembiayaan yang berterusan terutamanya bagi tujuan modal kerja. Kelulusan pembiayaan PKS baharu meningkat pada tahun 2024 berikutan kadar kelulusan yang lebih tinggi sebanyak 81.5% (2023: 80.9%), khususnya bagi sektor pembinaan (Rajah 1).

Dana BNM untuk PKS (Dana), yang merangkumi 8% daripada pembiayaan terkumpul kepada PKS, melengkapi pembiayaan daripada bank dan institusi kewangan pembangunan (IKP).[2] Sehingga akhir tahun 2024, kira-kira RM5 bilion masih tersedia untuk digunakan. Fokus semasa adalah untuk menyalurkan dana kepada bidang yang selaras dengan keutamaan ekonomi dan pembangunan negara, termasuk mempercepat transformasi digital dan penghijauan PKS (Gambar Rajah 1).

Pada tahun 2024, BNM meningkatkan peruntukan bagi Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (High Tech and Green Facility, HTG) dan Kemudahan Agromakanan (Agrofood Facility, AF) kepada RM6.2 bilion untuk menyokong peningkatan permintaan bagi transformasi digital dalam sektor strategik dan pengeluaran agromakanan.

[1] Rangka Kerja Rangkuman Kewangan 2011-2020 yang pertama telah dibangunkan oleh BNM untuk memajukan rangkuman kewangan dengan menumpukan pada empat dimensi, iaitu kebolehcapaian, pengambilan, penggunaan dan kepuasan perkhidmatan kewangan. Strategi bersasar yang dilaksanakan menerusi rangka kerja ini mencapai hasil yang progresif serta meletakkan asas kukuh yang meluaskan lagi tahap rangkuman kewangan di negara ini.

[2] IKP yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

Rajah 1: Prestasi Pembiayaan PKS



* Tujuan berkaitan pelaburan termasuk pembiayaan bagi tujuan pembelian harta tanah bukan kediaman, harta kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap (termasuk kereta) dan aktiviti pembinaan.

Nota: Mencerminkan pinjaman/pembiayaan daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 1: Kemudahan yang Tersedia di Bawah Dana BNM untuk PKS Menyediakan Bantuan Bersasar kepada PKS



* Termasuk individu bekerja sendiri, pekerja gig dan peserta iTEKAD.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kemudahan Perusahaan Mikro (Micro Enterprises Facility, MEF) juga ditingkatkan sehingga RM1 bilion untuk memenuhi permintaan masa hadapan. Skop Dana BNM untuk PKS akan dikaji semula bagi memastikan keperluan PKS Malaysia terus dipenuhi. Usaha ini termasuk meningkatkan daya tahan PKS terhadap banjir, menyasarkan pembiayaan kepada PKS yang lebih baharu dan menyediakan sokongan tambahan bagi PKS dalam sektor pelancongan dengan menjelangnya Tahun Melawat Malaysia 2026. Selaras dengan aspirasi ekonomi Malaysia, BNM juga akan menilai dan memperkukuh reka bentuk Dana tersebut untuk meningkatkan lagi impaknya terhadap segmen yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Tindakan ini termasuk meneroka model inovatif melangkaui pembiayaan konsesi serta mengkaji cara untuk mempertingkatkan penyertaan sektor swasta.

Pada tahun 2024, BNM mengeluarkan Dokumen Dasar Skim Pembiayaan Mikro (SPM) yang bertujuan untuk meningkatkan akses usahawan mikro kepada pembiayaan dan perkhidmatan berkualiti. Had pembiayaan SPM dinaikkan hingga RM100,000 (daripada RM50,000) tanpa cagaran.[3] Skim jaminan juga diperkenalkan oleh Credit Guarantee Corporation dengan kerjasama institusi kewangan peserta untuk menyokong usahawan mikro yang dinilai terlalu berisiko dalam keadaan biasa. Setakat ini, sebanyak 15 institusi kewangan peserta menawarkan 42 produk pembiayaan mikro menerusi SPM dan telah memanfaatkan lebih 300,000 usahawan mikro sejak penubuhannya. Pada akhir tahun 2024, pembiayaan terkumpul di bawah SPM meningkat sebanyak 19.2% kepada RM2.1 bilion (akhir 2023: RM1.8 bilion).

Inisiatif iTEKAD,[4] yang kini memasuki tahun kelima terus membantu usahawan mikro berpendapatan rendah untuk membina kemahiran dan mengembangkan perniagaan bagi mengukuhkan lagi rekod prestasi dan akses mereka kepada pembiayaan (Gambar Rajah 2). Sejak penubuhannya, iTEKAD telah membantu lebih 9,000 usahawan mikro. Program iTEKAD telah berkembang melalui perkongsian dengan 14 institusi kewangan peserta, dengan tambahan satu lagi bank yang menyertai inisiatif ini pada tahun 2024. Institusi kewangan peserta ini juga bekerjasama dengan lebih 100 rakan pelaksana untuk meluaskan jangkauan dan menghasilkan impak positif kepada ekosistem iTEKAD (Gambar Rajah 3). Menerusi Belanjawan 2025, Kerajaan menawarkan dua insentif iaitu peruntukan geran tambahan sebanyak RM15 juta untuk modal permulaan peserta iTEKAD dan peruntukan geran padanan baharu berjumlah RM5 juta untuk caruman insurans dan takaful. Peruntukan ini akan menggalakkan Institusi kewangan peserta untuk menyepadukan lagi kewangan sosial dalam pembiayaan dan perlindungan kewangan yang disasarkan kepada usahawan mikro.

Gambar Rajah 2: Impak iTEKAD terhadap Usahawan Mikro Berpendapatan Rendah yang Dipaparkan Menerusi Kisah Kejayaan Peserta



Azmi ialah pengasas Dr. Shoes. Pada mulanya, beliau menjalankan perniagaan membaiki dan menghasilkan kasut, beg dan barangan kulit secara manual. Dengan modal permulaan yang diterima menerusi iTEKAD, Azmi membeli mesin dan bahan yang diperlukan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Hasilnya, Azmi berjaya meningkatkan pengeluarannya daripada tiga sandal sehari secara manual kepada tiga kali pengeluaran sebelum ini. Peningkatan pendapatan sebegini membolehkan Azmi meningkatkan taraf hidup keluarganya.

Walaupun bekerja sebagai barista sejak 11 tahun lepas, Amanina menghadapi kekangan kewangan untuk memulakan perniagaannya sendiri. Menerusi iTEKAD, Amanina mendapat peluang untuk membuka kafe sebagai penerima francais (*franchisee*) Monti Keopi. Dengan menyertai latihan berstruktur yang ditawarkan oleh program iTEKAD, Amanina mengasah kemahiran penting dalam pengurusan kewangan dan perniagaan, hubungan dengan pembekal, serta pengurusan kakitangan yang berkesan.

Aina, pengasas ScarfRosie, memulakan perniagaannya dengan menjual selendang secara dalam talian. Setelah menyertai program iTEKAD, Aina dapat membuka kedai fizikal dan meningkatkan jualannya. Pendapatan yang dihasilkan daripada perniagaan yang berkembang ini membantu Aina membayar yuran pengajiannya dan memberikan sokongan kewangan kepada keluarganya. iTEKAD juga membolehkannya menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar universiti, membolehkan mereka bekerja di ScarfRosie, menerima gaji dan meringankan cabaran kewangan masing-masing.

Sumber: Video The Alliance for Financial Inclusion bertajuk "iTEKAD: Memperkasakan Usahawan Mikro Malaysia" ini boleh ditonton di https://youtu.be/5kTg4_aGoQ8?si=ERPm-VijNU0SD-jj

[3] Tertakluk kepada penilaian oleh institusi kewangan peserta, jaminan kewangan daripada pihak ketiga atau cagaran mungkin diperlukan dalam senario tertentu untuk meningkatkan kebarangkalian usahawan mikro mendapat pembiayaan.

[4] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana sorotan "iTEKAD: Pendekatan Ekosistem dalam Meningkatkan Kewangan Sosial" dalam Laporan Tahunan BNM 2023.



Pasar iTEKAD menampilkan 13 usahawan mikro di Simposium Sasana 2024

Gambar Rajah 3: Perkembangan dan Impak iTEKAD pada Tahun 2024



[1] Data setakat bulan Disember 2024.
[2] Jumlah peserta merujuk bilangan peserta yang sedang menjalani atau telah selesai menjalani program iTEKAD, mencerminkan jumlah penerima manfaat iTEKAD.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan peserta

IKP sebagai penggerak utama untuk memacu pertumbuhan yang mampan dan meningkatkan rangkuman industri

Pada tahun 2024, pembiayaan terkumpul IKP meningkat sebanyak 5.6% kepada RM183.3 bilion (2023: meningkat 6% kepada RM173.5 bilion). Jumlah ini menyokong lebih 3 juta PKS, perusahaan mikro, syarikat permulaan[5] dan golongan berpendapatan rendah. Pembiayaan ini telah menghasilkan impak positif, mewujudkan serta mengekalkan pekerjaan untuk lebih 130,000 individu. Selain itu, pada tahun 2024,[6] lebih 14,000 pelanggan perniagaan[7] dapat mengembangkan perniagaan mereka seperti yang dibuktikan oleh perolehan jualan dan pengembangan perniagaan yang lebih tinggi. Pencapaian ini dibolehkan melalui Rangka Kerja Pengukuran Prestasi (Performance Measurement Framework, PMF)[8] yang membimbing IKP dalam membangunkan strategi terancang (*intentional strategies*) yang mewujudkan hasil tambahan (*additionalities*) melalui aktiviti perniagaan mereka (Gambar Rajah 4) untuk memberikan nilai tambah kepada sistem kewangan dan ekonomi yang lebih luas (Gambar Rajah 5). Pada tahun 2024, Kumpulan Kerja PMF (PMF Working Group, PMFWG) ditubuhkan untuk memajukan pelaksanaan PMF yang berkesan di seluruh IKP. Sebagai platform kolaboratif, PMFWG memudahkan dialog terbuka dalam kalangan pihak berkepentingan untuk membincangkan cabaran berkaitan pelaksanaan PMF, menggalakkan perkongsian strategi yang berkesan dan mengintegrasikan kemajuan teknologi untuk menyelaraskan proses pengumpulan data.

[5] Perniagaan yang beroperasi kurang dari 3 tahun.
[6] Daripada 24,000 perniagaan yang ditinjau.
[7] Termasuk perniagaan yang melaporkan peningkatan status, seperti peralihan daripada perniagaan kecil kepada sederhana, atau daripada perniagaan sederhana kepada besar, atau mengalami peningkatan dalam penarafan kredit.

[8] PMF ialah rangka kerja pengukuran untuk IKP yang merangkumi sumbangan yang lebih luas daripada pembiayaan. Rangka kerja ini menekankan penciptaan hasil tambahan, iaitu peningkatan nilai sosial yang tidak akan berlaku dalam persekitaran komersial semata-mata.

Gambar Rajah 4: Ilustrasi Cara PMF Mendorong IKP Melaksanakan Mandatnya dan Memberikan Nilai Tambah kepada Ekosistem Kewangan

Komponen Penambahan

Penambahan Dasar
Sumbangan IKP ke arah reka bentuk dasar dan keupayaan sektor awam

Penambahan Kewangan
Sumbangan IKP ke arah mengecilkan jurang pembiayaan, menyediakan pembiayaan kitaran berbalas dan sokongan lain kepada sektor strategik dan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan

Penambahan Reka Bentuk
Sumbangan IKP ke arah pembangunan sosioekonomi dan membina daya tahan pelanggan

Penambahan Demonstrasi
Sumbangan IKP dalam membangunkan keupayaan sektor swasta dengan menunjukkan potensi pertumbuhan segmen sasaran untuk menarik sokongan sektor swasta

Ilustrasi Hubungan Antara Penambahan



Contoh Aliran Penambahan Bagi Sebuah IKP



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Pencapaian IKP dalam Pewujudan Penambahan pada Tahun 2024

PENAMBAHAN KEWANGAN

Pada tahun 2024, IKP meluluskan pembiayaan kepada sebanyak 1.3 juta akaun termasuk individu berpendapatan rendah dan perniagaan dalam sektor yang diberikan mandat:

- Kewangan Hijau **RM5 bilion**
- Infrastruktur **RM4.5 bilion**
- Eksport **RM2.3 bilion**
- Pertanian **RM966 juta**
- PMKS & Koperasi **RM8 bilion**
- Individu berpendapatan rendah **RM26 bilion**

90% Peminjam kewangan mikro yang mendapat perkhidmatan kewangan daripada IKP[1]

46% Mukim yang hanya mendapat perkhidmatan kewangan daripada IKP

40% Pertumbuhan tahunan peserta iTEKAD

79% Daripada jumlah kelulusan isi rumah merupakan untuk golongan berpendapatan rendah[2]

Melebihi... 630,000 Individu yang baharu mendaftar ke platform perbankan digital

Hampir mencecah... 1 juta Individu yang dicapai melalui program celik kewangan

Melebihi... 30,000 Perniagaan yang dilatih melalui program bina upaya

PENAMBAHAN DEMONSTRASI

RM1.3 bilion
Pembiayaan dikumpulkan daripada sektor swasta

27 projek

PENAMBAHAN REKA BENTUK

Melebihi... 10,000 Perniagaan mencapai pertumbuhan pendapatan

Hampir... 4,000 Perniagaan mencapai penghijrahan menaik[3]

Melebihi... 130,000 Pekerjaan yang baru diwujudkan atau dikekalkan

PENAMBAHAN DASAR

Melancarkan **penyelesaian agrotakaful yang pertama dalam pasaran** untuk melindungi petani melalui sokongan dan penglibatan yang aktif dengan pembuat dasar dan pelbagai pihak berkepentingan

Bekerjasama secara aktif dengan KPM[4] untuk membangunkan modul pendidikan kewangan (*financial education*, FE) yang disepadukan dalam platform DELIMa[5] KPM, **memperluas jangkauan FE kepada anak-anak kecil yang masih bersekolah**

Penyelesaian berasaskan semula jadi yang direka khusus (contohnya buluh dan bioarang) **untuk pekebun kecil** yang berpotensi mempertingkatkan eksport minyak sawit hijau melalui program kerajaan

[1] Berdasarkan bilangan akaun terkumpul melalui Skim Pembiayaan Mikro (SPM).
[2] Berdasarkan bilangan akaun yang diluluskan dalam CCRIS.
[3] Penghijrahan menaik: tidak formal kepada formal, mikro → kecil → sederhana → besar atau peningkatan dalam penarafan kredit.
[4] Kementerian Pendidikan Malaysia
[5] Inisiatif Pembelajaran Pendidikan Digital Malaysia

Sumber: Bank Negara Malaysia





Kerjasama BNM dan World Bank dalam Bengkel Kewangan Hijau: Strategi Menangani Jurang Pembiayaan Kelestarian dan Daya Tahan Iklim

Seperti yang digariskan dalam PMF, fokus tambahan utama IKP runcit adalah untuk meningkatkan tahap celik kewangan rakyat Malaysia. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, platform DELIMa[9] menawarkan sumber pendidikan kewangan kepada sekolah-sekolah yang melibatkan 2.1 juta pelajar. Selanjutnya, IKP akan merintis program pendidikan kewangan Tepat Masa (Just-In-Time). Program ini bertujuan untuk menangani isu-isu hutang yang tinggi melalui panduan bersasar untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat mencukupi berdasarkan topik penting seperti simpanan, perancangan persaraan dan pengurusan hutang, terutamanya dalam kalangan individu muda dan penjawat awam.[10]

IKP menyumbang kepada usaha kelestarian dengan meluluskan hampir RM5 bilion untuk pembiayaan inisiatif mitigasi dan adaptasi iklim pada tahun 2024. Pembiayaan ini menyokong projek dalam ekonomi kitaran, penyahkarbonan industri, inovasi sisa kepada tenaga dan daya tahan iklim. IKP juga memperkenalkan produk kewangan hijau seperti akaun simpanan dengan perlindungan takaful terhadap risiko banjir, takaful tanaman yang pertama di Malaysia untuk petani kecil dan program pembiayaan perdagangan bernilai RM1.5 bilion dengan kalkulator pelepasan karbon. Usaha bagi meningkatkan lagi keupayaan kewangan hijau IKP meliputi Bengkel Kewangan Hijau anjuran bersama oleh BNM dan Bank Dunia yang bertujuan untuk membuka peluang pembiayaan, mengurangkan risiko serta menyokong peralihan iklim bagi golongan mudah terjejas.

Berikutan pengumuman Belanjawan 2024, penstrukturan semula IKP yang melibatkan penggabungan Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Bank dan EXIM Bank sedang dilaksanakan. Dengan menggabungkan sumber dan kepakaran, bakal IKP gabungan ini dijangka menawarkan penyelesaian kewangan yang lebih komprehensif dan inisiatif pembinaan keupayaan, terutamanya bagi golongan yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan seperti PKS dan perusahaan Bumiputera.

Meningkatkan Rangkuman Kewangan dan Akses kepada Produk dan Perkhidmatan Kewangan

Memajukan strategi rangkuman kewangan

Menggalakkan rangkuman kewangan adalah usaha utama ke arah meningkatkan daya tahan dan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia. Dalam usaha untuk mencapai hasil pembangunan yang lebih luas, aspek utama FIF yang kedua ialah proses pemantauan dan penilaian (*monitoring and evaluation*, M&E) berstruktur. Proses M&E memberikan tumpuan terhadap penunjuk prestasi utama (*key performance indicators*, KPI) berdasarkan tiga tema, iaitu akses, penggunaan dan keupayaan (Gambar Rajah 6) yang membantu memastikan ketelusan dan memandu usaha kolektif, termasuk inisiatif yang diterajui oleh industri.

[9] Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa) ialah platform yang menawarkan perkhidmatan interaktif dan mudah diakses yang diperlukan oleh guru dan pelajar dalam sistem persekolahan di Malaysia.

[10] Berdasarkan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (FCI) 2021, penjawat awam membentuk peratusan tertinggi peminjam pinjaman peribadi, dan mencakupi 10%–13% daripada kes kemuflisan baharu antara tahun 2021 hingga 2024.

Gambar Rajah 6: Bidang Utama Rangkuman Kewangan dan Takrifan, Penunjuk Prestasi Utama untuk Mengukur Kemajuan Rangkuman Kewangan



Akses

Keupayaan untuk menggunakan perkhidmatan dan produk yang sesuai yang ditawarkan oleh institusi kewangan formal.



Penggunaan

Had atau tahap perkhidmatan kewangan dan penggunaan produk.



Keupayaan

Mempunyai gabungan pengetahuan kewangan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak dan akhirnya mencapai kesejahteraan kewangan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 6: Bidang Utama Rangkuman Kewangan dan Takrifan, Penunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk Mengukur Kemajuan Rangkuman Kewangan (bersamb...)

Penunjuk	Garis Dasar (2023)	Sasaran (2026)
Akses		
% mukim dengan >2000 penduduk perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu titik akses kewangan (FAP) bagi jarak perjalanan sejauh 10 km atau radius 5 km[1]	96%	Semua mukim
Bilangan Terminal Layan Diri (SST) yang dilengkapi dengan Deposit Tunai Antara Bank (Interbank Cash Deposit, IBCD)	906	Sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah CRM
% penduduk dewasa[2] yang mempunyai akaun formal[3]	98%	99%
% penduduk dewasa yang mempunyai akaun deposit	97%	98%
% penduduk dewasa yang mempunyai akaun digital[4]	Data baharu, sedang menunggu hasil	
% pembiayaan PKS kepada jumlah pembiayaan perniagaan (jumlah amaun terkumpul)	48%	50%
Kadar kelulusan pembiayaan dalam kalangan PKS	80.9%	Penambaikan secara berterusan
Kadar penembusan insurans/takaful sebagai % KDNK	4.7% (2022)	4.8%–5%
Bilangan individu yang melanggan insurans mikro/mikrotakaful	781,727	Menggandakan pelanggan insurans/ takaful mikro dari tahun 2021[5]
% penduduk dewasa yang percaya penyedia perkhidmatan kewangan akan melayan mereka dengan adil	90% (2021)	92%
Penggunaan		
% pelanggan yang mempunyai akaun deposit aktif (lebih satu urus niaga sebulan)	Data baharu, sedang menunggu hasil	
Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun (Compounded Annual Growth Rate, CAGR) e-pembayaran per kapita	13.3% (2020)[6]	Melebihi 15%
% akaun pembiayaan[5] berbayar untuk isi rumah	98%	Penambahbaikan berterusan
Keupayaan		
OECD/INFE International Survey of Adult Financial Literacy	61.0	Merapatkan jurang dengan Purata OECD
Indeks Literasi dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Literacy and Capability, MYFLIC)	59.0 (2021)	Merapatkan jurang dengan Purata OECD
% individu yang berkongsi kata laluan/PIN akaun bank dengan pihak ketiga	37% (2021)	Merapatkan jurang dengan Purata OECD
% individu yang mengambil berat tentang keselamatan laman web sebelum membuat transaksi dalam talian	38% (2021)	Merapatkan jurang dengan Purata OECD
% penduduk dewasa yang mampu menampung perbelanjaan hidup selama 3–6 bulan, sekiranya kehilangan sumber pendapatan utama	36% (2021)	Merapatkan jurang dengan Purata OECD

[1] Titik Akses Kewangan (*financial access points*, FAP) merujuk tempat yang menyediakan perkhidmatan kewangan minimum untuk menerima deposit dan memudahkan pengeluaran dana oleh pelanggan. FAP termasuk cawangan bank, unit bergerak institusi kewangan, terminal elektronik deposit dan pengeluaran serta bank ejen.
[2] Penduduk dewasa merujuk populasi yang berusia lebih 15 tahun.
[3] Akaun formal merujuk deposit, pembiayaan, insurans/takaful, akaun e-dompet dan akaun digital dengan entiti yang dikawal selia.
[4] Akaun digital merujuk e-wang, perbankan mudah alih dan perbankan Internet.
[5] Peserta insurans mikro/takaful mikro (Perlindungan Tenang) tahun 2021: 610,013
[6] Data tahun 2020 (sebelum pandemik) digunakan sebagai garis asas untuk perbandingan yang lebih realistik.
[7] Akaun pembiayaan berbayar ditakrifkan sebagai akaun pinjaman dengan satu bulan atau kurang daripada sebulan tertunggak.

Nota : Kemas kini perkembangan tahunan bagi penunjuk ini akan disediakan menerusi bahagian "Rangkuman Kewangan" di laman sesawang BNM (http://www.bnm.gov.my/financial-inclusion-data-for-Malaysia) mulai suku kedua tahun 2025.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan OECD

Ketersediaan pusat akses kewangan

Pusat akses kewangan fizikal[11] (*financial access points*, FAP) kekal sebagai kemudahan penting bagi pengguna yang beralih ke arah perkhidmatan digital. Kedudukan Malaysia adalah antara yang tertinggi di rantau ini dari segi ketersediaan FAP dengan 95% mukim[12] menerima perkhidmatan.[13] Di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, ejen bank dan bank bergerak memainkan peranan penting dalam meluaskan akses kepada perkhidmatan perbankan penting, dengan 44% mukim bergantung sepenuhnya pada perkhidmatan ini (Gambar Rajah 7). BNM kekal komited untuk memenuhi keperluan 46 mukim yang belum mendapat perkhidmatan kewangan lagi.

Gambar Rajah 7: Penunjuk Prestasi Utama Ejen Bank dan Bank Bergerak (di bawah BBI) pada tahun 2024



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rangkaian bank bergerak telah diperluas pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta daripada Kerajaan untuk Inisiatif Bank Bergerak (Bank Bergerak Initiative, BBI)[14] (Gambar Rajah 8).

Pada Bulan Literasi Kewangan (Financial Literacy Month, FLM) 2024, BBI telah menganjurkan 18 program di 10 buah negeri dengan jangkauan lebih 7,400 orang. Kaji selidik Literasi Kewangan Digital (Digital Financial Literacy, DFL) yang dijalankan semasa tempoh ini menunjukkan peningkatan skor yang lebih baik di kawasan yang menerima perkhidmatan BBI.[15] Peningkatan ini mencerminkan keberkesanan khidmat nasihat kewangan dan inisiatif pendidikan yang disediakan melalui bank bergerak. Sila rujuk bab bertajuk "Menyantuni Rakyat Malaysia" untuk dapatan kaji selidik DFL.

Pengenalan perkhidmatan deposit tunai antara bank (Interbank Cash Deposit, IBCD) oleh PayNet telah meningkatkan akses pengguna kepada perkhidmatan kewangan. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memudahkan deposit tunai terutamanya di kawasan luar bandar yang mempunyai pusat akses yang terhad, sekali gus menggalakkan simpanan dalam kalangan kumpulan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Gambar Rajah 8: Lokasi Bank Bergerak

Setakat tahun 2024, sebanyak 27 cawangan bank bergerak beroperasi di 63 mukim merentasi tujuh negeri di Malaysia (disediakan oleh tujuh institusi kewangan peserta)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[11] FAP ialah lokasi yang membolehkan individu melakukan aktiviti perbankan asas seperti deposit dan pengeluaran tunai. FAP termasuk cawangan bank, terminal elektronik atau ejen yang dilantik.

[12] Mukim ditakrifkan sebagai bahagian kecil dalam sesebuah daerah.

[13] Sebuah mukim dengan sekurang-kurangnya satu FAP yang mempunyai fungsi tunai masuk dan tunai keluar iaitu cawangan bank, ejen bank, terminal layan diri dan bank bergerak.

[14] Sejak tahun 2022, BBI telah membantu bank menawarkan perkhidmatan perbankan penting seperti deposit tunai, pengeluaran dan pendaftaran perkhidmatan digital melalui unit bergerak.

[15] Skor purata 85% dibandingkan dengan 77% untuk lokasi lain.

Pada akhir tahun 2024, sembilan[16] pemeroleh IBCD (bank atau penyedia perkhidmatan bukan bank) telah mengaktifkan IBCD, manakala dua lagi pemproses akan beroperasi menjelang bulan Februari 2025 (Gambar Rajah 9).

Bersama-sama dengan Kerajaan, institusi kewangan dan PayNet, usaha yang selaras dengan matlamat FIF kedua sedang dijalankan untuk memastikan akses yang lebih baik kepada perkhidmatan kewangan.



Bank bergerak dari pelbagai institusi kewangan di seluruh Malaysia

Gambar Rajah 9: Ciri-ciri Utama Deposit Tunai Antara Bank

Apa itu IBCD?

Deposit Tunai Antara Bank (Interbank Cash Deposit, IBCD) ialah kemudahan yang membolehkan pengguna mendepositkan wang tunai ke dalam akaun bank penerima lain menggunakan Mesin Deposit Tunai (Cash Deposit Machine, CDM) atau Mesin Kitar Semula Tunai (Cash Recycler Machine, CRM). IBCD membolehkan transaksi kredit masa nyata tanpa kad dari satu bank ke akaun bank lain. IBCD dioperasikan oleh PayNet menerusi Rangkaian ATM Berkongsi (Shared ATM Network, SAN).



Sumber: Bank Negara Malaysia

[16] Safeguards CS Sdn. Bhd, Euronet Services Malaysia Sdn. Bhd., MBSB Bank Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, United Overseas Bank (Malaysia) Bhd dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank).

Menggalakkan tawaran perlindungan kewangan yang inklusif

Sektor insurans dan takaful adalah penting dalam melindungi individu dan perniagaan daripada pelbagai risiko yang tidak dijangka dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang inklusif dan berdaya tahan. Pada tahun 2024, 45.5% daripada rakyat Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya satu polisi insurans hayat atau sijil takaful keluarga, peningkatan sebanyak 41.5% daripada tahap sebelum pandemik pada tahun 2019. Polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga lazimnya menyaksikan kadar pengambilan yang lebih tinggi di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, seiring dengan kesedaran yang lebih tinggi terhadap kepentingan perlindungan.

Sepanjang tahun 2024, terdapat lebih 530,000 langganan produk insurans mikro dan takaful mikro di bawah rangka kerja Perlindungan Tenang (PT). Sejak pelancaran dokumen dasar PT[17] yang disemak dan pelaksanaan program baucar PT pada tahun 2021, pengambilan PT kumulatif telah meningkat dengan ketara dan jumlah langganan pada masa ini adalah sebanyak 4.9 juta. Angka ini dianggarkan 49 kali kadar pengambilan sejak rangka kerja PT dilancarkan pada tahun 2017 hingga tahun 2021.[18] Tuntutan sebanyak RM17 juta telah dibayar pada tahun 2024, menunjukkan peningkatan sebanyak 20% dibandingkan dengan tahun 2023. Pembayaran tuntutan ini meliputi peristiwa kehidupan luar jangka dan peristiwa buruk seperti kematian, kemalangan diri dan penyakit kritikal.

Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, program baucar PT akan menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM30 kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah untuk membeli atau memperbaharui produk PT. Selain PT, Kerajaan juga telah melanjutkan skim mySalam selama dua tahun lagi sehingga akhir tahun 2025. Pelanjutan ini membolehkan golongan mudah terjejas untuk terus mendapat manfaat daripada perlindungan takaful mampu milik serta pada masa yang sama menggalakkan pengambilan produk PT untuk mengekalkan perlindungan pada masa hadapan. Pada tahun 2024, pengendali insurans dan takaful (*insurance and takaful operators*, ITO) telah memanfaatkan data daripada pengalaman tuntutan mySalam untuk menyokong pembangunan produk insurans mikro dan takaful mikro yang lebih inovatif.

Usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang ketersediaan dan kepentingan produk perlindungan ini juga penting. Dalam hal ini, Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN)[19] menggabungkan program pendidikan tentang perlindungan risiko peribadi dalam semua aktiviti jangkauan dan program pendidikan kewangan.

Memahami dan Menangani Cabaran Rangkuman Kewangan

Memahami perspektif komuniti tempatan merupakan faktor penting untuk membangunkan intervensi yang berkesan bagi kumpulan yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan. FIF kedua BNM mengenal pasti enam ciri utama segmen ini (Gambar Rajah 10).

[17] Dokumen dasar PT yang dilancarkan pada tahun 2021 ini membentangkan keperluan yang telah disemak sejak produk PT diperkenalkan pada tahun 2017. Semakan ini merangkumi peluasan saluran pengedaran dan keperluan perlindungan pengguna yang diperkukuh.

[18] Kadar pengambilan PT kumulatif dari tahun 2017 hingga tahun 2021 berjumlah melebihi 100,000 langganan.

[19] FEN ialah kerjasama antara agensi yang dipengerusikan bersama oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan dianggotai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Permodalan Nasional Berhad.

Gambar Rajah 10: Panduan Berasaskan Prinsip Golongan yang Tidak dan Kurang Mendapat Perkhidmatan Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia





Sesi libat urus BNM dan Yayasan MySDG bersama perbadanan bukan kerajaan (non- governmental organisation, NGO) dan perusahaan sosial untuk "Memperkasa Keupayaan Kewangan dan Rangkuman bagi Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan"

Semasa Bulan Literasi Kewangan (Financial Literacy Month, FLM) 2024, BNM bekerjasama dengan Yayasan MySDG[20] untuk menyantuni pertubuhan bukan kerajaan dan perusahaan sosial utama. Sesi ini, yang memberikan tumpuan pada golongan mudah terjejas termasuk Orang Asli dan Orang Kurang Upaya (OKU), mengetengahkan cabaran unik yang dihadapi oleh golongan tersebut serta perlunya langkah bersasar untuk memperkasakan mereka dari segi kewangan. Sesi ini juga meningkatkan kesedaran golongan tersebut tentang inisiatif dan pendidikan rangkuman kewangan yang sedia ada[21] serta mekanisme aduan

[20] Yayasan Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia (Yayasan MySDG) ialah sebuah yayasan yang khusus untuk membantu komuniti mudah terjejas. Matlamat yayasan ini adalah untuk meningkatkan kemajuan Malaysia ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG).

[21] Inisiatif ini meliputi pembiayaan mikro, program perlindungan risiko kewangan seperti Perlindungan Tenang dan i-Mula 50. i-Mula 50 ialah inisiatif Persatuan Insurans Hayat Malaysia (Life Insurance Association of Malaysia, LIAM) dengan kerjasama syarikat ahli LIAM untuk menggalakkan pembelian perlindungan insurans hayat untuk pembeli kali pertama. Dana sejumlah RM5 juta yang diperuntukkan untuk inisiatif ini menawarkan subsidi sebanyak RM50 bagi setiap polisi insurans hayat yang layak untuk menjadikan pembelian insurans lebih mampu milik.

dan penyelesaian pertikaian.[22] Untuk maklumat lanjut tentang inisiatif dan libat urus pendidikan utama semasa FLM 2024, sila rujuk bab "Menyantuni Rakyat Malaysia".

Menggalakkan rangkuman kewangan digital

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan rangkuman kewangan digital, BNM telah melaksanakan inisiatif e-pembayaran bersasar, seperti kempen e-Duit, yang tertumpu pada perniagaan kecil di kawasan yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan digital. Kesan positif penggunaan pembayaran digital yang lebih tinggi menunjukkan bahawa ekosistem tanpa tunai bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi, malah mempertingkatkan kesejahteraan kewangan perniagaan kecil. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bab "Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap".

Memastikan inisiatif pendidikan kewangan yang inklusif dan berkesan

Melihat kembali kemajuan yang telah dicapai pada tahun 2024, pelaksanaan Rangka Kerja Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Kewangan (Financial Education Measurement and Evaluation, FEME)[23] adalah penting dalam menilai keberkesanan program pendidikan kewangan. Pada tahun pertama pelaksanaannya, sembilan ahli dan rakan usaha sama FEN telah menerapkan rangka kerja tersebut.[24] Penilaian ini menunjukkan peningkatan dalam skor celik kewangan, yang disokong melalui perbincangan kumpulan fokus. Rangka Kerja FEME menyokong keperluan program pendidikan kewangan yang berstruktur dalam persekitaran terkawal[25] bagi meningkatkan hasilnya. Usaha ini memerlukan kerjasama erat antara pihak Kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta untuk menggabungkan program ini ke dalam inisiatif pembinaan keupayaan mereka yang sedia ada.

[22] Kaji selidik FCI 2024 menunjukkan bahawa kesedaran tentang Agensi Bantuan Penyelesaian Kewangan dan penggunaannya kekal rendah, dengan 73% tidak mengetahui kewujudan unit aduan Penyedia Perkhidmatan Kewangan (PPK) dan 52% tidak mengetahui kewujudan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

[23] Maklumat tentang Rangka Kerja FEME tersedia melalui https://www.fenetwork.my/wp-content/uploads/2024/01/FEME-Framework-Guidelines.pdf

[24] Ahli dan rakan usaha sama FEN yang dinyatakan di atas ialah BNM, Kementerian Pendidikan Tinggi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, AKPK, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, The Financial Industry Collective Outreach, LeapEd Services Sdn. Bhd., Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia dan Persatuan Takaful Malaysia. Topik merangkumi konsep kewangan, perancangan persaraan, perancangan pelaburan, literasi kewangan digital, pengurusan risiko peribadi dan pengurusan hutang.

[25] Persekitaran yang direka bentuk untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran berfokus dan tanpa gangguan, seperti pembelajaran di dalam bilik darjah atau secara dalam talian.

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2024

Gambaran Keseluruhan Kaji Selidik FCI 2024

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI) merupakan kaji selidik merentas seksyen yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) setiap tiga tahun. Kajian ini menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia dengan mengukur tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan bagi mendapatkan skor gabungan yang dikenali sebagai Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Literacy and Capability Index, MYFLIC). Apabila melaksanakan kaji selidik ini, BNM turut mengambil kira faktor-faktor dan perkembangan penting bagi setiap tempoh kaji selidik. Contohnya, Kaji Selidik FCI tahun 2021[1] bukan sahaja menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia tetapi turut merangkumi kesan pandemik COVID-19 serta langkah dan bantuan yang dilaksanakan.

Skop Kaji Selidik FCI tahun 2024 yang dijalankan pada suku ketiga tahun 2024 telah diperluaskan bagi meliputi penilaian terhadap kesejahteraan kewangan dan celik kewangan digital.[2] Hal ini kerana isu seperti kenaikan kos sara hidup dan pertumbuhan pesat pendigitalan semakin memberikan kesan penting pada tingkah laku kewangan rakyat Malaysia semasa tempoh kaji selidik. Kaji selidik ini juga menilai keupayaan kewangan rakyat Malaysia susulan pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 (NS1.0), sekali gus mendedahkan cabaran serta peluang baharu dalam usaha membina daya tahan kewangan pada masa hadapan.

Dapatan utama

Kaji selidik tahun 2024 mendapati bahawa secara umumnya, tahap celik kewangan rakyat Malaysia tidak banyak berubah sejak tahun 2021, dengan Indeks MYFLIC mencatatkan skor 59.1 (tahun 2021: 59.0). Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan dari segi pengetahuan kewangan (+2.7), tetapi skor untuk tingkah laku kewangan (-2.0) dan sikap kewangan (-0.3) menunjukkan penurunan (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Indeks MYFLIC Keseluruhan



Nota: 3,587 responden rakyat Malaysia berumur 15 tahun ke atas. Indeks MYFLIC berdasarkan skor maksimum 100.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengetahuan kewangan bertambah baik kepada 62.9 pada tahun 2024, meningkat daripada 60.2 pada tahun 2021 dalam kebanyakan subkomponen, terutamanya kesedaran terhadap produk kewangan dan pemahaman konsep

[1] Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi tahun 2021 (https://bnm.gov.my/documents/20124/8440087/fsr22h1_bm_box1.pdf)
[2] Berdasarkan *OECD/INFE Toolkit for Measuring Financial Literacy and Financial Inclusion 2022*

kewangan seperti kepelbagaian, inflasi serta risiko dan pulangan. Meskipun lebih ramai rakyat Malaysia menyedari kewujudan pelbagai produk kewangan, mereka merasakan bahawa maklumat yang jelas dan boleh dipercayai masih kurang. Hal ini seterusnya mempengaruhi tingkah laku dan keputusan kewangan mereka. Rakyat Malaysia secara umumnya mempunyai pemahaman asas tentang produk kewangan, termasuk konsep pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi disebabkan oleh faedah atau caj keuntungan. Walau bagaimanapun, pemahaman mengenai aspek yang lebih kompleks, seperti semakan kadar faedah dan kesannya terhadap faedah bulanan atau pembayaran keuntungan, masih berada pada tahap yang lebih rendah. Kekurangan pemahaman ini menyumbang kepada penurunan skor tingkah laku kewangan secara keseluruhan, daripada 61.9 pada tahun 2021 kepada 59.9 pada tahun 2024.

Pendapatan yang rendah dan/atau tidak stabil dan digabungkan dengan peningkatan kos sara hidup juga menyukarkan rakyat Malaysia untuk mengurus kewangan mereka dengan baik, seperti membayar bil tepat pada masanya dan menyimpan wang untuk masa depan. Walaupun ramai individu berusaha untuk berbelanja mengikut kemampuan, kenaikan harga barangan keperluan seperti makanan dan utiliti menyebabkan perbelanjaan sering melebihi belanjawan yang dirancang (Gambar Rajah 2). Kesannya, rakyat Malaysia memberikan keutamaan untuk memenuhi keperluan segera, lantas mempunyai ruang yang terhad untuk simpanan atau perancangan kewangan jangka panjang.

Gambar Rajah 2: Rakyat Malaysia Terkesan oleh Peningkatan Kos Sara Hidup

26% Rakyat Malaysia kadang-kala/selalu kekurangan wang (2021:14%)

3 SEBAB UTAMA KEKURANGAN WANG



Sumber: Bank Negara Malaysia



Keadaan kewangan yang lebih ketat mempengaruhi tabiat menyimpan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pada tahun 2024, hanya 58% cuba menyimpan untuk masa hadapan (2021: 67%)

Leret atau Sentuh untuk Berbelanja: Psikologi di sebalik *Painless Payment*

Penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan digital (*digital financial products and services*, DFS) di Malaysia telah berkembang dengan pesat. Pada tahun 2024, 92% rakyat Malaysia menggunakan DFS berbanding dengan 74% pada tahun 2021. Peningkatan ini menunjukkan perkembangan pendigitalan yang pantas dalam sektor kewangan, yang membuka pelbagai peluang dan cabaran. Walau bagaimanapun, penggunaan DFS secara meluas menimbulkan kebimbangan terhadap tabiat perbelanjaan dalam talian. *Painless payment*, iaitu apabila perbelanjaan menjadi terlalu mudah secara dalam talian, boleh menyebabkan keputusan kewangan yang kurang bijak seperti berbelanja secara berlebihan (Gambar Rajah 3).

Meskipun amalan baik keselamatan siber (*cyber hygiene*) rakyat Malaysia bertambah baik berbanding pada tahun 2021, masih banyak penambahbaikan diperlukan. Sebagai contoh, hanya 39% rakyat Malaysia yang mengambil berat tentang keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi berbanding dengan purata global sebanyak 66%. Selain itu, walaupun perkongsian kata laluan dan/atau nombor pengenalan peribadi (PIN) akaun bank dengan kawan rapat berkurang dengan ketara, lebih seorang daripada 10 rakyat Malaysia masih melakukannya. Dengan penggunaan DFS yang semakin meluas, kurangnya amalan baik keselamatan siber ini akan terus menyebabkan pengguna terdedah kepada risiko keselamatan.

Secara keseluruhan, pengguna di Malaysia masih menghadapi kesukaran untuk mengurus wang dengan berkesan, termasuk menyediakan belanjawan, memantau perbelanjaan, berbelanja mengikut kemampuan serta mengelakkan perbelanjaan secara berlebihan dalam persekitaran digital. Keadaan ini boleh menjejaskan kesejahteraan kewangan peribadi. Seiring dengan trend pendigitalan yang pesat, kepentingan untuk meningkatkan celik kewangan digital menjadi semakin penting.

Gambar Rajah 3: Tabiat Kewangan Digital Rakyat Malaysia



Rakyat Malaysia cenderung untuk berbelanja lebih tanpa berfikir panjang apabila mereka membeli secara dalam talian berbanding apabila mereka membuat pembelian di kedai



Rakyat Malaysia membeli barangan dan perkhidmatan yang tidak diperlukan secara dalam talian

Amalan baik keselamatan digital dalam kalangan rakyat Malaysia



15% berkongsi kata laluan dan/atau nombor pengenalan peribadi (PIN) akaun bank dengan kawan rapat (2021: 37%)



39% mengambil berat tentang keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi dalam talian (2021: 38%)



20% kerap menukar kata laluan untuk membeli-belah dan menguruskan kewangan peribadi secara dalam talian (2021: 11%)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Celik Kewangan: Asas Kesejahteraan dan Ketenangan Kewangan

Kesejahteraan kewangan melibatkan keupayaan untuk memenuhi obligasi kewangan, mengurus perubahan pendapatan, mencapai matlamat kewangan masa hadapan serta membuat keputusan kewangan yang dapat meningkatkan kualiti hidup. Pengurusan kewangan peribadi yang lebih baik dapat meningkatkan daya tahan kewangan serta memberikan pengaruh positif pada persepsi seseorang tentang situasi kewangan mereka. Selain itu, penambahan pendapatan serta kos sara hidup yang boleh diurus juga merupakan komponen yang sangat penting dalam kesejahteraan kewangan.

Daya tahan kewangan – Menangani perbelanjaan yang tidak dijangka

Memiliki sumber kewangan untuk menangani perbelanjaan yang tidak dijangka dan kejutan kewangan adalah penting bagi mengekalkan kesejahteraan kewangan. Pada tahun 2024, 37% rakyat Malaysia menyatakan bahawa mereka mampu menampung kos sara hidup untuk lebih daripada tiga bulan sekiranya pendapatan mereka terjejas (tahun 2021: 36%) (Gambar Rajah 4). Pada masa yang sama, lebih ramai rakyat Malaysia tidak bersedia untuk menangani kejutan kewangan, dengan 61% melaporkan kesukaran untuk mendapatkan RM1,000 dalam bentuk wang tunai kecemasan (tahun 2021: 47%).

Sebanyak 35% rakyat Malaysia pula menyatakan mereka tidak mempunyai perlindungan kewangan yang mencukupi sekiranya berdepan dengan situasi buruk atau bencana. Sebanyak 40% mendakwa mereka hanya bergantung pada simpanan sendiri atau keluarga sebagai jaringan keselamatan kewangan bagi menghadapi keadaan tidak dijangka seperti kemalangan, kehilangan pendapatan atau kecemasan.

Pada masa ini, pengurusan risiko kewangan peribadi menerusi simpanan kecemasan dan perlindungan insurans atau takaful masih belum menjadi amalan dalam kalangan rakyat Malaysia. Jurang ini menyukarkan mereka untuk menguruskan perbelanjaan luar jangka dan boleh menjejaskan aspek perancangan jangka panjang lain seperti simpanan persaraan untuk diri sendiri atau ahli keluarga. Jurang ini juga menekankan betapa pentingnya produk kewangan yang mampu milik dan mudah diakses, seperti Perlindungan Tenang, untuk membantu rakyat Malaysia, terutamanya golongan yang mudah terjejas, mengurus risiko kewangan serta membina daya tahan terhadap kejutan kewangan. Kesedaran tentang produk Perlindungan Tenang semakin meningkat (Gambar Rajah 5), namun yang lebih penting adalah memastikan kesedaran ini diterjemahkan kepada penggunaan produk secara berkesan supaya dapat memberikan satu tahap keselamatan kewangan yang amat diperlukan oleh rakyat Malaysia.

Gambar Rajah 4: Menangani Perbelanjaan yang Tidak Dijangka



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Kesedaran tentang Perlindungan Tenang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Persepsi dan perasaan terhadap situasi kewangan sendiri

Kaji selidik FCI tahun 2024 turut menilai persepsi rakyat Malaysia terhadap keadaan kewangan mereka, khususnya pandangan mereka mengenai tahap hutang serta keupayaan mereka untuk menampung perbelanjaan pada usia emas.

Persepsi terbeban dengan hutang

Sebanyak 26% rakyat Malaysia merasakan mereka menanggung hutang yang terlalu banyak (tahun 2021: 30%), dengan 12% mempunyai hutang yang tinggi (tahun 2021: 14%). Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan muda yang bergelut untuk menguruskan pinjaman pelajaran, kredit di kedai, serta pinjaman daripada ahli keluarga, rakan atau rakan sekerja. Mengikuti rapat adalah pekerja gig yang menghadapi kesukaran kewangan disebabkan oleh komitmen terhadap pinjaman kereta, rumah serta kad kredit dan kesukaran ini ditambah lagi oleh pendapatan yang tidak menentu. Rakyat Malaysia yang mempunyai hutang yang tinggi lebih terbuka untuk membincangkan masalah kewangan mereka, tetapi kebanyakannya menerusi saluran tidak formal. Walaupun penggunaan saluran formal seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), penasihat kewangan berdaftar dan bantuan kewangan secara dalam talian telah meningkat, jumlah yang mendapatkan perkhidmatan ini masih rendah. Permohonan bantuan daripada penyedia perkhidmatan kewangan juga kurang diminati (Gambar Rajah 6).

Gambar Rajah 6: Keberhutangan dalam Kalangan Rakyat Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Persepsi tentang persaraan

Sebanyak 31% rakyat Malaysia bimbang tentang pengurusan perbelanjaan pada usia emas, iaitu meningkat daripada 27% pada tahun 2021. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan strategi persaraan yang digemari, dengan 54% rakyat Malaysia bergantung pada KWSP sebagai dana perbelanjaan pada usia emas (tahun 2021: 41%). Walau bagaimanapun, dalam kalangan mereka yang berumur lebih 50 tahun, pergantungan pada KWSP berkurang kepada 36%. Sebaliknya, mereka semakin bergantung pada strategi lain seperti produk pelaburan serta sumber pendapatan tidak formal seperti bantuan daripada anak-anak dan keluarga, selain ingin terus bekerja selepas bersara. Memandangkan Malaysia akan menjadi masyarakat menua, perancangan kewangan jangka panjang memerlukan perhatian yang rapi. Peralihan kepada strategi tidak formal dalam kalangan generasi lebih tua memberikan gambaran bahawa golongan muda mungkin bakal berdepan dengan lebih banyak tanggungjawab kewangan untuk ibu bapa dan saudara-mara mereka. Hal ini berkemungkinan menjejaskan kesejahteraan kewangan isi rumah jika tidak dirancang dengan sewajarnya (Gambar Rajah 7). Situasi ini menegaskan perlunya perancangan kewangan jangka panjang yang lebih baik.

Gambar Rajah 7: Perancangan Persaraan Rakyat Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, sejak pelaksanaan NS1.0, rakyat Malaysia kini lebih sedar dan lebih maklum akan urusan kewangan mereka. Namun, peningkatan kos sara hidup digabungkan dengan aliran pendapatan yang tidak menentu, dan kadar pendigitalan yang pesat memberikan cabaran baharu. Dengan perkembangan media sosial dan platform maklumat yang lebih mudah diakses, kesedaran tentang produk kewangan terus meningkat. Hal ini membuka peluang kepada penyedia perkhidmatan kewangan dan pembuat dasar untuk memperhebatkan usaha meningkatkan celik kewangan dengan impak yang lebih besar pada masa hadapan.

Dapatan daripada Kaji selidik FCI 2024 akan digunakan untuk membentuk fasa berikutnya dalam strategi literasi kewangan kebangsaan (NS2.0). Isu seperti kesan pendigitalan terhadap tingkah laku pengguna, perubahan dalam landskap kewangan dan ekonomi, serta masyarakat menua akan menjadi panduan dalam menetapkan keutamaan dan perancangan, menerusi kolaborasi dengan rakan kerjasama dan pihak berkepentingan yang relevan melalui Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN). NS2.0, yang dijangka dilancarkan pada suku keempat tahun 2025, bertujuan untuk mencapai matlamat utama dalam mempertingkatkan tahap literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia, berasaskan pencapaian NS1.0.

Memajukan Pendigitalan Perkhidmatan Kewangan

Menyokong kemasukan ke pasaran untuk meningkatkan daya saing sektor kewangan
BNM kekal komited untuk memupuk persekitaran kawal selia yang menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab dalam sektor kewangan. Hal ini akan memastikan industri kewangan dapat menguruskan risiko yang berkaitan dengan usaha inovasi secara berkesan.

Susulan pemberian lesen pada tahun 2022, kesemua lima bank digital telah berjaya menerima kelulusan untuk memulakan operasi dalam pasaran. Sehingga bulan Disember 2024, tiga bank digital yang melancarkan produk mereka kepada orang ramai telah menerima deposit sebanyak RM2.3 bilion dengan jumlah pelanggan sebanyak 1.3 juta orang. Hal ini mencerminkan jumlah pelanggan yang semakin berkembang. Hampir 60% daripada pelanggan ini tergolong dalam segmen kurang mendapat perkhidmatan kewangan,[26] seperti isi rumah berpendapatan rendah dan pelanggan yang menetap di mukim yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.[27]

Selain menyediakan fungsi simpanan dan pembayaran, bank digital mula melancarkan produk pembiayaan pada akhir tahun 2024. Rangkaian produk ini dijangka dapat meningkatkan akses dan kemudahan bagi perniagaan peringkat awal, individu yang bekerja sendiri dan perniagaan milikan tunggal. Selain itu, proses permohonan dilakukan sepenuhnya secara digital menerusi aplikasi mudah alih atau laman sesawang yang digabungkan dengan keupayaan analitik data bagi membolehkan bank digital menyesuaikan penawaran kredit berdasarkan profil pelanggan, termasuk mereka yang memiliki sejarah kredit yang terhad.

Pada masa akan datang, bank digital dijangka mengembangkan penawaran produk mereka secara progresif, termasuk pinjaman mikro dan pembiayaan invois, serta menggabungkan kandungan pendidikan kewangan dalam aplikasi untuk meningkatkan tahap celik kewangan pelanggan. Kesemua usaha ini akan menyokong kumpulan yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan agar mereka dapat menggunakan perkhidmatan kewangan secara lebih bermakna, dan seterusnya menyumbang kepada pemerkasaan ekonomi mereka.

BNM juga telah memuktamadkan dan mengeluarkan Rangka Kerja Pelesenan dan Pengawalseliaan Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful Digital (Digital Insurers and Takaful Operators, DITO) pada bulan Julai 2024. Rangka kerja ini membuka peluang kepada DITO untuk turut mempertingkatkan kedinamikan landskap kewangan Malaysia. DITO juga dijangka menyampaikan tawaran nilai yang bermakna bagi rangkuman, persaingan dan kecekapan untuk merapatkan jurang perlindungan yang mustahak serta memenuhi keperluan pengguna. BNM telah membuka permohonan kepada pihak yang berminat untuk mengemukakan permohonan rasmi bagi lesen DITO bermula dari 2 Januari 2025 hingga 31 Disember 2026.

Memantapkan penggerak mustahak untuk inovasi
Di samping memudahkan kemasukan peserta baharu yang mengutamakan perkhidmatan digital (*digital-first players*), BNM komited untuk memajukan penggunaan penyelesaian Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (electronic Know-Your-Customer, e-KYC) yang selamat. Dokumen Dasar e-KYC yang disemak dan diterbitkan pada bulan April 2024 meluaskan skop semakan untuk meliputi individu dan entiti korporat melalui Kenali Perniagaan Anda Menerusi Platform Digital (electronic Know-Your-Business, e-KYB) serta e-KYC untuk individu yang tidak mempunyai akaun bank. Dokumen ini juga memperkenalkan kehendak pensijilan terhadap penyedia teknologi untuk jaminan yang lebih mantap bahawa penyelesaian e-KYC dalam sektor kewangan kekal teguh dan selamat dalam keadaan landskap penipuan kewangan yang semakin berkembang. Pelancaran MyDigital ID baru-baru ini sebagai agenda identiti digital nasional Malaysia menandakan komitmen berterusan bagi pengesahan identiti dalam ekonomi digital. Infrastruktur ID Digital Nasional yang dipercayai dan selamat dapat mengurangkan risiko kecurian identiti dan penipuan, sekali gus melengkapi proses e-KYC sedia ada. Untuk tujuan ini, BNM bekerjasama rapat dengan industri dan agensi kerajaan yang berkaitan melalui ujian rintis untuk memastikan keupayaan sistem yang mantap dan langkah-langkah keselamatan tersedia untuk pelancaran MyDigital ID dalam sektor kewangan.

Pada bulan Februari 2024, BNM telah menambah baik Sandbox Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (Rangka Kerja Sandbox). Dua penambahbaikan utama merangkumi (i) penilaian kelayakan yang dipermudah bagi semua

[26] Berdasarkan Kertas Strategi Rangka Kerja Rangkuman Kewangan (2023–2026), segmen yang kurang dan tidak mendapat perkhidmatan kewangan biasanya dicirikan mengikut kebolehcapaian geografi yang terhad, ketidakupayaan untuk menjalankan transaksi digital, kesukaran mendapatkan perkhidmatan kewangan, tahap celik kewangan yang rendah, PKS dalam bidang pertumbuhan baharu dan mereka yang berkemungkinan lebih terjejas disebabkan oleh situasi peribadi.

[27] Mukim yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan mempunyai lima pusat akses kewangan atau kurang, dengan penduduk melebihi 2,000 orang.





Hari Terbuka Sandbox 2024 buat julung kalinya anjuran BNM dan FAOM di Sasana Kijang

pemohon termasuk syarikat teknologi kewangan, dan (ii) pengenalan Laluan Hijau untuk membolehkan institusi kewangan yang mempunyai rekod prestasi keupayaan pengurusan risiko yang kukuh menguji inovasi mereka secara lebih cepat dan fleksibel. Berikutan penambahbaikan ini, BNM mendapati inovasi yang pelbagai dan kompleks telah dikemukakan untuk penyertaan dalam Sandbox, dengan 11 penyelesaian Sandbox Standard[28] dan tiga pemohon institusi untuk Laluan Hijau.[29] Pemahaman yang diperoleh daripada ujian penyelesaian Sandbox ini juga dapat memaklumkan perumusan atau penambahbaikan dasar BNM yang berkaitan.

Pada bulan Jun 2024, BNM telah bekerjasama dengan Fintech Association of Malaysia (FAOM) untuk menganjurkan Hari Terbuka Sandbox yang julung kali diadakan dengan tema "*Innovation Reimagined*". Lebih daripada 300 peserta daripada komuniti teknologi kewangan, institusi kewangan, pihak berkuasa kawal selia dan pihak berkepentingan ekosistem telah terlibat dalam perbincangan dan sesi perundingan peribadi untuk membincangkan proses Sandbox dan meneroka idea inovasi baharu.

Selain itu, acara ini juga melancarkan program saringan awal dan bimbingan FAOM, yang dibangunkan dengan kerjasama BNM dan 12 pakar industri.[30] Inisiatif ini menawarkan sokongan khidmat nasihat untuk membimbing bakal pemohon Sandbox. BNM menggalakkan pemohon yang berminat untuk mengambil peluang daripada program ini untuk mempercepat dan mempertingkatkan perjalanan Sandbox mereka.

Mempergiat pembaharuan struktur dalam industri Insurans dan Takaful

BNM kekal aktif dalam mempergiat usaha pembaharuan untuk menjamin akses berterusan bagi perlindungan Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (Medical and Health Insurance/Takaful, MHIT) kekal boleh diakses, memandangkan peranan MHIT yang sangat penting dalam pembiayaan kesihatan di Malaysia. Rujuk rencana yang bertajuk "Menjamin Akses yang Berterusan untuk Perlindungan Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan" untuk maklumat lanjut.

Susulan penerbitan Dokumen Dasar Perniagaan MHIT yang disemak pada awal tahun 2024, industri insurans dan takaful telah mengambil beberapa langkah agar produk MHIT kekal mampan dan mampu milik dengan keadaan inflasi perubatan yang berterusan. Salah satu perkembangan utama adalah untuk mewajibkan penawaran produk MHIT dengan ciri pembayaran bersama sebagai pilihan untuk pengguna. Bermula pada bulan September 2024, ITO telah mula menawarkan pilihan produk MHIT dengan ciri pembayaran bersama, di samping penawaran produk MHIT sedia ada tanpa ciri pembayaran bersama. Susulan tawaran ini, rangkaian produk MHIT yang terhasil akan memenuhi keperluan kewangan dan status kesihatan pengguna yang berbeza-beza serta memperkasakan mereka untuk mengambil keputusan yang aktif dalam memilih produk yang paling sesuai untuk mereka. Selain itu, langkah ini juga bertujuan untuk membendung inflasi perubatan, di samping pembaharuan lain, dengan menggalakkan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berasaskan keperluan.

[28] Peningkatan daripada empat permohonan Sandbox Standard yang diterima pada tahun 2023.

[29] Contoh yang ketara termasuk model anggaran pendapatan yang menggunakan data alternatif dan penyelesaian e-KYC untuk pekerja asing yang tidak mempunyai akaun bank. Penyelesaian sedemikian mengkaji cara yang lebih inovatif dalam menentukan kedudukan kredit dan mendaftarkan pelanggan, yang dapat menggerakkan atau meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan.

[30] Pakar industri dicalonkan oleh FAOM dan melibatkan wakil pelbagai sektor seperti pembayaran, perundangan, khidmat nasihat dan teknologi kewangan.

Satu lagi peristiwa penting yang ketara ialah penubuhan platform data tuntutan perubatan berpusat yang mula beroperasi pada bulan Januari 2025. Selanjutnya, ITO akan dikehendaki untuk menyerahkan data tuntutan MHIT yang terperinci secara berkala, termasuk kos rawatan dan trend penggunaan, dalam format tanpa nama untuk memelihara privasi pengguna. Tadbir urus dan perlindungan yang wajar juga telah dilaksanakan untuk memastikan penyelarasan dengan undang-undang perlindungan data dan amalan terbaik. Platform ini akan memudahkan penerbitan maklumat tentang kos bagi prosedur perubatan lazim, lantas memperkasakan pengguna untuk membandingkan harga dan membuat pilihan kos yang berkesan pada masa hadapan. Platform ini juga akan membolehkan pelaksanaan analisis yang lebih menyeluruh berhubung dengan caj rawatan dan pendorong kos yang utama untuk membantu pengurusan inflasi tuntutan perubatan.

BNM kekal komited untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memajukan pembaharuan kesihatan yang lebih luas seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Kesihatan bagi memastikan pembiayaan penjagaan kesihatan yang mampan di Malaysia. Pada tahun 2024, BNM mengadakan libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem ini, termasuk KKM, Persatuan Hospital Swasta Malaysia (Association of Private Hospitals Malaysia, APHM), persatuan pengguna,[31] ahli akademik, kumpulan pemikir serta persatuan insurans dan takaful (Persatuan Insurans Hayat Malaysia (Life Insurance Association of Malaysia, LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association, MTA)), untuk membincangkan langkah selanjutnya untuk menangani cabaran jangka panjang mengenai peningkatan kos penjagaan kesihatan. Pada bulan Disember 2024, BNM juga mengumumkan langkah-langkah interim tentang penetapan semula premium. Langkah ini bertujuan untuk membantu pemegang polisi dengan mengagihkan peningkatan premium dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun, menangguhkan kenaikan premium untuk warga emas dan mengaktifkan semula polisi yang telah luput tanpa pengunderaitan tambahan. Meskipun langkah-langkah ini membantu pemegang polisi mengekalkan perlindungan MHIT sedia ada buat sementara waktu, adalah sangat penting untuk langkah-langkah ini disusuli rapat dengan pembaharuan yang lebih mampan untuk menangani peningkatan kos perubatan dan inflasi tuntutan dalam jangka panjang.

Pada tahun 2024, terdapat perkembangan lanjut dalam usaha transformasi ekosistem insurans dan takaful motor. Kesemua 23 penanggung insurans dan pengendali takaful am (*general insurers and takaful operators*, GITO) telah melaksanakan penyelesaian Bantuan Tepi Jalan Digital (Digital Roadside Assistance, DRA). DRA menawarkan akses kepada bantuan tepi jalan untuk pengguna motor apabila kejadian seperti kerosakan kenderaan atau kemalangan berlaku. Setelah mendaftar untuk perkhidmatan ini, pengguna boleh memulakan pengalaman tuntutan digital mereka, termasuk menjejaki lokasi trak tunda mereka, memilih bengkel secara digital, menyerahkan dokumen tuntutan mereka serta mendapatkan perkembangan status tuntutan dan baik pulih kenderaan mereka. Kemudahan ini menghasilkan ketelusan berhubung dengan proses tuntutan dan pengalaman bersepadu kepada pengguna.

Untuk memacu penggunaan DRA, PIAM, MTA dan industri GITO secara keseluruhan telah melancarkan kempen "Jom Level-Up" yang menampilkan laman sesawang interaktif mikro,[32] webinar yang menarik dan sesi jangkauan di lapangan. Inisiatif ini bertujuan untuk membina kumpulan pengguna yang lebih bermaklumat dan proaktif, dengan memupuk kesedaran tentang perlindungan berasaskan keperluan, menggalakkan penyelesaian digital, dan mengukuhkan lagi pemahaman tentang hak pengguna.

Pada tahun 2025, BNM akan terus berunding dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk membentuk ekosistem insurans motor yang berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan, sejajar dengan trend mobiliti yang berkembang. Trend mobiliti ini meliputi penggunaan telematik untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan menambah baik proses tuntutan, memastikan perlindungan dan harga yang sesuai untuk kenderaan elektrik, dan menawarkan model insurans berasaskan penggunaan yang disesuaikan untuk profil risiko yang berbeza. Menjelang tahun 2026, usaha akan tertumpu pada penerokaan sensor pengesan kemalangan automatik, pendigitalan dan pengautomasian penilaian kerugian serta mendayakan sistem pelaporan polis secara dalam talian. Usaha ini memerlukan penyelarasan dan sokongan dalam kalangan agensi kerajaan dan peserta ekosistem motor yang lebih luas.

[31] Antaranya termasuk Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Federation of Malaysian Consumers Association, FOMCA), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (Consumers' Association of Penang, CAP), Citizen Health Initiative (CHI), Campaign to Protect the Right of Insurance Consumers of Malaysia (CPRICM) yang mewakili pemegang polisi individu serta Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (Malaysian Employers Federation, MEF) yang mewakili majikan yang membeli MHIT untuk kakitangan.

[32] Laman sesawang mikro kempen "Jom Level-Up" boleh diakses menerusi https://jomlevelup.my/.

Memperteguh Tenaga Kerja Sektor Kewangan Masa Hadapan

Membina kumpulan tenaga mahir yang berdaya tahan dan berdaya saing dalam sektor kewangan

Kemajuan teknologi, perubahan keperluan pengawalseliaan dan bidang pertumbuhan baharu menuntut tenaga kerja yang tangkas dengan kemahiran yang diperlukan untuk memacu industri ke hadapan. Berbekalkan sokongan BNM, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), Asian Insurance Institute (AII) dan Islamic Banking and Finance Institute (IBFIM) telah melancarkan Rangka Kerja Kemahiran Masa Hadapan (Future Skills Framework, FSF) untuk sektor kewangan pada bulan Julai 2024 untuk menangani cabaran ini (Gambar Rajah 11).

Komponen Teras Rangka Kerja Kemahiran Masa Hadapan

FSF ialah pusat rujukan yang merangkumi peranan pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan untuk menangani keperluan tenaga kerja yang berkembang dalam sektor perbankan[33] serta sektor insurans dan takaful. Rangka kerja ini direka bentuk untuk memberikan manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan dalam seluruh ekosistem tenaga mahir sektor kewangan seperti yang berikut:

- Individu yang sedang bekerja atau bercita-cita untuk bekerja dalam perkhidmatan kewangan boleh merancang haluan pembangunan profesional mereka sendiri.
- Majikan boleh menjangka dengan lebih baik cara kemahiran dan peranan pekerjaan akan berkembang dan menggunakannya untuk menyusun strategi untuk membangunkan dan menarik tenaga mahir.

Gambar Rajah 11: Gambaran Keseluruhan Dapatan Utama daripada FSF untuk Sektor Kewangan Malaysia

Enam Trend Utama yang memberikan kesan terhadap Tenaga Kerja Sektor Kewangan Malaysia...

Berpusatkan pelanggan: Memahami dan memenuhi keperluan pelanggan sepanjang perkhidmatan dan interaksi pelanggan dengan perniagaan

Berpusatkan pekerja: Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang positif yang mengutamakan kesejahteraan, kepuasan, prestasi dan produktiviti pekerja

Kelestarian: Menerapkan faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) untuk menyelaraskan amalan perniagaan dengan agenda dan matlamat negara

Transformasi digital: Memanfaatkan teknologi untuk mempertingkatkan dan menyelaraskan operasi perniagaan dan menambah baik pengalaman pelanggan

Kecerdasan buatan generatif: Menyepadukan teknologi pembelajaran mendalam untuk automasi dan pewujudan kandungan asli untuk meningkatkan produktiviti

Keselamatan siber: Melaksanakan langkah-langkah untuk melindungi daripada ancaman digital

... mempengaruhi komposisi pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan dalam beberapa tahun akan datang

17 (11%) daripada 161 profil kerja dikenal pasti sebagai baru muncul

Profil kerja ini termasuk dalam 5 kluster pekerjaan: operasi digital, data dan IT; khidmat nasihat dan penyelesaian orang ramai; penjenamaan, pemasaran dan komunikasi; hubungan pelanggan dan khidmat nasihat; serta pengurusan rantaian bekalan dan perolehan

36 (22%) daripada 161 profil kerja dikenal pasti sedang berkembang

Hal ni merujuk profil kerja iaitu sifat peranan tersebut dijangka bertambah untuk mencakupi mana-mana yang berikut: memberikan arahan dan nasihat strategik, memacu agenda kelestarian, dan menggunakan teknologi baharu berkaitan dengan industri, misalnya

10 kemahiran utama[1] boleh didapati dalam 3 kluster kemahiran, dengan 81% daripada peranan pekerjaan tersebut memerlukan pengumpulan data dan kemahiran analisis

Perspektif global	Pengurusan projek	Penambahbaikan & pengaturan semula proses	Penyelidikan & sintesis maklumat	Perancangan & analisis senario	**Pertumbuhan & Perkongsian**
Pengurusan risiko	Pematuhan Syariah	Pematuhan pengawalseliaan	**Pengurusan Risiko, Tadbir Urus & Pematuhan Pengawalseliaan**		
Pengumpulan & analisis data	Penceritaan & visualisasi data	**Digital & Integrasi Data**			

Semua 15 kemahiran berpotensi tinggi[2] adalah berkaitan dengan semua profil kerja, dengan lima dinilai mempunyai jurang terbesar dalam kalangan institusi kewangan

Komunikasi	Penyelesaian masalah	Pemikiran kritikal	Kelancaran digital	Pemikiran inovatif

[1] Hal ini merujuk kemahiran teknikal utama yang khusus pada profil kerja.
[2] Hal ini merujuk kemahiran asas yang relevan bagi semua profil kerja yang melengkapi kemahiran utama.

Sumber: Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)

[33] Termasuk institusi kewangan konvensional, digital, Islam, pelaburan dan pembangunan.

- Penyedia latihan boleh mendapatkan pemahaman tentang trend sektor dan kemahiran yang diperlukan untuk membangunkan kurikulum serta program yang bersesuaian untuk menyokong keperluan pelajar dan perniagaan dengan lebih berkesan.

FSF dapat memudahkan mobiliti pekerjaan dalam dan merentasi subsektor, memupuk pembelajaran seumur hidup, menggalakkan pembangunan ekosistem latihan bersepadu dan berkualiti tinggi serta memudahkan transformasi tenaga kerja Malaysia melalui inisiatif kebangsaan mengenai pembangunan kemahiran.

Untuk mencapai hasil yang dihasratkan, FSF memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor awam dan swasta. Kerjasama ini merangkumi usaha sama industri, insentif untuk pembangunan profesional berterusan dan penilaian berterusan berhubung dengan keberkesanan rangka kerja ini. BNM komited untuk menyokong perkongsian awam-swasta yang boleh memacu usaha bersama bagi merapatkan jurang kemahiran serta meningkatkan keupayaan tenaga mahir. Usaha ini memerlukan pembaharuan yang bermakna, seperti memudahkan penyepaduan dan penjajaran FSF dengan platform kebangsaan untuk kemahiran masa hadapan di Malaysia yang diterajui oleh TalentCorp di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bagi menyokong mobiliti tenaga mahir merentasi sektor, serta usaha yang dapat memberikan jaminan pekerjaan yang lebih kukuh dan pasaran pekerja yang memberangsangkan.

Perkembangan Pasaran Kewangan

Dalam usaha untuk mendorong inisiatif pembangunan pasaran kewangan, kerjasama yang berterusan antara BNM dengan peserta pasaran melalui Jawatankuasa Pasaran Kewangan[34] (Financial Market Committee, FMC) menjadi penggerak penting dalam memajukan usaha untuk meningkatkan keluasan dan kedalaman pasaran kewangan domestik serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pada tahun 2024, BNM memulakan perundingan berkaitan dengan penanda aras kadar faedah domestik dengan tujuan untuk beralih daripada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KL Interbank Overnight Rate, KLIBOR) kepada Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) dan Kadar Semalaman Islam Malaysia (Malaysia Islamic Overnight Rate, MYOR-i) yang lebih teguh.

Libat urus yang berterusan dengan pihak berkepentingan dalam industri memberi BNM pandangan yang berharga untuk mengemudi keadaan pasaran yang tidak menentu serta mengenal pasti langkah-langkah bagi meningkatkan infrastruktur pasaran. Pada tahun 2024, BNM mengeluarkan kertas perbincangan untuk mendapatkan maklum balas orang ramai tentang bidang pelaksanaan yang sangat penting, termasuk pengenalpastian pengganti yang berpotensi untuk kadar rujukan berjangka dan pengurusan kontrak legasi KLIBOR. Maklum balas yang dikumpulkan akan menjadi asas pelan hala tuju peralihan yang dijadualkan untuk diterbitkan pada tahun 2025. Bagi melancarkan proses peralihan, kumpulan kerja yang diterajui pasaran akan ditubuhkan untuk memberikan bimbingan tentang pembangunan dan penyepaduan MYOR/MYOR-i, serta pengurusan kontrak legasi KLIBOR sebelum tarikh pemberhentian. Anjakan strategik ini bertujuan untuk mengekalkan keyakinan terhadap kebolehpercayaan dan keteguhan penanda aras kewangan yang digunakan dalam pasaran kewangan domestik.

Peniaga Utama (Principal Dealers, PD) kekal penting dalam memastikan mudah tunai pasaran bon melalui pengunderaitan lelongan bon kerajaan dan tanggungjawab mereka sebagai pemudah cara pasaran (*market-making*). Mereka juga menyumbang kepada pertumbuhan pasaran bon domestik dengan mengambil bahagian dalam inisiatif pembangunan bersama BNM. Pada tahun 2024, BNM menambah baik rangka kerja PD dengan melakukan perubahan penting yang bertujuan untuk merangsang mudah tunai dalam pasaran bon korporat dan menggalakkan penyertaan dalam produk kewangan berasaskan MYOR/MYOR-i. Kad skor berwajaran modal tahunan akan diterbitkan dalam Portal Pelabur Pasaran Kewangan (Financial Markets Investor Portal, FMIP) BNM bagi melengkapkan kad skor tidak berwajaran yang sedia ada. Kad skor baharu ini memaparkan usaha yang dilakukan oleh setiap PD berdasarkan keupayaan mereka. Melalui rangka kerja yang dipertingkatkan ini, BNM berhasrat untuk mengukuhkan peranan utama PD dalam menyokong pasaran bon Malaysia yang progresif lagi memberangsangkan sambil meluaskan asas pelabur Malaysia dengan mengembangkan penawaran produk.

Daripada segi pertukaran asing, BNM melaksanakan liberalisasi dasar pertukaran asing (*foreign exchange policy*, FEP) untuk membenarkan bank pembangunan pelbagai

[34] FMC telah ditubuhkan pada tahun 2016 untuk meluaskan penglibatan industri dengan memberikan tumpuan terhadap usaha untuk mengkaji dan merangka strategi komprehensif untuk pasaran kewangan borong.

hala (*multilateral development banks*, MDB) dan IKP bukan pemastautin yang layak untuk menerbitkan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit, di samping melanjutkan pembiayaan ringgit kepada entiti pemastautin. Fleksibiliti ini membolehkan pembiaya dan perniagaan menstrukturkan pembiayaan dalam ringgit untuk projek dalam negeri sambil mengurangkan risiko ketidakpadanan mata wang. Selain itu, BNM memperkenalkan program rintis Qualified Resident Investor (QRI), iaitu program yang menawarkan fleksibiliti kepada syarikat korporat pemastautin untuk melabur semula di luar negeri selepas membawa pulang dan menukarkan dana mata wang asing daripada pelaburan luar negeri. Inisiatif ini dijangka menggalakkan aliran dua hala yang kukuh dalam pasaran kewangan domestik serta terus menyokong daya tahan ringgit.

Selaras dengan perkembangan ini, inisiatif berterusan BNM untuk memperdalam pasaran kewangan Islam Malaysia diketengahkan melalui rencana bertajuk "Memperdalam Pasaran Kewangan dan Pengurusan Mudah Tunai Islam".

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2025, BNM akan kekal teguh dalam menggalakkan sistem kewangan yang progresif dan inklusif. Usaha akan tertumpu pada inisiatif yang memajukan objektif yang digariskan dalam PSK bagi memastikan hasil yang dihasratkan tercapai. BNM melaksanakan kajian separuh penggal pada tahun 2024 untuk menilai kemajuan strategi PSK semasa dan mengenal pasti pelarasan yang diperlukan (Gambar Rajah 12).

Seiring dengan strategi PSK, inisiatif rangkuman kewangan BNM akan dipandu oleh visi dan strategi yang dibentangkan dalam FIF. Usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan strategi celik kewangan. Dalam bidang ini, terdapat kerjasama yang berterusan antara ahli dengan rakan kongsi FEN untuk mengumpulkan maklum balas bagi Kertas Perbincangan mengenai Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia Kedua 2026-2030 (NS2.0).[35] Kertas kerja ini akan menggariskan keutamaan strategik dan pelan tindakan untuk celik kewangan di Malaysia, sejajar dengan SDG.

Pelarasan Strategik Penting di bawah Kajian Separuh Penggal PSK

Berlatarkan kemajuan teknologi, peralihan iklim dan anjakan demografi, BNM menyesuaikan strategi PSK dan keutamaan pembangunannya untuk kekal seiring dengan trend dan cabaran yang akan datang.

Pertama, BNM akan meningkatkan usaha untuk menyokong daya tahan perniagaan dan agenda transformasi ekonomi Malaysia dengan mengumpulkan pendanaan dalam negeri dan kapasiti insurans/takaful serta mengembangkan struktur sukuk yang inovatif untuk memperdalam pasaran kewangan Islam. Langkah-langkah juga akan diperkukuh untuk merapatkan jurang perlindungan bagi kumpulan mudah terjejas, seperti warga emas, OKU dan komuniti yang terletak di kawasan yang terdedah pada bencana alam. Langkah-langkah ini termasuk meningkatkan program kesedaran dan menggalakkan penawaran produk yang lebih pelbagai.

BNM akan memudahkan inovasi sektor kewangan dengan lebih lanjut, yang boleh memanfaatkan kemajuan teknologi terkini, seperti kecerdasan buatan generatif dan tokenisasi aset. Pada masa yang sama, BNM akan mengekalkan pengawasan yang seimbang terhadap risiko baharu yang berpunca daripada pendigitalan yang pantas seperti keselamatan siber dan penipuan kewangan digital.

Selain itu, sokongan akan terus dipertingkatkan untuk mempercepat peralihan Malaysia yang teratur kepada ekonomi yang lebih lestari dengan meningkatkan kapasiti sektor kewangan untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang mampan dan inovatif. BNM juga akan terus mengkaji penambahbaikan terhadap rangka kerja iklim seperti Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) dan menyokong pembangunan alatan untuk penggunaan data iklim yang berkesan.

Usaha juga akan diteruskan dalam memajukan agenda kewangan Islam Malaysia dengan melaksanakan strategi untuk mempergiat pelaksanaan kewangan berasaskan nilai, mengukuhkan pengawasan industri untuk memacu agenda Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC), termasuk melalui Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC), dan mengembangkan aset patuh Syariah yang boleh dilaburkan. Akhir sekali, sokongan aktif terhadap pembangunan tenaga kerja sektor kewangan yang bersedia untuk masa ha dapan akan diberikan melalui pelaksanaan FSF yang berkesan, termasuk mengkaji perubahan pada dasar Dana Latihan Kakitangan (Staff Training Fund, STF) yang bertindak sebagai pemacu FSF. Oleh sebab tenaga mahir ialah penggerak yang sangat penting untuk mencapai semua keutamaan PSK, BNM menyasarkan

[35] Untuk maklumat lanjut, rujuk Kertas Perbincangan Mengenai Cadangan Ciri-ciri Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia Kedua (2026 – 2030).

pengukuhan ekosistem tenaga mahir sektor kewangan yang sedia ada, dengan memberikan tumpuan khusus terhadap pembinaan kumpulan tenaga mahir dalam bidang Syariah, kelestarian, teknologi dan insurans.

Kepimpinan dan sokongan daripada industri kewangan kekal sangat penting untuk memastikan sektor kewangan terus menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif. Dalam perjalanan untuk mencapai aspirasi Malaysia, pendekatan seluruh negara diperlukan menerusi kerjasama antara semua pihak berkepentingan yang berkaitan.

Gambar Rajah 12: Pelarasan Strategik Utama di bawah Kajian Separuh Penggal Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2022–2026

3 Tema Umum Pelan Tindakan

Kewangan untuk Semua

- Pilihan kewangan yang pelbagai
- Jaringan keselamatan kewangan yang kukuh
- Pelanggan kewangan yang yakin

Kewangan untuk Transformasi

- Pertumbuhan kewangan alternatif
- Integrasi global yang lebih mendalam
- Landskap kewangan yang memberangsangkan

Kewangan untuk Kelestarian

- Penggunaan pengantaraan berasaskan nilai yang lebih meluas
- Melestarikan kewangan dan pembiayaan hijau

Penyesuaian dengan Perkembangan Terkini

Membina pembiayaan dan insurans/takaful tempatan
- Menyokong persekitaran kawal selia yang kondusif untuk peserta domestik menawarkan pembiayaan dengan struktur alternatif dan produk insurans/takaful khusus
- Memperdalamkan pasaran kewangan Islam menerusi penerokaan struktur sukuk yang inovatif

Menutup jurang perlindungan yang terakhir
- Meningkatkan langganan insurans/takaful mikro dengan memperluas program kesedaran dan menggalakkan pelaksanaan yang lebih meluas oleh sektor kewangan
- Memperluas pelbagai tawaran produk dan mempergiat kemudahan akses kewangan

Meningkatkan kemudahan inovasi yang bertanggungjawab dengan pengawasan yang setara
- Menggalakkan lagi inovasi yang bertanggungjawab, memanfaatkan kemajuan teknologi terkini contohnya kecerdasan buatan dan pemtokenisasi aset sambil mengekalkan pengawasan terhadap inovasi baharu seperti pengkomputeran kuantum dan risiko yang berkaitan
- Terus memperkukuh langkah-langkah tindak balas terhadap penipuan dan scam kewangan, termasuk memperluas program celik kewangan digital
- Menyokong usaha serantau dalam pembangunan rangka kerja pengawasan pembayaran rentas sempadan dan pengurusan risiko

Mempercepat sokongan untuk peralihan teratur kepada ekonomi yang lebih hijau
- Mempergiat peningkatan kewangan mampan dengan membina kapasiti industri supaya menawarkan penyelesaian pembiayaan inovatif seperti kewangan mampan campuran
- Kemajuan daripada taksonomi iklim berasaskan prinsip kepada taksonomi iklim berasaskan nilai ambang dan meneruskan usaha untuk mewujudkan taksonomi bersepadu/kebangsaan
- Menyokong pembangunan infrastruktur/ alat data yang membolehkan penggunaan data iklim secara berkesan

Mempercepat kepimpinan industri dalam kewangan Islam susulan penggunaan penyelesaian berasaskan nilai yang lebih meluas
- Bekerjasama dengan industri untuk membangunkan strategi bagi demonstrasi pengantaraan berasaskan nilai (*value-based intermediation,* VBI) yang lebih besar
- Memperkukuh pengawalan industri untuk memacu agenda MIFC, termasuk melalui MIFC Leadership Council (MLC)
- Meningkatkan aset patuh Syariah yang boleh dilaburkan

Menyokong pembangunan tenaga kerja sektor kewangan yang bersedia menghadapi masa hadapan
- Menyokong dan memantau pelaksanaan Rangka Kerja Kemahiran Masa Depan yang berkesan oleh industri kewangan, dengan tumpuan khusus untuk membangunkan kumpulan tenaga kerja dalam bidang Syariah, kelestarian, teknologi dan insurans
- Meneroka cara dasar Dana Latihan Kakitangan (STF) boleh disesuaikan sebagai alat bagi pembangunan tenaga kerja industri kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menjamin Akses yang Berterusan untuk Perlindungan Insurans/ Takaful Perubatan dan Kesihatan

Pengenalan

Tatkala rakyat Malaysia semakin meningkat usia dan berhadapan pula dengan kadar penyakit kronik yang lebih tinggi,[1] perbelanjaan untuk penjagaan kesihatan dijangka akan meningkat. Sebagai langkah persediaan untuk perbelanjaan yang tidak dijangka, lebih ramai rakyat Malaysia telah mula membeli insurans/takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/ takaful*, MHIT). Setakat tahun 2023, terdapat 7.7 juta individu yang mempunyai perlindungan MHIT. Secara keseluruhan, Malaysia membelanjakan RM84.2 bilion[2] untuk penjagaan kesihatan pada tahun 2023. Daripada jumlah keseluruhan ini, jumlah yang dibiayai oleh MHIT telah meningkat enam kali ganda sepanjang tempoh dua dekad yang lalu daripada RM0.96 bilion pada tahun 2003 kepada RM6.75 bilion pada tahun 2023. Rencana ini akan menghuraikan implikasi inflasi perubatan terhadap premium MHIT,[3] strategi untuk mengawal inflasi perubatan dan menjamin akses yang berterusan untuk perlindungan MHIT.

Inflasi perubatan dan implikasinya terhadap premium MHIT

Malaysia mengalami kadar inflasi perubatan dua digit, iaitu jumlah yang lebih tinggi daripada purata global dan purata Asia Pasifik (Rajah 1). Antara faktor penyumbang kepada inflasi perubatan yang tinggi di Malaysia ialah peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit (*non-communicable diseases*, NCD), penuaan populasi, peningkatan kos tenaga kerja dalam sektor penjagaan kesihatan serta kemajuan dalam teknologi perubatan. Perkembangan ini telah menyebabkan bayaran tuntutan yang lebih tinggi oleh penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO). Untuk mengekalkan kemampanan jangka panjang perlindungan MHIT, ITO akan menyemak dan melaraskan harga produk MHIT secara berkala untuk memastikan premium yang dikumpul adalah mencukupi bagi menampung kos tuntutan oleh pemegang polisi.

Rajah 1: Inflasi Perubatan di Malaysia Berbanding Purata Serantau dan Global



Sumber: AON Global Medical Trend Rates Report

[1] Hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 menunjukkan bahawa sebanyak 15.6% daripada individu dewasa di Malaysia menghidap diabetes, 29.2% menghidap hipertensi dan 33.3% mempunyai tahap kolesterol yang tinggi.

[2] Termasuk jumlah perbelanjaan yang dibiayai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), perbelanjaan yang dibayar sendiri oleh isi rumah, MHIT, kementerian lain, agensi dan pihak berkuasa tempatan, syarikat swasta dan institusi bukan berasaskan keuntungan. Perbelanjaan ini termasuk kos rawatan kuratif, pemulihan dan penjagaan kejururawatan jangka panjang, promosi dan pencegahan kesihatan, barangan perubatan dan pentadbiran program kesihatan. Sumber: Akaun Kesihatan Nasional Malaysia: Laporan Perbelanjaan Kesihatan, KKM.

[3] Sebarang rujukan kepada polisi insurans/premium insurans/pemegang polisi juga termasuk sijil takaful/sumbangan takaful/peserta takaful untuk produk MHIT kendiri serta kos insurans (*cost of insurance*, COI)/*tabarru'* bagi produk MHIT yang dibiayai oleh akaun unit.

Antara tahun 2021 dan 2023, jumlah kos tuntutan MHIT meningkat sebanyak 73%, jauh melebihi pertumbuhan bayaran premium MHIT sebanyak 21% (Rajah 2). Selain daripada purata kos rawatan yang lebih tinggi, peningkatan ini juga didorong oleh penggunaan perkhidmatan perubatan yang lebih kerap seperti yang dicerminkan oleh peningkatan insiden tuntutan. Pada tahun 2018, 11 tuntutan dibuat bagi setiap 100 pemegang polisi. Namun, pada tahun 2023, bilangan tuntutan telah meningkat lebih sekali ganda kepada 25 tuntutan (Rajah 3). Isu ini ditambah lagi dengan kos bekalan dan perkhidmatan hospital (*hospital supplies and services*, HSS) yang tinggi seperti ubat-ubatan, fi makmal dan bahan guna habis (contohnya sarung tangan). Pada masa ini, kos HSS tidak dikawal dan menunjukkan perbezaan yang ketara antara hospital. Memandangkan komponen HSS mewakili 59% hingga 70% daripada keseluruhan bil hospital swasta, bergantung pada jenis rawatan (iaitu bukan pembedahan atau pembedahan), kesannya terhadap keseluruhan kos tuntutan adalah signifikan.

Rajah 2: Trend Premium dan Tuntutan MHIT, Tahun 2021–2023



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Insurance Services Malaysia

Rajah 3: Kekerapan Tuntutan MHIT, Tahun 2018–2023



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Insurance Services Malaysia

Reka bentuk produk MHIT juga memainkan peranan dalam isu ini. Produk MHIT dengan had penggunaan yang tinggi, seperti sehingga RM8 juta setiap tahun dan tanpa had seumur hidup, secara amnya dikaitkan dengan penggunaan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi. Selain itu, berdasarkan pemerhatian, terdapat perbezaan jumlah caj rawatan untuk pemegang polisi yang menerima rawatan melalui kemudahan tanpa tunai, iaitu ITO mengeluarkan surat jaminan (*guarantee letter*) dan membuat bayaran terus kepada penyedia penjagaan kesihatan berbanding dengan pemegang polisi yang membuat bayaran dengan wang sendiri terlebih dahulu dan kemudiannya mendapat bayaran balik daripada ITO.

Jumlah tuntutan yang meningkat secara berterusan, didorong oleh peningkatan dalam purata kos rawatan perubatan dan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan selama beberapa tahun ini, telah menyebabkan ITO menyemak semula tahap premium sedia ada dan melaraskan premium untuk mencerminkan jangkaan tuntutan pada masa hadapan dengan lebih baik. Walaupun pelarasan sedemikian merupakan amalan lazim ITO, pelarasan premium di Malaysia adalah lebih ketara selepas tempoh COVID-19. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh penangguhan pelarasan oleh ITO semasa pandemik pada tahun 2020, bagi meringankan beban kewangan pemegang polisi pada masa itu. Selain itu, tuntutan perubatan juga meningkat selepas pandemik berikutan penyambungan semula rawatan dan prosedur perubatan yang tertangguh serta peningkatan penyakit berjangkit. Pada tahun 2024, terdapat beberapa pelarasan premium yang ketara. Meskipun 61% daripada polisi yang terjejas mengalami kenaikan premium kurang daripada 20%, kira-kira 9% daripada polisi yang terjejas mengalami kenaikan premium lebih daripada 40%.

Bagi mengurangkan impak semasa pelarasan premium terhadap pemegang polisi, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan beberapa langkah interim[4] pada bulan Disember 2024 (Gambar Rajah 1). Langkah-langkah ini bersifat sementara untuk memberikan masa bagi pelaksanaan pembaharuan kesihatan yang lebih meluas dan sangat penting untuk membendung inflasi perubatan. Langkah-langkah interim ini tidak akan dapat dikekalkan jika inflasi perubatan yang tinggi terus berlarutan. Oleh itu, pelaksanaan pembaharuan kesihatan yang lebih holistik dan berkesan oleh pihak berkepentingan utama adalah sangat penting bagi menangani inflasi perubatan. Hal ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian yang bertajuk "Mempercepat pembaharuan untuk menangani inflasi perubatan dengan berkesan" dalam rencana ini.

[4] Sumber: https://www.bnm.gov.my/-/mhit-pr

Gambar Rajah 1: Langkah-langkah Interim bagi Pelarasan Premium untuk Tahun 2024–2026

1. Pengagihan kadar pelarasan premium* sekurang-kurangnya tiga tahun.
2. Penangguhan sementara pelarasan premium* bagi pemegang polisi dengan pelan minimum yang berumur 60 tahun dan ke atas.
3. Pengaktifan semula polisi tanpa keperluan pengunderaitan untuk pemegang polisi yang telah menyerahkan polisi atau polisi telah luput pada tahun 2024 disebabkan pelarasan premium.
4. Penyediaan produk alternatif pada premium yang sama atau lebih rendah.

* Terpakai pada pelarasan premium disebabkan oleh inflasi perubatan sahaja

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pelarasan premium bergantung pada pengalaman tuntutan kumpulan risiko dan kekerapan ITO melaksanakan penetapan semula harga

Produk MHIT direka berdasarkan prinsip pengumpulan risiko antara individu yang berbeza untuk mengagihkan kos tuntutan dan mengurangkan beban kewangan bagi setiap individu (Gambar Rajah 2). Produk MHIT yang memberikan bayaran balik terhadap perbelanjaan perubatan secara amnya direka dengan premium tidak dijamin yang tertakluk pada pelarasan premium secara berkala. Oleh itu, premium ditetapkan dengan sedikit peruntukan untuk unjuran inflasi sehingga semakan tahap premium yang seterusnya. Jika inflasi perubatan yang dialami oleh kumpulan risiko adalah lebih tinggi daripada jangkaan, premium yang dibayar oleh pemegang polisi pada masa hadapan perlu diselaraskan untuk mencerminkan inflasi yang lebih tinggi ini bagi memastikan kumpulan tersebut mempunyai sumber yang mencukupi untuk melunaskan tuntutan. Hal ini akan menjejaskan semua pemegang polisi dalam kumpulan tersebut, meskipun seseorang pemegang polisi itu belum membuat tuntutan atau baru sahaja menyertai kumpulan tersebut.

Gambar Rajah 2: Pengumpulan Risiko



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ciri-ciri kumpulan risiko akan mempengaruhi premium yang dibayar oleh pemegang polisi sepanjang tempoh perlindungan mereka. Dalam sesebuah kumpulan risiko, premium mungkin berbeza-beza antara individu berdasarkan faktor yang boleh mempengaruhi tuntutan keseluruhan bagi kumpulan tersebut seperti umur, jantina, sejarah perubatan, risiko pekerjaan, faktor gaya hidup dan jenis pelan. Faktor yang lazimnya digunakan untuk menentukan premium MHIT adalah umur. Secara amnya, premium meningkat dengan umur, sejajar dengan peningkatan dalam risiko kesihatan dan kemungkinan untuk mendapatkan rawatan perubatan. Contohnya, data daripada sampel produk menunjukkan bahawa terdapat 30 tuntutan bagi setiap 100 pemegang polisi berumur 70 hingga 79 tahun. Angka ini jauh lebih tinggi berbanding dengan tujuh tuntutan bagi setiap 100 pemegang polisi berumur 20 hingga 29 tahun (Rajah 4). Premium yang dibezakan membantu untuk mencapai pengagihan sumbangan kewangan yang lebih adil kepada kumpulan, selaras dengan profil risiko individu. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh menimbulkan isu berkaitan kemampuan dan akses bagi pemegang polisi yang lebih berumur, termasuk pesara terutamanya pada usia yang mereka lebih memerlukan perlindungan. Model berasaskan penarafan komuniti (*community-rated model*), yang melibatkan semua individu membayar tahap premium yang sama tanpa mengira umur serta faktor risiko lain, merupakan alternatif bagi model berasaskan penarafan risiko (*risk-rating model*) yang digunakan oleh ITO di Malaysia pada masa ini. Namun, tanpa skala yang mencukupi, insentif yang sewajarnya dan sokongan dasar awam (contohnya penyertaan mandatori), model alternatif ini boleh menyebabkan kesukaran lain seperti pemilihan yang tidak wajar (*adverse selection*), kadar inovasi yang rendah dan premium yang tidak mampan.

Rajah 4: Purata Tuntutan Mengikut Kumpulan Umur



Sumber: Sampel produk MHIT daripada ITO

Saiz kumpulan risiko juga mempengaruhi tahap premium semasa tempoh perlindungan. Kumpulan risiko yang lebih besar bermakna ITO boleh mengagihkan risiko kewangan kepada lebih ramai pemegang polisi. Bilangan pemegang polisi yang besar juga lazimnya menawarkan gabungan yang lebih seimbang antara individu berisiko rendah dan individu berisiko tinggi dalam kumpulan risiko. Keseimbangan ini membantu mengawal kos dan mengekalkan kestabilan premium untuk tempoh yang lebih lama. Pemegang polisi dalam kumpulan yang lebih kecil berkemungkinan mengalami ketidakstabilan yang lebih ketara dalam pengalaman tuntutan. Peka dengan risiko terhadap kumpulan risiko yang kecil dan menyusut, BNM membenarkan ITO untuk meningkatkan kepelbagaian risiko dalam kumpulan risiko (contohnya dengan menggabungkan kumpulan yang mempunyai ciri yang sama) bagi memastikan pengalaman tuntutan yang lebih stabil dalam kumpulan risiko tersebut pada masa hadapan.

Kadar pelarasan premium juga dipengaruhi oleh kekerapan[5] penetapan semula harga. ITO lazimnya melaksanakan penetapan semula harga pada setiap satu hingga tiga tahun. Semakan semula premium yang kurang kerap dan jarak masa yang lebih panjang antara pelaksanaan penetapan semula harga boleh menyebabkan kenaikan premium yang lebih tinggi kerana pelarasan premium perlu mengambil kira jangkaan inflasi perubatan pada masa hadapan untuk tempoh masa yang lebih panjang.

[5] Untuk maklumat lanjut, rujuk rencana "Menilai Kesan Penangguhan bagi Penetapan Semula Harga Pelan Perubatan ke atas Penanggung Insurans Hayat dan Pengendali Takaful Keluarga", Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2021 https://www.bnm.gov.my/documents/20124/4782528/fsr2021h1_bm_wb4_medical.pdf

Ciri-ciri Produk Berkaitan Pelaburan

Produk berkaitan pelaburan (*investment-linked products*, ILP) secara amnya direka dengan premium tetap (*level premium*) sepanjang tempoh polisi. Premium tetap bermaksud pemegang polisi membayar premium yang sama sepanjang tempoh perlindungan mereka. Premium tetap tidak akan dinaikkan mengikut usia. Walau bagaimanapun, premium masih boleh berubah sebagai contoh disebabkan oleh inflasi perubatan seperti yang telah dijelaskan pada awal rencana ini. Selepas ditolak caj pendahuluan, premium akan dilaburkan dalam dana pelaburan yang dipilih oleh pemegang polisi. Selepas itu, kos insurans (*cost of insurance*, COI) dan fi lain seperti fi pengurusan dana akan ditolak daripada akaun unit (atau akaun pelaburan) pemegang polisi secara berkala.

Premium tetap, ditambah dengan sebarang pulangan pelaburan yang diperoleh, membolehkan pemegang polisi meningkatkan akaun unit mereka daripada tahun-tahun awal pelaburan apabila COI lebih rendah. Baki yang terkumpul dalam akaun unit digunakan untuk menampung kenaikan COI pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, jika inflasi perubatan melebihi jangkaan awal, COI akan dilaraskan semula dan dinaikkan, lantas memerlukan bayaran premium yang lebih tinggi bagi mengekalkan tahap perlindungan, sama seperti jenis produk MHIT yang lain.

Dengan struktur ini, kecukupan akaun unit untuk menampung COI pada masa hadapan boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berikut:

a) **aliran masuk tunai yang lebih rendah daripada jangkaan** berikutan pulangan pelaburan yang tidak memberangsangkan, pemegang polisi mempunyai bayaran premium tertunggak atau pemegang polisi tidak membayar premium baharu berikutan pelarasan premium; atau
b) **aliran keluar tunai yang lebih tinggi daripada jangkaan** berikutan pengeluaran sebahagian daripada dana unit oleh pemegang polisi dan kenaikan COI yang disebabkan oleh inflasi perubatan atau apabila pemegang polisi meningkatkan perlindungan tanpa premium tambahan.

Gambar Rajah 3: Produk Berkaitan Pelaburan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Untuk meningkatkan ketelusan kepada pemegang polisi, BNM menghendaki[6] ITO untuk menzahirkan kemampanan polisi ILP kepada pemegang polisi pada setiap tahun. Maklumat penting yang perlu diberikan termasuk prestasi pelaburan dan sama ada tahap premium semasa adalah mencukupi untuk memberikan perlindungan sehingga akhir tempoh perlindungan polisi.

[6] Sumber: https://www.bnm.gov.my/documents/20124/948107/PD-Investment-Linked-Business-2023.pdf

Mempercepat pembaharuan untuk menangani inflasi perubatan dengan berkesan

Bagi memastikan MHIT boleh terus diakses pada jangka masa yang lebih panjang, punca utama kenaikan inflasi perubatan perlu ditangani. Hal ini adalah penting untuk memastikan produk MHIT kekal mampan dan pemegang polisi boleh terus mengakses perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diperlukan bagi mengelakkan bebanan selanjutnya terhadap sistem penjagaan kesihatan awam. Untuk tujuan ini, BNM bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), ITO, hospital dan klinik swasta serta kumpulan pengguna bagi melaksanakan sembilan inisiatif utama untuk mengurangkan kadar kenaikan inflasi perubatan. Semua inisiatif ini akan dilaksanakan berpandukan lima teras strategik (Gambar Rajah 4).

Gambar Rajah 4: Lima Teras Strategik dan Sembilan Inisiatif untuk Menangani Inflasi Perubatan



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia

Teras strategik pertama adalah untuk menyokong **ketelusan harga yang lebih meluas**. Inisiatif di bawah teras ini termasuk mempamerkan harga ubat-ubatan serta penerbitan julat harga untuk perkhidmatan kesihatan lazim. Penerbitan ini membolehkan pemegang polisi dan ITO membandingkan kos antara penyedia penjagaan kesihatan yang berbeza dan pada masa yang sama, menggalakkan daya saing yang lebih baik. Selain itu, mekanisme yang boleh menghasilkan, memantau dan menerbitkan anggaran kadar inflasi perubatan secara konsisten akan dibangunkan. Ini termasuk menyelaraskan metodologi dengan kaedah pengiraan inflasi am dengan lebih baik. Bagi menyokong inisiatif-inisiatif ini, KKM juga akan mengkaji semula peraturan dan perundangan terhadap pengaturan pengawasan semasa hospital swasta.

Teras strategik kedua adalah pelaksanaan **mekanisme pembayaran Kumpulan Berkaitan Diagnosis (Diagnosis-Related Groups, DRG)** untuk menggantikan mekanisme sedia ada berdasarkan fi bagi perkhidmatan yang digunakan di hospital. Di bawah DRG, pesakit dikategorikan mengikut kumpulan berdasarkan diagnosis dan keperluan perubatan mereka, dengan penyesuaian mengikut tahap keparahan dan keadaan komorbiditi (*co-morbidities*). Setiap kumpulan kemudiannya akan dikaitkan dengan jumlah pembayaran yang telah ditetapkan. Model ini memberikan insentif dari segi peningkatan kecekapan dan hasil rawatan kesihatan, sambil memberikan jangkaan harga yang lebih baik.

Teras strategik ketiga adalah **mentransformasi penawaran MHIT** melalui pembangunan produk asas MHIT. Pembangunan produk asas MHIT bertujuan untuk menyediakan penyelesaian meluas yang boleh memastikan premium yang lebih mampan pada jangka panjang melalui pengumpulan risiko yang lebih besar. Pembangunan produk asas akan disertakan dengan langkah-langkah pengawalan kos yang wajar. Langkah-langkah tersebut termasuk pelaksanaan DRG, keutamaan bagi manfaat yang berkesan dari segi kos serta pembelian perkhidmatan penjagaan kesihatan yang strategik.

Teras strategik keempat adalah meningkatkan penawaran **bekalan katil hospital yang mampu milik** melalui pelaksanaan dan pengembangan inisiatif Rakan KKM[7] oleh KKM (yang turut berperanan sebagai penanda aras harga) serta menggalakkan pengembangan hospital bukan berasaskan keuntungan. Inisiatif ini akan menawarkan lebih banyak pilihan yang berkesan dari segi kos kepada pemegang polisi.

Teras strategik kelima adalah meningkatkan saling kendali (*interoperability*) **rekod perubatan elektronik (*electronic medical records*, EMR)** di seluruh hospital. EMR akan menangani isu pengasingan rekod kesihatan di klinik dan hospital yang berbeza pada masa ini. Data perubatan pesakit yang lebih mudah diakses dan dipindahkan akan menambah baik kualiti dan kesinambungan penjagaan dan pada masa yang sama akan dapat mengurangkan keperluan untuk mengulang ujian dan prosedur diagnostik. Pada jangka panjang, hal ini akan meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kos.

Pelaksanaan lima teras strategik ini dijangka dapat membantu dalam mengurangkan kadar inflasi perubatan, lantas membawa kepada penjimatan kos. Pada masa yang sama, pelaksanaan ini akan memastikan akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti yang selaras dengan amalan global terbaik. Hal ini akan membantu dalam menyumbang kepada pelarasan premium yang lebih mampan pada jangka masa yang lebih panjang dan menjamin akses yang berterusan kepada perlindungan MHIT. Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Kewangan menyokong semua inisiatif ini dan tindakan bersepadu daripada semua pihak berkepentingan merentas ekosistem penjagaan kesihatan adalah sangat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan lima teras strategik ini.

[7] Rakan KKM menawarkan perkhidmatan "ekonomi premium" di hospital awam terpilih untuk perkhidmatan pesakit luar, jagaan harian dan pesakit dalam. Untuk maklumat lanjut, rujuk: https://rakankkm.moh.gov.my/bm/

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Sepanjang tahun, tumpuan diberikan pada usaha memperkukuh peranan dan impak kewangan Islam bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mempertingkatkan keadilan sosial.

Pada tahun 2024, Bank Negara Malaysia (BNM) terus memajukan kewangan Islam dengan kerjasama pihak berkepentingan utama. Usaha kekal ditumpukan bagi meningkatkan sumbangan sektor kewangan Islam terhadap pembangunan ekonomi, kelestarian dan rangkuman kewangan. BNM turut memperkukuh persekitaran pengawalseliaan untuk menggalakkan kewangan berasaskan nilai dan instrumen kewangan yang inovatif. Pada peringkat global, BNM bekerjasama secara aktif dengan industri bagi mengukuhkan kepimpinan berwawasan Malaysia dalam kewangan Islam serta kedudukan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam. Kerjasama ini termasuk meningkatkan jalinan rentas sempadan dan kejelasan berhubung dengan pemahaman dan aplikasi Syariah dalam aktiviti kewangan moden, menggalakkan pengiktirafan bersama dalam Syariah dan berkongsi pandangan serta amalan terbaik melalui pelbagai forum antarabangsa. Semua usaha ini selaras dengan keutamaan pembangunan yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022–2026.

Industri perbankan Islam dan takaful terus mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2024. Bahagian industri perbankan Islam daripada jumlah pembiayaan sistem kewangan meningkat daripada 45.6% pada tahun 2023 kepada 46.6% pada tahun 2024, manakala bahagian industri takaful daripada jumlah sumbangan bersih meningkat daripada 23.4% pada tahun 2023 kepada 23.9% pada tahun 2024. Institusi perbankan Islam dan takaful kekal berdaya tahan dan mempunyai tahap modal yang kukuh (Gambar Rajah 1). Daya tahan institusi kewangan Islam telah membolehkan industri terus memenuhi keperluan pembiayaan perniagaan, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dan isi rumah serta menyediakan perlindungan kewangan (Gambar Rajah 2). Walaupun jumlah sumbangan bersih takaful berkembang dengan stabil, penembusan pasaran takaful keluarga[1] menjadi agak sederhana pada tahun 2024. Hal ini disebabkan oleh

Gambar Rajah 1: Bahagian Pasaran dan Penunjuk Pertumbuhan



[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan.
[2] Pertumbuhan tahunan bagi sektor keseluruhan merujuk gabungan sektor Islam dan konvensional.
[3] Tidak termasuk aset dana pemegang saham.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Nisbah jumlah bilangan sijil takaful keluarga yang berkuat kuasa dibandingkan dengan jumlah penduduk.

Gambar Rajah 2: Ringkasan Inisiatif Utama Kewangan Islam pada Tahun 2024 dengan Penunjuk Sumbangan kepada Ekonomi



[1] Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBIAF).
[2] Penerbitan sukuk dan bon kerajaan yang lebih rendah sejajar dengan strategi pinjaman dan belanjawan fiskal Kerajaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia, AIBIM)

penurunan dalam jualan sijil baharu bagi produk berkaitan pelaburan serta produk perubatan dan kesihatan sepanjang tahun tersebut, berikutan cabaran inflasi kos perubatan serta tekanan kos sara hidup secara amnya.

Memperkukuh Ekosistem Kewangan Islam untuk Impak Ekonomi dan Sosial yang Mampan

Kemajuan berterusan bagi inisiatif kewangan berasaskan nilai

Prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation, VBI) telah menjadi panduan utama dalam membimbing industri kewangan Islam untuk menghasilkan impak positif terhadap ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Bank-bank Islam telah menyalurkan sebanyak RM216.1 bilion pada tahun 2023, memberikan manfaat kepada 8.0 juta akaun melalui inisiatif yang sejajar dengan matlamat VBI.[2] Angka ini mencerminkan pertumbuhan yang ketara sebanyak 64.5% dari segi nilai dan 61.2% dari segi jangkauan berbanding dengan tahun 2022, menunjukkan komitmen yang semakin meningkat oleh bank-bank Islam terhadap matlamat VBI. Bank-bank Islam juga menunjukkan kemajuan yang ketara dalam menyokong ekonomi hijau bernilai tinggi melalui peningkatan yang besar dalam pembiayaan sifar bersih dan hijau. Walaupun masih pada peringkat awal, jumlah pembiayaan meningkat kira-kira 50%, bertambah daripada RM16.5 bilion pada tahun 2022 kepada RM25.9 bilion pada tahun 2023. Selain itu, jumlah akaun telah meningkat lebih tiga kali kepada 140,798 akaun pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Bidang tumpuan khusus termasuk pengangkutan bersih dan hijau, pembiayaan peralihan serta pengurusan air dan kumbahan yang lestari.

[2] Sumber: Laporan Pengantaraan Berasaskan Nilai 2023 oleh AIBIM

Pada bulan September 2024, kohort ketiga Panduan Sektoral Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF) yang merangkumi empat sektor telah diterbitkan.[3] Panduan Sektoral VBIAF ini selaras dengan Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (Climate Risk Management and Scenario Analysis, CRMSA) serta Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) yang diterbitkan oleh BNM. Panduan Sektoral VBIAF menyediakan garis panduan bagi sektor khusus yang menilai impak aktiviti pembiayaan dan pelaburan ke atas sepuluh sektor ekonomi secara keseluruhan.[4] Kohort pertama dan kedua Panduan Sektoral yang merangkumi enam sektor dan masing-masing diterbitkan pada tahun 2021 dan 2022 kini sedang disemak oleh Komuniti Pengamal VBI (VBI Community of Practitioners, VBI CoP)[5] bagi memastikan keselarasan dengan CRMSA dan CCPT.[6] Semakan ini dijangka selesai menjelang tahun 2025.

Pada bulan Oktober 2024, sektor takaful telah memajukan pelaksanaan Rangka Kerja Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (Value-based Intermediation for Takaful, VBIT) menerusi pelancaran Kad Skor Berasaskan Maqasid Syariah (Maqasid Shariah Scorecard, MSS) oleh Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association, MTA). Inisiatif rintis ini bertujuan untuk memantau penunjuk prestasi utama (*key performance indicators,* KPI) dan hasil yang mencerminkan nilai teras kewangan Islam. MSS menggunakan kad skor yang menerapkan parameter *maqasid* syariah untuk membantu pengendali takaful mengukur KPI mereka berdasarkan teras utama rangka kerja VBIT.[7]



Penolong Gabenor, Suhaimi Ali bersama-sama ahli MTA dan ISRA Institute semasa pelancaran Kad Skor Berasaskan Maqasid Syariah di persidangan VBIT

Satu lagi inisiatif VBIT ialah program rintis takaful sosial yang menggunakan "pendekatan campuran" untuk segmen yang kurang dilindungi. Inisiatif ini menggabungkan dana ihsan dengan sumbangan takaful dan dana swasta bagi menyediakan perlindungan mampu milik kepada golongan mudah terjejas, termasuk usahawan mikro, secara mampan. Program ini bertujuan untuk menggalakkan perlindungan inklusif, selaras dengan matlamat VBIT berkenaan pemerkasaan dan kelestarian dalam penyelesaian takaful. Program ini juga dijangka akan memanfaatkan geran Kerajaan untuk sumbangan takaful tahunan bagi usahawan mikro di bawah iTEKAD, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025. Maklumat lanjut mengenai iTEKAD boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif".

Memperluas penyelesaian pembiayaan melalui skim CAKNA

Skim CAKNA[8] kekal mudah diakses oleh PKS dalam menguruskan aliran tunai mereka sepanjang kitaran hayat projek bagi kontrak perolehan kerajaan. Sejak diperkenalkan pada tahun 2021, CAKNA I telah menyediakan kemudahan pendanaan bukan hutang sebanyak RM919 juta, memberikan manfaat kepada 305 vendor PKS. Kini, skim ini telah diperluaskan untuk meliputi semua kementerian dan agensi peringkat negeri, menyediakan mudah tunai kepada PKS mencakupi skop aktiviti perniagaan yang lebih luas melalui lapan institusi kewangan yang mengambil bahagian.

3 Kohort ketiga merangkumi sektor pertanian, perlombongan, pengangkutan dan pengurusan sisa.

4 Kohort pertama merangkumi sektor minyak sawit, tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga, manakala kohort kedua merangkumi sektor minyak dan gas, pembinaan, infrastruktur dan perkilangan.

5 VBI CoP ialah platform kerjasama yang diperkenalkan oleh bank-bank Islam yang menerajui inisiatif VBI. Anggota pengasas VBI CoP terdiri daripada Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank). Sehingga kini, keahlian CoP telah meningkat kepada 16 anggota.

6 CRMSA menggariskan prinsip dan keperluan bagi institusi kewangan dalam menguruskan risiko berkaitan iklim manakala CCPT memudahkan institusi kewangan untuk menilai serta mengklasifikasikan kegiatan ekonomi yang menyokong usaha mitigasi dan adaptasi perubahan iklim. CRMSA dan CCPT masing-masing diterbitkan pada tahun 2022 dan 2021.

7 Empat teras utama VBIT ialah daya tahan kewangan (keupayaan untuk pulih daripada kejutan kewangan); tadbir urus kendiri yang baik (keupayaan untuk melaksanakan semua fungsi pengawalan yang diperlukan dengan berkesan); pemerkasaan komuniti (proses mengupayakan orang awam untuk mengawal faktor dan keputusan yang membentuk kehidupan mereka); dan amalan terbaik (amalan yang dianggap paling unggul kerana menghasilkan keputusan yang terbaik).

8 Terdapat dua skim di bawah CAKNA. CAKNA I memenuhi keperluan mudah tunai PKS selepas kontrak disempurnakan, manakala CAKNA II memenuhi keperluan pembiayaan sebelum kontrak disempurnakan. Untuk maklumat lanjut, layari https://www.bnm.gov.my/skim-cakna.







Taklimat berkenaan CAKNA I dan CAKNA II kepada pegawai Kerajaan di Putrajaya serta kontraktor Kerajaan di Kedah

Pada tahun 2024, CAKNA II diperkenalkan sebagai kemudahan pembiayaan bagi membantu PKS menyempurnakan projek mereka tepat pada masanya, terutamanya kontraktor kecil (G1–G4) yang terlibat dalam projek kerajaan yang berkaitan dengan bekalan, perkhidmatan atau kerja kontrak. Pada masa ini, lima institusi kewangan yang mengambil bahagian menawarkan enam produk pembiayaan di bawah CAKNA II bagi PKS yang mempunyai kontrak dengan kerajaan. Selain itu, RM200 juta telah diperuntukkan di bawah Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (All Economic Sectors Facility, AES) daripada Dana BNM untuk PKS bagi menyokong pelaksanaan projek kerajaan berskala kecil.

Sebagai sebahagian daripada perluasan ini, program jangkauan telah dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kewangan (Ministry of Finance, MOF) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai skim CAKNA dalam kalangan kementerian, agensi kerajaan negeri serta vendor PKS.

Memajukan perdagangan dan perniagaan halal

Sektor halal menawarkan peluang yang besar untuk kewangan Islam dalam menyokong ekonomi benar. Dengan peningkatan permintaan global terhadap produk halal, institusi kewangan Islam bersama dengan agensi kerajaan yang berkaitan[9] boleh membantu syarikat halal untuk berkembang dan memperluas potensi eksport mereka.

Pada bulan Mei tahun 2024, BNM, dengan kerjasama MOF, Islamic Development Bank (IsDB) dan World Bank Group Inclusive Growth and Sustainable Finance Hub di Malaysia telah melancarkan program rintis Penghijauan Perniagaan Halal (Greening Halal Businesses, GHB). Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong usaha penghijauan oleh perniagaan halal Malaysia,

Gambar Rajah 3: Ilustrasi Struktur dan Mekanisme Penghijauan Perniagaan Halal



Sumber: Bank Negara Malaysia

[9] Sebagai contoh, Halal Development Corporation Berhad (HDCB) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysia External Trade Development Corporation, MATRADE).

terutamanya PKS dan syarikat peringkat pertengahan dalam memenuhi keperluan peralihan hijau. Penekanan yang semakin meningkat terhadap kepenggunaan beretika mencetuskan keperluan bagi perniagaan halal, terutamanya yang merentasi rantaian nilai eksport untuk memperkukuh komitmen mereka terhadap amalan lestari.

Program rintis GHB menggunakan pendekatan campuran dengan menawarkan pelbagai mekanisme sokongan secara berperingkat (Gambar Rajah 3). Fasa 1 memberikan tumpuan pada penawaran pembangunan kapasiti dan menyediakan alat perakaunan karbon untuk mengukur pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gases,* GHG). Selain itu, bantuan kewangan juga akan disalurkan melalui peruntukan geran kerajaan sebanyak RM15 juta di bawah Belanjawan 2025 bagi menggalakkan lagi usaha peralihan oleh syarikat halal. Usaha peralihan ini termasuk mendapatkan pensijilan hijau untuk menembusi pasaran eksport baharu dan membeli peralatan cekap tenaga bagi mengurangkan pelepasan karbon daripada operasi perniagaan. Seterusnya, Fasa 2 akan dibiayai melalui kemudahan yang disediakan oleh bank-bank yang mengambil bahagian bagi menyokong peralihan perniagaan kepada amalan hijau. Perkembangan pelaksanaannya akan dipantau dan dinilai oleh Bank Dunia berdasarkan penunjuk impak yang telah dikenal pasti.

Pelaksanaan Agritakaful

Program takaful berasaskan pertanian yang pertama di Malaysia, Skim Takaful Tanaman Padi (STTP), telah dilancarkan pada tahun 2024. Skim ini direka untuk meningkatkan daya tahan komuniti pertanian dengan menyediakan perlindungan asas terhadap kerugian hasil tanaman, terutamanya akibat bencana alam seperti banjir dan kemarau, yang diburukkan oleh perubahan iklim.

STTP yang ditawarkan oleh subsidiari Agrobank iaitu Agro Captive Takaful Limited, melalui kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), secara khususnya menyasarkan subsektor penanaman padi. Skim takaful pelbagai peril yang bersifat sukarela ini bertujuan untuk melindungi kira-kira 200,000 pesawah padi berskala kecil yang berdaftar dengan agensi KPKM dan meliputi 350,000 hektar sawah padi di seluruh negara. Perlindungan takaful yang ditawarkan adalah hingga RM3,000 sehektar bagi setiap musim tanaman padi dengan had dua musim setahun. Sumbangan takaful berjumlah RM60 sehektar setiap musim akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan pada tahun pertama. Skim ini juga dijangka dapat menyokong usaha keterjaminan makanan negara dengan menggalakkan lebih banyak usahawan menyertai industri pertanian dengan perlindungan takaful bagi melindungi para petani daripada kejadian luar jangka yang boleh menjejaskan hasil tuaian. Skim ini akan dirintis dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.

Menggerakkan Persekitaran Pengawalseliaan untuk Menyokong Pertumbuhan Kewangan Islam

Memperkukuh penggerak dasar untuk menyokong pertumbuhan perniagaan

Pada tahun 2024, BNM telah menyemak dan menambah baik beberapa peraturan kewangan Islam untuk terus menyediakan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif bagi menggalakkan pertumbuhan sektor kewangan Islam. BNM telah menerbitkan beberapa kertas perbincangan sepanjang tahun 2024 bagi memudahkan aplikasi kontrak Syariah yang pelbagai dengan matlamat untuk menyokong rangkuman dan inovasi produk dalam kewangan berasaskan nilai. Usaha ini termasuk semakan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah dan keperluan dasar sedia ada berkaitan akaun pelaburan. Sebagai sebahagian daripada semakan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah, BNM sedang meneroka reka bentuk rangka kerja baharu dan penyesuaian semula dasar bagi keperluan Syariah dan operasi bagi 14 kontrak Syariah sedia ada. Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan inovasi dengan memanfaatkan kepelbagaian kontrak Syariah di samping memastikan pematuhan Syariah secara menyeluruh bagi memenuhi keperluan pengguna serta ekonomi dengan lebih baik.

BNM juga telah menerbitkan Draf Dedahan Aplikasi Ta`awun dalam Takaful Secara Meluas bagi memudahkan industri takaful menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi masyarakat melalui konsep *ta`awun* (saling membantu). Bagi memastikan keberkesanannya dalam persekitaran pasaran yang sentiasa berubah, BNM juga telah menyemak dasar berkaitan Skim Perbankan Islam bagi memastikan persaingan yang adil dalam kalangan pelbagai jenis institusi kewangan. Secara keseluruhan, usaha ini bermatlamat untuk menggalakkan penyelesaian inovatif dan memacu pertumbuhan perniagaan dalam industri. Penerbitan dasar ini diringkaskan dalam Gambar Rajah 4.

Gambar Rajah 4: Inisiatif Dasar Kewangan Islam yang Utama pada Tahun 2024

Menyokong inovasi industri dalam membangunkan penyelesaian kewangan berasaskan nilai berdasarkan pelbagai kontrak Syariah

Kertas Perbincangan Rangka Kerja Kontrak Syariah
Menggariskan cadangan pendekatan untuk menyemak 14 Dokumen Dasar berasaskan kontrak Syariah yang sedia ada
- Perumusan rangka kerja baharu, iaitu satu Rangka Kerja Kontrak Syariah dan Panduan Pelaksanaan
- Penyelarasan aplikasi kontrak Syariah dengan objektif Syariah dan kontrak
- Penyesuaian semula keperluan Syariah dan operasi bagi memastikan keselarasan pengawalseliaan

Kertas Perbincangan Akaun Pelaburan (IA)
Menggariskan cadangan pendekatan untuk menyemak Dokumen Dasar Akaun Pelaburan yang sedia ada
- Landskap IA termasuk kepelbagaian ke arah IA Berimpak untuk membiayai transformasi ekonomi Malaysia dan aktiviti yang menghasilkan impak
- Kepelbagaian asas pelabur bagi akaun pelaburan yang terhad

Menggalakkan peredaran kekayaan yang saksama dan keharmonian sosial

Draf Dedahan Aplikasi *Ta`awun* dalam Takaful Secara Meluas
Menggariskan cadangan keperluan Syariah dan kawal selia untuk penggunaan *ta`awun* dalam takaful secara meluas
- Cadangan keperluan Syariah dan peraturan bagi penggunaan lebihan untuk segmen yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan takaful
- Prinsip panduan untuk mengkaji model operasi takaful baharu

Memastikan rangka kerja kawal selia yang komprehensif dan menyokong

Dokumen Dasar Skim Perbankan Islam (SPI)
Menggariskan keperluan muktamad untuk skim perbankan Islam
- Liputan menyeluruh peserta industri, termasuk SPI Institusi Kewangan Pembangunan dan SPI luar negara bagi institusi perbankan konvensional domestik
- Kejelasan pengawalseliaan ke arah memastikan pematuhan Syariah sepenuhnya dalam pelbagai persekitaran operasi dan pasaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Membangunkan Rangka Kerja Syariah yang Kondusif untuk Memacu Ekosistem yang Memberangsangkan

Rumusan perbincangan utama Syariah pada tahun 2024
Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) terus memainkan peranan yang penting dalam memajukan kewangan Islam di Malaysia. Ketetapan yang dibuat oleh MPS mengikut rangka kerja membuat keputusan berstruktur yang menggabungkan asas Syariah klasik dan sumber hukum Islam yang menyeluruh serta pandangan dan fatwa kontemporari. Ketetapan ini mengambil kira aplikasi praktikal instrumen kewangan, keadaan dunia sebenar, kesan terhadap industri dan pengaruhnya yang lebih luas terhadap ekonomi secara keseluruhan.

Pada tahun 2024, MPS telah menangani pelbagai isu semasa dan memberikan kejelasan tentang hal ehwal Syariah untuk menyokong inovasi pasaran. Aspek utama yang dibincangkan oleh MPS diringkaskan dalam Gambar Rajah 5.

Memajukan ekosistem tenaga mahir Syariah
Pada tahun 2024, BNM meneruskan usaha untuk mengekalkan barisan pakar Syariah yang berwibawa dan mampan dalam kewangan Islam. Antara inisiatif yang disasarkan ialah program bimbingan intensif yang memberikan peluang kepada para peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan ahli MPS dan ulama Syariah terkemuka dari luar negara.



Sheikh Profesor Dr. Ali Muhiddin Al-Qaradaghi, Profesor Dr. Ashraf Md. Hashim (Pengerusi MPS) dan Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar di program bimbingan mentor bersama pakar Syariah dalam kewangan Islam

BNM turut mengadakan sesi kumpulan fokus yang menyediakan platform kepada peserta untuk berbincang mengenai aplikasi rangka kerja membuat keputusan Syariah yang diguna pakai oleh MPS terhadap isu-isu industri di bawah bimbingan ahli MPS. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada proses pembangunan berterusan yang bertujuan untuk memastikan kesinambungan kumpulan tenaga mahir Syariah dalam ekosistem kewangan Islam negara.

Gambar Rajah 5: Ringkasan Perbincangan Syariah Utama pada Tahun 2024

Inovasi Produk

Penerbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issue, MGII) berasaskan konsep *wakalah*
- MPS meluluskan struktur MGII berdasarkan kontrak *wakalah* (agensi) dan variannya seperti *wakalah bi al-istithmar* (kontrak agensi untuk pelaburan) dan *wakalah bi al-khadamat* (kontrak agensi untuk perkhidmatan) sebagai alternatif kepada *murabahah* untuk mempelbagaikan konsep Syariah asas bagi instrumen tersebut.

Mekanisme baharu perjanjian jual dan beli balik (Sell and Buy Back Agreement, SBBA)
- MPS meluluskan ciri baharu SBBA yang dicadangkan termasuk penyelarasan margin, pengeluaran keuntungan dan penggantian aset.

Pembangunan Dasar

Pemindahan dana untuk pembiayaan dan pengurusan risiko mudah tunai daripada institusi kewangan Islam kepada institusi kewangan konvensional
- Pada prinsipnya, pemindahan sebarang bentuk dana daripada institusi kewangan Islam kepada institusi kewangan konvensional adalah tidak dibenarkan, kecuali terdapat kepastian (*al-yaqin*) atau kebarangkalian tinggi (*ghalib al-zann*) bahawa dana tersebut tidak akan digunakan untuk aktiviti yang tidak patuh Syariah, pemindahan dana bertujuan untuk mengatasi kesulitan tertakluk kepada Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah*.

Penggunaan *ta`awun* dalam takaful secara meluas
- Penggunaan lebihan boleh agih untuk aplikasi *ta`awun* secara meluas perlu sentiasa mengutamakan kepentingan peserta takaful.
- Persetujuan jelas daripada peserta takaful perlu diperoleh sebagai keperluan umum Syariah apabila menggunakan lebihan boleh agih.

Memperkukuh rangka kerja kontrak Syariah
- MPS membincangkan cadangan pendekatan semakan dokumen dasar kontrak Syariah untuk menyokong aplikasi pelbagai kontrak Syariah dan inovasi oleh industri.

Penyelidikan mengenai asas wang moden termasuk Mata Wang Digital Bank Pusat (Central Bank Digital Currency) daripada perspektif Syariah
- Pemahaman mengenai wang mengikut hukum asal Syariah dan cara wang berfungsi dalam sistem perbankan dan ekonomi moden untuk penentuan perspektif Syariah.

Amalan Industri

Lindung nilai jangkaan
- Lindung nilai jangkaan diiktiraf untuk mengurangkan dedahan risiko daripada transaksi unjuran atau jangkaan, yang boleh dianggap sebagai risiko sebenar jika jumlah transaksi dapat dibuktikan, boleh diukur, dan masa pembayaran boleh dipastikan.

Kajian semula terhadap ketetapan MPS yang sedia ada mengenai *tawarruq*
- MPS membincangkan penilaian Syariah terhadap aplikasi *tawarruq* dalam industri dan kemungkinan kesannya terhadap hala tuju dasar.

Parameter untuk pemindahan perniagaan takaful kepada syarikat insurans melalui perjanjian novasi dalam pengaturan penamatan operasi (run-off arrangement)
- MPS membincangkan pemindahan perniagaan takaful kepada syarikat insurans (termasuk syarikat insurans semula berlesen) melalui perjanjian novasi dalam pengaturan penamatan operasi, yang dipadankan dengan keperluan yang ditetapkan dalam Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah*.

Infrastruktur Pasaran

Swap FX Islam sebagai instrumen pengurusan mudah tunai antara BNM dengan Institusi Kewangan Islam
- Swap FX Islam berdasarkan (a) *bai al-sarf* dan *wa'd* (pertukaran mata wang dan janji sehala) dan (b) *tawarruq* untuk tujuan pengurusan mudah tunai diharuskan memandangkan keperluan (*hajah*) untuk memudahkan suntikan mudah tunai dalam pasaran.

Kemudahan Pendanaan bagi Penyelesaian Bayaran Runcit (Funding Facility for Retail Payment Settlement, FRPS)
- Mengesahkan keharusan langganan FRPS berhubung dengan pematuhan Syariahnya, yang melibatkan transaksi jual beli automatik menggunakan kontrak *wakalah*.

Pengaturan yang Tidak Memenuhi Keperluan Syariah

Pembiayaan harta dalam pembinaan berdasarkan *ijarah muntahiyah bi tamlik*
- Pembiayaan tersebut tidak memenuhi syarat kontrak jual beli iaitu menetapkan pemilikan aset sebelum kontrak sewa ditandatangani, dan aset tersebut tidak wujud pada masa kontrak jual beli ditandatangani.

Jual Beli Produk Pertukaran Asing dan Perkhidmatan Penyelesaian tanpa perjanjian *wakalah*
- Pengaturan *wakalah* tersebut tidak mematuhi struktur yang diluluskan oleh MPS dan syarat-syarat perjanjian *wakalah* yang sah.

Source: Bank Negara Malaysia

Meningkatkan Kepimpinan Malaysia dalam Memupuk Jalinan Global dalam Kewangan Islam

Malaysia kekal komited untuk memperkukuh kedudukannya sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam. Sepanjang tahun 2024, BNM terus menumpukan usaha-usaha yang berteraskan kepada tiga bidang utama:

- Memupuk kerjasama global dan inisiatif untuk memajukan kewangan Islam.
- Memperkukuh jalinan perniagaan Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC).
- Memperdalam pasaran kewangan Islam.

Memupuk kerjasama global dan inisiatif untuk memajukan kewangan Islam

Global Forum on Islamic Economics and Finance

Pada bulan Mei tahun 2024, BNM telah menganjurkan Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF) di Kuala Lumpur. Acara ini menghimpunkan lebih 2,300 pembuat dasar, pemimpin industri dan pengamal dari 75 negara. GFIEF dianjurkan di bawah naungan MOF. Rakan penganjur forum ini termasuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM), IsDB, Islamic Financial Services Board (IFSB) dan Kumpulan Bank Dunia.

Bertemakan "Pembentukan Ekonomi Islam Global Berdaya Tahan Menerusi Pembaharuan Berasaskan Nilai-Nilai", forum selama dua hari ini menampilkan perbincangan dasar yang mendalam dan inisiatif bagi mengukuhkan lagi kerjasama antarabangsa (lihat Gambar Rajah 6).

Kerjasama antarabangsa utama dalam kewangan Islam

Sebagai sebahagian daripada komuniti kewangan Islam global, BNM kekal sebagai peserta aktif dalam organisasi dan platform antarabangsa seperti IFSB, IILM dan Pertubuhan Kerjasama Islam (Organisation of Islamic Cooperation, OIC)-Jawatankuasa Tetap bagi Economic and Commercial Cooperation of the Organisation of the Islamic Cooperation (COMCEC) Central Banks Forum. Selain itu, BNM juga berinteraksi dan berbincang dengan beberapa negara dalam acara global dan serantau

Gambar Rajah 6: Inisiatif dan Hasil Utama daripada GFIEF



Sumber: Bank Negara Malaysia



Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menyampaikan ucaptama



Gabenor Bank Negara Malaysia Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour menyampaikan ucapan alu-aluan



Panel membincangkan resolusi GFIEF sebagai tindakan seterusnya oleh industri, pengawal selia dan pihak lain yang berkenaan



Pengerusi MLC Tan Sri Azman Mokhtar menyampaikan Kertas Kedudukan MLC kepada Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim

untuk memajukan inisiatif strategik. Inisiatif strategik ini termasuk mempromosikan kewangan Islam dalam inisiatif perdagangan ASEAN dan OIC.

BNM kekal komited dalam menyokong pembangunan kewangan Islam dengan menawarkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran dengan negara lain, memupuk kerjasama dan menyumbang kepada pertukaran pandangan serta amalan. Pada tahun 2024, BNM menyantuni beberapa negara termasuk Indonesia, Kazakhstan, Republik Kyrgyz, Filipina, Republik Tatarstan (Rusia), Tajikistan, Uganda, Emiriah Arab Bersatu dan Uzbekistan. BNM turut bekerjasama dengan Pusat Kecemerlangan IsDB di Kuala Lumpur dan ISRA International Consulting (ISRA) dalam penganjuran Islamic Finance Capacity Building Programme (IFCBP) bagi negara-negara anggota IsDB, dengan fokus khusus pada rantau Asia Tengah. Program yang julung kali diadakan ini dijadualkan berlangsung pada separuh pertama tahun 2025. Inisiatif ini bertujuan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi latihan khusus dalam pengawalan dan penyeliaan kewangan Islam di samping menggalakkan sistem kewangan yang kukuh dan stabil. Program latihan ini disesuaikan dengan keperluan dan konteks khusus rantau Asia Tengah, bagi memastikannya lebih relevan dan memberikan impak yang maksimum.

Memupuk pengiktirafan bersama dalam Syariah yang lebih baik

Pada bulan Mei tahun 2024, BNM telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Kumpulan Kerja Centralised Shariah Authorities Forum (CSAF) yang ke-4 di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai cadangan model masa depan untuk CSAF serta terma dan rujukan (*terms of reference,* ToR) utamanya. Cadangan ini bertujuan untuk memperkukuh tadbir urus CSAF dan menyelaraskan pelaksanaan mesyuarat, termasuk penganjuran acara CSAF yang berkesan, penetapan agenda dan penggiliran negara tuan rumah. ToR ini juga memfokuskan untuk meningkatkan kredibiliti CSAF sebagai sumber rujukan utama bagi pihak berkuasa pengawalseliaan kewangan, badan pengeluar fatwa global dan organisasi penetapan piawaian antarabangsa.



Mesyuarat Kumpulan Kerja CSAF ke-4 di Kuala Lumpur

Memperkukuh jalinan perniagaan Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC)

Memperkukuh penglibatan industri dalam memajukan agenda MIFC

Sejak penubuhannya pada tahun 2022, Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC) telah berusaha untuk memperkukuh peranan industri dalam memajukan cadangan MIFC sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam. Usaha ini dapat dilihat melalui Kertas Kedudukan (Position Paper) MLC yang diterbitkan semasa GFIEF pada bulan Mei 2024. Dalam Kertas Kedudukan tersebut, MLC telah mengenal pasti 18 Projek Berimpak MLC peringkat awal yang bertujuan untuk mengerakkan tindakan secara kolektif dan perubahan oleh industri untuk memacu perubahan positif dalam masyarakat melalui kewangan Islam. Usaha ini tertumpu kepada menghubungkan kewangan Islam dengan pasaran global, menggalakkan inovasi kewangan melalui modal dermawan, menyokong kelestarian dan membangunkan pengetahuan, keupayaan dan institusi.

Forum Perniagaan MIFC–UK

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memajukan agenda MIFC serta meletakkan Malaysia sebagai destinasi pengumpulan dana patuh Syariah yang menarik, BNM dan MLC telah bersama-sama menganjurkan Forum Perniagaan MIFC–UK di London pada bulan September 2024. Acara ini diadakan dengan kerjasama Islamic Finance Council United Kingdom (UKIFC), The CityUK dan UK Islamic Finance – Halal Economy Hybrid Group. Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Penaung Diraja Inisiatif Kewangan Islam Malaysia, telah berkenan mencemar duli menghadiri acara tersebut. Forum ini turut menghimpunkan lebih 140 pihak berkepentingan kewangan utama dari Malaysia dan United Kingdom untuk membincangkan peluang dan cabaran dalam usaha

Gambar Rajah 7: Advokasi Kerjasama Berterusan Semasa MIFC–UK Business Forum di London pada 10 September 2024

Melalui perbincangan meja bulat perniagaan, peserta forum dari Malaysia dan UK menyuarakan sokongan untuk kerjasama berterusan ke arah:

1. Menggalakkan **kerjasama industri dalam aktiviti perdagangan dan pembiayaan rentas sempadan**, termasuk pelaburan hijau, ekuiti swasta dan pendanaan projek infrastruktur;
2. Memaksimumkan potensi **instrumen kewangan Islam berinovatif** dalam menyokong peralihan hijau; dan
3. Memupuk **kerjasama dalam pembangunan keupayaan, penyelidikan dan pertukaran pengetahuan** mengenai kewangan Islam untuk pembangunan bersama.

Sumber: Bank Negara Malaysia

mempromosikan pelaburan hijau melalui penggunaan lebih meluas kemudahan kewangan Islam.

Forum ini berakhir dengan seruan untuk menjalinkan perkongsian strategik bagi memperkukuh perkhidmatan kewangan Islam di UK, di samping menekankan peranan transformasi teknologi dalam kemudahan perbankan dan potensinya untuk memacu kebolehcapaian, kecekapan dan inovasi dalam memenuhi keperluan pembiayaan (Gambar Rajah 7). Kerjasama kolaboratif ini bertujuan untuk meningkatkan pelaburan berimpak ke arah masa hadapan yang lestari.

Memperdalam pasaran kewangan Islam

Persidangan meja bulat Jawatankuasa Pasaran Kewangan Islam

Pada tahun 2024, Jawatankuasa Pasaran Kewangan Islam (Islamic Financial Market Subcommittee, IFMC) telah mengadakan beberapa siri dialog yang bertujuan untuk memperkukuh jalinan pelaburan dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan patuh Syariah. Dialog perbendaharaan IFMC–IsDB, yang berlangsung semasa GFIEF pada bulan Mei 2024, mempamerkan kedalaman pasaran sekuriti hutang Malaysia, struktur sukuk yang pelbagai dan inovatif, serta perkembangan pasaran derivatif dan pasaran lindung nilai Islam. Hasil utama dialog tersebut ialah pemeteraian Perjanjian Induk Murabahah antara IsDB dengan beberapa bank Islam bagi memudahkan penempatan dana merentasi institusi. Perjanjian ini dijangka memperkukuh jalinan pelaburan antara bank pembangunan multilateral dengan institusi kewangan domestik. Artikel khas mengenai "Memperdalam Pasaran Kewangan dan Pengurusan Mudah Tunai Islam" menyediakan maklumat lanjut



MIFC–UK Business Forum yang dianjurkan bersama oleh BNM dan MLC telah menghimpunkan pihak berkepentingan kewangan utama dari Malaysia dan UK

mengenai strategi ini. Satu lagi persidangan meja bulat IFMC–MLC telah diadakan pada bulan Ogos 2024, yang memberikan tumpuan terhadap memajukan ekosistem pembiayaan hijau Malaysia. Matlamat utamanya adalah untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi berdaya saing bagi aktiviti pelaburan hijau dan pengumpulan dana patuh Syariah.

Langkah Selanjutnya

Keutamaan strategik BNM pada tahun 2025 adalah untuk terus membangunkan ekosistem kewangan Islam, membolehkan industri menyesuaikan diri dan berkembang secara mampan dalam persekitaran yang pesat berubah. Mengorak langkah ke hadapan, BNM akan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama bagi memacu masa hadapan kewangan Islam:

- Memperkukuh ekosistem bagi menyokong pembangunan ekonomi dan sosial, di samping memastikan pertumbuhan yang berterusan.
- Memastikan persekitaran pengawalseliaan dan rangka kerja Syariah bersifat penggerak yang menyokong inovasi serta dapat disesuaikan dengan keperluan industri yang sentiasa berubah.
- Meletakkan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam melalui hubungan antarabangsa, jalinan perniagaan dan pertumbuhan pasaran yang lebih kukuh. Usaha ini termasuk memajukan peranan kewangan Islam dalam menyokong keperluan pendanaan serantau yang merangkumi projek iklim, peralihan hijau dan kewangan sosial semasa Kepengerusian ASEAN Malaysia.

Memperdalam Pasaran Kewangan dan Pengurusan Mudah Tunai Islam

Pengenalan

Malaysia berhasrat untuk menjadi peneraju global dan gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam. Hasrat ini perlu disokong oleh pasaran kewangan Islam yang maju dan terdiri daripada sistem pengurusan mudah tunai serta saluran penjanaan dana atau pembiayaan yang berkesan. Bank Negara Malaysia (BNM) terus menerajui usaha menggalakkan pertumbuhan dan daya tahan pasaran kewangan Islam sebagai tonggak penting untuk menyokong ekonomi yang mampan, inklusif dan pelbagai.

Perkembangan pasaran kewangan Islam di Malaysia

Pasaran kewangan Islam Malaysia memperoleh manfaat daripada pelbagai peserta pasaran, termasuk bank Islam, pengendali takaful dan takaful semula, pengurus dana dan bank pembangunan pelbagai hala (*multilateral development banks*, MDB). Pelbagai produk dan instrumen patuh Syariah termasuk sukuk dan instrumen ekuiti telah dibangunkan dan didagangkan secara aktif. Pasaran kewangan Islam yang memberangsangkan juga membantu memudahkan penentuan harga produk dan pengurusan mudah tunai yang cekap.

BNM terus membangunkan pasaran kewangan Islam dengan bidang tumpuan utama seperti yang berikut:

i. **Inovasi produk yang berterusan**
   Inovasi penting untuk mencapai pertumbuhan dan penyesuaian pasaran kewangan Islam Malaysia. Usaha ini bagi memastikan pasaran kewangan Islam dapat memenuhi permintaan persekitaran ekonomi yang berubah dengan pantas. Pasaran kewangan Islam menawarkan rangkaian instrumen yang luas kepada pelabur termasuk Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII). Pada tahun 2024, Kerajaan Malaysia mengumumkan struktur *wakalah bi al-khadamat* (kontrak agensi untuk perkhidmatan) yang akan menambah kepelbagaian dalam rangkaian MGII. Struktur yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Shariah (MPS) BNM pada 30 April 2024 ini berfungsi sebagai alternatif kepada *Murabahah.* Struktur ini bertujuan untuk mempelbagaikan konsep Syariah asas instrumen tersebut. Pendekatan ini meningkatkan daya tarikan global terhadap MGII dalam kalangan pelabur dengan memperkenalkan lebih banyak struktur untuk memenuhi keperluan pelabur yang pelbagai, selaras dengan tafsiran Syariah yang progresif dan piawaian pasaran antarabangsa. Terbitan sulung *Wakalah bi al- Khadamat* dijadualkan pada tahun 2025.

Gambar Rajah 1: Komposisi Struktur Syariah dalam Pasaran Sukuk Malaysia pada 2024



Sumber: Bloomberg

ii. Memperluas produk yang ditawarkan

Dalam usaha memenuhi permintaan pelabur yang kian meningkat di samping menyokong pembangunan aset Islam, BNM mengambil beberapa inisiatif untuk memperluas ketersediaan instrumen patuh Syariah. Inisiatif ini termasuk pembangunan instrumen kewangan sosial, yang bertujuan untuk mengintegrasikan wakaf, zakat dan sedekah ke dalam instrumen pasaran kewangan formal. Usaha ini melibatkan pewujudan sukuk berasaskan wakaf untuk membiayai projek komuniti dan infrastruktur, sekali gus menggalakkan rangkuman kewangan dan pelaburan beretika. BNM juga telah memudahkan terbitan sukuk dalam denominasi ringgit oleh MDB dan institusi kewangan pembangunan bukan pemastautin yang layak dengan memberi fleksibiliti kawal selia, seperti memperluas peluang pelaburan untuk pelabur institusi.

Gambar Rajah 2: Komposisi Aset Islam Berbanding Aset Konvensional



Sumber: Bank Negara Malaysia (Sorotan & dan Statistik Bulanan), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

iii. Menyelaraskan dengan inisiatif kelestarian

BNM terus menggalakkan terbitan sukuk hijau serta sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainability and Responsible Investment, SRI) bagi memenuhi keperluan pembiayaan yang semakin meningkat dalam projek tenaga boleh diperbaharui, biodiversiti serta infrastruktur awam. Hal ini selaras dengan projek yang dikenal pasti dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara.

Memajukan Sukuk Hijau

Malaysia berada pada kedudukan yang baik bagi menyokong pertumbuhan pasaran sukuk hijau pada peringkat domestik dan global. Pelbagai usaha kini sedang dijalankan oleh BNM dan peserta pasaran untuk meningkatkan penggunaan sukuk hijau dan meletakkan negara sebagai gerbang untuk kewangan Islam.

Jawatankuasa Kecil Pasaran Kewangan Islam (Islamic Financial Market Subcommittee, IFMC) dan Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC) telah mengadakan perbincangan meja bulat mengenai sukuk hijau pada 19 Ogos 2024. Perbincangan meja bulat tersebut bertujuan untuk memajukan agenda kelestarian di Malaysia di samping menyokong pelan terbitan sukuk biodiversiti kerajaan. Perbincangan meja bulat tersebut telah mengenal pasti tiga strategi utama:

- membina jumlah yang besar (*critical mass*) dengan menggalakkan perniagaan serta penerbit untuk meneroka pendanaan hijau melalui penyelesaian pasaran modal, termasuk kewangan campuran dan terbitan sukuk bernilai lebih rendah;
- mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan utama untuk mengaktifkan pendekatan pasaran (*market levers*) yang akan meningkatkan lagi kerancakan pendanaan hijau. Pendekatan ini termasuk membangunkan bekalan dan repositori aset hijau, mewujudkan penentuan harga dan pasaran karbon yang kukuh, melaksanakan amalan penzahiran dan pelaporan yang menyeluruh serta insentif bersasar bagi memacu inisiatif peralihan kepada ekonomi yang lebih lestari; dan
- memperluas asas pelabur serta menyokong peranan yang lebih besar oleh pelabur institusi dalam membentuk landskap pelaburan hijau, termasuk memupuk hubungan yang lebih erat dengan MDB yang mempunyai mandat dan objektif yang sama.

Memperluas Pasaran Sukuk SRI

Pasaran Sukuk SRI berada pada landasan yang kukuh untuk terus berkembang. Hal ini didorong oleh keutamaan peralihan tenaga, rangkuman sosial serta kelestarian di bawah rangka kerja ekonomi MADANI. Agenda ini sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021–2025), khususnya Tema 3, yang memberikan penekanan terhadap usaha mempercepat pertumbuhan hijau, mempertingkatkan kemampanan tenaga dan mentransformasi sektor air. Bidang tumpuan strategik ini menggalakkan usaha berterusan untuk pembiayaan yang mampan, seterusnya meletakkan sukuk SRI sebagai instrumen utama bagi mencapai matlamat kelestarian jangka panjang negara. Dengan rangka kerja yang menyokong ini, ekosistem Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memudahkan terbitan Sukuk SRI. Hasilnya, Malaysia mengalami pertumbuhan ketara dalam terbitan sukuk SRI, mencecah sebanyak RM11.9 bilion pada tahun 2024. Hal ini mencerminkan peningkatan hampir sembilan kali sejak terbitan sulung sukuk itu pada tahun 2017.

Pada peringkat serantau, Malaysia menjadi tuan rumah terbitan sulung sukuk dengan nama ASEAN pada tahun 2017 di bawah Rangka Kerja Sukuk SRI dan memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan ASEAN Green Bond Standards. Standard ini memastikan penyelarasan dengan amalan terbaik antarabangsa sambil menangani keperluan serantau. Menerusi kerjasama dengan ASEAN Capital Markets Forum, Malaysia menyokong usaha untuk meningkatkan pasaran modal serantau dengan memberikan tumpuan kepada kewangan yang mampan, pelaburan yang bertanggungjawab serta mengukuhkan rangka kerja penzahiran alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environment, social and governance,* ESG). Inisiatif ini meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam usaha memajukan amalan pelaburan yang bertanggungjawab dalam rangka kerja kewangan mampan ASEAN.

Selain itu, BNM terus menyokong penerbitan sukuk dalam denominasi ringgit oleh pemastautin dan bukan pemastautin untuk kegunaan di Malaysia melalui dasar pertukaran asing yang memudahkan. Objektif utama langkah ini adalah untuk meningkatkan terbitan instrumen SRI untuk membiayai projek daya tahan iklim, kecekapan tenaga dan impak sosial. Komitmen ini menegaskan peranan kepimpinan Malaysia ke arah memupuk inovasi serta pertumbuhan dalam sektor kewangan hijau dalam rantau ASEAN.

Gambar Rajah 3: Komposisi Sukuk SRI Berbanding Jumlah Sukuk dalam Pasaran pada Tahun 2024



Sumber: Bloomberg

Pengurusan mudah tunai dalam pasaran kewangan Islam

BNM memainkan peranan penting dalam usaha memperdalam pasaran kewangan Islam. Usaha ini termasuk memastikan peserta pasaran mempunyai akses kepada alat pengurusan mudah tunai yang mematuhi prinsip Syariah sambil mengekalkan kecekapan, keberkesanan dan kestabilan sistem kewangan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan pengurusan mudah tunai untuk peserta pasaran, BNM memperkenalkan Dokumen Dasar Islamic Collateralised Funding (Islamic Collateralised Funding Policy Document, ICF PD) pada 28 Jun 2024 untuk menyokong pembangunan pasaran repo Islam. ICF PD ini menyediakan rangka kerja berstruktur dan standard untuk urus niaga repo Islam, seterusnya menambah baik fungsi keseluruhan Pasaran

Wang Antara Bank Islam (Islamic Interbank Money Market, IIMM). Penyeragaman urus niaga repo Islam dalam IIMM telah menggalakkan kecekapan serta aktiviti pasaran antara bank yang memudahkan pendanaan jangka pendek dan pengurusan mudah tunai dalam kalangan institusi kewangan Islam di Malaysia. Hasilnya, jumlah urus niaga repo antara bank Islam[1] meningkat sebanyak 2.4 kali, daripada RM12.6 bilion pada tahun 2023 kepada RM42.6 bilion pada tahun 2024. Hal ini menunjukkan penerapan pasaran yang kukuh serta mudah tunai yang semakin meningkat.

Memanfaatkan kerjasama strategik untuk memajukan lagi pembangunan pasaran kewangan Islam

i. Memperkukuh kerjasama melalui IFMC

Jawatankuasa Kecil Pasaran Kewangan Islam (Islamic Financial Market Subcommittee, IFMC) yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) pada bulan Mei 2022 berfungsi sebagai platform penting untuk memupuk kerjasama antara BNM dengan peserta pasaran bagi memacu inisiatif strategik untuk pasaran kewangan Islam. Sebagai garis dasar, tumpuan utama adalah untuk mengenal pasti serta menangani masalah dan cabaran dalam pasaran kewangan Islam. Di samping itu, IFMC memacu inisiatif strategik yang bertujuan untuk menambah baik akses pasaran di samping meningkatkan mudah tunai dagangan. IFMC turut memberikan tumpuan pada inisiatif untuk mengukuhkan daya tahan pasaran melalui rangka kerja pengurusan risiko yang teguh dan penggunaan alat lindung nilai jangkaan *(anticipatory hedging*) yang membantu melindungi kestabilan pasaran daripada kemungkinan gangguan. Dalam usaha mencapai mandatnya, IFMC menggalakkan lebih banyak penyertaan dalam inisiatif strategik dalam kalangan institusi kewangan Islam, pengurus aset, entiti korporat dan MDB, lantas memupuk persekitaran pasaran yang dinamik serta inklusif.

ii. Memantapkan pengiktirafan Syariah bersama

Kewangan Islam beroperasi dalam banyak negara dengan tafsiran Syariah yang berbeza-beza. Oleh itu, komponen utama untuk membolehkan penyertaan sejagat ialah pengiktirafan bersama. Konsep ini secara konsisten menjadi tumpuan utama Forum Badan Berautoriti Syariah Berpusat (Centralised Shariah Authorities Forum, CSAF), iaitu platform rangkaian antarabangsa yang menghimpunkan badan berautoriti utama Syariah dari pelbagai negara. Forum ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu Syariah semasa dan baru muncul, dengan memanfaatkan pelbagai perspektif dan pengalaman negara anggotanya. Pasaran sukuk Malaysia berpotensi mendapat manfaat daripada peningkatan pelaburan asing, yang seterusnya mampu meningkatkan mudah tunai pasaran serta membantu mengecilkan jurang antara instrumen kewangan konvensional dan kewangan Islam.

BNM mengadakan libat urus secara aktif dengan organisasi seperti Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) dan Islamic Development Bank (IsDB). Libat urus ini adalah untuk menjelaskan aplikasi dan pandangan Syariah oleh Malaysia bagi tujuan pengiktirafan dan penerimaan. Walaupun tidak semua perbezaan dapat dihapuskan sepenuhnya memandangkan hal ini boleh menghilangkan keunikan Syariah itu sendiri, mencari titik persamaan adalah penting untuk menggalakkan kesempurnaan (*shumuliyyah*) Islam. Kerjasama ini ialah usaha ke arah mengimbangi kepelbagaian tempatan dengan aplikasi global, lantas memastikan rangkuman serta memudahkan integrasi pasaran yang lebih luas.

Kesimpulan

Usaha berterusan BNM dalam aspek inovasi, kepelbagaian serta kerjasama terus meletakkan Malaysia sebagai gerbang global untuk kewangan Islam. Penyelarasan prinsip Syariah dengan agenda kelestarian, bersama-sama dengan perkongsian strategik serta kepimpinan IFMC, telah menyerlahkan iltizam Malaysia dalam usaha untuk menangani jurang dan menghadapi cabaran masa hadapan bagi pasaran kewangan Islam. Dengan meneruskan usaha dalam aspek inovasi dan mencapai pengiktirafan bersama, pasaran kewangan Islam Malaysia terus berada pada landasan pertumbuhan yang mampan, stabil dan berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi global yang dinamik.

[1] Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap

Bank Negara Malaysia (BNM) komited untuk memastikan sistem pembayaran kekal selamat, cekap dan responsif terhadap keperluan rakyat Malaysia yang semakin berkembang.

Landskap pembayaran dan industri perniagaan perkhidmatan wang (*money services business*, MSB)[1] terus berkembang pesat pada tahun 2024. Semakin banyak perniagaan dan pengguna memilih untuk menggunakan pembayaran digital. BNM mempunyai dua tumpuan pada tahun 2024. Pertama, memacu inovasi dan kecekapan yang lebih tinggi. Hal ini termasuk giat menggalakkan pembayaran elektronik (e-pembayaran), memperteguh infrastruktur pembayaran utama untuk persediaan masa hadapan dan mengkaji teknologi baru yang muncul. Kedua, mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem pembayaran negara dengan memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan perkhidmatan pembayaran. Melalui usaha ini, BNM juga memastikan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan kekal sesuai dengan keperluan dan tujuan semasa.

Mengekalkan Pertumbuhan Pendigitalan Perkhidmatan Pembayaran dan MSB

Penggunaan e-pembayaran terus meningkat. Transaksi secara keseluruhan meningkat sebanyak 28% pada tahun 2024 (2024: 14.7 bilion; 2023: 11.5 bilion)
Malaysia berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran Pelan Sektor Kewangan 2022–2026 iaitu lebih 15% pertumbuhan tahunan terkompaun bagi purata transaksi e-pembayaran per kapita. Pada tahun 2024, transaksi e-pembayaran meningkat sebanyak 19% kepada 409 transaksi per kapita (2023: 343). Hal ini bermakna setiap rakyat Malaysia, secara purata, membuat sekurang-kurangnya satu transaksi e-pembayaran setiap hari. Peningkatan ini menandakan satu pencapaian penting dalam kemajuan penggunaan e-pembayaran di Malaysia, memandangkan purata lebih sedekad lalu hanya satu transaksi setiap minggu. Pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2024 disokong oleh aktiviti penggunaan yang semakin rancak, dengan jumlah nilai transaksi e-pembayaran runcit terpilih[2] meningkat sebanyak 17% hingga mencecah RM698.1 bilion (2023: RM592 bilion).

Antara pelbagai kaedah e-pembayaran yang ditawarkan, perbankan dalam talian kekal sebagai kaedah yang paling banyak digunakan. Transaksi ini juga mencatatkan peningkatan paling tinggi pada tahun 2024 iaitu sebanyak 24% (2023: 13%). Dari segi saluran perbankan dalam talian, peratusan perbankan mudah alih mencatatkan 62% (2023: 50%), lebih tinggi berbanding dengan perbankan internet.

Kaedah e-pembayaran yang kedua paling banyak digunakan ialah wang elektronik (e-wang). Pada tahun 2024, transaksi e-wang meningkat sebanyak 25% (2023: 26%). Sebanyak 64% daripada transaksi e-wang disumbangkan oleh dompet elektronik (e-dompet) manakala selebihnya oleh e-wang berasaskan kad (2023: 59%). Purata saiz transaksi e-wang kekal rendah sekitar RM33 (walaupun lebih tinggi berbanding RM27 pada tahun 2023). Perkembangan ini menunjukkan bahawa kaedah pembayaran ini lazimnya digunakan untuk urus niaga harian.

Kad pembayaran merupakan kaedah e-pembayaran yang ketiga paling banyak digunakan. Transaksi kad pembayaran meningkat sebanyak 20% pada tahun 2024 (2023: 26%), dengan kad debit menyumbang sebanyak 68% daripada jumlah transaksi kad pembayaran

[1] Perkhidmatan MSB termasuk perkhidmatan kiriman wang, pengurupan wang dan mata wang borong. Mata wang borong merujuk pembelian dan penjualan mata wang asing oleh bank berlesen atau pengendali MSB berlesen, serta import dan eksport mata wang asing.

[2] Termasuk transaksi e-pembayaran yang dibuat melalui kad pembayaran, transaksi pembelian e-wang dan transaksi Financial Process Exchange (FPX). FPX lazimnya digunakan untuk pembelian e-dagang.

(2023: 66%). Pertumbuhan penggunaan kad debit meningkat dua kali lebih cepat berbanding dengan kad kredit (24% berbanding dengan 12%). Transaksi kad tanpa sentuh terus meningkat disebabkan oleh kelajuan dan kemudahan yang ditawarkan, mencakupi 83% daripada transaksi kad pembayaran di premis fizikal pada tahun 2024 (2023: 77%). Pertumbuhan ini disokong oleh penggunaan dompet mudah alih yang semakin meningkat di Malaysia seperti Apple Pay, Google Pay dan Samsung Pay, serta pengembangan sistem pembayaran tol terbuka di lebih banyak lebuh raya sepanjang tahun itu.

Penerimaan transaksi e-pembayaran terus meningkat dalam kalangan perniagaan, terutamanya perusahaan yang lebih kecil. Khususnya, penggunaan DuitNow QR terus meningkat kerana mudah digunakan, kos yang lebih rendah dan liputan yang luas. Terdapat 2.6 juta tempat penerimaan DuitNow QR berdaftar di seluruh Malaysia pada akhir tahun 2024 (2023: 2 juta). Rangkaian peniaga DuitNow QR yang lebih meluas telah menyumbang kepada peningkatan transaksi DuitNow QR[3] sebanyak lebih dua kali (2024: 870 juta; 2023: 360 juta), dengan nilai transaksi berjumlah RM31.1 bilion (2023: RM14.6 bilion).

Gambar Rajah 1: Petikan E-Pembayaran dan Perniagaan Perkhidmatan Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Merujuk transaksi DuitNow QR individu ke peniaga (*person-to-merchant*) dan tidak termasuk transaksi DuitNow QR individu ke individu (*person-to-person, P2P*) dan rentas sempadan.

Dengan penggunaan e-pembayaran yang pesat, penggunaan cek terus menurun. Pada tahun 2024, sebanyak 39.9 juta cek telah dikeluarkan, iaitu 2% lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya (40.9 juta). Syarikat-syarikat besar kekal sebagai pengguna utama cek. Hal ini disebabkan oleh sesetengah syarikat lebih gemar[4] ciri nyata dan yuran rata (*flat fee*) instrumen pembayaran ini. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan penggunaan e-pembayaran, BNM menjangkakan bahawa penggunaan cek akan terus berkurang. Keadaan ini akan terus disokong oleh usaha berterusan, termasuk oleh industri kewangan, untuk meningkatkan kesedaran tentang ketersediaan dan manfaat e-pembayaran dalam kalangan pelanggan korporat mereka.

Transaksi pengurupan wang[5] mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 2.4% pada tahun 2024, dengan nilai transaksi meningkat kepada RM69.9 bilion (2023: RM68.2 bilion). Trend ini mungkin disumbangkan oleh kemunculan pelbagai alternatif e-pembayaran rentas sempadan yang tersedia dalam pasaran. Sementara itu, transaksi keseluruhan pengiriman wang keluar meningkat sebanyak 25% kepada RM42.7 bilion (2023: RM34.2 bilion). Antara lain, peningkatan ini disebabkan oleh penambahan bilangan pekerja asing yang memasuki negara di bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 dan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kiriman wang rasmi melalui kaedah digital.

Pendigitalan perkhidmatan pengiriman wang juga terus mendapat perhatian. Perkhidmatan e-pengiriman wang yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank berlesen (*remittance service providers*, RSP) meningkat dengan ketara sebanyak 31% kepada RM18.6 bilion (2023: RM14.1 bilion). Jumlah ini mencakupi 43% daripada keseluruhan kiriman wang keluar (2023: 41%).

Keutamaan pada Tahun 2024

Pada tahun 2024, BNM kekal memberikan tumpuan untuk melaksanakan tiga keutamaan penting, seperti yang dikenal pasti dalam Pelan Sektor Kewangan, bagi memajukan ekosistem pembayaran Malaysia (Gambar Rajah 2).

Meluaskan Jangkauan E-Pembayaran

Menggalakkan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran yang lebih meluas

BNM, dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dan industri kewangan, terus menggalakkan penggunaan e-pembayaran secara meluas dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi pelbagai program e-Duit. Pada tahun 2024, BNM mempergiat program e-Duit Desa yang bermula pada tahun 2022 untuk meningkatkan lagi kesedaran dan menggalakkan penggunaan e-pembayaran di kawasan luar bandar. Menerusi usaha ini, lebih 800 peniaga mikro di seluruh negara telah mula menerima e-pembayaran sepanjang tahun 2024.

Gambar Rajah 2: Keutamaan dan Inisiatif Utama pada Tahun 2024



Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Pada tahun 2024, BNM menjalankan kajian untuk memahami faktor yang menyumbang kepada penggunaan cek yang berterusan dalam kalangan agensi Kerajaan dan syarikat besar terpilih. Antara sebab cek terus digunakan, terutamanya dalam kalangan syarikat besar, termasuk fi cek tetap, pilihan pelanggan dan kurang kesedaran tentang kaedah e-pembayaran sedia ada yang menyerupai ciri cek.

[5] Merujuk transaksi pengurupan wang yang dipermudahkan oleh bank berlesen dan pengendali MSB berlesen.





Program e-Duit Desa anjuran industri dengan kerjasama BNM

Bagi memastikan penggunaan e-pembayaran yang berterusan dalam kalangan peniaga yang lebih kecil, PayNet dan industri kewangan komited untuk memastikan fi transaksi DuitNow QR kekal berpatutan dan telah membuat persiapan untuk pelaksanaan fi transaksi bertingkat pada masa akan datang. Menerusi pendekatan ini, peniaga yang lebih kecil akan kekal menikmati Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate, MDR)[6] sifar atau rendah untuk penerimaan DuitNow QR, manakala peniaga yang lebih besar boleh merundingkan MDR yang mencerminkan keupayaan kewangan mereka dan perkhidmatan nilai tambah yang mereka nikmati.

Pada tahun 2024, BNM telah kembali ke Pulau Redang[7] untuk mengkaji kesan projek "Bayo Dok Gune Pitih" (membayar tanpa menggunakan wang tunai) terhadap kehidupan penduduk tempatan di pulau itu. BNM mendapati bahawa penggunaan e-pembayaran telah meningkatkan punca pendapatan masyarakat tempatan di Pulau Redang dengan ketara.

Penggunaan e-pembayaran dalam kalangan perniagaan di Pulau Redang telah meningkat dengan ketara sejak tahun 2019, dengan lebih 90% peniaga di pulau tersebut kini menerima e-pembayaran.

Sebagai contoh, projek ini telah membuka peluang kepada perniagaan untuk meluaskan jangkauan pelanggan mereka kerana perniagaan dapat memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat terhadap pilihan e-pembayaran. Lebih 70% daripada perniagaan melaporkan bahawa sebahagian besar daripada pembayaran yang diterima adalah secara elektronik, lantas membolehkan perniagaan mendapat manfaat daripada pengurangan kos pengendalian wang tunai serta kaedah pembayaran yang lebih selamat.

Penggunaan e-pembayaran juga mengurangkan keperluan peniaga berulang-alik ke tanah besar untuk membuat transaksi kewangan, lantas menjimatkan masa dan kos[8] dan pada masa yang sama mengurangkan risiko berkaitan perjalanan. Hasil kajian ini memperteguh kesan pendigitalan yang nyata positif kepada masyarakat luar bandar, bukan sahaja dari segi kecekapan kos tetapi juga keselamatan, terutamanya semasa musim monsun. Kajian turut menunjukkan manfaat dan kepentingan kerjasama antara sektor awam dengan swasta bagi memastikan penggunaan e-pembayaran yang meluas di seluruh pulau (contohnya, pembangunan infrastruktur dan memupuk kesedaran awam).

Menyedari kesan positif pendigitalan, BNM dan industri akan terus mengkaji peluang untuk menggalakkan e-pembayaran di seluruh negara. Inisiatif ini termasuk memperluaskan program e-Duit dan inisiatif yang disasarkan kepada komuniti tertentu.

[6] MDR ialah fi lazim yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan e-pembayaran dan dicaj berdasarkan nilai transaksi e-pembayaran tersebut.

[7] Rencana bertajuk 'Memperkasakan Komuniti melalui Perkhidmatan Kewangan Digital' telah diterbitkan dalam Laporan Tahunan BNM 2022. Laporan itu mengetengahkan cabaran kehidupan sebenar yang mendorong penduduk tempatan untuk menerima e-pembayaran, disokong oleh pendekatan pelbagai hala untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang mampan dan inklusif.

[8] Berdasarkan kajian BNM, dianggarkan kos pengangkutan ke tanah besar sahaja melebihi RM50 setiap perjalanan pergi dan balik.





Penerimaan e-pembayaran dalam kalangan peniaga di Pulau Redang

Di samping program kesedaran di lapangan, BNM telah meningkatkan usaha[9] menerusi penggunaan media sosial, siaran radio dan pengumuman papan iklan untuk memaklumkan orang ramai tentang manfaat e-pembayaran dan menggalakkan penggunaannya dengan selamat. BNM juga memberikan tumpuan pada libat urus yang bersasar dengan agensi Kerajaan terpilih dan syarikat besar yang masih menggunakan cek bagi menggalakkan penggunaan e-pembayaran secara lebih meluas dalam kalangan entiti ini.

Pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, mampu milik dan mudah

Pada tahun 2024, BNM mempergiat usaha untuk menggalakkan penggunaan jalinan pembayaran masa nyata rentas sempadan yang beroperasi antara Malaysia dengan Indonesia, Singapura dan Thailand. Melalui jalinan ini, pelanggan dan perniagaan mendapat manfaat daripada pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, mampu milik dan lancar.

Sebahagian daripada usaha BNM termasuk mendapatkan penyertaan empat penyedia perkhidmatan pembayaran (*payment service providers*, PSP) tempatan baharu, termasuk penyedia bukan bank, untuk menawarkan perkhidmatan pembayaran rentas sempadan. Hal ini telah membolehkan lebih banyak rakyat Malaysia menikmati perkhidmatan ini apabila melancong ke negara-negara tersebut. Perkhidmatan ini juga memberikan manfaat kepada peniaga tempatan dengan memperluas asas pelanggan mereka kepada pelancong dari negara-negara tersebut.

Usaha promosi yang dipergiatkan, serta lebih banyak peserta yang menawarkan perkhidmatan pembayaran rentas sempadan, telah menyebabkan transaksi QR rentas sempadan meningkat dengan ketara. Khususnya, jumlah transaksi pembayaran QR rentas sempadan oleh pelawat asing di Malaysia dan rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara pada tahun 2024 meningkat lebih lima kali kepada 4.1 juta transaksi bernilai RM348.3 juta berbanding dengan tahun sebelumnya. Transaksi P2P rentas sempadan juga mencatatkan pertumbuhan yang ketara, dengan jumlah transaksi melonjak kepada 234,000 transaksi bernilai RM200 juta pada tahun 2024 (2023: 1,000 transaksi bernilai RM534,000).

[9] Pada tahun 2024, 45 inisiatif berbeza telah dilancarkan merentas pelbagai platform untuk mewujudkan kesedaran yang lebih besar tentang e-pembayaran.

Gambar Rajah 3: Petikan Perkhidmatan Pembayaran Rentas Sempadan



Sumber: PayNet

Pada bulan September 2024, dengan hasrat strategik untuk memperluas rangkaian pembayaran Malaysia dalam ASEAN, BNM telah mewujudkan jalinan QR rentas sempadan baharu dengan Kemboja. Pada fasa pertama pelancaran, pelancong dari Kemboja yang mengunjungi Malaysia boleh membayar peniaga Malaysia dengan mengimbas kod DuitNow QR. Menjelang suku kedua tahun 2025, rakyat Malaysia yang melancong ke Kemboja juga boleh membuat pembayaran kepada peniaga Kemboja yang menerima pembayaran kod QR menggunakan aplikasi pembayaran mudah alih sedia ada mereka.[10] Dengan adanya akses kepada rangkaian pembayaran yang lebih luas, peniaga tempatan termasuk peniaga yang lebih kecil, dapat meluaskan jangkauan perniagaan mereka, sekali gus mengukuhkan integrasi perdagangan serantau.

Satu lagi inisiatif rentas sempadan yang sedang giat diusahakan oleh BNM adalah pembangunan model rangkaian pembayaran pelbagai hala boleh skala di bawah Projek Nexus.[11] Fasa ketiga Projek Nexus (Fasa 3)[12] telah dimuktamadkan dengan penerbitan rangka tindakan komprehensif pada bulan Julai 2024. Rangka tindakan ini memberikan tumpuan pada susunan tadbir urus, model perniagaan dan spesifikasi teknikal yang sesuai, yang akan digunakan sebagai panduan untuk mengoperasikan Nexus.

Di bawah fasa semasa Projek Nexus (Fasa 4), BNM, dengan kerjasama Reserve Bank of India, Bangko Sentral

[10] Perkhidmatan ini hanya tersedia untuk pengguna PSP yang mengambil bahagian.
[11] Nexus adalah projek Bank for International Settlements Innovation Hub (BISIH) Singapore Centre yang bertujuan untuk meluaskan pembayaran rentas sempadan dengan menghubungkan pelbagai IPS domestik secara global.
[12] BNM bekerjasama dengan BISIH dan bank pusat dari Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand dalam Fasa 3 Projek Nexus.



Pelancaran Projek Nexus Fasa 4 pada 1 Julai 2024 bersama-sama dengan Pengurus Besar BIS dan para Gabenor daripada Bank of Thailand, Bangko Sentral ng Pilipinas, Reserve Bank of India, Bank Negara Malaysia dan Monetary Authority of Singapore

ng Pilipinas, Monetary Authority of Singapore dan Bank of Thailand, bersama-sama dengan pengendali sistem pembayaran segera (*instant payment system*, IPS) domestik di setiap negara, sedang berusaha ke arah penubuhan Nexus Scheme Organisation (NSO).[13] Entiti baharu ini akan bertanggungjawab mengurus skim Nexus pada masa hadapan. Dengan pelaksanaan Nexus secara langsung, sebagai kes penggunaan (*use case*) pertama, pelanggan akan dapat memindahkan dana dalam masa nyata dan selamat kepada penerima di mana-mana negara dalam rangkaian Nexus menggunakan proksi seperti nombor telefon mudah alih.

BNM juga memanfaatkan peranannya sebagai pengerusi bersama ASEAN Working Committee on Payment and Settlement Systems (WC-PSS),[14] untuk memajukan lagi inisiatif pembayaran rentas sempadan. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, BNM telah mengenal pasti dua inisiatif utama. Pertama, pembangunan pelan hala tuju untuk membolehkan semua Negara Anggota ASEAN akhirnya mengambil bahagian dalam rangkaian pembayaran serantau. Kedua, menyediakan asas bagi mewujudkan kerjasama pengawasan yang lebih kukuh bagi memelihara keselamatan dan daya tahan jalinan pembayaran rentas sempadan di rantau ini. Usaha ini akan dipergiatkan pada tahun 2025 apabila Malaysia mengambil alih jawatan sebagai Pengerusi ASEAN, dengan tujuan untuk mengeratkan integrasi kewangan dan menggalakkan kemakmuran bersama di rantau ini.

[13] NSO akan dimiliki sepenuhnya oleh bank pusat dan/atau IPS di negara yang mengambil bahagian, bergantung pada struktur domestik tertentu.
[14] ASEAN WC-PSS telah ditubuhkan pada tahun 2010 untuk menyokong Komuniti Ekonomi ASEAN dalam isu pembayaran dan penyelesaian. Jawatankuasa kerja ini bertujuan untuk bertindak sebagai platform perkongsian maklumat dan pembangunan kapasiti yang inklusif dan kolaboratif, di samping merumuskan cadangan mengenai pelan tindakan untuk menggalakkan rangkaian pembayaran yang lebih luas dalam kalangan anggota ASEAN. BNM dan Brunei Darussalam Central Bank adalah pengerusi bersama ASEAN WC-PSS dari separuh kedua tahun 2024 hingga separuh pertama tahun 2026.

Gambar Rajah 4: Jalinan Pembayaran Dua Hala dengan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memelihara Keyakinan Orang Ramai Terhadap Penggunaan Perkhidmatan Pembayaran

Pemantauan perkhidmatan pembayaran secara berterusan

BNM terus memberikan tumpuan pada usaha menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap dan melindungi daya tahan infrastruktur sistem pembayaran penting, seperti Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities System (RENTAS) dan sistem pembayaran runcit domestik.

Pada tahun 2024, RENTAS dan sistem pembayaran runcit utama kekal berdaya tahan dan mencapai tahap ketersediaan sistem yang tinggi. Usaha penyeliaan BNM sepanjang tahun tertumpu pada usaha memastikan daya tahan infrastruktur pembayaran utama yang dikendalikan oleh BNM dan PayNet, dan seterusnya mengukuhkan tahap pematuhan infrastruktur ini terhadap Principles for Financial Market Infrastructures (PFMI).[15] Inisiatif yang dilaksanakan termasuk mempertingkatkan langkah-langkah kesinambungan urusan untuk RENTAS dan sistem pembayaran runcit utama, serta menambah baik alat pengurusan risiko mudah tunai dan senario ujian tekanan mudah tunai untuk RENTAS. Usaha penyeliaan dalam pengurusan risiko teknologi dan keselamatan siber perkhidmatan pembayaran juga dipergiat memandangkan pentingnya teknologi dalam penyediaan perkhidmatan ini. Hal ini membawa kepada penambahbaikan amalan keselamatan siber dan perlindungan data.

BNM juga mengambil langkah untuk memperkukuh amalan tadbir urus dan pengurusan risiko PSP. Usaha ini termasuk menjalankan semakan penyeliaan secara menyeluruh terhadap PSP terpilih dengan memberikan tumpuan pada kekuatan dan keteguhan struktur tadbir urus mereka, serta langkah kawalan risiko AML/CFT, penipuan dan IT. Selain itu, BNM telah memperkenalkan sistem Pelaporan Risiko Operasi (Operational Risk Reporting, ORR) baharu[16] untuk memudahkan pelaporan insiden yang menyeluruh dan tepat pada masanya oleh PSP kepada BNM. Hal ini membolehkan pengawasan risiko operasi yang lebih baik dalam ekosistem pembayaran. BNM juga mempergiat libat urus dengan PSP untuk meningkatkan keupayaan pengurusan risiko mereka dan meningkatkan standard pematuhan dalam bidang termasuk daya tahan siber dan AML/CFT.

Aktiviti pengawasan BNM disokong oleh penggunaan berterusan alat analisis terkini untuk pemantauan risiko PSP dan pemegang lesen MSB. Pada tahun 2024, BNM telah mengendalikan operasi penggunaan alat pembelajaran mesin geospatial untuk meningkatkan pengesanan anomali dalam kalangan pemegang lesen MSB, seperti corak transaksi yang menyimpang dengan

[15] PFMI ialah standard antarabangsa yang dikeluarkan oleh Committee on Payments and Market Infrastructures dan International Organization of Securities Commissions untuk mengukuhkan dan memelihara kestabilan kewangan infrastruktur pasaran kewangan (iaitu sistem pembayaran, rakan niaga pusat *(central counterparties)* dan repositori perdagangan).

[16] PSP dikehendaki melaporkan insiden risiko operasi melalui sistem ORR baharu pada separuh pertama tahun 2025.

ketara daripada pemegang lesen MSB yang lain. Alat ini telah memudahkan penilaian yang lebih bersasar dilaksanakan oleh penyelia BNM. BNM juga telah mengkaji penggunaan model bahasa untuk menganalisis sejumlah besar laporan pematuhan bagi meningkatkan kecekapan semakan penyeliaan.

Bagi memastikan jalinan pembayaran rentas sempadan beroperasi dengan selamat dan terjamin selaras dengan peningkatan penggunaan perkhidmatan ini dalam kalangan pengguna, BNM bersama-sama rakan bank pusat yang berkaitan telah memulakan persediaan asas bagi membentuk pengaturan pengawasan secara kerjasama untuk rangkaian pembayaran rentas sempadan. Pengaturan ini pada awalnya akan memberikan tumpuan pada perkongsian maklumat yang relevan dalam kalangan bank pusat, dan akan menjadi langkah awal ke arah pengaturan pengawasan yang lebih menyeluruh yang akan diterajui di bawah ASEAN WC-PSS.

Tindak balas dasar terhadap risiko yang bakal dihadapi dan perkembangan pasaran

BNM komited sepenuhnya untuk memastikan keperluan kawal selia kekal bersesuaian untuk menghadapi risiko baru muncul dan perkembangan semasa. Pada tahun 2024, pindaan telah dibuat pada Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (Money Services Business Act, MSBA) 2011 untuk mengukuhkan keupayaan BNM mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengendali MSB yang menyalahi undang-undang dan memastikan tindakan penguatkuasaan yang segera dan setimpal boleh diambil ke atas pemegang lesen MSB sedia ada (Gambar Rajah 5). Di samping itu, BNM mempergiat kerjasama dengan majlis tempatan untuk membantu mengenal pasti kawasan *hotspot* operasi MSB haram. Pada tahun 2024, BNM telah bekerjasama dengan 18 majlis tempatan di seluruh negara.

BNM juga telah memulakan semakan pada dasar sedia ada bagi mengukuhkan lagi pengurusan risiko dan kawalan keselamatan PSP. Menerusi usaha ini, BNM menerbitkan dua draf dedahan pada tahun 2024 yang menggariskan cadangan keperluan pengawalseliaan baharu. Draf dedahan pertama memberikan tumpuan pada langkah memperkukuh pencegahan penipuan dalam transaksi kad pembayaran. Hal ini termasuk memperluas langkah-langkah keselamatan dan perlindungan pelanggan yang terpakai untuk transaksi perbankan dalam talian kepada kad pembayaran. Ini bertujuan untuk menyelaraskan keperluan kawal selia merentas saluran pembayaran yang berbeza dan mengekalkan keyakinan pengguna terhadap penggunaan kad pembayaran. Selain itu, BNM mencadangkan keperluan kawal selia baharu untuk meningkatkan pengurusan risiko teknologi dan keselamatan siber PSP menerusi penerbitan draf dedahan mengenai Keperluan Teknologi untuk Penyedia Perkhidmatan Pembayaran yang Dikawal Selia pada bulan Disember 2024. Keperluan ini bertujuan untuk menambah baik daya tahan perkhidmatan pembayaran dan mengukuhkan pertahanan siber seluruh sistem PSP.

Pada tahun 2024, BNM terus meningkatkan usaha untuk memerangi ancaman penipuan dalam talian dengan mengukuhkan lagi strategi antipenipuan tiga penjuru meliputi pencegahan, penguatkuasaan, serta kesedaran dan perlindungan pelanggan. Dari aspek pencegahan, BNM telah menetapkan institusi perbankan untuk melaksanakan kawalan keselamatan tambahan, seperti semakan halaju (*velocity checks*)

Gambar Rajah 5: Perubahan Utama kepada MSBA 2011



[1] Perubahan yang dibuat pada istilah ini hanya terpakai pada teks dalam Bahasa Inggeris sementara istilah dalam Bahasa Melayu kekal sebagai "pengurupan wang".
[2] Aktiviti pinjaman wang adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sumber: Bank Negara Malaysia

untuk menganalisis tingkah laku pelanggan.[17] Kawalan tambahan ini bertujuan meningkatkan standard pengesanan penipuan, memastikan keupayaan pengesanan kekal teguh melalui perkongsian risikan penipuan yang lebih berkesan dalam kalangan institusi kewangan. Selain itu, BNM menghendaki pengeluar e-wang (*e-money issuers*, EMI) yang layak untuk melaksanakan lima kawalan keselamatan[18] yang diterapkan oleh institusi perbankan pada tahun 2022. Langkah ini akan meningkatkan standard kawalan penipuan merentas industri pembayaran. Dari segi perlindungan pengguna, dasar yang dipertingkatkan untuk memastikan institusi perbankan berlaku adil terhadap mangsa penipuan perbankan dalam talian tanpa kebenaran telah diperkenalkan dan berkuat kuasa sejak bulan Oktober 2024. Dasar ini bertujuan memastikan proses penyiasatan kes penipuan yang lebih mantap dalam tempoh masa yang munasabah serta lebih adil kepada institusi kewangan dan pelanggan. Pada masa yang sama, dasar ini juga menekankan kepentingan untuk membentuk masyarakat yang lebih cakna dan berwaspada dalam menangani penipuan kewangan. Butiran lanjut mengenai inisiatif ini, terutamanya berhubung dengan bidang penguatkuasaan dan perlindungan pelanggan, boleh didapati dalam rencana "Membina Pertahanan yang Bersepadu bagi Memerangi Risiko Penipuan dalam Talian".

Memperteguh Infrastruktur Pembayaran Utama untuk Persediaan Masa Hadapan

Pada tahun 2024, BNM mencapai kemajuan yang ketara dalam usaha memajukan inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk memodenkan infrastruktur pembayaran utama Malaysia (Gambar Rajah 6). Inisiatif ini penting untuk memastikan infrastruktur pembayaran seiring dengan perkembangan semasa.

Gambar Rajah 6: Inisiatif Utama untuk Memodenkan Infrastruktur Pembayaran Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

[17] Pelaksanaan ini merujuk tindakan memantau kelajuan dan kekerapan transaksi pelanggan bagi mengesan penyimpangan daripada tingkah laku biasa, untuk mengenal pasti corak yang mungkin menunjukkan aktiviti penipuan.

[18] EMI yang layak dikehendaki: (i) menggunakan kaedah pengesahan pelbagai faktor yang teguh untuk pendaftaran akaun dan transaksi e-dompet; (ii) memperkenalkan tempoh bertenang untuk pendaftaran kali pertama akaun e-dompet dan peranti selamat; (iii) mengehadkan pengesahan transaksi e-dompet kepada hanya satu peranti selamat; (iv) mewujudkan saluran aduan 24/7 untuk pelaporan insiden oleh pelanggan; dan (v) menerapkan peraturan dan pencetus pengesanan penipuan untuk menyekat transaksi penipuan yang disyaki.

Berhubung dengan peralihan kepada ISO 20022,[19] industri kewangan telah menerapkan sepenuhnya standard pemesejan baharu untuk transaksi pembayaran domestik sejak bulan Julai 2024. Industri kini sedang beralih ke arah penggunaan ISO 20022 untuk jenis mesej utama[20] bagi transaksi pembayaran rentas sempadan. Walaupun inisiatif ini disasarkan selesai pada bulan Jun 2025, 16[21] daripada 50 peserta telah berjaya membuat peralihan sebelum tarikh akhir setakat bulan Disember 2024 (Gambar Rajah 7). Hal ini mencerminkan komitmen industri yang kukuh untuk meningkatkan kecekapan infrastruktur pembayaran dan memantapkan keupayaan pengurusan risiko masing-masing.

Kemajuan yang ketara juga telah dicapai dalam memodenkan RENTAS pada tahun 2024 lantas memberi laluan yang jelas untuk terus maju pada masa hadapan. Dalam hal ini, BNM telah menerbitkan kertas strategi berfokus pada bulan Disember 2024 yang memperincikan bidang utama yang akan diusahakan untuk memodenkan RENTAS untuk beberapa tahun akan datang (Gambar Rajah 8). Kertas itu mengambil kira maklum balas yang diterima daripada industri, termasuk peserta bukan RENTAS,[22] pada kertas perbincangan mengenai Rancangan Pemodenan RENTAS yang diterbitkan pada bulan Februari 2024. Sebagai sebahagian daripada strategi tumpuan yang sedang dijalankan, BNM telah memulakan usaha pelaksanaan penyelesaian hampir masa nyata (*near real-time settlement*, NRTS)[23] untuk pembayaran runcit, iaitu industri dijangka beralih kepada model penyelesaian baharu ini menjelang separuh kedua tahun 2025.

Mengkaji Inovasi Secara Bertanggungjawab Sambil Menguruskan Risiko Baru Muncul

Aset digital terus berkembang sebagai kelas aset yang popular. Setakat ini, Hab Penyelidikan Mata Wang Digital BNM telah ditubuhkan bagi mengkaji secara aktif peluang untuk memanfaatkan ciri dan teknologi inovatif yang mendasari aset digital, serta menguruskan risiko yang berkaitan secara berkesan. Secara khusus, Hab mempunyai dua tumpuan pada tahun 2024.

Pertama, penyelidikan berterusan dan peningkatan pemantauan pasaran telah membolehkan BNM menilai peluang dengan lebih baik untuk kajian selanjutnya, dan pada masa yang sama mengimbangi risiko-risiko terhadap mandat kestabilan kewangan dan monetari BNM. Perkara ini dilakukan menerusi kerjasama rapat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, termasuk perkongsian maklumat yang berterusan antara kedua-dua institusi. Butiran lanjut tentang keadaan semasa pasaran aset digital di Malaysia dan pandangan BNM berkenaan dengan tokenisasi aset boleh didapati dalam rencana "Mengemudi Masa Depan Aset Digital".

Gambar Rajah 7: Kemajuan Peralihan kepada ISO 20022



[1] Setakat Disember 2024
[2] Merujuk ISO 15022

Sumber: Bank Negara Malaysia

[19] ISO 20022 ialah standard pemesejan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa untuk industri kewangan dengan kandungan data yang dipertingkat dan format pemesejan yang berstruktur. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2020 dan video pengenalan di (https://www.iso20022.org/about-iso-20022).

[20] Pada bulan Jun 2024, SWIFT mengumumkan bahawa garis masa kewujudan bersama untuk jenis mesej bukan utama akan dilanjutkan hingga bulan November 2026 dan seterusnya, sementara tarikh akhir peralihan asal untuk jenis mesej utama kekal pada bulan November 2025. Jenis mesej utama seperti yang ditakrifkan oleh SWIFT termasuk arahan pembayaran.

[21] Sebanyak sembilan peserta telah beralih sepenuhnya untuk jenis mesej utama dan bukan utama manakala tujuh peserta telah beralih untuk jenis mesej utama sahaja.

[22] Contohnya, EMI dan syarikat pengurusan dana.

[23] NRTS dijangka dapat mengurangkan risiko kredit dan penyelesaian yang dihadapi oleh peserta RENTAS yang menawarkan perkhidmatan pembayaran runcit. Hal ini kerana transaksi pembayaran runcit kini diselesaikan secara bersih tertunda *(deferred net basis)*.

Gambar Rajah 8: Inisiatif Utama di bawah Pelan Pemodenan RENTAS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kedua, Hab berperanan mencari peluang untuk menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab. Pada tahun 2024, Hab terus mengkaji penggunaan teknologi baru bagi memperteguh infrastruktur digital utama untuk persediaan masa hadapan, terutamanya mata wang digital bank pusat (*central bank digital currency*, CBDC). Hal ini termasuk kajian mengenai CBDC borong domestik BNM (iaitu Projek Mawar[24]) dengan kerjasama institusi kewangan terpilih. Projek ini dijadualkan selesai pada tahun 2025. Hasil Projek Mawar dijangka memberikan perincian lanjut berkenaan dengan potensi teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology*, DLT) dan CBDC bagi memperteguh RENTAS untuk persediaan masa hadapan dan pada masa yang sama meningkatkan pemahaman dasar dan isu pengendalian berhubung pengeluaran CBDC borong. Melengkapkan usaha ini, BNM turut terlibat dalam projek oleh BISIH yang mengkaji potensi CBDC untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan (Gambar Rajah 9).

Pada bulan Julai 2024, BNM menyertai Projek Rialto yang diterajui oleh BISIH Eurosystem Centre bersama BISIH Singapore Centre, dengan kerjasama Banque de France, Bank of Italy dan Monetary Authority of Singapore. Projek ini bertujuan untuk menangani masalah pertukaran asing (FX) bagi pembayaran rentas sempadan yang kini dikendalikan oleh bank pengantara, yang melibatkan proses yang mahal, lambat dan rumit. Projek Rialto akan mengkaji kemungkinan penyelesaian menggunakan teknologi dengan mata wang digital bank pusat borong (*wholesale central bank digital currencies*, wCBDC) sebagai aset penyelesaian, yang bertujuan untuk mengurangkan kos FX bagi pembayaran rentas sempadan.

Satu lagi projek BISIH yang disertai BNM ialah Projek Mandala. Projek ini telah menerbitkan laporan akhirnya pada bulan Oktober 2024 dan menunjukkan kebolehlaksanaan untuk mengautomasi prosedur pematuhan bagi transaksi kewangan rentas sempadan menggunakan kontrak pintar. Selain proses semakan pematuhan yang lebih diperkemas untuk institusi kewangan, pematuhan kawal selia yang diterapkan dalam protokol transaksi rentas sempadan juga akan memudahkan pemantauan pematuhan dengan lebih berkesan oleh bank-bank pusat.

Pada Masa Hadapan

Tumpuan BNM pada tahun 2025 adalah untuk memastikan sistem pembayaran dan perkhidmatan MSB di Malaysia kekal selamat, cekap dan sesuai dengan perkembangan semasa. Bagi tujuan ini, BNM akan terus proaktif mengenal pasti dan menangani risiko yang muncul menerusi aktiviti

[24] Projek Mata Wang Ringgit (Mawar).

Gambar Rajah 9: Inisiatif Utama untuk Memajukan Kajian Malaysia Mengenai CBDC



Sumber: Bank Negara Malaysia

penyeliaan sedia ada dan pengukuhan rangka kerja kawal selia BNM secara berterusan. BNM juga akan bekerjasama rapat dengan sektor awam dan swasta untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap penggunaan perkhidmatan pembayaran dan MSB serta menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab. Hal ini penting, khususnya dalam usaha memerangi penipuan kewangan. BNM berhasrat untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan utama, seperti agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak yang berkaitan dalam sektor komunikasi, di samping memastikan pelaksanaan tindakan balas (*countermeasure*) sedia ada yang berkesan.

Selain itu, BNM akan memperkukuh kerjasama dengan pihak berkepentingan antarabangsa, selaras dengan Kepengerusian ASEAN Malaysia pada tahun 2025 serta peranan BNM sebagai pengerusi bersama ASEAN WC-PSS. Matlamat BNM adalah untuk meluaskan rangkaian pembayaran masa nyata dan penggunaannya di rantau ini bagi membolehkan lebih banyak individu memperoleh manfaat daripada pembayaran rentas sempadan yang selamat, cekap dan mampu milik. Di samping itu, BNM akan terus memperteguh infrastruktur pembayaran domestik untuk persediaan masa hadapan melalui usaha yang sedang dijalankan berhubung RENTAS dan CBDC, serta mempergiat kajian terhadap teknologi baru seperti tokenisasi aset, selaras dengan aspirasi Pelan Sektor Kewangan. Hal ini penting bagi memastikan infrastruktur pembayaran terus responsif terhadap keperluan sistem kewangan dan ekonomi secara lebih menyeluruh.

Membina Pertahanan yang Bersepadu bagi Memerangi Risiko Penipuan dalam Talian

Tahukah anda...

1. **Penipuan dalam talian ialah ancaman global, yang menjejaskan individu dan perniagaan**
   Pada peringkat global, satu daripada lima pengguna telah menjadi mangsa penipuan dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini.[1]

2. **Penipu dan penjenayah siber menyasarkan semua lapisan masyarakat**
   Tiada satu pun individu atau kumpulan yang terhindar daripada penipuan dalam talian. Malah, golongan dewasa yang bekerja adalah sasaran utama bagi penipuan di Malaysia kerana dipercayai memiliki sumber pendapatan.

3. **Dalam 95% kes penipuan di Malaysia, mangsa sendiri memindahkan wang kepada penipu**
   Penipu menggunakan pelbagai taktik untuk menipu mangsa supaya memindahkan wang. Taktik ini dikenali sebagai penipuan dengan kebenaran (*authorised fraud*).[2]

[1] Sumber: ACI Worldwide
[2] Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM)



Aishah yang sangat tertarik dengan janji pulangan yang tinggi telah memindahkan keseluruhan simpanannya kepada syarikat yang didakwa sebagai syarikat pelaburan atas nasihat rakannya. Walaupun sentiasa diingatkan tentang penipuan pelaburan daripada bank dan keluarganya, Aishah percaya bahawa skim pelaburan itu sah. Kemudiannya, Aishah mendapat tahu bahawa pelaburan itu sememangnya satu penipuan, dan dia kehilangan semua wangnya.



Adam menerima undangan perkahwinan digital daripada seorang rakan. Dia menekan pautan pada undangan tersebut untuk mengesahkan kehadiran. Pada lewat malam tersebut, Adam terkejut apabila mendapati beberapa pemindahan wang yang besar dibuat tanpa pengetahuannya. Adam mengesyaki kejadian itu berpunca daripada tindakannya menekan pautan kad undangan perkahwinan digital itu, yang mungkin telah menyebabkan aplikasi hasad dipasang dalam perantinya.

Kisah-kisah sebegini semakin biasa didengar, namun terdapat perbezaan utama antara dua situasi ini. Perbezaan ini terletak pada elemen persetujuan pelanggan yang membezakan antara dua jenis penipuan yang lazim, iaitu penipuan dengan kebenaran *(authorised fraud)* dan penipuan tanpa kebenaran *(unauthorised fraud)* (Gambar Rajah 1).

- Kisah Aishah menggambarkan cara penipuan dengan kebenaran berlaku. Mangsa diperdaya untuk memindahkan wang secara sedar kepada penipu dengan alasan palsu. Dalam situasi ini, penipu menggunakan taktik kejuruteraan sosial untuk mengeksploitasi emosi mangsa seperti perasaan tamak, takut atau cinta lalu menjadikan individu mudah tertipu.

- Sementara itu, Adam mengalami penipuan tanpa kebenaran yang melibatkan transaksi oleh penipu tanpa pengetahuan mangsa. Penipu menggunakan kaedah seperti perisian hasad (*malware*) dan pencurian maklumat (*phishing*) untuk mendapatkan data pengenalan peribadi *(personal credentials)* mangsa mereka. Sebaik sahaja data ini diperoleh, penipu melakukan transaksi tanpa pengetahuan mangsa.

Penipuan dalam talian, sama ada dengan kebenaran atau tanpa kebenaran, merupakan ancaman global yang menjejaskan individu dari semua peringkat umur dan latar belakang pendidikan serta turut menggugat perniagaan. Keadaan ini menimbulkan persoalan penting: bagaimana kita boleh mengukuhkan lagi pertahanan secara kolektif untuk memerangi penipuan dan mengurangkan mudaratnya supaya kisah Aishah dan Adam semakin lama semakin berkurang?

Gambar Rajah 1: Kes Penipuan Utama yang Dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM)



Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Pendekatan pelbagai cabang untuk memperkukuh daya tahan

Malaysia menyedari bahawa memerangi ancaman penipuan memerlukan pelbagai pendekatan. Pelbagai langkah yang meliputi aspek pencegahan, penguatkuasaan dan kesedaran amat penting untuk mewujudkan pertahanan yang teguh terhadap penipuan kewangan dalam talian (Gambar Rajah 2). Yang penting, langkah-langkah ini memerlukan kerjasama semua pihak bagi memastikan keberkesanannya.

Gambar Rajah 2: Memahami Strategi Antipenipuan Tiga Cabang BNM



Sumber: Bank Negara Malaysia

Malaysia telah meningkatkan usaha membanteras penipuan dalam talian. Sejak tahun 2022, usaha bersepadu telah diambil untuk memperkukuh kawalan keselamatan institusi kewangan bagi mencegah penipuan (Gambar Rajah 3).[1] Langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan oleh semua bank dan baru-baru ini diperluas kepada semua pengeluar wang elektronik utama telah membuahkan hasil yang positif. Pada tahun 2024, bilangan kes transaksi penipuan tanpa kebenaran yang melibatkan perisian hasad dan pencurian maklumat yang dilaporkan kepada BNM menurun sebanyak 52%. Dengan kawalan keselamatan yang dipertingkatkan ini, industri perbankan juga berjaya menghalang percubaan transaksi penipuan bernilai lebih daripada RM399 juta pada tahun 2024. Jumlah ini adalah lima kali lebih besar daripada jumlah kerugian sebenar akibat transaksi penipuan dalam talian yang dilaporkan kepada BNM.

Gambar Rajah 3: Langkah-Langkah Keselamatan yang Dilaksanakan oleh Institusi Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dari aspek penguatkuasaan, National Fraud Portal (NFP)[2] telah mula beroperasi pada bulan April 2024 untuk menyokong operasi Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC). NSRC bertindak sebagai pusat hubungan utama bagi mangsa penipuan untuk membuat laporan dengan pantas. Pegawai NSRC menggunakan NFP sebagai platform untuk mengesan aliran transaksi penipuan, berkongsi maklumat dalam kalangan institusi kewangan dan memantau tindakan intervensi yang diambil oleh institusi kewangan. NFP membolehkan masa yang diambil untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai aliran wang berkurang sebanyak 75% dan terdapat peningkatan sebanyak 41% dalam kes yang dilaporkan kepada PDRM untuk siasatan lanjut.[3]

Pengguna yang peka dan proaktif ialah senjata utama untuk membanteras penipuan

Di Malaysia, lebih 95% penipuan dalam talian berpunca daripada transaksi dengan kebenaran. Memandangkan corak penipuan dengan kebenaran boleh menyerupai transaksi tulen, institusi kewangan menghadapi cabaran yang ketara untuk mengenal pasti dan menyekat transaksi penipuan tanpa menimbulkan risiko yang mengganggu kelancaran fungsi sistem pembayaran. Sebaliknya, cara terbaik untuk mencegah transaksi ini daripada berlaku adalah dengan mendidik dan meningkatkan kesedaran pengguna tentang penipuan sedemikian. BNM, agensi kerajaan dan industri kewangan telah mempergiat usaha dalam hal ini. Kejayaan yang lebih besar bagi mengelakkan penipuan hanya boleh dicapai jika

[1] Rujuk Gambar Rajah 6 bertajuk "Pendekatan Tiga Penjuru untuk Membanteras Penipuan Kewangan" dalam Laporan Tahunan 2023 untuk maklumat lanjut tentang langkah-langkah pencegahan penipuan dalam strategi anti penipuan BNM (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/12142010/ar2023_bm_ch1e.pdf).
[2] Rujuk Gambar Rajah 3 dalam bab "Mengekalkan Integriti Kewangan" Laporan Tahunan 2023 (Mengekalkan Integriti Kewangan).
[3] Rujuk bab "Mengekalkan Integriti Kewangan" dalam Laporan Tahunan 2024 untuk maklumat lanjut berkenaan hasil NFP. https://www.bnm.gov.my/bm_ar24ch1g

terpedaya dengan tawaran yang indah khabar dari rupa, mengambil perhatian terhadap amaran penipuan daripada rakan, keluarga dan bank, serta mengamalkan langkah-langkah keselamatan siber yang baik dengan tidak berkongsi kata laluan, maklumat pengenalan peribadi dan tidak menekan pautan yang mencurigakan.[4]

Namun begitu, jika pengguna masih menjadi mangsa penipuan, mereka perlu mengambil tindakan (ACTion) dengan segera (Gambar Rajah 4). Langkah ini akan membantu institusi kewangan dan agensi penguatkuasaan untuk bertindak balas dengan pantas dan mengurangkan kerugian selanjutnya. Hal ini juga dapat menyokong usaha mendakwa si pelaku.

Gambar Rajah 4: Tindakan (ACTion) Pantas oleh Pengguna Dapat Meminimumkan Kerugian Akibat Penipuan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Layanan adil untuk mangsa transaksi tanpa kebenaran

Sewajarnya, pengguna mengharapkan institusi kewangan untuk melindungi wang mereka. Pada masa yang sama, institusi kewangan juga bergantung pada pengguna untuk berwaspada dan berhati-hati supaya tidak menjadi mangsa penipuan. Oleh itu, institusi kewangan dan pengguna kedua-duanya memikul tanggungjawab bersama untuk memastikan akaun bank selamat. Selaras dengan tanggungjawab bersama ini, BNM telah mengeluarkan dasar tentang Memastikan Layanan Adil kepada Mangsa Transaksi e-Perbankan Tanpa Kebenaran kepada institusi perbankan pada tahun 2024. Gambar Rajah 5 memberikan tinjauan keseluruhan dasar tersebut yang bertujuan memastikan siasatan insiden penipuan tanpa kebenaran oleh institusi kewangan dan pampasan kepada mangsa adalah adil dan saksama. Mari kita teliti semula kes-kes yang melibatkan Aishah dan Adam.

[4] Berdasarkan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan yang dijalankan pada tahun 2024, sebanyak 15% responden sukarela berkongsi kata laluan perbankan mereka dengan kawan rapat, 61% responden tidak memberikan perhatian kepada ciri-ciri keselamatan laman sesawang perbankan yang mereka gunakan, manakala 80% tidak kerap menukar kata laluan mereka.



Dalam kes Adam, Adam dan banknya sama-sama bertanggungjawab kerana membenarkan penipuan berlaku. Adam sepatutnya mengesahkan pautan yang tertera adalah selamat sebelum menekan pautan tersebut. Manakala bank sepatutnya menghentikan sementara transaksi dan memaklumkan kepada Adam sebaik sahaja mereka mengesan beberapa pemindahan wang yang banyak dan berulang kali kepada individu pihak ketiga baharu yang dibuat pada lewat malam. Transaksi seperti ini jelas bukan transaksi perbankan yang biasa Adam lakukan. Oleh itu, bank mesti mempertimbangkan kegagalan kedua-dua pihak untuk mengambil langkah yang sewajarnya bagi mencegah penipuan ini dalam menentukan pampasan kepada Adam.



Sementara itu, dalam kes Aishah yang secara sukarela memindahkan wang kerana tertarik dengan pulangan pelaburan yang tinggi, sebarang pemulangan wang yang dicuri akan bergantung pada tindakan (ACTion) segera yang diambil oleh Aishah. Memperkasakan pelanggan melalui pendidikan kewangan merupakan langkah terbaik untuk mengurangkan penipuan sedemikian.

Kepekaan terhadap tanda-tanda amaran sebelum memindahkan wang mampu menyelamatkan pengguna daripada kehilangan wang hasil titik peluh mereka. Patuhi amaran institusi kewangan mengenai kemungkinan penipuan untuk mengelak daripada menjadi mangsa. Pendidikan kewangan dan kesedaran yang berterusan boleh memperkasakan pengguna untuk kekal berwaspada dan melindungi diri mereka daripada penipuan, terutamanya dalam kes seperti Aishah.

Gambar Rajah 5: Gambaran Keseluruhan Keperluan Terhadap Institusi Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

Memerangi penipuan dalam talian merupakan cabaran berterusan dan memerlukan pendekatan seluruh negara. Dalam usaha ini, BNM komited untuk sentiasa menambah baik strategi dengan memastikan institusi kewangan melaksanakan langkah-langkah pencegahan penipuan yang mantap, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses penyiasatan dan penguatkuasaan, serta meningkatkan kesedaran dan perlindungan pengguna.

Pihak industri sudah pun mengambil pelbagai langkah untuk mempertingkatkan usaha semasa. Langkah ini termasuk mengkaji kaedah untuk terus mengukuhkan lagi pencegahan penipuan dan penguatkuasaan melalui penggunaan teknologi dan perkongsian maklumat yang lebih mantap.

Sebagai pengguna, setiap daripada kita memainkan peranan penting dalam membanteras penipuan. Sebagai barisan pertahanan pertama, pengguna boleh membantu mencegah penipuan dan menyumbang ke arah ekosistem pembayaran digital yang lebih selamat dengan kekal berwaspada dan proaktif. Hanya dengan kerjasama ini, barulah kita boleh meningkatkan daya tahan terhadap ancaman penipuan kewangan ini.

Mengemudi Masa Depan Aset Digital

Pasaran aset digital global[1] telah mencatatkan pertumbuhan ketara sepanjang tahun 2024, didorong oleh peningkatan penerimaan dalam kalangan institusi, inovasi teknologi serta peraturan kawal selia yang lebih jelas. Hasilnya, ekosistem aset digital telah berkembang daripada aset kripto untuk turut merangkumi pasaran aset token yang semakin besar, di samping usaha kajian penggunaan mata wang digital bank pusat (*central bank digital currency*, CBDC) yang semakin meningkat oleh bank-bank pusat.

Landskap aset kripto global

Tarikan orang ramai terhadap aset kripto kini kembali pulih selepas tamatnya musim suram kripto (*crypto winter*) pada tahun 2022. Kelulusan kawal selia terhadap dana dagangan bursa (*exchange-traded funds*, ETF) Bitcoin dan Ethereum semerta (*spot*) di Amerika Syarikat (AS) telah mendorong pengurus dana utama untuk mula menawarkan produk pelaburan kripto, sekali gus melonjakkan minat institusi. Bidang kuasa seperti Kesatuan Eropah dan United Kingdom turut mengeluarkan lebih banyak garis panduan kawal selia yang memberikan tumpuan pada perlindungan pelanggan dan pelabur, pencegahan pengubahan wang haram serta keperluan pematuhan.

Sejak keputusan Pilihan Raya Presiden AS pada bulan November 2024, keyakinan dan minat terhadap pasaran aset kripto telah meningkat.[2] Pada 5 Disember 2024, Bitcoin melepasi paras USD100,000 buat pertama kalinya. Walau bagaimanapun, pasaran aset kripto ini menyusut selepas permulaan yang tidak menentu pada awal tahun 2025 disebabkan oleh kebimbangan geopolitik, ketidaktentuan makroekonomi dan halangan khusus yang dihadapi oleh industri.

Rajah 1: Permodalan Pasaran bagi Aset Kripto Terpilih



Sumber: CoinGecko

[1] Merangkumi aset kripto dan tokenisasi aset dunia sebenar. Aset kripto ditakrifkan sebagai "aset digital yang dikeluarkan secara persendirian yang bergantung pada kriptografi dan teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology*, DLT) atau teknologi yang serupa". Aset kripto merupakan sebahagian daripada aset digital, iaitu istilah yang lebih luas digunakan untuk merujuk perwakilan nilai dalam bentuk digital.

[2] Pentadbiran Trump yang baharu menunjukkan pendirian yang lebih positif terhadap aset kripto. Beberapa inisiatif yang dikaji termasuk mewujudkan rizab Bitcoin kebangsaan yang strategik, meletakkan AS sebagai "kuasa besar Bitcoin" dan menggalakkan penggunaan *stablecoin* yang disandarkan kepada USD.

Aset kripto dalam pasaran Malaysia

Pasaran aset kripto di Malaysia kekal aktif tetapi masih kecil jika dibandingkan dengan saiz keseluruhan pasaran kewangan domestik. Berdasarkan aliran keluar deposit bersih terkumpul daripada bank-bank kepada bursa aset digital (*digital aset exchanges*, DAX) yang berdaftar dalam negara, nilai aset kripto mewakili kurang 1% daripada jumlah deposit sistem perbankan pada akhir tahun 2024 dan kira-kira 0.4% daripada permodalan pasaran sekuriti yang tersenarai di Bursa Malaysia. Namun begitu, pasaran aset kripto di Malaysia kekal aktif. Pada tahun 2024, jumlah nilai dagangan keseluruhan melonjak kepada RM13.9 bilion (2023: RM5.4 bilion).

Bilangan peserta tempatan dalam industri aset kripto serta kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan juga semakin bertambah. Pada tahun 2024, terdapat 15 entiti yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) termasuk DAX, penjaga aset digital, pengendali tawaran bursa awal (*initial exchange offering*) dan dana aset kripto (2019: tiga peserta DAX).

Penglibatan bank di Malaysia dalam aktiviti langsung aset kripto tertumpu pada penyediaan perkhidmatan kepada peserta aset digital yang berdaftar. Perkhidmatan ini termasuk menawarkan akaun operasi atau akaun amanah dan kemudahan urusan pembayaran dan pengeluaran untuk pelanggan yang terlibat dalam jual beli aset kripto. Walaupun terdapat beberapa bank yang menunjukkan minat untuk meningkatkan dedahan kepada aset kripto, kebanyakannya masih berhati-hati memandangkan volatiliti yang ketara dan risiko penipuan yang berkaitan dengannya. Hal ini mengehadkan penularan risiko ke dalam sistem kewangan yang lebih luas.

Landskap kawal selia aset kripto di Malaysia

Aset kripto tidak diiktiraf sebagai mata wang yang sah dan bukan kaedah pembayaran yang dikawal selia di Malaysia. Nilai aset kripto sangat tidak stabil, menjadikannya tidak sesuai untuk digunakan sebagai medium pertukaran untuk pembayaran, sebagai unit pengiraan untuk menetapkan harga barang dan sebagai penyimpan nilai yang baik untuk tabungan, simpanan dan pengeluaran. Bagi menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab serta menyokong pembangunan pasaran aset digital yang teratur, BNM dan SC telah mewujudkan pengaturan penyelarasan bagi mengawasi aktiviti aset digital. Pengaturan ini bertujuan memastikan risiko sistemik, integriti kewangan serta langkah perlindungan pelabur terus berkesan. Pendekatan "aktiviti sama, risiko sama, pengawalseliaan sama" memastikan peserta tertakluk pada standard pengawalseliaan yang setara, berdasarkan tahap risiko yang ditimbulkan. Walaupun risiko terhadap kestabilan kewangan dan monetari masih terhad di Malaysia pada masa ini, BNM terus memantau rapi perkembangan dalam bidang ini bagi memastikan sebarang kesan terhadap sistem kewangan yang lebih luas dapat dibendung.

Landskap global untuk tokenisasi aset dalam sektor kewangan

Selain aset kripto, potensi teknologi yang mendasarinya (iaitu DLT) dalam membantu meningkatkan kecekapan sistem kewangan semakin diakui. Berlatarkan keadaan ini, pengawal selia dan institusi kewangan semakin berminat untuk mengkaji tokenisasi aset.[3] Hal ini membolehkan perwakilan aset kewangan dalam platform yang boleh diprogramkan seperti rangkaian rantaian blok (*blockchain*). Pemerhati pasaran menjangkakan jumlah permodalan pasaran tokenisasi (tidak termasuk aset kripto) boleh mencecah kira-kira USD2 trilion menjelang tahun 2030.[4] Khususnya, aset token dalam pengurusan dana dan aset penyelesaian kewangan kini semakin mendapat perhatian. Keadaan ini dapat dilihat dengan kemunculan penyelesaian seperti platform Kinexys Digital Assets dan dana token, BUIDL.

Bagi tujuan ini, tokenisasi aset dalam sektor kewangan yang dikawal selia boleh membuka peluang baharu, melalui keupayaan untuk diprogramkan (*programmability*), keupayaan untuk menggabungkan pelbagai aplikasi dan ciri menjadi sesuatu yang baharu (*composability*) serta keupayaan untuk membolehkan kesemua langkah transaksi dilaksanakan secara serentak (*atomicity*). Ciri-ciri utama seperti penyelesaian segera (*atomic settlement*), pemecahan aset kepada unit lebih kecil (*fractionalisation*) dan rekod masa nyata yang tidak boleh diubah (*immutable real-time records*) dapat

[3] Bank for International Settlements (BIS) mentakrifkan tokenisasi sebagai "proses menjana dan merekodkan perwakilan digital untuk aset tradisional dalam platform yang boleh diprogramkan".

[4] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana McKinsey *"From ripples to waves: The transformational power of tokenising assets"*. (https://www.mckinsey.com/industries/financial-services/our-insights/from-ripples-to-waves-the-transformational-power-of-tokenizing-assets).

meningkatkan kecekapan, meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan serta memperkukuh integriti sistem kewangan. Manfaat ini semakin jelas dilihat dalam kes-kes penggunaan seperti aset dunia sebenar yang boleh dilaburkan, mudah tunai dalam rantaian (*on-chain liquidity*) serta penyelesaian pinjaman.

Gambar Rajah 1: Tokenisasi dalam Sektor Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM melihat potensi tokenisasi aset untuk memacu kes penggunaan yang inovatif seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022–2026. Inisiatif ini akan menjadi pelengkap kepada penyelidikan dan kajian BNM mengenai CBDC domestik dan rentas sempadan.[5]

Antara lain, BNM melihat potensi deposit token untuk bertindak sebagai aset penyelesaian dalam rantaian yang boleh dipercayai, melengkapi CBDC borong. Sama seperti deposit bank komersial tradisional, deposit token yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang dikawal selia adalah tuntutan terhadap bank pengeluar. Bank-bank ini masih tertakluk pada keperluan kehematan BNM berhubung dengan mudah tunai dan modal. Oleh itu, deposit token membolehkan wang bank komersial memperoleh manfaat daripada keupayaan untuk diprogramkan dan penyelesaian segera. Pada masa yang sama, deposit token mengekalkan kepercayaan terhadap sistem kewangan sedia ada.

[5] Untuk butiran lanjut mengenai penyelidikan dan kajian BNM dalam CBDC, sila rujuk bab "Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap" dalam Laporan Tahunan 2024.

Selain wang token, BNM sedang mengkaji potensi tokenisasi kes penggunaan dunia sebenar yang lebih luas untuk sektor kewangan. Kajian ini akan melibatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan utama seperti SC dan sektor swasta. Kes penggunaan ini boleh merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, pembayaran boleh diprogramkan, pembiayaan rantaian bekalan serta pengurusan mudah tunai dan perbendaharaan. Bagi menyokong kajian ini, BNM merancang untuk menerbitkan kertas perbincangan mengenai tokenisasi aset pada tahun 2025. Kertas perbincangan ini akan menggariskan prinsip utama dan kes penggunaan sebagai panduan kepada industri untuk mengkaji dan menyertai inisiatif tokenisasi. Selain itu, Sandbox Pengawalseliaan BNM turut memudahkan ujian sebenar bagi penyelesaian inovatif yang menggunakan DLT dan mempunyai potensi untuk mempertingkatkan sistem kewangan Malaysia, dalam persekitaran terkawal.

Gambar Rajah 2: Inisiatif Utama pada Tahun 2025



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prospek

Landskap aset digital sedia untuk terus berkembang pada tahun 2025. Meskipun BNM tidak mempunyai perancangan untuk mengiktiraf aset kripto sebagai mata wang yang sah buat masa ini, BNM akan terus memantau perkembangannya dalam sektor tersebut. Hal ini bagi memastikan risiko kestabilan monetari dan kewangan dapat dikawal dan integriti sistem kewangan terus terpelihara.

Pada masa yang sama, matlamat BNM adalah untuk menyokong inovasi kewangan yang bertanggungjawab menerusi tokenisasi aset dalam sektor kewangan. Sokongan ini adalah seiring dengan usaha mengkaji CBDC domestik dan rentas sempadan serta teknologi baru muncul. Pada masa hadapan, kerjasama dengan sektor swasta dijangka dipergiat. Tindakan ini akan memaklumkan pendekatan yang akan diambil oleh Malaysia bagi memperoleh manfaat sepenuhnya daripada tokenisasi sambil menguruskan risiko yang berkaitan.

Pengeluaran Mata Wang

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan pengeluar tunggal wang kertas ringgit dan duit syiling, satu-satunya mata wang yang sah diperlakukan di Malaysia. Mandat BNM adalah untuk memastikan bekalan wang kertas ringgit dan duit syiling cukup untuk memenuhi permintaan orang ramai dan mengekalkan kualiti dan integriti mata wang dalam edaran (*currency in circulation,* CIC).

Pada tahun 2024, BNM terus memastikan ekosistem mata wang di Malaysia mampan kendiri (*self-sustaining*). Perkara ini termasuk memusatkan operasi di Semenanjung Malaysia serta membolehkan institusi kewangan dan pemproses mata wang berdaftar[1] membuat pengagihan dan pengedaran semula mata wang. Hal ini selaras dengan peranan BNM sebagai pengeluar, pembentuk dan pengawal selia landskap mata wang.

Mata Wang dalam Edaran

Walaupun landskap pembayaran telah berubah dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini berikutan perkembangan e-pembayaran, wang tunai kekal sebagai kaedah pembayaran yang penting.

Setakat 31 Disember 2024, CIC di Malaysia meningkat sebanyak 5.5% pada asas tahunan (2023: -0.2%) kepada RM170.7 bilion daripada RM161.8 bilion pada tahun sebelumnya (Rajah 1).

[1] Pemproses mata wang berdaftar ialah entiti perniagaan yang berdaftar dengan BNM di bawah Akta Mata Wang 2020 untuk menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang.

BNM mengunjurkan bahawa permintaan terhadap wang tunai akan berterusan, meskipun e-pembayaran meningkat, kerana didorong oleh faktor-faktor seperti pertumbuhan ekonomi, pemegangan tunai untuk kecemasan dan sebagai kaedah pembayaran di kawasan yang tidak menyediakan kaedah e-pembayaran.

Rajah 1: Nilai dan Pertumbuhan CIC Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Operasi Mata Wang

Operasi mata wang BNM termasuk pengurusan, pengagihan dan pengedaran wang kertas dan duit syiling di Malaysia. Pada masa ini, wang kertas ringgit diperoleh daripada pencetak wang kertas komersial, manakala duit syiling ditempa oleh Pusat Syiling Malaysia (Malaysia Mint, MyMint) BNM. MyMint juga menyimpan dan mengagihkan duit syiling untuk memenuhi permintaan di seluruh negara. Dalam tahun pertama beroperasi selepas kerja-kerja pembangunan semula pada tahun 2023, kecekapan operasi MyMint meningkat dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Sebahagian besar pencapaian ini terhasil daripada pengurangan masa henti yang disebabkan oleh peningkatan keselamatan pekerjaan dan berkurangnya kelemahan dalam proses automasi. Kakitangan MyMint juga telah diiktiraf sebagai Certified Practitioners in Lean Management (Manufacturing) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Gambar Rajah 1: Gambaran Keseluruhan Kitaran Mata Wang Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Edaran semula wang kertas dan duit syiling yang sesuai

BNM juga ditugaskan untuk memelihara kualiti dan integriti wang kertas dan duit syiling dalam edaran. Bagi memastikan peserta industri mata wang hanya mengedarkan wang kertas dan duit syiling yang bersih dan sesuai, mereka perlu mematuhi standard yang telah digariskan oleh BNM dalam dokumen dasar tentang Kualiti dan Integriti Mata Wang (Quality and Integrity of Currency) yang diterbitkan pada bulan September 2023.

Wang kertas yang tidak sesuai, rosak dan palsu akan dikeluarkan daripada edaran semasa aktiviti pemprosesan oleh BNM. BNM akan menggantikannya dengan wang kertas baharu atau wang kertas yang sesuai



Wang kertas yang sesuai untuk edaran ialah wang kertas terpakai yang memenuhi standard kualiti untuk diedarkan semula



Wang kertas yang tidak lagi sesuai untuk edaran akan dikesan secara automatik menggunakan mesin pemprosesan berkelajuan tinggi dan dikeluarkan daripada edaran

untuk edaran (*fit notes*). Tindakan ini bertujuan untuk memastikan hanya mata wang yang tulen dan berkualiti tinggi kekal dalam edaran, manakala wang kertas yang telah koyak, dicemari dengan dakwat atau diconteng dikelaskan sebagai rosak. Duit syiling juga dianggap rosot (*worn*) jika terhakis dan kotor, serta dianggap dibega (*tampered*) jika kemik, terbakar, pecah atau berlubang.

BNM menggalakkan orang ramai yang memiliki wang kertas yang tidak sesuai atau rosak atau duit syiling yang rosot atau dibega supaya menukarkannya di mana-mana institusi kewangan di Malaysia.

Integriti Mata Wang Malaysia

BNM sentiasa memantau serta menilai ancaman dan trend pemalsuan mata wang bagi memastikan integriti CIC. Setakat 31 Disember 2024, indeks pemalsuan mata wang di Malaysia berada pada 1.7 bahagian bagi setiap juta keping (*parts per million*, ppm), meningkat sedikit daripada 1.6 ppm pada tahun 2023. Meskipun demikian, indeks pemalsuan mata wang di Malaysia kekal lebih rendah berbanding negara-negara lain yang ditanda aras.[2]

Rajah 2: Indeks Pemalsuan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Libat urus dengan pihak berkepentingan utama

BNM terus meningkatkan kesedaran orang ramai dan kecekapan peserta industri mata wang menerusi program pendidikan dan latihan teknikal. BNM telah mengadakan 66 sesi libat urus dengan orang ramai, pihak kerajaan, agensi penguatkuasaan serta peserta industri mata wang pada tahun 2024.

BNM juga aktif mendidik orang ramai menerusi hantaran media sosial berhubung dengan edaran semula wang kertas yang sesuai dan cara untuk mengenal pasti wang kertas tulen.



Siaran media sosial mengenai cara mengenal pasti wang kertas palsu

[2] Kadar pemalsuan di negara yang ditanda aras adalah antara 3 hingga 25 ppm. (Sumber: Laman sesawang dan laporan tahunan bank pusat masing-masing).

Pada peringkat antarabangsa, BNM berinteraksi dengan rakan sejawat secara aktif untuk saling bertukar pengetahuan tentang pemprosesan dan automasi mata wang, terutamanya berkaitan dengan infrastruktur inovatif Automated Cash Centre (ACC) BNM dan MyMint. BNM juga bekerjasama dengan peserta industri mata wang antarabangsa untuk memahami trend pasaran dan keperluan ekosistem mata wang pada masa hadapan.

Menyelaraskan operasi mata wang dengan matlamat kelestarian

Selaras dengan sasaran Malaysia untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050, BNM telah memulakan beberapa inisiatif lestari yang melibatkan seluruh ekosistem mata wang. Inisiatif ini termasuk mengutamakan pengeluaran wang kertas yang sesuai untuk edaran dan ditambah dengan wang kertas baharu terutamanya pada musim perayaan. Pada tahun 2024, BNM mengeluarkan sebanyak 2.5 bilion wang kertas di seluruh negara (2023: 2.6 bilion), dan wang kertas yang sesuai untuk edaran merangkumi 66% daripada jumlah ini (2023: 67%).

Pada tahun 2024, BNM mengeluarkan sebanyak 632 juta duit syiling di seluruh negara, dan duit syiling yang diedarkan semula merangkumi 6.4% daripada duit syiling yang diagihkan. Usaha untuk menambah baik edaran semula duit syiling sedang dijalankan dan akan dipertingkatkan pada tahun 2025. BNM menggesa orang ramai untuk menggunakan duit syiling mereka atau mendepositkan duit syiling yang tidak digunakan di mesin deposit duit syiling yang berhampiran (maklumat lokasi boleh didapati melalui: www.bnm.gov.my/currency/codm_locations).

Bagi pelupusan wang kertas, BNM menggunakan kaedah sisa kepada tenaga (*waste-to-energy*, WTE) untuk membakar wang kertas yang lama dan tidak sesuai untuk edaran bagi menjana tenaga. Pada tahun 2024, pelupusan wang kertas menerusi WTE menjana kira-kira 448,179 kWj tenaga, yang dapat menjana kuasa untuk 60 isi rumah Malaysia sepanjang satu tahun.

Bagi menerapkan amalan ekosistem mata wang kitaran sepenuhnya, BNM sedang meneliti kaedah lain untuk mengitar semula sisa wang kertas, yang akan memberikan hayat baharu kepada bahan tersebut sebelum pengekstrakan tenaga daripada pembakaran. Wang polimer dan wang kertas yang dikitar semula boleh digunakan untuk menghasilkan produk bagi menggantikan penggunaan plastik mentah (*virgin polymer*) dan pulpa kayu.

Gambar Rajah 2: Inisiatif Lestari BNM untuk Pengurusan Sisa Mata Wang



Sisa wang kertas polimer dikitar semula menjadi pelet polimer yang boleh digunakan untuk menghasilkan produk plastik seperti pasu bunga dan kon lalu lintas, lantas mengurangkan pengunaan plastik mentah dengan ketara.



Sisa wang kertas polimer digunakan untuk menghasilkan papan polimer yang digunakan dalam pembuatan perabot.



Pemprosesan semula sisa wang kertas menjadi kertas kitar semula bukan sahaja meminimumkan sisa buangan, malah dapat mengurangkan penggunaan sumber semula jadi yang diperlukan untuk menghasilkan kertas baharu.

Gambar Rajah 3: Aliran Proses Penukaran Sisa Wang Kertas Polimer Menjadi Bahan Plastik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Tidak seperti plastik biasa dan kertas pulpa kayu, pengitaran semula wang kertas adalah rumit. Hal ini disebabkan oleh kehadiran elemen lain seperti dakwat dan ciri keselamatan pada wang kertas. Meskipun demikian, BNM telah berjaya menjalankan pembuktian konsep untuk mengitar semula wang polimer Malaysia kepada papan dan pelet polimer.

Transformasi Ekosistem Mata Wang di Malaysia

Memandangkan wang tunai akan kekal penting pada masa hadapan, BNM telah memperkukuh kerjasama dengan peserta industri mata wang untuk mengubah rantaian nilai keseluruhan ekosistem mata wang. Usaha ini memanfaatkan peningkatan keseluruhan rangkaian pengedaran industri mata wang di seluruh negara oleh industri dan pengalaman BNM dalam usaha menangani pandemik COVID-19. Gabungan semua faktor ini boleh mendorong model pengurusan mata wang borong yang lebih diterajui oleh industri.

Teras utama usaha transformasi ini adalah untuk memusatkan aktiviti pengeluaran dan deposit mata wang di Semenanjung Malaysia dengan memanfaatkan kapasiti rizab ACC BNM bermula bulan Januari 2025.

Bagi menggalakkan pengurusan mata wang yang lebih cekap dalam kalangan institusi kewangan, BNM menerajui pembangunan platform pertukaran mata wang berpusat. Sistem ini membolehkan institusi kewangan menguruskan keperluan mata wang mereka secara berkesan dengan menukarkan mata wang yang sesuai untuk edaran sesama sendiri sebelum memanfaatkan bekalan mata wang daripada BNM. Usaha ini juga sejajar dengan matlamat BNM untuk menggalakkan penggunaan mata wang yang sesuai untuk edaran.

Pengawalseliaan entiti utama

Di bawah Akta Mata Wang 2020, BNM bertanggungjawab untuk memastikan peserta industri terus mematuhi standard kualiti dan integriti yang ketat melalui penyeliaan entiti yang dikawal selia. Langkah seterusnya, BNM akan terus memastikan peserta industri mengekalkan standard yang ketat supaya mata wang yang tidak sesuai, rosak atau palsu dikeluarkan daripada edaran. Tindakan ini bertujuan untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap mata wang Malaysia dan ekosistem mata wang secara keseluruhan.

Gambar Rajah 4: Fokus BNM dalam Landskap Mata Wang Baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2024, BNM menerbitkan dokumen dasar tentang Perniagaan Pemprosesan Mata Wang (Currency Processing Business). Dokumen dasar ini menetapkan standard dan garis panduan yang bertujuan untuk menggalakkan profesionalisme, integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam kalangan pemproses mata wang berdaftar. Antara lain, pihak ini bertanggungjawab untuk menguruskan dan mengawal risiko-risiko yang berkaitan dengan pengendalian perniagaan pemprosesan mata wang, termasuk risiko operasi, kewangan dan keselamatan.

Aktiviti numismatik

BNM mengeluarkan duit syiling peringatan untuk acara antarabangsa, kebangsaan, negeri serta peristiwa penting. Pada tahun 2024, BNM mengeluarkan duit syiling peringatan sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII, Ulang Tahun ke-50 Hubungan Diplomatik Malaysia-China dan Ulang Tahun ke-50 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Rubber Industry Smallholders Development Authority, RISDA).

BNM menganjurkan lelongan wang kertas ringgit bernombor siri khas dengan awalan[3] dan nombor berulang menerusi jurulelong yang dilantik. Pada tahun 2024, BNM telah melangsungkan Lelongan ke-17 dan ke-18 Wang Kertas Malaysia Siri ke-4 dengan Nombor Siri Khas. Lelongan tersebut masing-masing menarik perhatian sejumlah 285 dan 311 pembida. Bidaan tertinggi dijual pada harga RM40,000, dan sebanyak RM1.7 juta dikutip daripada lelongan ke-17 dan RM1.5 juta daripada lelongan ke-18.[4]

[3] Wang kertas ringgit dianggap mempunyai nombor siri khas apabila wang kertas ini mempunyai awalan yang berulang dengan susunan yang unik seperti sepuluh nombor pertama (contohnya, AA0000001 hingga AA0000010), nombor mengikut urutan (contohnya, AA1234567), digit yang sama (contohnya, AA8888888) atau sepuluh juta (contohnya, AA10000000).

[4] Semua pendapatan yang dijana daripada lelongan akan disalurkan kepada usaha jangkauan mata wang BNM dan penambahbaikan ekosistem mata wang.

Gambar Rajah 5: Duit Syiling Peringatan



Reka bentuk bahagian hadapan (atas) dan bahagian belakang (bawah) duit syiling peringatan bersempena dengan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII. Duit syiling peringatan ini ditempa menggunakan perak sterling, emas Nordic dan emas (dari kiri ke kanan).



Reka bentuk bahagian hadapan (kiri) dan bahagian belakang (kanan) duit syiling peringatan bersempena Ulang Tahun ke-50 Hubungan Diplomatik Malaysia-China. Duit syiling peringatan ini ditempa menggunakan perak sterling berwarna.



Reka bentuk bahagian hadapan (kiri) dan bahagian belakang (kanan) duit syiling peringatan bersempena Ulang Tahun ke-50 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Duit syiling peringatan ini ditempa menggunakan perak sterling berwarna .

Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

BNM akan terus memantau perkembangan ekosistem mata wang melalui aktiviti penyeliaan dan pengawasan serta memperkenalkan inisiatif kelestarian yang baharu.

BNM juga akan terus melakukan inovasi pada operasinya dan menyelaraskan proses kerja untuk memastikan kecekapan. BNM akan terus menambah baik kerja ukiran numismatik untuk menghasilkan mata wang yang akan mempamerkan budaya dan warisan unik Malaysia.

Mengekalkan Integriti Kewangan

Bank Negara Malaysia (BNM) terus meningkatkan usaha membanteras jenayah kewangan dengan memperkukuh pematuhan terhadap piawaian antarabangsa, mengoptimumkan penggunaan teknologi dan memperluas kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam melaksanakan strategi pengurangan risiko.

Peranan BNM

BNM ialah pihak berkuasa berwibawa yang menyelia dan mentadbir Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA 2001). BNM bertindak sebagai unit perisikan kewangan (*financial intelligence unit*, FIU) negara dan pihak berkuasa penyeliaan bagi institusi pelapor[1] berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan pencegahan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran (*anti-money laundering, countering financing of terrorism and countering proliferation financing*, AML/CFT/CPF). Di samping itu, BNM bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan pelaksanaan rangka kerja AML/CFT/CPF kebangsaan yang menyeluruh dan mantap serta selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Bagi mencapai matlamat ini, BNM memanfaatkan Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Combat Money Laundering, NCC) iaitu sebuah platform antara agensi kebangsaan yang bertanggungjawab terhadap penyelarasan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif AML/CFT/CPF di Malaysia.

Pada tahun 2024, usaha penting ditumpukan kepada kesiapsiagaan untuk menghadapi Penilaian Bersama (Mutual Evaluation, ME) berhubung dengan keberkesanan dan pematuhan Malaysia terhadap piawaian Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF). ME ialah proses penilaian setara yang memberikan tumpuan pada pengurusan risiko, kerjasama antarabangsa, penyeliaan, langkah-langkah pencegahan serta penguatkuasaan. Hasil penilaian ini mampu mempengaruhi reputasi sesebuah negara, keyakinan pelabur, kemudahan menjalankan perniagaan dan kos pematuhan. Negara-negara yang mendapat penarafan ME yang rendah disenaraikan sebagai negara yang mempunyai kelemahan dalam langkah-langkah membanteras jenayah kewangan. Hal ini boleh menyebabkan kesukaran kepada institusi kewangan negara tersebut untuk berurusan dengan bank koresponden asing dan menjalankan urus niaga pada peringkat antarabangsa lantaran pengawasan yang lebih ketat. BNM sebagai pihak berkuasa berwibawa telah bekerjasama dengan pelbagai agensi[2] bagi menjalankan penilaian dalaman untuk menganalisis jurang dan ruang penambahbaikan bagi memperkukuh persekitaran dalam negeri. Sesi kesediaan dan libat urus bersasar dengan lebih 20 agensi telah diadakan sebelum lawatan di premis (*on-site*). Kerjasama ini, serta inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan oleh BNM sepanjang tahun 2024, menggariskan iltizam Malaysia dalam usaha untuk memperkukuh rangka kerja AML/CFT/CPF negara dan melindungi integriti sistem kewangan.

[1] Institusi pelapor ditakrifkan dalam Jadual Pertama AMLA 2001. Institusi ini termasuk institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank (*non-bank financial institutions*) dan perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditentukan (*designated non-financial businesses and professions*), iaitu peguam, setiausaha syarikat, akauntan, peniaga logam berharga atau batu berharga (*dealers in precious metals or precious stones*), ejen harta tanah berdaftar, syarikat amanah, kasino dan premis perjudian berlesen.

[2] Agensi-agensi ini termasuk Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Salah satu inisiatif utama AML/CFT/CPF ialah pindaan AMLA 2001 yang diluluskan pada bulan Disember 2024. Pindaan ini memperkukuh dan memperjelas (a) prosedur siasatan dan pendakwaan; dan (b) penyeliaan dan pengawalan terhadap institusi pelapor. Pindaan ini bertujuan melaksanakan saranan berdasarkan analisis jurang yang dijalankan oleh NCC berhubung dengan isu dan cabaran pelaksanaan AML/CFT/CPF, menangani isu-isu yang telah dikenal pasti dalam laporan terakhir ME Malaysia pada tahun 2015 serta memastikan penyelarasan terhadap piawaian dan kaedah terkini FATF yang telah dikemas kini antara tahun 2020 hingga 2024. Di samping itu, pindaan perundangan turut dilaksanakan bagi menyelaraskan skop dan liputan kewajipan AML/CFT/CPF bagi peniaga logam berharga atau batu berharga (*dealers in precious metals or precious stones,* DPMS) di seluruh Malaysia.[3] Penambahbaikan selanjutnya juga telah dilaksanakan pada rangka kerja penyeliaan bagi institusi kewangan dan perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditentukan (*designated non-financial businesses and professions,* DNFBP) serta rangka kerja pelaporan pemilikan benefisial. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman agensi-agensi tentang ancaman, kelemahan dan risiko baharu berkaitan dengan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran (*money laundering, terrorism financing and proliferation financing,* ML/TF/PF). Hal ini dicapai melalui inisiatif oleh Pusat Respon Penipuan Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC)[4] dan Sistem Risikan Jenayah Kewangan Kebangsaan (National Financial Crime Intelligence System, NFIS) termasuk pelaksanaan langkah-langkah lebih meluas seperti perkongsian awam-swasta dan penyeliaan bersama yang memudahkan perkongsian risikan taktikal berkenaan kes, isu serta trend antara pihak penguatkuasa undang-undang dengan institusi pelapor.

Pada separuh kedua tahun 2024, Pelan Hala Tuju NCC 2024-2026 baharu (Pelan Hala Tuju baharu) telah diluluskan dan dilaksanakan. Pelan ini menetapkan pencapaian yang jelas serta parameter panduan dengan sasaran yang boleh diukur bagi memudahkan penentuan keutamaan dan pemantauan berkesan. Pelan Hala Tuju baharu ini terus menyokong strategi menyeluruh Malaysia dalam membanteras jenayah kewangan dengan memberikan tumpuan pada:

- memperkukuh usaha untuk mencegah dan menghalang jenayah kewangan;
- meningkatkan budaya pematuhan dalam kalangan institusi pelapor;
- mempertingkatkan pemahaman terhadap risiko baharu berasaskan perkembangan di dalam dan luar negeri; dan
- meneruskan usaha memupuk kesedaran dan pembinaan keupayaan dalam kalangan ahli NCC.

Pelan Hala Tuju baharu merangkumkan saranan utama daripada Penilaian Risiko Negara 2023 (National Risk Assessment, NRA) yang terkini dan lima penilaian risiko tematik[5]. Penilaian risiko ini memberikan pemahaman menyeluruh tentang persekitaran risiko ML/TF/PF di Malaysia. Butiran lanjut mengenai NRA boleh didapati dalam rencana berjudul "Penilaian Risiko Negara Malaysia yang Kelima Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2023". Pelan Hala Tuju baharu ini memastikan usaha AML/CFT/CPF kekal berkesan dan sesuai dalam menangani dedahan risiko Malaysia dalam keadaan perkembangan dalam negeri, serantau dan dunia. Pelan ini merangkumi pelan tindakan berkaitan risiko, pencegahan, penguatkuasaan, undang-undang, pengawalan dan penyelarasan, serta pembinaan keupayaan dan kesedaran.

Memperkukuh Langkah-langkah AML/CFT/CPF melalui Usaha Bersepadu pada Peringkat Kebangsaan dan Serantau

Pada bulan Ogos 2024, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dengan kerjasama Kumpulan Rangkaian Pegawai Pematuhan (Compliance Officers' Networking Group, CONG), telah menganjurkan International Conference on Financial Crime and Terrorism Financing (IFCTF) selama dua hari. Lebih 700 peserta telah menyertai 13 sesi pleno dan bengkel pimpinan pakar (*masterclass*). Semua sesi ini membincangkan penyelarasan piawaian antarabangsa AML/CFT/CPF dengan persekitaran dalam negeri serta penilaian risiko negara, tematik dan institusi. Wakil daripada BNM serta agensi kerjasama tempatan dan antarabangsa berkongsi pandangan, khususnya mengenai strategi berkesan dan amalan terbaik dalam menangani risiko ML/TF/PF.

[3] Ditambah di bawah Jadual Pertama AMLA 2001 dan tertakluk pada kewajipan pelaporan di bawah Bahagian IV AMLA 2001.

[4] NSRC telah ditubuhkan pada tahun 2022 dan merupakan kerjasama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, BNM, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi.

[5] Penilaian ini termasuk Penilaian Risiko Pembiayaan Percambahan Senjata Pemusnah Besar-besaran (Proliferation Financing Risk Assessment, PFRA), Penilaian Risiko Pengaturan Undang-Undang (Legal Arrangements Risk Assessment, LARA), Penilaian Risiko Entiti Undang-Undang (Legal Persons Risk Assessment, LPRA), Penilaian Risiko Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan (Non-Profit Organisations Risk Assessment, NPORA) dan Penilaian Risiko Aset Maya (Virtual Assets Risk Assessment, VARA).



Forum Penyeliaan AML/CFT/CPF pada tahun 2024

Persidangan ini membantu meningkatkan pemahaman dan kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan bagi memperkukuh rejim AML/CFT/CPF di Malaysia.

Dalam bulan Ogos 2024 juga, BNM julung kalinya menganjurkan Forum Penyeliaan AML/CFT/CPF bagi sektor perbankan. Forum ini dihadiri oleh wakil daripada pihak berkuasa penyeliaan serantau termasuk Hong Kong Monetary Authority (HKMA), Otoritas Jasa Keuangan Indonesia (OJK) dan Monetary Authority of Singapore (MAS). Forum ini menyediakan platform untuk mempertingkat kerjasama dan penyelarasan antara pelbagai pihak berkuasa penyeliaan yang mengawasi institusi kewangan yang beroperasi merentas pelbagai bidang kuasa. Hal ini memelihara integriti sistem kewangan dan menyokong usaha membanteras jenayah kewangan pada peringkat antarabangsa.

Pada bulan November 2024, BNM menganjurkan Bengkel Tipologi ke-25 secara bersama dengan Kumpulan Asia/Pasifik bagi Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG). Bengkel ini dihadiri lebih 150 wakil daripada 32 negara anggota, tujuh pemerhati serta lebih 60 peserta daripada sektor swasta. Acara ini merangkumi dua bidang tumpuan iaitu penyalahgunaan entiti korporat dan penipuan yang dijana oleh siber (*cyber-enabled fraud*). Bengkel ini memberi ruang kepada pegawai dan pakar bidang daripada seluruh rangkaian APG untuk berkongsi pengalaman dalam memahami trend baharu serta membanteras aliran kewangan haram di rantau ini.

BNM terus memanfaatkan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (ASEAN Senior Officials Meetings on Transnational Crime, SOMTC) seiring persiapan Malaysia mempengerusikan ASEAN pada tahun 2025. Usaha-usaha utama termasuk penubuhan kumpulan kerja





Bengkel Tipologi ke-25 pada tahun 2024

di bawah SOMTC yang memberikan tumpuan pada pengubahan wang haram, dengan tujuan memperkukuh kerjasama serantau dan pembinaan keupayaan dalam bidang yang sangat penting ini.

Perkongsian Risikan Kewangan dan Sokongan kepada Penguatkuasaan Undang-Undang

BNM komited dalam perkongsian risikan kewangan melalui fungsinya sebagai FIU. FIU bekerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement agencies,* LEA) tempatan dan FIU asing bagi menyokong siasatan berkaitan ML/TF/PF. Kerjasama ini penting untuk mengesan dan mencegah ancaman jenayah kewangan yang dilakukan oleh penjenayah dan pengganas yang menyalahgunakan sistem kewangan.

Institusi pelapor terus memperkukuh pematuhan dan menambahbaik mekanisme pengesanan mereka pada tahun 2024. Usaha ini menyumbang kepada peningkatan

trend pelaporan Laporan Transaksi yang Mencurigakan (Suspicious Transaction Reports, STR). Institusi pelapor telah mengemukakan 342,166 STR pada tahun 2024 (2023: 317,435 STR). FIU terus memanfaatkan analitik data untuk mengenal pasti corak dan maklumat dalam STR dengan menggunakan analisis rangkaian serta pengolahan teks (*text mining*) bagi membina profil dan menyaring keutamaan STR berdasarkan risiko. Penipuan merupakan kesalahan disyaki yang paling lazim, mencakupi 24% daripada semua STR. Kesalahan disyaki lain yang dilaporkan termasuk pengubahan wang haram, kesalahan cukai dan jenayah terancang.

Pada tahun 2024, FIU menerbitkan Buku Panduan Laporan Transaksi Mencurigakan yang menggariskan ciri-ciri utama laporan yang berkualiti serta memberikan panduan praktikal untuk membantu institusi pelapor mengemukakan STR yang berkualiti.

FIU berkongsi maklumat risikan kewangan[6] secara aktif dengan LEA dalam negeri dan lebih 30 FIU asing pada tahun 2024 bagi menyokong siasatan kewangan rentas sempadan. Kira-kira 70% daripada perkongsian ini berkaitan dengan jenayah berisiko tinggi[7] (Rajah 1). FIU juga menjalankan sesi perkongsian dan bengkel tentang analisis risikan kewangan secara dua hala dengan LEA yang berkaitan sepanjang tahun 2024. Usaha ini dilaksanakan untuk memupuk kerjasama dan kefahaman lebih baik antara agensi serta memastikan penambahbaikan berterusan dalam pengesanan dan pencegahan ancaman jenayah kewangan.

Rajah 1: Perkongsian Maklumat Risikan Kewangan mengikut Kesalahan Berat pada Tahun 2024



Nota: "Lain-lain" termasuk jenayah berkaitan alam sekitar, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, aktiviti pengiriman wang haram dll.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkongsian risikan ini, bersama-sama dengan kerjasama rapat antara FIU dan LEA, menyokong siasatan jenayah berat seperti penipuan, pengedaran dadah, rasuah, penyeludupan serta jenayah terancang. Perkara ini telah membawa kepada penahanan lebih 200 individu serta pembekuan, rampasan dan pengembalian semula hasil jenayah bernilai lebih RM120 juta. Perkongsian ini turut menyokong pemantauan dan siasatan kes berkaitan keselamatan negara[8].

Langkah-langkah untuk Meningkatkan dan Menyelaras Tindak Balas terhadap Penipuan

Sejak tahun 2013, penipuan kekal sebagai salah satu jenayah berisiko tinggi dalam keempat-empat NRA mengenai ML/TF. NSRC terus memberikan tindak balas dan pengesanan pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian dan pada masa yang sama menggunakan pendekatan lebih terselaras bagi mendapatkan kembali dana yang dicuri. Gambar Rajah 1 memaparkan hasil utama NSRC pada tahun 2024.

Bagi memperkukuh usaha membanteras penipuan kewangan dalam talian, BNM, Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dan institusi kewangan telah melancarkan National Fraud Portal (NFP). NFP mempertingkat keupayaan NSRC untuk mengatasi taktik penipuan yang sentiasa berubah-ubah dengan memanfaatkan sistem pembayaran perkongsian PayNet. Kerjasama ini mengukuhkan pertahanan Malaysia terhadap penipuan kewangan dalam talian melalui beberapa ciri utama termasuk:

i) Pengesanan dana merentas bank yang lebih pantas dengan bantuan kecerdasan buatan (*artificial intelligence,* AI) dan automasi. Hal ini mengurangkan masa yang diperlukan oleh institusi kewangan untuk mengenal pasti transaksi yang disyaki sebagai penipuan sebanyak 75%, lantas memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang aliran dana.

ii) Tindakan yang tepat pada masanya oleh institusi kewangan melalui pengesahan pantas terhadap transaksi penipuan yang dilaporkan dan pemantauan kes yang lebih berkesan. Hal ini telah menyebabkan peningkatan purata jumlah bulanan kes yang dikenal pasti[9] sebagai penipuan sebanyak 47%.

[6] Perkongsian risikan kewangan bagi menyokong siasatan penguatkuasaan undang-undang terhadap jenayah kewangan.

[7] Jenayah berisiko tinggi termasuk penipuan, rasuah, jenayah terancang, penyeludupan dan pengedaran dadah seperti yang dikenal pasti di bawah NRA 2023 serta keganasan/pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

[8] Keselamatan negara merangkumi keganasan/pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

[9] Jumlah yang dikenal pasti merujuk pada jumlah dana yang ditahan buat sementara waktu oleh institusi kewangan sementara menunggu arahan penguatkuasaan daripada Polis Diraja Malaysia.

Gambar Rajah 1: Hasil Utama NSRC pada Tahun 2024

Hasil Utama NSRC pada Tahun 2024
Membuka 9,588 kertas siasatan melibatkan penipuan dan mengeluarkan perintah pembekuan ke atas akaun kutipan yang disasarkan melibatkan jumlah sehingga RM8 juta
Mengenal pasti dan mengekang 71,037 akaun keldai yang disyaki bagi mengurangkan peluang untuk pelapisan pindahan wang dan penyembunyian punca dana haram
Menjawab 95,449 panggilan orang awam berkaitan penipuan dalam talian, dengan 40,010 panggilan membabitkan mangsa penipuan

Sumber: NSRC

iii) NFP membantu berkongsi maklumat dan menganalisis dana penipuan dengan menyepadukan transaksi dan data akaun keldai daripada pelbagai sumber. Pengumpulan data yang menyeluruh ini membolehkan NSRC menjalankan analisis dan pengesanan akaun keldai dengan lebih baik. Hal ini terbukti dengan peningkatan sebanyak 65% pada bilangan akaun keldai yang dikenal pasti oleh NSRC.

iv) Pelaksanaan NFP juga disokong oleh protokol yang dipersetujui oleh industri untuk pelaporan dan pengendalian akaun keldai.[10] Protokol ini memudahkan tindakan pantas oleh institusi kewangan untuk mencegah penipuan lanjut menggunakan akaun keldai yang sudah dikenal pasti. Protokol ini juga memastikan pengendalian yang lebih konsisten terhadap akaun keldai merentas pelbagai institusi kewangan bagi mengekalkan akses berterusan terhadap perkhidmatan kewangan asas bagi pemegang akaun keldai.

Penambahbaikan lanjut terhadap NFP akan turut merangkumi tempoh pengesanan yang lebih singkat, integrasi data yang lebih meluas serta penggunaan analisis ramalan untuk meningkatkan pengesanan penipuan dan akaun keldai.

Sebagai sebahagian daripada usaha bersama dan berterusan untuk mencapai kadar pemulangan dana dicuri yang lebih tinggi, pindaan terhadap Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai 2024 dan berkuat kuasa pada bulan Oktober 2024. Pindaan ini diperkenalkan untuk mewujudkan satu kesalahan bagi kegiatan akaun keldai dan membenarkan LEA merampas atau menghalang transaksi yang melibatkan dana mencurigakan dalam akaun bank keldai yang disyaki, lantas mengukuhkan tindak balas keseluruhan bagi insiden jenayah kewangan dalam talian.

Menggalakkan Pematuhan AML/CFT/CPF Berterusan oleh Institusi Kewangan dan DNFBP

BNM kekal komited untuk memacu budaya pematuhan AML/CFT/CPF yang mampan dalam kalangan lebih 20,000 institusi pelapor merentas sektor kewangan dan DNFBP. Bagi mencapai matlamat ini, BNM terus menggunakan pelbagai pendekatan penyeliaan dan mempertingkatkan aktiviti penyeliaan berasaskan risiko termasuk memanfaatkan teknologi penyeliaan (*supervisory technology,* SupTech) untuk meningkatkan kecekapan serta keberkesanan. Selain daripada memberikan tumpuan berterusan kepada risiko dan kawalan ML/TF/PF dalam institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM, dua penilaian tematik yang tertumpu pada langkah-langkah anti rasuah dan keberkesanan dalam membanteras TF/PF juga telah dilaksanakan. BNM juga terus memperkukuh penyeliaan terhadap DNFBP.

Pada tahun 2024, BNM memperluas penyeliaan di premis bagi DNFBP sebanyak 12% berbanding tahun 2023, merangkumi 181 institusi pelapor dengan tumpuan terhadap sektor berisiko tinggi (contohnya, peguam, DPMS, setiausaha syarikat, akauntan dan ejen harta tanah

[10] Maklumat lanjut boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap".

berdaftar). Penyeliaan ini termasuk kegiatan penyeliaan bersama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Institut Akauntan Malaysia. Penilaian luar premis (*off-site*) BNM iaitu Laporan Data dan Pematuhan 2024 (Data and Compliance Report, DCR) juga diperluas untuk meliputi 12,000 institusi pelapor merentas lima sektor. Selain itu, BNM memperkukuh jangkaan tadbir urus dengan mewajibkan lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi pelapor yang lebih besar memberikan komitmen serta memperuntukkan sumber yang sewajarnya bagi memacu budaya pematuhan AML/CFT/CPF dalam institusi masing-masing.

BNM terus memantau dan menguatkuasakan piawaian kawal selia untuk mengekalkan integriti serta kestabilan sistem kewangan Malaysia. Selaras dengan iltizam ini, penyelia DNFBP telah memulakan tindakan penguatkuasaan bersifat hukuman (*punitive*) terhadap institusi yang tidak patuh termasuk mengenakan kompaun berikutan kegagalan mengemukakan STR dengan segera.

Untuk terus menggalakkan budaya pematuhan yang kukuh, BNM terus menyertai sesi libat urus dan forum yang diterajui oleh industri. Rencana dengan maklumat yang mencukupi juga telah diterbitkan secara berkala bagi memastikan institusi kewangan dan DNFBP sentiasa menerima maklumat terkini mengenai jangkaan pematuhan serta perkembangan pengawalseliaan.

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2025, BNM akan memberikan tumpuan untuk membuktikan kemampuan Malaysia dalam melaksanakan piawaian antarabangsa AML/CFT/CPF dengan berkesan melalui proses ME FATF, mempertingkatkan kerjasama dengan LEA untuk membanteras jenayah kewangan serta memanfaatkan teknologi dan SupTech, lantas memastikan daya tahan dan pematuhan berterusan dalam menghadapi cabaran yang sentiasa berubah-ubah.

Penilaian Risiko Negara Malaysia yang Kelima Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2023

Penilaian Risiko Negara (National Risk Assessment, NRA) ialah proses untuk menilai dan memudahkan pemahaman tentang risiko pengubahan wang haram (*money laundering*, ML) dan pembiayaan keganasan (*terrorism financing*, TF) di Malaysia. NRA merupakan inisiatif oleh Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC)[1] untuk meningkatkan kefahaman berhubung dengan ancaman dan kelemahan ML/TF, serta kesalinghubungan antara keduanya. Bagi mencapai matlamat ini, NRA menilai ancaman berkaitan ML/TF seperti jenayah yang menjana hasil haram dan aktiviti keganasan serta tahap mudah jejas sektor kewangan dan bukan kewangan terhadap risiko ML/TF.

Bank Negara Malaysia (BNM) selaku pengerusi dan sekretariat NCC telah bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk menjalankan penilaian NRA edisi kelima yang dikenali sebagai NRA 2023. Penilaian ini memanfaatkan maklumat daripada kementerian dan agensi kerajaan, pihak berkuasa penyeliaan dan pengawalan, institusi pelapor, atase asing (*foreign attaché*), agensi penguatkuasaan undang-undang dan masyarakat sivil. NRA 2023 turut menggunakan maklumat daripada agensi penguatkuasaan undang-undang di luar negara untuk menilai jenayah rentas sempadan dan aliran hasil haram. NCC mempertimbangkan dan mengesahkan keputusan NRA 2023 pada bulan Ogos 2024.

NRA edisi ini mendapati bahawa penipuan, rasuah, pengedaran dadah, jenayah terancang dan penyeludupan masih merupakan jenayah paling berleluasa yang menimbulkan risiko ML yang tinggi. Jenayah berisiko ini menjana jumlah hasil haram yang tinggi yang meningkatkan risiko ML berikutan langkah-langkah kawalan yang tidak mencukupi, termasuk siasatan dan dakwaan ML yang tidak memadai. NRA 2023 juga mendapati bahawa ada pengurangan risiko keganasan dan TF berikutan usaha yang berterusan pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk membanteras keganasan. Usaha ini disokong oleh langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan yang berkesan oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Penilaian ini juga mendapati bahawa sektor perbankan, perniagaan perkhidmatan wang, pengeluar bukan bank instrumen pembayaran yang ditetapkan (*non-bank issuers of designated payment instruments*, DPI Issuers), perundangan, setiausaha syarikat dan peniaga logam berharga atau batu berharga (*dealers in precious metals or precious stones*, DPMS) lebih terdedah kepada risiko ML/TF. Pemerhatian ini berikutan peranan pengantaraan sektor ini bersama-sama dengan kemudahan dan kepantasan transaksi yang dipermudah. Penyediaan perkhidmatan profesional juga memberikan ketanpanamaan (*anonymity*) yang mungkin disalahgunakan oleh penjenayah untuk mengubah hasil haram menerusi akaun pelanggan dan menubuhkan syarikat sebagai samaran untuk mengaburkan pemilikan perniagaan tersebut. Selain itu, produk bernilai tinggi yang ditawarkan oleh DPMS juga boleh disalahgunakan untuk menyimpan nilai hasil haram. Walau bagaimanapun, terdapat langkah-langkah kawalan yang diwujudkan bagi mengurangkan tahap mudah jejas sektor ini terhadap risiko ML/TF seperti aktiviti penyeliaan yang dipergiat bagi meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap keperluan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and countering financing of terrorism*, AML/CFT). Dapatan utama mengenai kesalahan berat, sektor kewangan dan bukan kewangan diringkaskan dalam Gambar Rajah 1.

[1] NCC ialah jawatankuasa peringkat tinggi yang ditubuhkan pada tahun 1999 untuk menyelaraskan, melaksanakan dan memantau inisiatif Malaysia berhubung dengan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and counter-financing of terrorism*, AML/CFT). Terdapat 17 anggota NCC iaitu kementerian dan agensi kerajaan daripada pihak berkuasa penyeliaan dan pengawalan, agensi penguatkuasaan undang-undang dan kementerian yang menggubal dasar. Bank Negara Malaysia merupakan pengerusi dan sekretariat NCC.

Gambar Rajah 1: Dapatan Utama Mengenai Kesalahan Berat, Sektor Kewangan dan Bukan Kewangan



Sumber: Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Sektor Kewangan

Langkah Kawalan

Tahap Ancaman	Kukuh	Boleh Terima	Minimum	Lemah
ML				
Tinggi		Institusi Perbankan*		
Sederhana Tinggi		Pengantara Pasaran Modal (termasuk Bursa Aset Digital (DAX))		
Sederhana		• Perniagaan Perkhidmatan Wang • Pengeluar DPI • Bank-bank Labuan • Institusi Kewangan Bukan Bank • Pengendali Insurans / Takaful • Pemberi Pinjam Wang	Broker Wang Labuan	
Rendah		• Pemegang Pajak Gadai • Pengendali Insurans / Takaful Labuan	• Pengantara Insurans • Pengantara Perbankan • Syarikat Pemajakan • Syarikat Pemfaktoran • Pengantara Pasaran Modal Labuan	
TF				
Tinggi				
Sederhana Tinggi		• Institusi Perbankan • Pengeluar DPI • Perniagaan Perkhidmatan Wang		
Sederhana		• Pengantara Pasaran Modal (termasuk DAX) • Pengendali Insurans / Takaful	Broker Wang Labuan	
Rendah		• Pemegang Pajak Gadai • Institusi Kewangan Bukan Bank • Bank-bank Labuan • Pengendali Insurans / Takaful Labuan • Pemberi Pinjam Wang	• Pengantara Insurans • Pengantara Perbankan • Syarikat Pemajakan • Syarikat Pemfaktoran • Pengantara Pasaran Modal Labuan	

* Risiko bersih tinggi institusi perbankan didorong oleh saiznya sebagai sektor kewangan yang terbesar, liputan terluas dengan cawangan yang terletak di seluruh negara, serta sifat perniagaan yang menyediakan produk kewangan utama.

Sumber: Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Sektor DNFBP



Sumber: Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram

NRA 2023 turut mengetengahkan beberapa saranan untuk mempertingkatkan lagi tindak balas Malaysia kepada risiko ML/TF. Saranan ini memanfaatkan inisiatif kerjasama sedia ada dan termasuk perkongsian maklumat antara pihak berkepentingan seperti rujukan kes daripada agensi penguatkuasaan undang-undang kepada penyelia bagi memperkukuh penyeliaan berasaskan risiko. Lebih banyak inisiatif yang diterajui industri akan dilaksanakan bagi memantapkan budaya pematuhan institusi pelapor. Inisiatif ini termasuk penubuhan dan/atau pengukuhan jaringan kumpulan industri bagi mempergiat kerjasama dan penyelarasan.

Kesemua saranan ini akan dipantau oleh pelbagai jawatankuasa kecil di bawah NCC. Ringkasan eksekutif NRA 2023 boleh diakses menerusi https://amlcft.bnm.gov.my/.

Pengurusan Bank Negara Malaysia

Warga Bank Negara Malaysia	134
Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari	139
Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	153
Menyantuni Rakyat Malaysia	161
Libat Urus Antarabangsa	174

Pengurusan Bank Negara Malaysia



Pengurusan Bank Negara Malaysia

Warga Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia (BNM) terus memupuk dan membangunkan kerjaya warganya bagi memastikan BNM melaksanakan mandatnya dengan tahap kecemerlangan dan profesionalisme yang tinggi.

Pengenalan

BNM sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi tenaga kerja yang berprestasi tinggi dan berdedikasi. Bagi tujuan itu, BNM terus meneroka kaedah bekerja yang baharu dan menyesuaikan diri dengan norma yang berkembang, sambil mendukung tradisi integriti, profesionalisme dan kecemerlangan BNM yang telah wujud sejak sekian lama. Pada tahun 2024, keutamaan pengurusan warga BNM menyasarkan usaha untuk memastikan pasukan BNM mempunyai sumber yang sewajarnya dari segi bilangan kakitangan dan kecekapan, selain memperkemas operasi BNM menerusi pengenalan Platform Operasi Digital (Digital Operations Platform, DOP). Usaha ini membolehkan BNM mengalihkan tumpuan kepada membuat keputusan berpandukan data yang lebih mantap mengenai hal ehwal warga kerja. BNM terus memberikan penekanan yang tinggi terhadap inisiatif pembangunan kerjaya bagi memastikan barisan tenaga mahir yang mampan untuk masa hadapan.

Meningkatkan Produktiviti dan Penglibatan Warga BNM dalam Era Digital

Pada tahun 2024, BNM telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mentransformasikan dan memodenkan sistem Pengurusan Modal Insan BNM menerusi penggunaan DOP. DOP ialah platform perolehan, kewangan dan sumber manusia (*human resource,* HR) bersepadu berasaskan awan yang menawarkan penyelesaian boleh skala untuk menyelaraskan dasar HR dengan matlamat urusan. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkemas operasi BNM dengan amalan terbaik, di samping mempertingkatkan kecekapan dan pengalaman organisasi secara keseluruhan. DOP dirangka khusus untuk memperkasakan tenaga kerja BNM dengan alat yang mempertingkatkan pengalaman dan perkembangan profesional mereka, termasuk dengan membolehkan akses secara terus kepada maklumat, pemantauan prestasi dan laluan pembelajaran yang menggalakkan pembangunan berterusan.

Seiring dengan usaha BNM untuk terus menggunakan pendekatan yang fleksibel terhadap pengaturan kerja, penekanan yang sama turut diberikan untuk menggalakkan lebih banyak interaksi secara bersemuka. BNM menganjurkan dan melancarkan Hari Terbuka BNM, iaitu acara yang eksklusif untuk warga kerja. Matlamat inisiatif ini adalah untuk menyediakan ruang bagi membina hubungan yang bermakna dalam kalangan warga BNM merentas pelbagai jabatan, di samping meningkatkan pemahaman tentang cara setiap individu secara kolektif menyumbang kepada mandat keseluruhan BNM. Acara ini juga memberikan peluang untuk mendapatkan cadangan daripada warga kerja bagi menambah baik perkhidmatan operasi BNM.

Selanjutnya, BNM terus mendukung tradisinya dengan meraikan perayaan utama bersama warga kerja, mengadakan acara sukan dan menganjurkan pencarian harta karun tahunan. Acara pencarian harta karun turut mengundang para pesara BNM melalui persatuan Alumni yang telah ditubuhkan.

Sepanjang tahun 2024, kesejahteraan warga BNM kekal menjadi tumpuan utama. BNM terus menyediakan akses kepada perkhidmatan kaunseling serta mempergiat usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental dan fizikal dengan mengadakan lebih 34 program dan acara.





Pencapaian Hasil Menerusi Budaya

Berdasarkan usaha pada tahun-tahun sebelumnya untuk meningkatkan kesedaran kakitangan tentang budaya yang dihasratkan, tumpuan bagi tahun 2024 adalah untuk menyepadukan dan terus menerapkan budaya akauntabiliti dalam rangka kerja organisasi secara menyeluruh, seperti proses perancangan urusan. Usaha ini menggalakkan rasa tanggungjawab bersama yang lebih mendalam, sekali gus membantu kakitangan memahami cara peranan masing-masing menyumbang kepada mandat BNM yang lebih luas. Hal ini membolehkan kakitangan menerapkan pemahaman dan penghayatan yang lebih mendalam terhadap budaya organisasi, seperti yang terpamer melalui norma dan perilaku harian. Pada tahun 2024, alat dan rangka kerja baharu diperkenalkan kepada warga BNM untuk mempertingkatkan budaya mendapatkan dan memberikan maklum balas, termasuk dalam pasukan dan merentas pasukan. Yang penting, inisiatif BNM untuk memupuk budaya organisasi yang mantap bertujuan untuk memperkukuh nilai teras berkaitan dengan integriti, kerjasama, kepelbagaian dan kecemerlangan bagi mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan BNM untuk melaksanakan mandatnya dengan berkesan.

Dalam melaksanakan mandatnya, BNM terus memastikan warga kerjanya memahami dan mematuhi sepenuhnya Kod Tatakelakuan (Code of Conduct, COC) BNM semasa menggalas tanggungjawab mereka. Warga BNM diwajibkan memperbaharui pengetahuan mereka setiap tahun tentang kod tatakelakuan melalui pendidikan dan penilaian secara dalam talian, selain menyelesaikan aktiviti pengisytiharan aset setiap tahun. Hal ini bertujuan memastikan bahawa warga BNM mengamalkan standard integriti, kecemerlangan dan profesionalisme yang tertinggi seperti yang ditetapkan dalam COC BNM.





Pembangunan Tenaga Mahir dan Kerjaya

Di BNM, usaha terus dilaksanakan untuk mengekalkan barisan tenaga mahir yang berterusan dan intervensi yang tepat pada masanya untuk jawatan yang sangat penting bertumpukan misi tertentu. Aspek utama dalam falsafah organisasi BNM ialah memupuk tenaga mahir melalui perancangan penggantian strategik. Platform tidak berpusat dimanfaatkan melalui Mini Talent Council (mTC) untuk memastikan keputusan berkaitan dengan tenaga mahir dan intervensi pembangunan dibuat pada peringkat yang sewajarnya untuk mengekalkan pasukan

yang berprestasi tinggi, sejajar dengan prinsip BNM dalam membentuk tenaga kerja yang berprestasi tinggi dan berdedikasi.

Pelaburan bagi melahirkan bakal pemimpin adalah sangat penting bagi kelestarian organisasi BNM. Berikutan kejayaan Future Leaders Development Programme (FUEL) yang dilancarkan bagi pengurusan peringkat pertengahan pada tahun 2023, BNM memperluas program ini kepada kepimpinan kanan untuk memperkukuh dan memperteguh iktikad budaya BNM serta kemahiran kepimpinan yang berkesan, termasuk pengurusan pihak berkepentingan dan memupuk budaya tempat kerja yang kolaboratif.

Selain FUEL, bimbingan secara eksekutif terus memainkan peranan yang penting dalam memupuk bakal pemimpin. BNM menggunakan pendekatan khusus untuk bimbingan secara eksekutif yang menawarkan persekitaran yang menyokong bakal pemimpin untuk meneroka kekuatan masing-masing, menumpukan pada aspek yang perlu dipertingkatkan dan memperhalus gaya kepimpinan mereka. Pendekatan ini seterusnya dilengkapi dengan sesi pementoran serta interaksi langsung dengan pihak pengurusan kanan (*skip-level engagements*). Pendekatan pelbagai dimensi ini menawarkan peluang yang unik kepada bakal pemimpin BNM untuk pembelajaran berterusan merentas keseluruhan organisasi, dengan matlamat untuk mempercepat tahap kesediaan mereka untuk jawatan kepimpinan pada masa hadapan. BNM memberikan penekanan yang sama terhadap usaha mempertingkatkan pembelajaran teknikal, dengan mengambil kira ciri sesetengah fungsi BNM yang unik. Bagi mencapai tujuan ini, BNM telah mewujudkan landasan pembelajaran (*learning track*) yang khusus bagi bidang teras perbankan pusat untuk memastikan tempoh memperoleh kecekapan yang lebih pantas. Di samping itu, BNM terus menggalakkan warga kerjanya untuk memperoleh pensijilan profesional merentas pelbagai disiplin. Pada masa ini, sebanyak 634 warga BNM memegang keahlian daripada pelbagai badan profesional. BNM juga terus menyediakan biasiswa untuk kakitangan dalam bidang baharu dan berkaitan masa hadapan, termasuk pengurusan kelestarian dan kecerdasan buatan. Pelaburan dalam pembangunan profesional ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan individu tetapi juga memperkaya kepakaran BNM secara kolektif, sekali gus membolehkan BNM memenuhi permintaan persekitaran dinamik yang berkembang dan melaksanakan mandatnya dengan berkesan. Bagi memastikan penyampaian latihan yang berkesan, BNM telah mula meneroka pilihan pembelajaran campuran (*blended learning*) untuk mendorong pemahaman yang maksimum, dengan memperkasakan kakitangan untuk belajar mengikut kesesuaian masing-masing. Statistik lanjut mengenai inisiatif pembelajaran dan pembangunan di BNM ditunjukkan dalam Gambar Rajah 1.

Rajah 1: Pembangunan Berterusan Untuk Kakitangan Melalui Pelbagai Saluran



*Gabungan antara pembelajaran berinstruktur dan pembelajaran kendiri
**Menerusi bengkel kelas dan seminar
***Mengabungkan kedua-dua kaedah pembelajaran sepanjang tempoh pelaksanaan program

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sambil BNM menerima cara kerja baharu dan penggunaan teknologi, peranan tradisional terutamanya fungsi pentadbiran terus dikaji semula. BNM komited untuk meningkatkan kemahiran (*upskilling*) dan melatih semula (*reskilling*) kakitangan pentadbirannya serta kakitangan yang terkesan oleh usaha pendigitalan. Bidang latihan utama merangkumi literasi digital, pengurusan pejabat, komunikasi dan hubungan dengan pihak berkepentingan.

Tarikan Tenaga Mahir dan Pengoptimuman Sumber

Teras kepada inisiatif daya tarikan tenaga mahir ialah usaha penjenamaan BNM untuk terus menarik tenaga mahir terbaik di negara ini. Pada tahun 2024, BNM diiktiraf sebagai antara majikan terbaik di Malaysia apabila meraih sepuluh anugerah HR, termasuk Best Employer Brand oleh LinkedIn, Life at Work Award oleh Talent Corporation dan GRADUAN Brand Awards. Semua anugerah ini diperoleh secara organik melalui gabungan undian orang ramai, penglibatan dalam talian dan penilaian juri. Penyertaan BNM dalam 13 ekspo kerjaya sepanjang tahun 2024 terus mempertingkatkan usaha BNM dalam mempelbagaikan strategi untuk mendapatkan tenaga mahir (rujuk Gambar Rajah 2).

BNM percaya pada potensi generasi muda sebagai pemimpin masa hadapan yang akan memacu organisasi dan negara ke hadapan. Program Graduan Kijang (Kijang Graduate Programme, KGP) merupakan contoh komitmen BNM dalam memupuk dan memperkasakan tenaga mahir. Pada tahun 2024, KGP diiktiraf sebagai Program Pengurusan Graduan Paling Diminati (Most Preferred Graduate Management Programme) di Malaysia dengan meraih dua anugerah berprestij. Pengiktirafan ini menyerlahkan kejayaan program KGP dalam usaha membangunkan bakat muda menerusi matlamat yang jelas, proses pemilihan yang ketat, struktur program selama 18 bulan yang komprehensif dan proses suai tugas (*onboarding*) yang strategik. Dengan menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan kepimpinan, KGP menyasarkan pembinaan kumpulan tenaga mahir yang tangkas dan serba boleh dengan kemahiran yang dapat diaplikasikan di seluruh organisasi, sekali gus membentuk pemimpin masa hadapan. Pada tahun 2024, BNM berjaya mengambil 92 peserta KGP berserta 37 siswazah daripada program biasiswa BNM yang telah lama wujud untuk pelajar berpotensi tinggi. Langkah ini terus menyediakan sumber tenaga mahir berkualiti tinggi yang stabil untuk memenuhi keperluan BNM.

Dengan kekuatan sebanyak 3,543 warga kerja, BNM mengekalkan pengagihan yang agak seimbang antara jantina merentas tahap pekerjaan yang berbeza (rujuk Gambar Rajah 3). Kepelbagaian ini bukan sahaja memperkaya budaya tempat kerja BNM malah juga mempertingkatkan keupayaannya untuk menangani cabaran sektor kewangan yang rumit, menerusi pemahaman pihak berkepentingan yang lebih mendalam.

Gambar Rajah 2: Sumber Tenaga Mahir BNM



* Jawatan yang diisi melalui proses kenaikan pangkat dan pemindahan antara jabatan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Demografi Tenaga Kerja Seimbang Jantina dan Pelbagai Generasi



[1] Peratusan kakitangan bukan eksekutif lelaki lebih tinggi adalah disebabkan oleh bilangan Polis Bantuan BNM.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sebagai sebahagian daripada komitmen BNM untuk memastikan tenaga kerja yang optimum dan pasukan yang mempunyai jumlah sumber yang sesuai, BNM telah memuktamadkan aktiviti perancangan tenaga kerja strategik bagi semua fungsi di BNM pada tahun 2024. BNM menyedari bahawa jumlah tenaga kerjanya kekal tidak berubah sejak sepuluh tahun yang lalu, meskipun mandat dan skop BNM meningkat dengan ketara. Pada masa yang sama, keutamaan strategik BNM untuk menghadapi landskap kewangan dan ekonomi yang sentiasa berubah, baik dalam jangka sederhana mahupun jangka panjang, memerlukan kemahiran baharu dan pengembangan tenaga kerja secara sederhana untuk menyokong fungsi penting BNM. Aktiviti tersebut turut mengambil kira usaha berterusan dalam pendigitalan, mengoptimumkan struktur dan menambah baik proses untuk memastikan penggunaan sumber dioptimumkan sepenuhnya. Selain memastikan sumber yang mencukupi, aktiviti ini turut melibatkan pengumpulan data kemahiran dalam setiap fungsi kerja di BNM dan pemetaan kebolehtukaran peranan. Langkah ini membolehkan BNM mengatur strategi dalam usaha mendapatkan tenaga kerja dan merancang laluan kerjaya yang tersusun bagi memastikan tenaga mahir BNM lebih bersedia untuk menggalas jawatan yang sangat penting bertumpukan misi tertentu.

Langkah selanjutnya

Warga BNM merupakan tonggak penting BNM, dan BNM sentiasa berusaha untuk memastikan warga kerjanya sentiasa berada pada tahap yang terbaik untuk melaksanakan mandat BNM dengan berkesan. Hal ini termasuk menyediakan sokongan yang diperlukan dari segi sumber dan pembangunan. Dengan selesainya aktiviti perancangan tenaga kerja strategik pada tahun 2024, BNM menetapkan asas yang kukuh untuk menyokong usaha perancangan tenaga kerja pada masa hadapan bagi memenuhi permintaan dan keutamaan BNM. Bagi memastikan pengiktirafan terhadap sumbangan dan pencapaian kakitangan dilakukan secara berkesan dan tepat pada masanya, BNM sedang mengkaji semula rangka kerja pengurusan prestasinya agar lebih tangkas dan disesuaikan mengikut keperluan pelbagai tahap pekerjaan. Selain itu, BNM juga sedang melaksanakan penilaian semula tahap asas terhadap struktur kerja organisasi ke arah menghasilkan laluan kerjaya yang lebih jelas berkaitan kemajuan dan mobiliti supaya warga BNM dapat membina kerjaya yang bermakna dan menyeronokkan di BNM.

Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari

Sektor kewangan merupakan penggerak utama bagi peralihan ekonomi Malaysia yang adil dan teratur. Dengan kewujudan ekosistem yang kukuh, pelbagai usaha telah dipergiat untuk menterjemahkan dasar kepada tindakan yang boleh diambil. Tumpuan khusus diberikan pada penzahiran iklim, pembangunan penyelesaian kewangan iklim, peningkatan akses kepada data dan pembangunan keupayaan bagi membuka peluang pertumbuhan untuk menyokong pembangunan yang mampan. Kesemua usaha ini mula membuahkan hasil yang progresif lantas memperkukuh peranan sektor kewangan dalam memupuk ekonomi yang berdaya tahan dan mampan.

Pengenalan

Seperti kebanyakan negara lain, Malaysia terus berhadapan dengan pelbagai peristiwa yang berkaitan dengan iklim. Antara peristiwa yang sering berlaku ialah banjir, gelombang haba dan perubahan cuaca yang melampau. Peristiwa yang sedemikian memberikan kesan terhadap perniagaan dan isi rumah dalam pelbagai aspek. Dalam sesetengah kes, peristiwa ini mengakibatkan kerugian yang besar dan pemindahan penduduk. Susulan peristiwa berkaitan iklim yang semakin kerap berlaku dan bertambah buruk dari tahun ke tahun, impak terhadap kestabilan ekonomi dan kewangan dijangka menjadi semakin ketara pada masa akan datang. BNM memainkan peranan yang sangat penting dalam merangsang sistem kewangan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Matlamat BNM adalah untuk memastikan institusi kewangan mampu menangani risiko iklim dan pada masa yang sama menyokong penyesuaian ekonomi terhadap perubahan iklim. Sejak bermulanya usaha ini pada tahun 2018, BNM telah memperkukuh tindakan iklim untuk industri dan organisasinya. Beberapa tonggak utama yang diwujudkan berfungsi sebagai asas yang utuh bagi pengurusan risiko iklim. Bagi membangunkan keupayaan sektor kewangan, BNM terus menumpukan perhatian terhadap usaha yang memacu hasil yang memberikan impak (Gambar Rajah 1).

Pada tahun 2024, BNM mempergiat usaha untuk terus menambah baik dan mengintegrasikan agenda iklim dalam operasi dalaman serta pelaksanaan fungsi dan mandat BNM. Hal ini meliputi komitmen untuk menambah baik pelaporan dan penzahiran BNM berkaitan iklim. Usaha ini dipandu oleh saranan daripada Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-Related Financial Disclosures, TCFD).[1]

Memperkukuh Tadbir Urus Iklim BNM

Matlamat berkaitan iklim dan alam sekitar merupakan keutamaan organisasi BNM. Bagi mencapai matlamat ini, BNM telah mewujudkan struktur dan rangka kerja tadbir urus yang jelas dan mantap (Gambar Rajah 2).

Pengawasan bagi hal yang berkaitan dengan iklim dilaksanakan pada peringkat Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah memberikan panduan strategik dan memantau usaha BNM dalam membina daya tahan BNM serta sektor kewangan terhadap iklim . Dua kali setahun, Lembaga Pengarah menerima maklumat terkini tentang kemajuan pelan BNM serta pengurusan risiko dan inisiatif berkaitan iklim dan alam sekitar merentas pelbagai peranan dan fungsinya. Berdasarkan panduan yang diperoleh daripada Lembaga Pengarah, BNM juga dapat memperuntukkan belanjawan dan sumber dengan lebih baik sebagai tindak balas terhadap landskap iklim yang sentiasa berubah.

Pada peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan mengawasi pelaksanaan serta penyelarasan strategi dan matlamat berkaitan iklim dan alam sekitar BNM. Peranan ini disokong oleh Unit Kelestarian yang ditubuhkan

[1] Rangka kerja yang diiktiraf pada peringkat global bagi membantu syarikat awam dan organisasi lain untuk menzahirkan risiko dan peluang berkaitan iklim secara lebih berkesan menerusi proses pelaporan yang sedia ada dalam syarikat atau organisasi tersebut.

Gambar Rajah 1: Perjalanan Iklim BNM



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Struktur Tadbir Urus Iklim BNM



Sumber: Bank Negara Malaysia

pada tahun 2021. Maklumat terkini dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan dua kali setahun, mencakupi kemajuan, isu dan cabaran berkaitan dengan strategi serta inisiatif yang telah dikenal pasti. Memandangkan topik ini berkembang pantas, tindak balas BNM perlu diselaraskan dari semasa ke semasa. Pelarasan dibuat berdasarkan input kolektif daripada pelbagai pasukan merentas fungsi di BNM yang melaksanakan dan memantau kemajuan. Isu berkaitan iklim dan alam sekitar juga dibincangkan dalam ruang lingkup jawatankuasa dasar utama apabila panduan strategik diperlukan. Jawatankuasa ini termasuk Jawatankuasa Kestabilan Kewangan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kumpulan Kerja Dasar Kewangan. Pada tahun 2024, BNM memulakan pelaporan iklim bagi operasi fizikal organisasi kepada Jawatankuasa Pengurusan Operasi.

Pada tahun 2024, Unit Kelestarian telah mempertingkatkan komunikasi bagi membantu kakitangan supaya lebih maklum dan memahami inisiatif berkaitan iklim dan kelestarian BNM. Usaha ini termasuk menerbitkan buletin berita, audio siar (*podcast*) dan hantaran forum. Berdasarkan pemerhatian, BNM mendapati adanya peningkatan tentang kesedaran dan pemahaman terhadap risiko berkaitan iklim dan alam sekitar serta peranan BNM dalam menguruskan risiko ini. Climate Change Directors Forum pula merupakan satu lagi platform yang berhimpun dua kali dalam setahun. Forum ini memastikan para pegawai kanan BNM mendapat maklumat terkini tentang perkembangan berkaitan iklim dan alam sekitar pada peringkat negara dan organisasi. Forum ini membolehkan para pegawai kanan membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan inisiatif berkaitan iklim dan alam sekitar dalam bidang masing-masing. Forum ini juga membantu pelbagai pasukan yang berbeza untuk lebih bersepakat dan bekerjasama dalam melaksanakan inisiatif berkaitan iklim dan alam sekitar mereka.

Kemajuan Berterusan dalam Strategi BNM Berkaitan Iklim dan Alam Sekitar

Strategi BNM berkaitan iklim dan alam sekitar dipandu oleh lima tonggak utama (Gambar Rajah 3) yang mencakupi fungsi-fungsi teras BNM. Strategi ini juga selari dengan pelan urusan dan pelan strategik jangka panjang BNM seperti Pelan Sektor Kewangan 2022–2026. Papan pemuka digunakan untuk memantau kemajuan strategi ini dan mengenal pasti cabaran yang boleh memberikan kesan terhadap pencapaian BNM

Gambar Rajah 3: Tonggak Utama Strategi BNM Berkaitan Iklim dan Alam Sekitar



Sumber: Bank Negara Malaysia

berkaitan iklim dan alam sekitar. Papan pemuka ini dikongsi dengan pihak pengurusan kanan dan isu-isu dibincangkan apabila panduan lanjut diperlukan.

Pada tahun 2024, tumpuan pengawalseliaan BNM adalah untuk menyokong pelaksanaan piawaian yang berkesan dan jangkaan penyeliaan mengenai pengurusan risiko iklim. Menerusi platform Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3), BNM terus meningkatkan kredibiliti dan ketekalan pelaporan institusi kewangan di bawah Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT). Soalan Penilaian Wajar CCPT (CCPT Due Diligence Questions, DDQ) dan Nota Panduan telah diterbitkan pada bulan Januari. Pada tahun ini, kohort ketiga panduan sektoral bagi Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation, VBI) turut diterbitkan. Penerbitan ini mengandungi panduan untuk kegiatan sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pengangkutan jalan dan pengurusan sisa. Fungsi panduan ini adalah untuk mengurangkan risiko penipuan, salah fakta dan amalan palsu atau mengelirukan berkaitan iklim dan alam sekitar (*greenwashing*) oleh institusi kewangan dengan menyediakan panduan tambahan tentang metrik iklim dan alam sekitar untuk sektor dan kegiatan ekonomi tertentu. BNM juga berkomunikasi secara aktif dengan industri bagi menilai kesiapsiagaan mereka untuk melaksanakan piawaian pengurusan risiko iklim (iaitu Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario atau Climate Risk Management and Scenario Analysis Policy Document, CRMSA). Pada tahun 2025, institusi kewangan akan melaksanakan latihan ujian tekanan risiko iklim peringkat industri buat kali pertama. Bagi membantu pihak industri dalam pelaksanaan ujian tekanan risiko iklim ini, BNM bekerjasama dengan Bank Dunia untuk menganjurkan bengkel-bengkel yang berkaitan. Panduan pembangunan pelan peralihan oleh institusi kewangan juga diterbitkan pada tahun 2024 untuk membantu institusi kewangan menghasilkan strategi peralihan yang berwibawa. BNM turut menyokong peralihan sektor ekonomi benar menerusi projek rintis[2] seperti Penghijauan Rantaian Nilai, AgriTech Hijau dan Penghijauan Taman Perindustrian.

Gambar Rajah 4: Jadual Klasifikasi Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT)

KLASIFIKASI		Kegiatan Ekonomi GP1	Kegiatan Ekonomi GP2	Keseluruhan Perniagaan GP3	Keseluruhan Perniagaan GP4
Sokongan Iklim Aktiviti yang memberikan impak positif terhadap perubahan iklim, dan tidak mengakibatkan kemudaratan yang ketara pada alam sekitar	C1	GP1 dan/atau GP2		✓	
Peralihan Aktiviti yang mengakibatkan kemudaratan yang ketara pada alam sekitar, namun langkah-langkah pemulihan diambil untuk mengurangkan kemudaratan	C2	GP1 dan/atau GP2		✗	✓
	C3	✗		✗	✓
Pemantauan Aktiviti yang mengakibatkan kemudaratan yang ketara pada alam sekitar dan tiada langkah-langkah pemulihan yang diambil untuk mengurangkan kemudaratan	C4	GP1 dan/atau GP2		✗	✗
	C5a	✗		✗	✗
	C5b	✗		✓	

Nota: GP1 – Mitigasi perubahan iklim
GP2 – Adaptasi perubahan iklim
GP3 – Aktiviti yang tidak mendatangkan kemudaratan ketara kepada alam sekitar
GP4 – Langkah-langkah pemulihan ke arah peralihan

Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Pelaksanaan menerusi JC3. Maklumat terperinci tentang projek-projek rintis ini dipaparkan dalam Gambar Rajah 6: Kemajuan dan Pencapaian JC3 pada Tahun 2024.

Gambar Rajah 5: Kemajuan Inisiatif Utama pada Tahun 2024

TONGGAK 1 Memahami dan mengukur impak risiko fizikal dan risiko peralihan yang berkaitan dengan iklim dan alam sekitar terhadap makroekonomi

Meningkatkan pengawasan dan unjuran makroekonomi



Pemahaman yang lebih mendalam tentang impak risiko fizikal dan risiko peralihan terhadap pemboleh ubah makroekonomi yang penting bagi dasar monetari.



Membangunkan alat pemodelan peringkat negara untuk menyokong penilaian dan analisis senario berkaitan impak perubahan iklim terhadap makroekonomi.

TONGGAK 2 Membina daya tahan sektor kewangan terhadap risiko berkaitan iklim dan alam sekitar

Membina landskap pengawalseliaan yang memudahkan dan meningkatkan daya tahan iklim dalam sektor kewangan

- Mempertingkatkan pengurusan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar
  - Menerbitkan panduan mengenai pembangunan pelan peralihan oleh institusi kewangan.
  - Terus meningkatkan kredibiliti dan konsistensi pelaporan CCPT.[1]
  - Membangunkan soalan panduan untuk semakan penyeliaan CRMSA[2] dan melaksanakan libat urus bersasar dengan institusi kewangan mengenai pelaksanaan CRMSA.
  - Menerbitkan dan menyebarluaskan Kertas Kerja mengenai CRST[3] serta menjalankan bengkel bagi mempercepat persediaan CRST yang akan datang untuk peringkat seluruh industri.



- Memudahkan pengurusan pendedahan kepada peminjam
  - Menerbitkan Draf Dedahan Had Dedahan Besar (Large Exposure Limit). Cadangan keperluan termasuk membenarkan bank mengambil tambahan Modal Kumpulan 1 sebanyak 10% (sebagai tambahan ke atas Had Dedahan Besar 25% daripada Modal Kumpulan 1 yang dibenarkan) bagi dedahan kepada TNB dan Petronas serta rakan niaga yang berkaitan dengan mereka.[4]
- Meningkatkan pemahaman tentang risiko banjir
  - Menerbitkan satu laporan penyelidikan tentang pengurusan risiko banjir dengan kerjasama Bank Dunia.
- Menyokong pemahaman tentang risiko berkaitan alam semula jadi
  - Memulakan aplikasi rintis bagi rangka kerja penilaian berkaitan alam semula jadi yang diterbitkan oleh TNFD[5] bersama Bank Dunia dan UNDP Malaysia bagi menyokong institusi kewangan dan perniagaan untuk mengenal pasti kesan, risiko dan peluang.

Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3)

- Terus menyokong tindak balas sektor kewangan terhadap perubahan iklim menerusi usaha kolektif dalam pembinaan keupayaan, inisiatif berkaitan data dan pembangunan panduan pelaksanaan untuk institusi kewangan (Gambar Rajah 6).
- Menyelaraskan inisiatif antara BNM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), industri serta kementerian dan agensi Kerajaan yang relevan dalam mempertingkatkan skala kewangan iklim.

TONGGAK 3 Memajukan peralihan makroekonomi yang teratur dan adil ke arah sifar bersih, serta usaha adaptasi

Advokasi dan nasihat mengenai pelaksanaan dasar negara

Memberikan perspektif sektor kewangan untuk menjajarkan usaha dengan lebih baik dan menyokong keutamaan iklim negara menerusi:

- Ahli Jawatankuasa Kerja Teknikal bagi:
  - Strategi Pembangunan Rendah Karbon Jangka Panjang (LT-LEDS)
  - Pelan Hala Tuju Nationally Determined Contribution (NDC)
- Ahli Kumpulan Kerja Teknikal untuk:
  - Dasar Penentuan Harga Karbon Negara
  - Rang Undang-Undang Perubahan Iklim
  - Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)
  - Ekonomi Kitaran

Kewangan dan pelaburan hijau

Memudahkan aliran kewangan kepada inisiatif berkaitan hijau dan iklim, termasuk menyokong peralihan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kepada amalan lestari.

Gambar Rajah 5: Kemajuan Inisiatif Utama pada Tahun 2024

TONGGAK 4 Mengintegrasikan pertimbangan iklim dalam operasi dalaman untuk membina daya tahan BNM terhadap risiko berkaitan iklim dan alam sekitar

Mengurangkan Jejak Karbon BNM & Membina Keupayaan Dalaman

- **Pengukuran dan pengesahan data jejak karbon untuk**

PELEPASAN SKOP 1 2 3

- **Mengurangkan penggunaan tenaga di BNM**

Menetapkan suhu penyaman udara di dalam bangunan pada 24–25°C bagi premis utama dan terpilih.

Menutup lampu pada jam 7 malam di premis utama (lampu dibuka secara manual jika perlu).

Mengehadkan tempoh operasi bagi 296 dispenser air di premis utama kepada 12 jam setiap hari.

- **Menghijaukan operasi mata wang BNM**

Mengeluarkan wang kertas yang sesuai untuk edaran semula (*fit notes*) semasa musim perayaan, dan ditambah dengan wang kertas baharu apabila perlu. (66% daripada semua wang kertas yang dikeluarkan pada tahun 2024 merupakan *fit notes*).

Melaksanakan kaedah sisa kepada tenaga (*waste-to-energy*)[6] untuk pelupusan wang kertas, lalu menjana sehingga 448,179 kWh tenaga.

Berjaya melaksanakan pembuktian konsep (*proof of concept*, POC) untuk kitar semula wang kertas polimer (POC untuk wang kertas sedang dilaksanakan).

- **Kitar semula sisa elektronik**

Mengitar semula lebih daripada 184.5 kg sisa elektronik, iaitu peningkatan 29.5% berbanding tahun 2023.

- **Menghijaukan dasar perjalanan BMN**

Mengehadkan bilangan kakitangan pengiring bagi perjalanan antarabangsa, berpandukan Garis Panduan bagi Perjalanan Udara Perniagaan yang Lestari.

- **Kelestarian sebagai satu faktor dalam pelaburan BNM**

1 Portfolio pelaburan diukur secara dalaman merentas pelbagai metrik ESG yang boleh digunakan (iaitu skor ESG dan sasaran pelepasan gas rumah hijau selaras dengan Perjanjian Paris).

2 Meningkatkan dedahan secara beransur-ansur terhadap instrumen berlabel ESG[7] selari dengan perkembangan pasaran.

3 Mengikuti perkembangan terkini landskap pasaran dan berinteraksi secara aktif dengan pelbagai bank pusat, termasuk penglibatan dalam penerbitan NGFS mengenai pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab, serta panduan penzahiran untuk bank-bank pusat.

- **Meningkatkan kepakaran teknikal dalaman**

Memasukkan iklim sebagai topik pembelajaran dalam program untuk kakitangan baharu (Taking Off Programme) dan penyelia (Supervisory School).

Melancarkan latihan e-Modul Mengenai Perubahan Iklim untuk kakitangan semua peringkat, termasuk pengurusan kanan.

- **Komunikasi dalaman yang aktif mengenai iklim dan kelestarian**



Pameran iklim dan kelestarian pada Hari Terbuka BNM



Surat berita, audio siar dan hantaran forum

Gambar Rajah 5: Kemajuan Inisiatif Utama pada Tahun 2024

TONGGAK 5 Menyumbang kepada kepimpinan berwawasan dalam forum serantau dan antarabangsa

Ahli pleno dalam Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System (NGFS)



- Penglibatan aktif dalam NGFS, menawarkan pandangan berharga mengenai cabaran peralihan yang dihadapi oleh ekonomi sedang pesat membangun (Gambar Rajah 7).
- Menjadi tuan rumah bagi NGFS Asia Pacific Plenary Outreach pada 5 Disember.
  - Perbincangan mengenai isu seperti bidang tumpuan yang baharu, kemajuan dan cabaran yang dihadapi, serta keutamaan serantau bagi NGFS.
  - Berkongsi pengalaman tentang peranan bank pusat dalam menangani risiko iklim, dan kesan perubahan iklim terhadap makroekonomi.
  - Berkongsi pengalaman, pemerhatian dan pemahaman berkaitan penyeliaan daripada kajian semula di lapangan serta ujian tekanan risiko iklim.

Ahli pengasas ASEAN Taxonomy Board

- Menerbitkan versi kemas kini ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance (ASEAN Taxonomy) Versi 2 pada bulan Februari yang memuktamadkan set TSC bagi sektor bekalan elektrik, gas, wap dan penyaman udara (sektor tenaga).
- Menerbitkan versi 3 ASEAN Taxonomy pada bulan Mac, dengan dua sektor tumpuan tambahan, iaitu pengangkutan dan penyimpanan, serta pembinaan dan harta tanah (Gambar Rajah 8).
  - BNM menerajui pembangunan paras ambang (*thresholds*) bagi sektor tumpuan pembinaan dan harta tanah.
  - Pada bulan November, sebuah kumpulan perniagaan tenaga bersepadu menerima pinjaman domestik yang pertama berkaitan kelestarian yang dirangka berdasarkan ASEAN Taxonomy.



Penglibatan di United Nations Biodiversity Conference ke-16 (CBD COP16) di Cali, Colombia



- Berkongsi pengalaman BNM dalam mengkaji risiko dan peluang berkaitan alam semula jadi menggunakan pendekatan TNFD LEAP.[8]
- Mengetengahkan pemikiran BNM serta meneroka ruang kerjasama dengan rakan pengawal selia dan pakar bidang.

Penolong Gabenor Madelena Mohamed sebagai panel di COP16

[1] Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip.
[2] Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario.
[3] Ujian Tekanan Risiko Iklim.
[4] Bagi dedahan yang memenuhi keperluan tertentu, iaitu (1) Dedahan berkaitan projek peralihan tenaga tertentu (dinyatakan dalam Lampiran 1 Draf Dedahan Had Dedahan Besar) yang diklasifikasikan sebagai C1/C2 dalam CCPT, dan (2) Modal hendaklah dibelanjakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2030. (https://www.bnm.gov.my/-/exposure-draft-on-large-exposure-limit)
[5] Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Alam Semula Jadi.
[6] Kaedah sisa kepada tenaga (*waste-to-energy*, WTE) menukar sisa pepejal kepada tenaga dalam bentuk yang boleh digunakan, seperti haba dan elektrik. Butiran lanjut mengenai inisiatif kelestarian berkaitan mata wang terdapat dalam bab mengenai "Pengeluaran Mata Wang".
[7] Seperti yang diiktiraf oleh International Capital Market Association.
[8] Cari (Locate), Nilai (Evaluate), Taksir (Assess), Sedia (Prepare).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6: Kemajuan dan Pencapaian JC3 pada Tahun 2024

JC3 Joint Committee on Climate Change

Memudahkan Kesiapsiagaan dan Tindak Balas Sektor Kewangan terhadap Perubahan Iklim

- Meningkatkan kredibiliti dan ketekalan pelaporan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT).
- Mengurangkan beban berulang ke atas perniagaan melalui penerbitan soalan usaha wajar dan nota panduan tambahan untuk membantu institusi kewangan dalam melaksanakan penilaian CCPT yang seragam.

- Komited untuk merapatkan jurang data yang sangat penting menerusi versi terkini Katalog Data Iklim pada bulan November 2024 yang mengandungi 160 item data unik (peningkatan 25% berbanding versi tahun 2023).
  - Meliputi topik berkaitan iklim, alam sekitar, biodiversiti dan alam semula jadi, serta item data tambahan yang tidak berkaitan dengan iklim.
  - Sebanyak 68% daripada item data ada tersedia, dengan 496 sumber data daripada 202 pembekal data (peningkatan 50% berbanding versi tahun 2023).
  - Katalog ini boleh diakses menerusi Laman Sesawang JC3 (https://www.jc3malaysia.com/data-catalogue).

Mempertingkatkan Skala Kewangan bagi Peralihan dan Adaptasi Iklim

- Melaksanakan projek rintis dengan matlamat untuk mempertingkatkan skala kewangan iklim.
- Menubuhkan Makmal Inovasi Kewangan Iklim (Climate Finance Innovation Lab, CFIL) untuk menggalakkan percambahan idea mengenai struktur kewangan iklim yang inovatif dengan memanfaatkan dana daripada perkongsian sektor awam dan swasta.

Penghijauan Rantaian Nilai (GVC)

- Memberikan nasihat teknikal, alat pengukuran pelepasan dan pendanaan.
  - >400 PKS telah menerima latihan teknikal.
  - >140 PKS telah mula melaporkan data pelepasan.
- Membangunkan buku panduan GVC untuk membimbing PKS di ASEAN dalam proses peralihan mereka, dengan program GVC Malaysia sebagai kajian kes.

AgriTech Hijau

- Menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan amalan pertanian lestari.
  - Telah dilaksanakan di 5 kebun rintis.
  - Meningkatkan kualiti tuaian, meningkatkan produktiviti sebanyak 20%, mengurangkan penggunaan racun serangga, mengurangkan kos operasi sebanyak 30%.
  - Peserta rintis telah selesai mengikuti program rintis JC3.
  - MDEC (rakan kongsi strategik AgriTech Hijau) akan terus memperluas penggunaan digital dan teknologi pertanian hijau dalam sektor pertanian dengan kerjasama institusi kewangan.

Penghijauan Taman Industri (GIP)

- Menyokong peralihan hijau bagi taman industri perintis dan syarikat penyewa.
  - Melancarkan program kecekapan sumber penyewa dan program pembinaan keupayaan teknikal untuk PKS.

Membina Keupayaan dalam Menangani Risiko Iklim

- Meningkatkan akses kepada latihan risiko iklim menerusi pembangunan program latihan khusus untuk kakitangan institusi kewangan yang meliputi topik seperti CCPT, penzahiran serta risiko dan peluang berkaitan iklim termasuk klinik pelan peralihan iklim.
- Menambah baik program latihan dengan maklum balas yang diterima daripada kaji selidik yang dijalankan untuk mendapatkan input daripada institusi kewangan tentang keperluan latihan dan halangan pengetahuan, untuk menyokong perjalanan berkaitan iklim dan peralihan ke arah sifar bersih bagi institusi.
- Mempergiat dialog antara sektor kewangan dengan sektor ekonomi benar tentang iltizam sifar bersih Malaysia menerusi Persidangan Meja Bulat CEO JC3-GFANZ.

Libat Urus dengan Lebih Banyak Peserta Industri

- Memperkukuh kerjasama dengan lebih banyak peserta industri, kementerian dan agensi menerusi libat urus yang dilaksanakan pada bulan Julai, Ogos dan September.
  - Membincangkan kemajuan dasar dan inisiatif utama negara seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), perolehan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) serta undang-undang berkaitan perubahan iklim.
  - Meneroka keperluan pembiayaan dan mekanisme kewangan yang sesuai untuk projek berkaitan iklim.
  - Memupuk kerjasama yang lebih erat antara institusi kewangan dengan pemilik projek pemangkin NETR.
- Mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan amalan ESG dan pembiayaan yang tersedia dalam Dana BNM untuk PKS menerusi libat urus dengan peserta industri daripada sektor Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (Oil and Gas Services and Equipment, OGSE) untuk memperkasakan pengurusan kewangan dan meningkatkan kelayakan pembiayaan.

Menyokong Peralihan PKS kepada Amalan Lestari

- Mempertingkatkan program jangkauan kepada lebih 1,600 PKS menerusi 10 program kesedaran mengenai kepentingan menerapkan ESG dan adanya pilihan pembiayaan hijau untuk menyokong peralihan hijau oleh PKS.
  - PKS mengutarakan isu dan keperluan utama, seperti sokongan yang diperlukan dalam bentuk panduan praktikal, khidmat nasihat teknikal untuk peralihan serta akses kepada pembiayaan dan geran yang berpatutan.
- Usaha penambahbaikan Portal JC3 ESG Jumpstart untuk PKS.
  - Portal ini kekal sebagai platform pembelajaran kendiri utama bagi PKS untuk mendapatkan maklumat, sumber dan alat yang sedia ada bagi mempercepat usaha kelestarian mereka.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 7: Penyertaan BNM dalam NGFS dan Forum Antarabangsa Lain



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 8: Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Lestari



Sumber: Bank Negara Malaysia



Timbalan Gabenor Jessica Chew menyampaikan ucaptama di National Climate Governance Summit 2024



Penolong Gabenor Dr. Norhana Endut menyampaikan ucaptama di pelancaran World Bank-BNM Joint Report on Flood Risk Management: Leveraging Finance for Business Resilience di Malaysia



Penolong Gabenor Madelena Mohamed menyampaikan ucapan alu-aluan di Sesi Libat Urus Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (anjuran JC3 dan Kementerian Ekonomi)

Memajukan Agenda Iklim

Institusi kewangan telah mencapai kemajuan yang ketara dalam memacu perubahan ke arah ekonomi yang lebih lestari. BNM mendapati bahawa semakin banyak institusi kewangan yang mempertimbangkan faktor iklim dalam pengurusan risiko, strategi, operasi dalaman, keputusan perniagaan dan penawaran produk mereka (Gambar Rajah 9). Terdapat peningkatan yang berterusan dalam penggunaan alat dan rangka kerja yang dibangunkan bagi membantu institusi kewangan dan pelanggan mereka untuk beralih dan membiayai projek berkaitan iklim. BNM juga memerhatikan peningkatan ketepatan dan ketekalan dalam penjelasan dan pelaporan impak iklim berhubung dengan dedahan institusi kewangan di bawah CCPT. Hal ini turut menambah baik cara institusi kewangan berkomunikasi dan memberikan nasihat kepada pelanggan mereka. Pelaksanaan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (National Sustainability Reporting Framework, NSRF) bermula tahun 2025 akan mendorong institusi kewangan untuk terus menambah baik penzahiran berkaitan iklim. Evolusi JC3 daripada platform perkongsian pengetahuan kepada platform pembangunan penyelesaian atau instrumen untuk sektor kewangan turut memberikan sokongan kepada institusi kewangan dalam agenda iklim mereka (Gambar Rajah 10).

Memperkukuh Pengurusan Risiko Berkaitan Iklim dan Alam Sekitar untuk Operasi dan Pemantauan Pelepasan BNM

Pada tahun 2024, BNM telah mengemas kini Pernyataan Kesanggupan Mengambil Risiko Organisasi (Enterprise Risk Appetite Statement) untuk mencerminkan dengan lebih baik cara BNM menangani risiko berkaitan iklim dan alam sekitar. BNM menghadapi risiko sedemikian dalam kedua-dua operasi fizikal dan kewangannya, termasuk ancaman ke atas bangunan BNM dan risiko daripada aktiviti kewangan atau pelaburan. Sehubungan dengan itu, BNM komited untuk menambah baik cara risiko ini diuruskan. Usaha ini penting untuk melindungi bangunan dan aset kewangan BNM, mengurangkan gangguan operasi yang berpunca daripada peristiwa berkaitan iklim dan alam sekitar serta memastikan keselamatan warga kerja BNM (Gambar Rajah 11).

BNM juga menumpukan usaha untuk menguruskan pelepasan daripada operasi dengan lebih baik. Pakar telah dilantik bagi membangunkan kaedah yang lebih mantap untuk mengukur, menjejak dan melaporkan pelepasan daripada operasi fizikal dan mata wang BNM. Hal ini akan membantu BNM menghasilkan pelan

Gambar Rajah 9: Kemajuan yang Diperhatikan dalam Industri Kewangan pada Tahun 2024



Nota: 66 kumpulan kewangan (7 kumpulan yang terdiri daripada bank-bank perdagangan dan Islam, 4 kumpulan yang terdiri daripada bank-bank perdagangan dan Islam serta penanggung insurans dan pengendali takaful, 12 kumpulan yang terdiri daripada pengendali insurans dan takaful, 1 kumpulan yang terdiri daripada institusi kewangan pembangunan, 42 bank/institusi kewangan pembangunan/pengendali insurans dan takaful mandiri).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 10: Evolusi JC3

JC3 | Joint Committee on Climate Change

Perjalanan sehingga kini...

Pada tahun 2019, JC3 dimulakan sebagai platform untuk berkongsi pengalaman, iaitu ahli JC3:

Mempertingkatkan kesedaran tentang amalan terbaik, serta inisiatif berkaitan iklim pada peringkat dalam negeri dan global.

Memberi sokongan sesama ahli kalangan institusi kewangan.

Kini pada tahun 2024, JC3 sekarang merupakan platform untuk membangunkan penyelesaian/alat untuk sektor kewangan yang:

Menyokong penzahiran yang bermakna dengan data yang berwibawa

- Katalog Data Iklim (2024): 15 kumpulan data, 286 item data persekitaran dan iklim yang terperinci.
  - Ketersediaan data adalah 68% setakat tahun 2024; 33% tersedia, 18% adalah proprietari dan 17% tidak lengkap kerana butiran dan tempoh masa yang terhad.

Menyokong PKS untuk beralih kepada amalan yang lebih lestari

- Kumpulan Fokus PKS, Portal JC3 ESG Jumpstart, Panduan Penzahiran ESG Ringkas untuk PKS.
- Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility, LCTF) dan Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (High Tech and Green Facility, HTG).

Menyokong pertumbuhan instrumen pasaran kewangan

- Dokumen panduan untuk Sukuk Berkaitan SRI dan Dana SRI.
  - RM13.3 bilion terbitan di bawah Rangka Kerja Sukuk SRI dan/atau ASEAN Standards pada tahun 2024 (38 terbitan (2023:24), dengan 15 daripadanya merupakan penerbit kali pertama).

Menyokong pembangunan dan pelaksanaan pelan peralihan

- Bengkel mengenai pelan peralihan.
  - Siri JUST 3: Klinik Pelan Peralihan 1 - Bermula daripada Sifar: Asas Pelan Peralihan dan Penetapan Sasaran.
  - Klinik Pelan Peralihan yang akan datang pada tahun 2025.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 11: Inisiatif Pengurusan Risiko yang Berkaitan dengan Iklim dan Persekitaran untuk Operasi BNM

Risiko Kepada Operasi Fizikal & Aset

1. Kerugian berkaitan iklim dan alam semula jadi akibat tanah runtuh, banjir, cuaca panas

- Pelaburan besar dibuat untuk pengurusan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar, termasuk perlindungan cerun dan tebatan banjir.
  - Secara aktif mengenal pasti dan memperuntukkan kos yang berkaitan dengan potensi kerugian berkaitan iklim dan alam sekitar untuk mitigasi dan pengurusan risiko yang mantap.
  - Menaik taraf kepada sistem penyaman udara berkecekapan tinggi dan modular untuk premis-premis utama (sejak tahun 2022) untuk mengatasi penggunaan penyaman udara yang makin meningkat disebabkan oleh cuaca panas yang memerlukan lebih banyak penyejukan.
- Memperkukuhkan initiatif pengurusan cerun.
  - Menjalankan kajian cerun yang teliti di premis milik BNM bagi memastikan intervensi awal untuk mengatasi kegagalan cerun.
  - Menaik taraf perlindungan cerun di semua premis BNM secara berperingkat dengan keutamaan diberikan kepada kawasan berisiko tinggi.
- Mengukuhkan lagi pengurusan kesinambungan urusan (*business continuity management*, BCM) operasi untuk mengambil kira kerosakan berkaitan iklim dan alam sekitar, contohnya banjir, gempa bumi, gangguan bekalan air dan kebakaran.

2. Gangguan rantaian bekalan akibat risiko yang berkaitan dengan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

- Tinjauan terancang untuk menilai risiko berkaitan alam sekitar berikutan gangguan rantaian bekalan, terutamanya untuk operasi mata wang dan bangunan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

peralihan dengan strategi dan tindakan untuk mencapai matlamat berkaitan iklim dan alam sekitar.

Pada tahun 2024, pelepasan BNM daripada pembakaran enjin kenderaan organisasi (Skop 1[3]) dan elektrik yang dibeli (Skop 2[4]) adalah sebanyak 41,308 tCO_2e[5] (2023: 42,740 tCO_2e,[6] 2022: 41,468 tCO_2e). Pelaksanaan pelbagai inisiatif pengurangan karbon di seluruh organisasi dan pelupusan aset BNM telah menyumbang kepada pengurangan jejak karbon BNM sebanyak 3.3% (1,431.4 tCO_2e) pada tahun tersebut (Rajah 1).

Bagi menguruskan pelepasan Skop 2 daripada pembelian elektrik, BNM telah melaksanakan beberapa inisiatif pengurangan karbon. Inisiatif ini termasuk meningkatkan kecekapan tenaga, menjalankan program kesedaran tentang kelestarian dan melabur dalam teknologi yang menjimatkan tenaga. Sehubungan dengan itu, pelepasan Skop 2 BNM telah berkurang sebanyak 3.4% berbanding pada tahun 2023. Selain itu, BNM melanggan Tarif Elektrik Hijau (Green Electricity Tariff, GET) untuk beberapa premis utama termasuk Sasana Kijang, Automated Cash Centre dan Ibu Pejabat BNM. Langganan ini mengimbangi pelepasan elektrik BNM sebanyak 52% (21,478.14 tCO_2e daripada jumlah imbangan) pada tahun 2024.

BNM telah mengenal pasti dua cabaran dalam pelaporan pelepasan. Pertama, tahap lengkapnya data pelepasan. Kedua, ketiadaan data daripada syarikat subsidiari BNM yang belum mengukur pelepasan masing-masing, dan hal ini sedang diuruskan. BNM komited untuk mengurangkan pelepasan karbon ke tahap minimum dan menzahirkan sepenuhnya pelepasan Gas Rumah Hijau (Greenhouse Gas, GHG) organisasi selaras dengan Protokol GHG. BNM juga akan terus menambah baik pelaporan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengendalikan pelepasan GHG di premis.

Rajah 1: Jejak Karbon Kasar untuk Operasi Fizikal BNM (Skop 1 dan Skop 2), Tahun 2022 hingga 2024



Nota:
1. BNM menerapkan pendekatan berasaskan kawalan operasi untuk menentukan sempadan organisasi untuk pelepasan GHG, sejajar dengan metodologi yang diterangkan dalam Protokol GHG. BNM sedang menambah baik proses pengumpulan data untuk pelepasan GHG.
2. Data pelepasan BNM yang dizahirkan terhad kepada pelepasan Skop 1 daripada pembakaran enjin kenderaan dan pelepasan Skop 2 daripada elektrik yang dibeli (pelepasan kasar tanpa imbangan) disebabkan oleh ketersediaan data. Pelepasan Skop 1 dikira berdasarkan faktor pelepasan daripada Department for Environment, Food & Rural Affairs (DEFRA) 2024. Pelepasan Skop 2 pula berasaskan pasaran dan dikira berdasarkan faktor pelepasan khusus lokasi.
3. BNM sedang menyempurnakan metodologi dan pengumpulan datanya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

Malaysia kekal komited dan terus giat berusaha ke arah pencapaian matlamat pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050. Dasar utama seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu sedang dilaksanakan secara progresif. Kesemua dasar ini, bersama-sama dengan dasar baharu negara seperti undang-undang berkaitan perubahan iklim, dasar pasaran karbon kebangsaan dan rancangan Malaysia ketiga belas, akan menyokong usaha Malaysia ke arah mencapai matlamat iklimnya. Di seluruh negara, pelepasan karbon dijangka akan terus berkurang apabila cukai karbon mula dikenakan pada tahun 2026 secara bersasar.

Sektor kewangan kekal penting dalam menyokong dasar dan pelan hala tuju negara menerusi peranan utamanya untuk membangunkan penyelesaian pembiayaan dan perlindungan baharu untuk membiayai inisiatif mesra iklim dan alam sekitar atau menyokong peralihan hijau. Atas kesedaran bahawa alam semula jadi dan biodiversiti mempunyai perkaitan rapat dengan iklim, BNM juga akan terus memberikan tumpuan pada hal ini. Matlamat BNM adalah untuk mewujudkan ekosistem yang akan menggerakkan peralihan ekonomi secara teratur dan menyeluruh. BNM mengambil maklum bahawa iklim merupakan topik yang semakin berkembang dan kompleks. Sehubungan dengan itu, BNM juga komited untuk memantapkan lagi penyelidikan, membina kepakaran dan meningkatkan kesedaran untuk menerapkan budaya kelestarian dalam operasinya.

[3] Pelepasan Skop 1 ialah pelepasan GHG secara langsung daripada sumber yang dimiliki atau dikawal oleh BNM (berdasarkan Protokol GHG).
[4] Pelepasan Skop 2 ialah pelepasan GHG secara tidak langsung yang berkaitan dengan penggunaan elektrik, haba atau wap yang dibeli (berdasarkan Protokol GHG).
[5] Angka ini merupakan data paling tersedia (best available data) yang meliputi sebahagian besar pelepasan Skop 1 dan Skop 2, seperti yang dijajarkan dengan cadangan penetapan sasaran SBTi. Sesetengah pelepasan Skop 1 tidak diambil kira kerana data yang terhad.
[6] Peningkatan pelepasan antara tahun 2022 hingga 2023 sebahagian besarnya disumbangkan oleh fasiliti MyMint baharu dan perubahan pada pengaturan kerja BNM selepas pandemik.

Gambar Rajah 12: Bidang Tumpuan Utama BNM pada Tahun 2025



Membina daya tahan sektor kewangan terhadap risiko berkaitan iklim dan alam sekitar
- Terus menambah baik CCPT dan membangunkan kriteria saringan berasaskan paras ambang.
- Memastikan kewibawaan pelaksanaan CCPT dan CRMSA.
- Melaksanakan CRST peringkat seluruh industri termasuk pengiraan dan penilaian risiko.
- Memperkukuh pengawasan serta pemantauan iklim dan alam sekitar.
- Menyokong pelan peralihan yang berwibawa oleh institusi kewangan.
- Mengkaji semula dasar pengawalseliaan yang berkenaan untuk mengalihkan halangan terhadap kewangan iklim.



Memahami dan mengukur impak risiko fizikal dan risiko peralihan yang berkaitan dengan iklim dan alam sekitar terhadap makroekonomi
- Terus membangunkan model atau alat yang sesuai untuk mempertingkatkan analisis unjuran dan senario.
- Menjalankan penyelidikan untuk lebih memahami tentang interaksi antara iklim, alam semula jadi dan ekonomi, dengan penyelesaian berasaskan alam semula jadi.



Memajukan peralihan yang teratur dan adil ke arah sifar bersih
- Meneruskan usaha advokasi, khidmat nasihat dan sokongan untuk pembangunan dan pelaksanaan dasar utama negara seperti Pelan Adaptasi Nasional, penentuan harga karbon, ekonomi kitaran, rangka kerja CCUS dll.
- Terus menyokong peralihan sektor benar menerusi projek rintis seperti Penghijauan Taman Perindustrian, Penghijauan Rantaian Nilai, AgriTech Hijau dan Rantaian Nilai Perlindungan.
- Memulakan operasi Makmal Inovasi Kewangan Iklim (Climate Finance Innovation Lab, CFIL).
- Mengkaji struktur kewangan yang boleh dilaksanakan untuk penyelesaian berasaskan alam semula jadi.



Mengintegrasikan iklim dan alam sekitar dalam operasi dalaman
- Memuktamadkan dan melaksanakan sasaran iklim dalaman serta Pelan Peralihan BNM, termasuk rangka kerja dan dasar dalaman untuk pengukuran dan penzahiran.
- Terus membangunkan keupayaan dalaman berkaitan iklim.
- Mempergiat komunikasi dalaman dan aliran maklumat mengenai inisiatif iklim dan kelestarian.



Mengetengahkan kepimpinan berwawasan dalam forum serantau dan antarabangsa
Penglibatan aktif dalam forum antarabangsa menerusi NGFS, ASEAN Taxonomy Board, Kepengerusian ASEAN dll.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Bank Negara Malaysia (BNM) terdedah kepada pelbagai risiko yang timbul daripada aktiviti dan operasi hariannya. Peristiwa risiko, sekiranya berlaku, boleh menghalang BNM daripada mencapai matlamat dasarnya, mengakibatkan kerugian kewangan atau gangguan urusan, dan seterusnya memberikan kesan buruk terhadap reputasi BNM. Bagi menangani perkara ini, BNM telah melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management, ERM).

Rangka Kerja ERM memudahkan pengenalpastian, penilaian, pemantauan dan pengurusan risiko yang sistematik. Rangka kerja ini menetapkan pengawasan, kawalan dan disiplin yang diperlukan untuk memupuk budaya risiko yang teguh (Gambar Rajah 1). Rangka Kerja ERM ini juga berfungsi untuk menyelaraskan rangka kerja, dasar, proses dan sistem pengurusan risiko BNM di seluruh organisasi.

Memastikan Pengawasan dan Tadbir Urus Risiko BNM yang Kukuh dan Berkesan

Struktur tadbir urus risiko BNM (Gambar Rajah 2) mencerminkan tanggungjawab bersama untuk menguruskan risiko merentas jabatan, pengurusan risiko dan fungsi kawalan yang bebas serta audit dalaman.

Lembaga Pengarah BNM, yang disokong oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga, menjalankan pengawasan terhadap rangka kerja dan amalan pengurusan risiko BNM. Lembaga Pengarah juga menentukan "hala tuju daripada pihak atasan" dalam usaha menerapkan budaya risiko yang dihasratkan di seluruh organisasi.

Akauntabiliti untuk melaksanakan pengurusan risiko yang mantap terletak pada pihak Pengurusan Kanan BNM. Tanggungjawab ini dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Risk Management Committee, RMC) dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab (Reserve Management Committee, ReMC). RMC merupakan forum utama untuk perbincangan yang tertumpu dan berkala mengenai isu risiko organisasi. ReMC menyelia risiko pelaburan berkaitan pengurusan rizab antarabangsa BNM.

RMC dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan (Financial Risk Management Committee, FRMC), Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (Operational Risk Management Committee, ORMC) dan Pasukan Pengurusan Krisis (Crisis Management Team, CMT). FRMC dan ORMC merupakan jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengawasan khusus terhadap pengurusan risiko kewangan dan operasi oleh BNM. Sementara itu, CMT melaksanakan pengawasan terhadap pengurusan kesinambungan urusan dengan memastikan kesiapsiagaan bagi menghadapi krisis. CMT turut menyelaraskan tindak balas BNM terhadap gangguan operasi.

Bagi menyokong Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, BNM menggunakan model ''Pertahanan Tiga Barisan'' (Gambar Rajah 3):

- Semua jabatan merupakan "barisan pertama" pertahanan. Jabatan bertanggungjawab untuk menilai persekitaran risiko, mewujudkan kawalan dan memastikan kawalan ini dilaksanakan dengan berkesan.
- Fungsi "barisan kedua" dilaksanakan oleh Jabatan Pengurusan Risiko. Bagi pengurusan rizab dan pelaburan, fungsi ini dilaksanakan secara khusus oleh Seksyen Pengurusan Risiko Perbendaharaan di bawah Unit Risiko dan Infrastruktur Perbendaharaan yang melaporkan secara terus kepada seorang

Timbalan Gabenor.[1] Struktur ini menyokong penilaian dan pemantauan bebas terhadap risiko yang dihadapi oleh BNM. Hal ini juga memperteguh pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang mantap oleh jabatan-jabatan menerusi rangka kerja, dasar dan alat yang bersesuaian. Jabatan Pengurusan Risiko memberikan sokongan kepada Pengurusan Kanan dan mempunyai saluran pelaporan langsung kepada Lembaga Jawatankuasa Risiko untuk memantau perkembangan dan isu berkaitan risiko pada peringkat organisasi.

- Pertahanan "barisan ketiga" iaitu Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan bebas terhadap keberkesanan dasar dan langkah pengurusan risiko. Jabatan Audit Dalam melaporkan secara terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga.

Gambar Rajah 1: Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Hingga 31 Januari 2025, Unit ini merupakan sebahagian daripada Jabatan Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan.

Gambar Rajah 2: Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Risiko Lembaga*

Jawatankuasa Pengurusan Rizab**

- Bertanggungjawab terhadap risiko dan strategi pelaburan dalam pengurusan rizab antarabangsa BNM.
- Menilai risiko yang berpunca daripada prospek ekonomi dan pasaran kewangan global, serta kesan terhadap strategi pelaburan dan kedudukan kewangan BNM.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko**

- Menyelia pengurusan keseluruhan risiko yang dihadapi oleh BNM.
- Memastikan isu risiko strategik dan kritikal diuruskan dengan sewajarnya.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi***

- Menyelia pengurusan risiko operasi yang dihadapi oleh BNM dan memastikan risiko tersebut diurus dengan sewajarnya.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan***

- Menyelia pengurusan risiko kewangan yang dihadapi oleh BNM dan memastikan risiko tersebut diurus dengan sewajarnya.

Pasukan Pengurusan Krisis***

- Menyelia pengurusan kesinambungan urusan BNM.
- Memastikan kesiapsiagaan BNM untuk menghadapi krisis.
- Menyelaras tindak balas BNM terhadap gangguan operasi.

* Dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif BNM
** Dipengerusikan oleh Gabenor
*** Dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Model Pertahanan Tiga Barisan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menguruskan Risiko Menerusi Pernyataan Kesanggupan Mengambil Risiko Organisasi

Pengurusan risiko BNM berpandukan pernyataan kesanggupan mengambil risiko organisasi (Gambar Rajah 4) yang menetapkan tahap dan jenis risiko yang sanggup diterima oleh BNM bagi mencapai matlamat urusannya. Oleh itu, amalan pengurusan risiko yang berkesan dapat diseimbangkan dengan menggalakkan pengambilan risiko pada tahap yang sesuai untuk menjana daya kreatif dan inovasi. Pernyataan ini tertakluk pada semakan berkala bagi memastikannya sesuai dengan landskap risiko yang berubah-ubah. Latihan, libat urus dan penambahbaikan proses secara berterusan dilaksanakan pada pelbagai peringkat merentas fungsi keseluruhan organisasi. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk menyepadukan dan menyelaraskan proses dan budaya operasi dengan pernyataan kesanggupan mengambil risiko BNM.

Bagi melengkapi budaya kesedaran risiko ini, tindakan pengurusan akibat (*consequence management actions*) untuk menangani insiden pelanggaran kesanggupan mengambil risiko diambil bagi menggalakkan pematuhan dan memastikan akauntabiliti pada semua peringkat organisasi.

Mengurus Risiko Organisasi Utama BNM Sepanjang Tahun 2024

Sepanjang tahun 2024, BNM berusaha untuk menambah baik proses pengurusan risikonya dan pada masa yang sama menggunakan rangka kerja pengurusan risiko ketika berhadapan dengan cabaran. BNM juga bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkaitan bagi memastikan keperluan kawal selia dan perundangan yang terpakai kepada BNM masih dipatuhi untuk terus mencapai matlamat strategik BNM dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai bank pusat.

Bagi menguruskan risiko dasar, BNM komited terhadap amalan perangkaan dasar yang mantap berpandukan Rangka Kerja Pembangunan Dasar (Policy Development Framework) BNM. Rangka Kerja ini menetapkan struktur tadbir urus dan proses yang jelas untuk membangunkan, mengkaji semula dan meluluskan dasar kawal selia yang dikeluarkan oleh BNM. Cadangan dasar tertakluk pada perbincangan silang fungsi merentas organisasi di samping rundingan luar. Dasar kawal selia diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan atau Jawatankuasa Pembangunan Kewangan. Keputusan dasar monetari pula terletak di bawah Jawatankuasa Dasar Monetari.

Gambar Rajah 4: Pernyataan Kesanggupan Mengambil Risiko oleh Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM berusaha untuk mengadakan sesi libat urus secara berterusan dengan pelbagai pihak berkepentingan mengenai isu-isu semasa ekonomi dan sistem kewangan serta mengenai dasar BNM. Sesi libat urus ini bukan sahaja bertujuan untuk berkongsi pandangan dan tindak balas BNM, tetapi juga untuk mendapatkan maklum balas bagi meningkatkan pemahaman BNM tentang sudut pandang pihak berkepentingan. Antara bidang utama yang memerlukan libat urus berterusan ialah perkembangan kadar pertukaran ringgit dan penipuan kewangan. BNM turut mempergiat libat urus bersama pihak luar mengenai pelaksanaan keperluan pembayaran bersama dan penetapan semula premium bagi produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan. Sebagai sebuah institusi awam, BNM menitikberatkan ketelusan dan kejelasan tindakan serta dasar BNM bagi meningkatkan pemahaman pihak berkepentingan dan mencapai matlamat dasar yang dihasratkan.

Bagi risiko kewangan berkaitan dengan perbendaharaan, BNM terdedah kepada risiko pasaran, kredit dan mudah tunai. Risiko-risiko ini dipantau rapi dan diuruskan berdasarkan penanda aras pelaburan dan kawalan risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. BNM terus memanfaatkan pelbagai instrumen untuk mengurangkan risiko kewangan, termasuk Mekanisme Tindakan Awal untuk Pengelakan Risiko (Pre-Emptive De-Risking Mechanism, PRISM) yang direka bentuk untuk mengehadkan volatiliti portfolio pelaburan semasa tempoh tekanan pasaran berpanjangan yang mungkin berlaku.

Risiko daripada operasi kewangan bukan perbendaharaan lain yang termasuk belanjawan, pemerolehan dan pembayaran dikawal melalui dasar dan tatacara yang dikuatkuasakan dengan ketat bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti dan pematuhan terhadap peraturan yang berkaitan. BNM mematuhi proses belanjawan dan pengurusan perakaunan yang mantap, yang disokong oleh analisis perancangan, unjuran dan perbelanjaan pada masa hadapan. Belanjawan ini dipantau rapi oleh Lembaga Pengarah. Risiko pemerolehan diurus menerusi strategi pemerolehan yang bersesuaian, didorong oleh kesan risiko terhadap operasi BNM, tahap kerumitan barangan atau perkhidmatan yang ingin diperoleh serta nilai pemerolehan. Selain itu, Lembaga Pengarah telah meluluskan penubuhan Rangka Kerja Integriti Kakitangan (Staff Integrity Framework) yang melengkapi Kod Tingkah Laku BNM bagi menguruskan risiko berkaitan integriti dalam pemerolehan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mencapai tahap ketelusan dan kecekapan pemerolehan yang lebih tinggi, BNM telah memulakan transformasi digital untuk memodenkan dan mendigitalkan proses pemerolehan secara menyeluruh.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, BNM terus memperkasa langkah-langkah untuk melindungi infrastruktur, sistem dan data BNM yang penting daripada risiko teknologi dan keselamatan siber. Fungsi teknologi BNM ditadbir urus oleh Kumpulan Kerja Teknologi dan Keselamatan Siber (Technology and Cyber Security Working Group, TCSWG) yang dipengerusikan oleh seorang Timbalan Gabenor dan dianggotai oleh pengurusan kanan unit teknologi, pengurusan risiko dan jabatan. Mandat TCSWG merangkumi pengurusan dan pengawasan risiko teknologi dan keselamatan siber, kecekapan dan keberkesanan keseluruhan perkhidmatan IT serta keutamaan inisiatif teknologi di BNM.

Pada tahun 2024, BNM memperoleh pencapaian Program Penilaian Pengurusan Keselamatan Siber (Cybersecurity Management Assessment Program, CMAP) tiga tahun dengan mencapai tahap kematangan yang disasarkan dalam domain dan bidang berkaitan keselamatan siber. BNM melaksanakan amalan terbaik industri dan menguruskan risiko secara proaktif menerusi pelaksanaan proses dan teknologi yang berkaitan untuk memastikan infrastruktur dan sistem BNM yang penting mempunyai daya tahan operasi yang berterusan. Aspek kesediaan kakitangan BNM juga sama penting. Dalam hal ini, pelbagai program kesedaran dan pendidikan serta latihan simulasi siber telah dilaksanakan secara menyeluruh di BNM. Memandangkan ancaman siber sentiasa berkembang, BNM akan terus berusaha untuk menambah baik strategi pengurusan keselamatan siber, memastikan perlindungan dan daya tahan ekosistem dan operasi digital serta memupuk budaya yang peka terhadap keselamatan siber di BNM. BNM berinteraksi dan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkaitan secara proaktif untuk memastikan keperluan kawal selia dan undang-undang berkaitan keselamatan data dan siber dipatuhi. BNM juga mempunyai Pegawai Perlindungan Data (Data Protection Officer, DPO) yang bertanggungjawab untuk memastikan BNM mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Personal Data Protection Act 2010, PDPA).

Pengurusan risiko yang berkesan bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan (Financial Market Infrastructures, FMI), khususnya Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RealTime Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST), juga penting untuk mengekalkan kestabilan pasaran kewangan. Badan pengawasan yang bertanggungjawab untuk memastikan kestabilan dan keselamatan FMI ialah Jawatankuasa Infrastruktur Pasaran Kewangan (Financial Market Infrastructure Committee, FMIC) yang

ditubuhkan oleh BNM pada tahun 2021. FMIC dipengerusikan oleh seorang Timbalan Gabenor dan dianggotai oleh Penolong-penolong Gabenor dan Ketua Pegawai Informasi, bersama-sama pakar industri dalam bidang pembayaran, infrastruktur pasaran kewangan, risiko dan teknologi. Tanggungjawab FMIC termasuk melaksanakan pengawasan terhadap dasar dan strategi berkaitan pengurusan risiko, menetapkan hala tuju strategik bagi FMI serta memastikan kecekapan, kebolehpercayaan dan keberkesanan infrastruktur pasaran kewangan BNM sebagai pemangkin, penggerak dan pemudah cara bagi pertumbuhan pasaran kewangan dan sistem kewangan negara.



Latihan Lapangan berjaya dijalankan pada 28 September 2024 di BNM Kuala Terengganu melalui sokongan daripada pelbagai jabatan BNM dan agensi yang berkenaan

Memperkukuh Pengurusan Kesinambungan Urusan BNM

Usaha untuk memastikan kesinambungan fungsi urusan yang sangat penting (*critical business functions*) tetap menjadi keutamaan BNM. Sebagai sebahagian daripada pengurusan kesinambungan urusan dan krisis, latihan simulasi krisis dijalankan bagi menguji dan meningkatkan keupayaan BNM untuk bertindak balas dan pulih daripada gangguan. Pada tahun 2024, tiga latihan senario fizikal telah dijalankan. Latihan-latihan ini termasuk latihan kebakaran dan latihan ancaman bom di Pejabat Wilayah Kuala Terengganu BNM (BNMKT) dengan kerjasama agensi berkaitan. Selain itu, BNM menjalankan latihan siber yang melibatkan simulasi pelbagai senario untuk menguji dan meningkatkan kesiapsiagaan keselamatan siber, keupayaan tindak balas insiden dan daya tahan secara keseluruhan. Pemerhatian daripada latihan siber yang dijalankan menjadi input untuk ujian dan penambahbaikan berterusan Buku Panduan Komunikasi Krisis Siber BNM (Cyber Crisis Communications Playbook). Buku ini merupakan panduan komunikasi dengan semua pihak berkepentingan utama BNM sekiranya berlaku insiden siber.

Audit Dalaman

Jawatankuasa Audit Lembaga (Board Audit Committee, BAC) bertanggungjawab untuk melaksanakan pengawasan terhadap kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman serta integriti proses pelaporan kewangan BNM. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, BAC disokong oleh Jabatan Audit Dalam.

Jabatan Audit Dalam berfungsi sebagai unit bebas yang memberikan jaminan berasaskan risiko dan objektif kepada BAC dan pihak Pengurusan Kanan mengenai kecukupan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman BNM. Selain itu, Jabatan Audit Dalam menyediakan laporan bebas kepada Menteri Kewangan mengenai aktiviti pengurusan rizab antarabangsa BNM pada setiap suku tahunan. Laporan ini disediakan untuk memberikan jaminan kepada Menteri Kewangan bahawa rizab antarabangsa telah diuruskan menurut dasar dan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Keutamaan audit pada tahun 2024 dirangka dengan mengambil kira risiko organisasi yang utama dan baharu serta matlamat strategik BNM. Jabatan Audit Dalam mengambil kira pandangan pihak berkepentingan utama termasuk BAC, Pengurusan Kanan, Jabatan Pengurusan Risiko dan pelbagai jabatan untuk menentukan tumpuan dan skop liputan audit (Gambar Rajah 5). Sebanyak 25 audit telah dijalankan sepanjang tahun 2024, termasuk semakan ke atas pejabat perwakilan luar negara dan institusi sekutu. Jabatan Audit Dalam turut menjalankan penilaian tematik untuk menilai pelaksanaan kawalan bersilang merentas fungsi dan jabatan BNM. Hasil penilaian ini ialah cadangan khusus yang telah dilaksanakan untuk terus memantapkan lagi tadbir urus dan kawalan risiko BNM.

Saranan audit pada tahun 2024 menyokong beberapa penambahbaikan terhadap kawalan utama dalam bidang keselamatan siber, infrastruktur IT dan kesiapsiagaan menghadapi krisis untuk memastikan mandat BNM dilaksanakan dengan cekap. Peluang penambahbaikan juga dikenal pasti untuk terus memperkukuh etika dan budaya risiko BNM dalam menerapkan tingkah laku pengurusan risiko yang mantap dan amalan kawalan dalaman yang kukuh.

Pada tahun 2024, Jabatan Audit Dalam terus memanfaatkan kelebihan pendigitalan dan automasi untuk meningkatkan lagi kecekapan operasi. Penggunaan instrumen automatik membolehkan penilaian yang pantas dan menyeluruh dilakukan terhadap jurang kawalan yang luas, sekali gus mendorong penyelesaian yang berkesan. Selain itu, pembangunan papan pemuka analitik data yang interaktif dan intuitif telah membolehkan pelaksanaan audit yang berterusan dengan lebih berkesan menerusi pemantauan penunjuk risiko dan kawalan utama. Hal ini juga menyediakan asas untuk pendekatan yang lebih bersepadu dalam memantau dan menilai kawalan dalaman BNM. Peningkatan kemahiran kakitangan Jabatan Audit Dalam dalam analitik data dan AI generatif memainkan peranan penting ke arah mencapai matlamat peningkatan penggunaan teknologi di jabatan tersebut.

Pada tahun 2024 juga, Jabatan Audit Dalam turut menyelaraskan rangka kerja dan amalan auditnya selaras dengan Institute of Internal Auditor's (IIA) Global Internal Audit Standards. Penyelarasan ini bertujuan memastikan kesediaan untuk melaksanakan keperluan baharu dan pematuhan berterusan terhadap piawaian tersebut. Penambahbaikan turut dilaksanakan pada rangka kerja audit untuk meningkatkan ketepatan penilaian dan menyokong komunikasi dengan pihak berkepentingan secara berkesan berhubung dengan hasil dapatan audit.

Pada masa hadapan, Jabatan Audit Dalam akan meningkatkan penggunaan instrumen analitik data

termaju dan alat kecerdasan buatan, berlandaskan kaedah audit konvensional sebagai asas. Jabatan Audit Dalam juga akan terus meningkatkan interaksi dan perbincangan bersama jabatan dan pihak berkepentingan yang lain, sekali gus mengukuhkan peranannya dalam memberikan jaminan yang membawa nilai tambah terhadap proses tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman BNM.

Gambar Rajah 5: Tumpuan dan Liputan Audit yang Dijalankan pada Tahun 2024



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menyantuni Rakyat Malaysia

Dasar dan tindakan BNM memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, BNM mengadakan libat urus secara meluas dengan pihak berkepentingan untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang peranan dan dasar BNM.

Pengenalan

Pada tahun 2024, BNM terus menyantuni dan menjalinkan hubungan dengan pihak berkepentingan. BNM komited untuk menjelaskan mandat, dasar dan tindakan serta menangani perkara yang kompleks. BNM melaksanakan usaha ini menerusi komunikasi yang telus, kandungan yang mudah difahami dan inisiatif kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan. Pendekatan ini membolehkan rakyat Malaysia lebih memahami peranan dan asbab di sebalik tindakan BNM.

Menjelaskan Mandat BNM

Pada tahun 2024, isu-isu utama seperti ringgit, penipuan kewangan, insurans perubatan dan kesihatan serta kos sara hidup, antara lain, telah menarik minat orang ramai.

Oleh itu, BNM mempergiat usaha jangkauan dalam isu dan topik yang berkaitan mandat BNM dengan menjalankan pelbagai inisiatif pendidikan bagi mempertingkatkan pemahaman pihak berkepentingan. BNM telah menganjurkan bengkel media untuk berkongsi lebih banyak maklumat tentang insurans/takaful, pembayaran digital dan kelestarian. BNM juga memberikan maklumat terkini mengenai ekonomi, inflasi kos perubatan dan kewangan Islam kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan ahli parlimen. Selain daripada libat urus secara bersemuka, BNM telah memperluas capaian melalui media sosial, sesi turun padang melalui program jangkauan dan pameran.

BNM komited untuk meningkatkan pemahaman orang ramai tentang dasar yang dilaksanakan. Berhubung dengan proses merangka dasar, lazimnya BNM akan menerbitkan draf dedahan (*exposure draft*) atau kertas perbincangan yang menjelaskan tindakan dasar, pemikiran atau pilihan serta mengundang maklum balas yang boleh membantu untuk memperhalusi dasar dengan lebih lanjut. Setelah proses ini selesai, dasar yang dimuktamadkan akan dijadikan dokumen dasar rasmi yang tuntas. Pada tahun 2024, BNM telah menerbitkan 13 draf dedahan, tiga kertas perbincangan dan 18 dokumen dasar melalui laman sesawang BNM. Selain itu, BNM menerbitkan dokumen Pendekatan Penguatkuasaan rejim penguatkuasaan dan mempertingkatkan ketelusan mengenai tindakan penguatkuasaan BNM. Melalui laman sesawangnya, BNM juga menerbitkan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap entiti yang dikawal selia serta yang tidak dikawal selia.

Memperkukuh Ekonomi

BNM terus memberikan keutamaan penting terhadap usaha memelihara keyakinan mengenai ekonomi dan ringgit pada tahun 2024. Bagi membantu orang ramai lebih memahami perkembangan ekonomi dan perkembangan semasa yang mempengaruhi ringgit, BNM mengadakan lebih banyak temu bual media serta menghasilkan lebih banyak rencana dan penjelasan ringkas melalui media sosial. Bersama-sama dengan Kementerian Kewangan, BNM menganjurkan siri



Gabenor Rasheed berkongsi mengenai ekonomi dan ringgit melalui Money Matters TV3 pada bulan September 2024



Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Gabenor Rasheed di majlis pelancaran portal InvestMalaysia, iaitu platform untuk menghubungkan pelabur dengan peluang pelaburan di Malaysia

jerayawara untuk menggariskan potensi ekonomi Malaysia dan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan dasar. BNM menyantuni syarikat korporat dan perniagaan untuk menggalakkan mereka membawa balik dan menukar pendapatan mata wang asing kepada ringgit secara lebih konsisten. Melalui kerjasama dengan Kerajaan, portal Invest Malaysia telah dilancarkan untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan menarik.

Mempergiat Libat Urus Awam

Laporan Tahunan (LT), Tinjauan Ekonomi dan Monetari (TEM) dan Tinjauan Kestabilan Kewangan (TKK) ialah penerbitan utama yang menerangkan penilaian, dasar

Menyantuni pelbagai pihak berkepentingan bersempena dengan LT 2023, TEM 2023, TKK ST2 2023

- Kementerian dan agensi Kerajaan
- Kor diplomasi
- Perbankan
- Insurans dan takaful
- Penyedia pembayaran
- Ahli ekonomi, penganalisis perbankan dan pengurus dana
- Perniagaan (termasuk PKS)
- Media



Pihak pengurusan kanan BNM menyantuni pelbagai pihak berkepentingan bersempena dengan penerbitan LT 2023, TEM 2023, TKK ST2 2023



Mengambil peluang untuk berinteraksi dengan media bagi memastikan capaian yang meluas

dan operasi BNM. BNM turut menjalankan sesi libat urus dengan pelbagai lapisan masyarakat melalui forum, bengkel serta temu bual televisyen, radio dan akhbar. Sesi libat urus ini membolehkan BNM lebih memahami keadaan persekitaran semasa lantas membantu merangka dasarnya dengan baik. Sebagai sebahagian daripada komitmen untuk menambah baik usaha libat urus, BNM kerap mendapatkan maklum balas mengenai prestasi serta ruang untuk penambahbaikan daripada pihak berkepentingan.

Sasana Symposium – Pembaharuan Struktur: Menjadikannya Satu Realiti untuk Malaysia

BNM menganjurkan Sasana Symposium (Simposium) pada 12 dan 13 Jun 2024 dengan tema "Pembaharuan Struktur: Menjadikannya Satu Realiti untuk Malaysia (Structural Reforms: Making It a Reality for Malaysia)". Pada tahun 2024, BNM telah mengembangkan acara ini untuk memastikan capaian yang lebih banyak serta menggalakkan perbincangan yang lebih meluas mengenai isu makro dan sosioekonomi utama.

Simposium ini menampilkan 24 sesi panel, perbincangan iringan *(fireside chat)* dan bengkel. Semua sesi ini mengetengahkan lebih 70 orang ahli panel, termasuk menteri, pegawai kerajaan, pegawai BNM, ahli ekonomi, ahli akademik dan pemimpin industri. Yang ketara, bengkel mengenai celik kewangan, mata wang palsu, kelestarian, perumusan dasar monetari dan penyeliaan perbankan telah berjaya meningkatkan pemahaman peserta sebanyak 20%.[1]



Sesi panel bertajuk "Navigating Economic Cycles: Interactions Between Monetary and Fiscal Policies"



Penolong Gabenor Abd. Rahman berkongsi tentang pendekatan penguatkuasaan BNM di salah satu sesi Fireside Chat



Bengkel mengenai cara penggubalan dasar monetari menarik minat ramai peserta

Di samping sesi dialog, BNM turut memperkenalkan pameran interaktif pertama yang mempamerkan pelbagai peranan dan fungsi BNM. Satu lagi sorotan utama ialah iTEKAD Marketplace, yang mempamerkan 10 orang usahawan mikro yang berjaya memperoleh manfaat daripada program kewangan sosial iTEKAD.



Pameran ini merangkumi kestabilan monetari, rizab antarabangsa, kestabilan kewangan, kewangan Islam, rangkuman kewangan, pendigitalan, mata wang dan kelestarian



Staf BNM menerangkan sorotan video di pameran interaktif yang menunjukkan peranan dan mandat BNM kepada Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan



iTekad Marketplace mempamerkan produk oleh usahawan mikro yang mendapat manfaat daripada program iTekad

[1] Tinjauan telah dijalankan sebelum dan selepas setiap sesi bagi mengukur tahap kefahaman peserta terhadap sesuatu topik.

Membanteras Penipuan Kewangan

Penipuan kewangan terus menjadi kebimbangan ramai rakyat Malaysia. Bagi melindungi orang ramai daripada menjadi mangsa jenayah kewangan sedemikian dan untuk mengekalkan keyakinan terhadap sektor kewangan, BNM meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai bagi mengenal pasti taktik dan modus operandi penipuan. BNM mengeluarkan kandungan mingguan mengenai taktik penipuan dan kesedaran penipuan melalui platform media sosial rasmi BNM serta melalui Facebook Amaran Scam BNM. Selain perkongsian mingguan, BNM melaksanakan kempen bertemakan perayaan yang telah mencapai lebih 18 juta tontonan. Kempen Merdeka dan Hari Malaysia BNM iaitu siri 3 episod bertajuk *Jangan Scam Hatiku* meraih 2.3 juta penonton dan mendapat maklum balas orang ramai yang menggalakkan seperti yang dibuktikan oleh jumlah perkongsian (*shares*) dan komen yang positif.



Kempen perayaan khas berkaitan penipuan kewangan BNM meraih jutaan tontonan di media sosial



Pameran #JanganKenaScam di Parlimen yang dikunjungi oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu (kiri) dan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' Johari Abdul (kanan)

Melangkaui ruang digital, BNM turut mengadakan libat urus dengan penggubal undang-undang untuk meningkatkan kesedaran serta menerangkan tentang usaha yang dilaksanakan oleh industri kewangan untuk membanteras penipuan kewangan.

Menyokong Jangkauan dengan Rangkaian Digital

Sejak beberapa tahun lalu, BNM telah melaksanakan usaha untuk mengukuhkan rangkaian digital, khususnya melalui media sosial. Pada tahun 2024, BNM lebih menumpukan pada kandungan video merentas tujuh siri khas. Siri khas BNM, seperti "BNM Kongsi" dan "Anda Tanya, BNM Jawab" menjelaskan isu dan dasar yang kompleks dengan mudah. Sementara itu, "Imbas Kembali", "Tahukah Anda", "Bijak Kewangan" dan "Siri Petikan BNM" mengambil peluang untuk berkongsi perkara yang boleh dijadikan iktibar pada orang ramai. BNM menyesuaikan dan mempelbagaikan kandungan berdasarkan topik semasa serta dasar yang mempunyai kepentingan awam untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam. BNM tidak ketinggalan untuk menggunakan beberapa trend video terkini dalam usaha untuk berinteraksi dengan khalayak secara lebih meluas.

Pemantauan rapi terhadap metrik dan interaksi (*engagement*) terhadap kandungan melalui media sosial membantu BNM memahami minat khalayak ramai, mengurangkan jurang jangkaan dan kekal peka dalam pendekatan yang dilaksanakan. Langkah ini membantu BNM merancang kandungan media sosial dengan lebih baik. Pada tahun 2024, enam platform media sosial BNM mencatatkan purata kadar pertumbuhan pengikut sebanyak 9% dan mencecah lebih satu juta orang. Instagram merupakan platform terbesar BNM yang sedang berkembang, dengan peningkatan pengikut sebanyak 30%.

Gambar Rajah 1: Siri khas media sosial BNM



Imbas Kembali



Siri Petikan



BNM Kongsi



Amaran Scam



Bijak Kewangan



Tahukah Anda



Anda Tanya, BNM Jawab

Siri khas media sosial BNM menggunakan trend audio dan visual terkini bagi meningkatkan interaksi (engagement) dan capaian

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Kewangan Islam

Pada tahun 2024, BNM telah menerajui pelbagai inisiatif untuk terus menyokong pertumbuhan kewangan Islam dalam negeri dan pada peringkat antarabangsa. Inisiatif ini dilaksanakan dengan memanfaatkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam kewangan Islam.

Di bawah naungan Kementerian Kewangan, BNM menganjurkan Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF) pada bulan Mei 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. GFIEF diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan Financial Services Authority, LFSA), International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM), Islamic Development Bank (IsDB), Islamic Financial Services Board (IFSB) dan Kumpulan Bank Dunia. Lebih 2,300 pemimpin dan pengamal industri mengambil bahagian untuk membincangkan tindakan dasar dan penyelesaian berdasarkan prinsip Islam.

BNM juga menganjurkan Forum Perniagaan MIFC-UK bersama Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC) pada bulan September 2024, di London, bersama-sama dengan Islamic Finance Council United Kingdom (UKIFC), TheCityUK dan UK Islamic Finance-Halal Economy Hybrid Group sebagai rakan kongsi sokongan. Forum ini meneroka peluang dan cabaran dalam pelaburan hijau menggunakan penyelesaian kewangan Islam.



Gabenor Rasheed di GFIEF menerangkan keperluan pembaharuan berasaskan nilai untuk menyokong daya tahan ekonomi global

Mempertingkatkan Celik Kewangan melalui Jangkauan Awam

BNM komited untuk mempertingkatkan rangkuman dan celik kewangan merentas komuniti, termasuk belia, usahawan mikro dan masyarakat luar bandar. BNM menjalankan pelbagai program jangkauan untuk membantu mereka memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi, mengelakkan daripada penipuan dan meningkatkan kedudukan kewangan mereka.

Pada tahun 2024, acara Karnival Celik Kewangan (KCK) yang diadakan di Pahang dan Sarawak bertujuan untuk menggalakkan kesedaran kewangan. Misi KCK adalah untuk mendidik orang ramai tentang hal ehwal kewangan. Usaha ini selaras dengan matlamat negara untuk memupuk rakyat Malaysia yang lebih bijak kewangan serta mahir menguruskan situasi kewangan yang mencabar (rujuk Gambar Rajah 2).

Di KCK Sarawak, BNM melancarkan **Program Pengurusan Kewangan Peribadi untuk Guru-Guru**[2] bagi melengkapkan para guru dengan kemahiran celik kewangan dan pembangunan peribadi. Program yang bermula di Sarawak itu menyasarkan untuk mencapai lebih 5,000 orang guru di seluruh Malaysia menjelang tahun 2025. Setakat bulan Disember 2024, lapan organisasi telah bersetuju untuk membiayai program ini.[3]



Temu bual Gabenor Rasheed bersama CNBC di GFIEF yang membincangkan pertumbuhan ekonomi, dasar monetari, prospek ringgit dan kemajuan kewangan Islam

[2] Program perintis yang melibatkan perkongsian awam-swasta dengan Kementerian Pendidikan, Financial Industry Collective Outreach dan industri kewangan.

[3] Institusi tersebut ialah Kumpulan AmBank Malaysia, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Yayasan CIMB, Hong Leong Bank Berhad, Public Bank Berhad, RHB Bank Berhad dan Shopee Malaysia.



KCK mengumpulkan pengawal selia, agensi kerajaan dan industri kewangan untuk memberi orang ramai akses kepada pendidikan kewangan serta produk dan perkhidmatan kewangan

Gambar Rajah 2: Karnival Celik Kewangan

	KCK Pahang 6–7 Julai 2024	KCK Sarawak 15–17 November 2024
	17.5 ribu pengunjung **222 ribu** dicapai dalam talian	**22 ribu** pengunjung **225 ribu** dicapai dalam talian
	22 aktiviti pendidikan **interaktif**	**19** aktiviti pendidikan **interaktif**
	627 transaksi kewangan bernilai > RM6 juta*	**2,446** transaksi kewangan bernilai > RM75 juta*

* Jumlah keseluruhan yang dikumpul daripada deposit, pembiayaan dan insurans/takaful oleh penyedia perkhidmatan kewangan di lokasi urus niaga mereka dengan orang awam.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bulan Celik Kewangan (Financial Literacy Month, FLM), iaitu acara tahunan yang dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran dan keupayaan kewangan dalam kalangan segmen mudah terjejas dan pelbagai kumpulan bersasar (rujuk Gambar Rajah 3) diadakan pada bulan Oktober 2024. Beberapa program pendidikan dilancarkan melalui FLM.

Jelajah Seluruh Negara FLM, yang dijalankan oleh Skuad Celik Kewangan,[4] telah pergi ke 98 lokasi dan menyantuni hampir 41,000 orang rakyat Malaysia (rujuk Gambar Rajah 4). BNM telah bertemu dengan kumpulan pada peringkat akar umbi untuk menawarkan nasihat kewangan yang memenuhi keperluan unik mereka.

[4] Skuad ini terdiri daripada BNM mengenai celik kewangan digital dan kesedaran penipuan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mengenai pengurusan kewangan dan hutang, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengenai perancangan persaraan, Persatuan Takaful Malaysia dan Persatuan Insurans Hayat Malaysia mengenai pengurusan risiko peribadi, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengenai perlindungan sosial dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad mengenai ekosistem perniagaan dan pembiayaan untuk usahawan mikro.

Penilaian yang dijalankan semasa jelajah tersebut menunjukkan pengetahuan peserta bertambah baik selepas mengikuti program pendidikan kewangan. Selain itu, hasil tinjauan celik kewangan digital telah menunjukkan kesedaran yang tinggi tentang akaun keldai dan amalan pengurusan kata laluan yang baik dalam kalangan responden (rujuk Gambar Rajah 5). Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan (National Financial Literacy Symposium, NFLS)[5] ketiga yang diadakan semasa FLM membincangkan inisiatif untuk meningkatkan celik kewangan dan rangkuman kewangan merentas pelbagai komuniti di Malaysia**.** NFLS merangkumi ceramah, perbincangan serta pembentangan kertas penyelidikan. Rujuk Gambar Rajah 6 untuk mendapatkan maklumat utama daripada NFLS. Secara keseluruhan, FLM 2024 mencapai lebih 10.5 juta

Gambar Rajah 3: Bidang tumpuan untuk FLM 2024



Penyelesaian dengan Pendekatan Bersasar dan Inklusif

Intervensi pendidikan kewangan disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus kumpulan sasaran bagi memastikan pendekatan adalah relevan dan berkesan.



Akses kepada Perkhidmatan Kewangan yang Bermakna

Inisiatif ini memberikan tumpuan kepada penawaran produk dan perkhidmatan kewangan yang inklusif, memudahkan akses kepada sumber kewangan penting untuk pelbagai kumpulan.



Kesedaran dengan Strategi Komunikasi yang Jelas

Komunikasi memberikan tumpuan kepada mesej yang ringkas, praktikal dan tepat pada masanya seperti *'rules -of-thumb'* dan *'just-in-time'*. Ini memastikan pemahaman dan ingatan yang lebih baik, membolehkan individu mengambil tindakan segera.



Penggunaan Inisiatif Terukur dan Pelaporan yang lebih baik

FLM2024 mengutamakan pengukuran yang teguh terhadap inisiatif-inisiatifnya. Pendekatan berpandukan data ini memberikan maklumat yang bernilai, memastikan keputusan termaklum dibuat dan strategi ditambahbaik secara berterusan.

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Gambar Rajah 4: Jelajah Seluruh Negara FLM 2024 di 98 Lokasi



Bidang yang diliputi dan khidmat nasihat yang disediakan di kaunter ahli-ahli FEN

- Pengurusan kewangan peribadi
- Perancangan awal untuk persaraan
- Literasi kewangan digital, termasuk penipuan kewangan
- Insurans dan takaful
- Ekosistem pembiayaan PKS untuk usahawan mikro
- Mekanisme khidmat nasihat dan penyelesaian aduan

Penyertaan mengikut segmen utama dalam Program Berstruktur Pendidikan Kewangan

- ❑ **Belia: 9,409 (82%)**
- ❑ **Usahawan mikro: 740 (7%)**
- ❑ **Pegawai Kerajaan : 591 (5%)**
- ❑ **Wanita berpendapatan rendah:* 378 (3%)**
- ❑ **Komuniti Orang Asli: 300 (3%)**

*Majoriti wanita yang diwakili bekerja sendiri

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

[5] NFLS dianjurkan pada bulan Oktober 2024 di Sasana Kijang dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Persatuan Ekonomi Malaysia. Simposium mengumpulkan hampir 600 penggubal dasar, penyelidik, pengamal dan pertubuhan bukan kerajaan.



Jelajah Skuad Celik Kewangan menyantuni segmen mudah terjejas dengan memberikan intervensi pendidikan kewangan bagi menangani keperluan unik mereka

rakyat Malaysia secara bersemuka dan dalam talian melalui gabungan pameran, bengkel dan aktiviti turun padang untuk pelbagai kumpulan (rujuk Gambar Rajah 7).

Sebagai pengerusi bersama Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN),[6] BNM bekerjasama dengan ahli dan rakan kongsi FEN untuk melaksanakan inisiatif yang meningkatkan pengetahuan kewangan rakyat Malaysia.

Gambar Rajah 5: Tinjauan Celik Kewangan Digital: Dijawab dengan Tepat*

91%
Mengetahui modus operandi akaun keldai

60%
Setuju bahawa penggunaan Wi-Fi awam untuk perbankan dalam talian adalah tidak selamat

84%
Tidak berkongsi kata laluan dengan rakan karib dan ahli keluarga

* 6,275 sampel tinjauan sepanjang Jelajah FLM SCK

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Gambar Rajah 6: Maklumat Utama daripada NFLS

Keberkesanan pendigitalan dalam menjangkau pengguna yang lebih luas

1. Golongan belia lebih cenderung untuk terlibat dengan kandungan pendidikan kewangan melalui media sosial apabila dipengaruhi oleh keluarga atau rakan sebaya.
2. Video pendek boleh menjadikan pendidikan kewangan lebih mudah diakses dan menarik dengan memudahkan kandungan kompleks agar sesuai dengan gaya pembelajaran yang berbeza-beza.

Pengaruh faktor tingkah laku terhadap pengurusan kewangan individu

1. Selain celik kewangan yang rendah, pengaruh sosial dan faktor-faktor tingkah laku seperti norma, nilai dan kesejahteraan mental mendorong perbelanjaan impulsif dan hutang berlebihan, terutamanya dalam kalangan generasi Z berikutan skim Beli Sekarang, Bayar Kemudian (BNPL).
2. Pendidikan kewangan perlu memberikan tumpuan pada manusia dengan menghubungkan pembelajaran kepada tindakan. Pendidikan perlu juga menumpukan ke arah menangani tindak balas pantas berdasarkan emosi (Pemikiran Sistem 1), selain daripada memupuk membuat keputusan dengan pertimbangan yang teliti dan rasional (Pemikiran Sistem 2)*.

Kepentingan pendidikan kewangan yang disasarkan untuk komuniti yang mudah terjejas

1. Penyalahgunaan kewangan warga emas merupakan isu kritikal yang sering tidak dapat dikesan, namun memberikan kesan teruk terhadap kesejahteraan mereka.
2. Sumber kewangan yang bertambah menyebabkan hasil persaraan yang lebih baik untuk warga emas, tetapi jurang yang ketara dalam kecukupan simpanan terus wujud.
3. Usahawan mikro, khususnya dalam kumpulan B40, bergelut dengan pengurusan kewangan dan keupayaan untuk mengakses perkhidmatan kewangan kerana kemahiran yang terhad, simpanan yang rendah dan amalan belanjawan yang lemah.

* Merujuk dua mod pemprosesan kognitif yang berbeza yang diperkenalkan oleh Daniel Kahneman dalam bukunya, *"Thinking, Fast and Slow"*.

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

[6] FEN dipengerusikan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ahli lain ialah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Permodalan Nasional Berhad dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).



NFLS memberikan pandangan mengenai sosioekonomi, risiko persekitaran dan risiko digital yang mampu menjejaskan kesejahteraan kewangan

Gambar Rajah 7: Inisiatif dan Penglibatan Pendidikan Kewangan Utama semasa FLM 2024

1 JELAJAH & PAMERAN



- Jelajah FLM2024
- InvestSmart Fest 2024
- Karnival Saham Perlis
- Karnival Kita Peduli MySalam
- Karnival Celik Kewangan Sarawak

90 ribu Jangkauan

2 PROGRAM BERSASAR



- Cabaran FinFit
- Fund for Life
- Karnival Kerjaya MyFutureJobs
- Hari Perancangan Kewangan Malaysia
- Cabaran Springboard
- Program RHB MoneyMa$ter
- CGC – Bengkel & Rangkaian
- MFPC – Memperkasakan Usahawan
- Taklimat Literasi Kewangan PIDM
- FINCO – Jangkaan dan Realiti

140 ribu Jangkauan

3 FORUM, DIALOG & WEBINAR



- Forum Perdana Ehwal Islam
- Pengurusan Masa Depan Kewangan dengan Takaful
- Sembang-Sembang ASNB
- Minggu Celik Kewangan KWSP

602 ribu Jangkauan

4 SIMPOSIUM, PENYELIDIKAN & TINJAUAN



- NFLS dan COP
- Tinjauan Kesejahteraan Kewangan
- Kajian Celik Kewangan Malaysia RinggitPlus

16 ribu Jangkauan

5 PROGRAM UNTUK SEMUA



- Bengkel Perancangan Kewangan MFPC
- Sesi perkongsian dengan pempengaruh kewangan
- MTA Takaful4All Fun Run

24.2 ribu Jangkauan

6 MEDIA SOSIAL



- Facebook
- Instagram
- Tiktok
- Laman Web

9.65 ribu Jangkauan

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Pada tahun 2024, lebih 12.8 juta orang pengguna berinteraksi dengan kandungan celik kewangan FEN melalui saluran media sosial jaringan ini.[7] Laman sesawang FEN (www.fenetwork.my) menyediakan lebih 800 sumber dan alat pendidikan kewangan yang telah diakses lebih 60,000 kali.

Satu tumpuan utama adalah untuk membantu golongan belia menjadi celik kewangan. BNM membantu golongan ini untuk membuat pilihan kewangan yang baik.

Pertandingan Video Pendek MyDuitStory siri keempat (MDS 4.0), yang dianjurkan dengan kerjasama industri kewangan, adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran golongan belia tentang penipuan pelaburan. Inisiatif ini memperoleh lebih 1.4 juta tontonan (*impression*) media sosial,[8] terutamanya daripada pelajar institusi pengajian tinggi[9] (rujuk Gambar Rajah 8).

[7] Saluran Facebook, Instagram, TikTok dan YouTube

[8] Jumlah bilangan kandungan dipaparkan dan muncul dalam media sosial.

[9] MDS4.0 mendapat penyertaan daripada universiti awam dan swasta, TVET di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Institut Pendidikan Guru di bawah Kementerian Pendidikan di seluruh negara.

BNM juga bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menyantuni pelajar di institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training, TVET), golongan belia, pekerja merentas pelbagai sektor, komuniti luar bandar dan pemilik perniagaan kecil.

Gambar Rajah 8: Pertandingan Video Pendek MDS 4.0



Sumber: Platform media sosial FEN (Facebook, Instagram dan TikTok)

Meluaskan Rangkaian BNM ke Seluruh Malaysia dengan Transformasi Mini BNM dan Penubuhan Pejabat Wilayah Tengah

Transformasi pejabat BNM dan pejabat Wilayah Tengah yang baharu ditubuhkan akan mengukuhkan lagi rangkaian BNM merentas wilayah

BNM memperluas rangkaian pada peringkat wilayah dengan mentransformasikan pejabat BNM di seluruh Malaysia menjadi "Mini BNM". Semua pejabat wilayah kini memainkan peranan yang dipertingkatkan, menambahkan tumpuan pada pengawasan dan sokongan dasar di wilayah masing-masing.[10] Transformasi ini meningkatkan pengawasan pada peringkat lapangan terhadap ekonomi, rangkuman kewangan, pembayaran elektronik dan risiko kredit PKS, lantas memberikan BNM pemahaman yang lebih baik tentang keadaan ekonomi dan kewangan. Hal ini membantu BNM membuat keputusan dasar menggunakan maklumat yang mencukupi. Pada tahun 2024, "Mini BNM" memainkan peranan penting dalam menyokong usaha jangkauan untuk menggalakkan perniagaan membawa balik dan menukarkan hasil mata wang asing.

"Mini BNM" juga memberi lebih penekanan dalam memainkan peranan pembangunan. Dengan peningkatan kerjasama dengan pihak berkepentingan serantau, BNM bersedia untuk menggalakkan rangkuman kewangan dan penggunaan e-pembayaran dengan lebih baik dalam komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Pada masa yang sama, BNM mempergiat usaha untuk mempertingkatkan dan melindungi kesejahteraan kewangan orang ramai dengan meningkatkan kesedaran tentang pengurusan kewangan yang berhemat dan penipuan kewangan.

Peka dengan keberkesanan libat urus dan capaian pada peringkat lapangan, BNM akan menubuhkan pejabat wilayah Tengah untuk meliputi Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tahun 2025. Penubuhan ini akan menambah bilangan pejabat BNM di seluruh negara kepada enam pejabat wilayah.

[10] Lima pejabat wilayah BNM termasuk Pejabat Wilayah BNM Pulau Pinang, Pejabat Wilayah BNM Johor Bahru, Pejabat Wilayah BNM Kuching, Pejabat Wilayah BNM Kota Kinabalu, dan Pejabat Wilayah BNM Kuala Terengganu.

Menggabungkan Seni dan Budaya dengan Kewangan

Muzium dan Galeri Seni BNM mencatatkan pencapaian penting dengan memperoleh satu juta pelawat sejak tahun 2011 dan akan kekal komited untuk mendidik kanak-kanak serta orang ramai melalui pengalaman pembelajaran yang kreatif dan inovatif.

Pada tahun 2024, Muzium dan Galeri Seni BNM (BNM Museum and Art Gallery, BNM MAG) terus menarik pelawat dari seluruh Malaysia. Pada bulan Januari 2024, BNM MAG mencecah satu juta pelawat sejak pembukaannya pada tahun 2011. BNM terus menggabungkan kewangan, seni dan budaya dalam pameran serta program yang interaktif. BNM menyusun program yang menjadikan pembelajaran suatu pengalaman yang menyeronokkan.

Pada tahun 2024, BNM melancarkan aplikasi mudah alih "MAG In Your Pocket". Aplikasi ini adalah panduan digital untuk menjadikan lawatan muzium lebih menyeronokkan dan mudah.

Selain BNM MAG, BNM juga bekerjasama dengan galeri lain, universiti serta industri muzium untuk jangkauan yang lebih meluas.

BNM juga bekerjasama dengan Perpustakaan Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Library, FSL). FSL menyediakan pembelajaran masa nyata serta penyelidikan yang disesuaikan untuk BNM dan industri perkhidmatan kewangan. Usaha yang dilaksanakan termasuk pameran buku, ceramah pengarang dan bengkel untuk membantu menyokong pembangunan tenaga mahir. Pada tahun 2024, sebanyak 555,920 pelawat telah mengunjungi BNM MAG dan FSL.

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2025, BNM akan terus menyantuni orang ramai secara lebih meluas untuk berkongsi mengenai mandat dan dasar BNM. Usaha ini penting supaya BNM dapat meningkatkan pemahaman orang ramai dan mengekalkan kepercayaan mereka. BNM juga akan memberikan keutamaan untuk menguruskan jangkaan terhadap ekonomi berikutan ketidakpastian global. Di samping itu, BNM akan meneruskan libat urus dalam pelbagai isu kepentingan awam seperti inflasi kos perubatan, penipuan kewangan serta celik kewangan.

Gambar Rajah 9: Program BNM MAG pada Tahun 2024

Masih Ada Waktu: Sediakan Payung Sebelum Hujan

- Pameran celik kewangan menjadikan pembelajaran tentang wang lebih menyeronokkan. Terdapat lebih 100 tabung simpanan, replika yang menarik dan permainan interaktif. Program seperti *Thrift Kitchen* dan *Thrift Fiesta* mengajar pelawat tentang amalan menabung dan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab.



Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan bersama-sama dengan Gabenor Rasheed melancarkan pameran "Masih Ada Waktu"



Jiwa Membumi: *The Soul of the Land*

- BNM MAG menjadi platform untuk mempamerkan keindahan alam semula jadi Malaysia, yang dirakam melalui lensa 12 orang artis tempatan. Pameran ini memaparkan landskap Semenanjung Malaysia yang menakjubkan, mengingatkan pelawat tentang khazanah yang menyatukan rakyat hingga ke akar umbi. Dengan menggabungkan fotografi, video selang masa, lukisan dan pemasangan, pameran ini meraikan keindahan dan jati diri Malaysia.

Salah seorang seniman, Hariz Hamdan, menjelaskan karya beliau di pameran "Jiwa Membumi"

Batik: Melirik Larik

- BNM MAG mengetengahkan semula seni batik dalam pameran ini yang menampilkan koleksi seni bertema batik BNM yang meluas. Pelawat menikmati evolusi batik daripada pakaian tradisional kepada seni visual, mendedahkan teknik rumit yang menghidupkan warisan seni ini. Pameran ini bukan sahaja untuk memelihara batik tetapi juga untuk memberikan inspirasi kepada penciptaan semula seni ini.



BNM MAG menganjurkan pameran "Batik" pada bulan Ogos 2024, meraikan kemerdekaan Malaysia melalui warisan seni tradisional



Mutiara Utara: Meraikan Seniman Utara Tanah Air

- BNM MAG meluaskan jangkauannya ke wilayah utara dengan bekerjasama dengan Galeri Melayu Pulau Pinang. Mutiara Utara menampilkan koleksi karya seni yang menarik sejak tahun 1960-an. Dengan mempamerkan hasil seni artis yang berasal daripada utara dalam koleksi BNM, pameran ini meraikan warisan budaya yang kaya sambil merapatkan jurang antara dunia kewangan dan seni.

Gabenor Rasheed bersama gabenor lain daripada Bank of Thailand, Hong Kong Monetary Authority, Bangko Sentral ng Pilipinas, Reserve Bank of Australia, Monetary Authority of Singapore dan Reserve Bank of New Zealand, serta timbalan gabenor daripada People's Bank of China selepas Executives' Meeting of East Asia Pacific Central Banks

Hari Muzium Antarabangsa dan Reruai BNM MAG dalam Siri Karnival Celik Kewangan

- BNM MAG meneroka cara kreatif untuk menarik pelawat semasa Hari Muzium Antarabangsa di Pulau Pinang dan Karnival Celik Kewangan. Dengan tema Sekolah Magik Kewangan yang unik, para pelawat memulakan perjalanan interaktif seperti Kelas Ramuan OPR dan Hutan Ajaib untuk Karya. Program ini menunjukkan bahawa pembelajaran tentang pengurusan kewangan boleh menjadi menarik, menjadikan BNM MAG dikenali untuk kreativiti dan keberkesanan.



Pameran tematik, berdasarkan konsep sekolah magik, meningkatkan kesedaran orang ramai tentang sejarah mata wang, penipuan kewangan, celik kewangan dan karya daripada seniman Pulau Pinang



Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang bersama-sama dengan Timbalan Gabenor Marzunisham Omar dan Penolong Gabenor Abd. Rahman di upacara penutup acara "Bermalam @ Muzium"

Bermalam @ Muzium bersama Jabatan Muzium Malaysia dengan Aplikasi "MAG In Your Pocket"

- Dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia, BNM MAG menganjurkan Bermalam @ Muzium (Overnight @ Museum). Acara ini mendapat penyertaan daripada 33 muzium di seluruh Malaysia yang hadir untuk menjayakan penerokaan untuk satu malam.
- Acara ini meraih pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records untuk Penyertaan Terbesar dalam Pembuatan Poster Bertemakan Patriotik. BNM MAG turut melancarkan "MAG In Your Pocket" semasa acara ini. Aplikasi ini membolehkan pengguna mengakses kandungan yang menarik dan ciri interaktif seperti realiti terimbuh (*augmented reality*), permainan dalam aplikasi dan lawatan audio berpandu. Aplikasi ini membolehkan penerokaan kendiri di rumah dan di muzium.

Bazar Seni 2024: Rai Riang Ria

- Program utama BNM MAG, Bazar Seni kembali dengan tema "Rai Riang Ria", meraikan bakat muda dan karya seni yang mampu dimiliki. Acara ini mempamerkan karya berwarna-warni yang menyediakan platform untuk 17 orang seniman baharu dan pada masa yang sama, memupuk penghargaan terhadap seni dalam kalangan rakyat Malaysia.



Penolong Gabenor Dr. Norhana Endut melawat bazar seni dan berinteraksi dengan seniman baharu



Hotspot Kewangan bersama Universiti Putra Malaysia

- BNM MAG, dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), telah menyantuni lebih 550 orang pelajar. BNM MAG dan UPM mengadakan bengkel interaktif dan sesi yang menarik seperti "Jangan Kena Scam", ceramah kerjaya dengan BNM dan ceramah buku tentang penipuan. Program ini memperkasakan minda golongan muda, lantas melengkapkan mereka dengan cara untuk mengharungi cabaran kewangan.

Inisiatif "Hotspot Kewangan" yang julung kali diadakan merangkumi pameran tentang mata wang. Acara ini diadakan bersempena dengan minggu konvokesyen UPM

Sumber: Bank Negara Malaysia

Libat Urus Antarabangsa

Pada tahun 2024, Bank Negara Malaysia (BNM) mempergiat libat urus pada peringkat antarabangsa untuk menyokong mandat dan mengukuhkan kepentingan strategik BNM. Sepanjang tahun tersebut, BNM telah meraih pencapaian yang signifikan melalui pelbagai platform antarabangsa. Pencapaian ini memperteguh kedudukan BNM sebagai pihak yang aktif dalam usaha memperkukuh kerjasama dan memperdalam integrasi kewangan pada peringkat serantau dan global. Usaha ini juga mustahak dalam membentuk asas Kepengerusian ASEAN Malaysia pada tahun 2025.

Memperkukuh Kerjasama dalam Landskap Global yang Mengalami Polarisasi

Mendepani ketidaktentuan ekonomi global yang masih berterusan dan berlatarkan landskap global yang semakin mengalami polarisasi, keutamaan BNM adalah untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan rakan sejawat lain serta dengan forum dan institusi utama bagi memperteguh daya tahan ekonomi dan kewangan di samping meneroka peluang baharu. Sepanjang tahun 2024, BNM berinteraksi secara aktif dengan rakan sejawat serantau secara dua hala dan menerusi forum serantau seperti ASEAN, ASEAN+3 dan EMEAP, serta institusi global seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF), Bank Dunia (World Bank) dan Bank for International Settlements (BIS).

Pada peringkat dua hala, BNM telah bersetuju untuk mengeratkan lagi kerjasama dalam sektor kewangan Islam, kelestarian dan pendigitalan bersama-sama dengan Hong Kong Monetary Authority, Bank Indonesia, Monetary Authority of Singapore serta Otoritas Jasa Keuangan Indonesia (OJK). Secara keseluruhan, libat urus dua hala ini telah memperkasakan kerjasama dalam bidang keutamaan bersama, memperkukuh daya tahan sektor kewangan serta meneroka penyelesaian bagi menghadapi cabaran bersama dalam ruang strategik.



Pengurusan Kanan BNM bersama rakan sejawat mereka dari Hong Kong Monetary Authority semasa mesyuarat dua hala pada 24 Mei 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia.



Pengurusan Kanan BNM bersama rakan sejawat mereka dari OJK semasa mesyuarat dua hala pada 27 September 2024 di Jakarta, Indonesia.

Pada peringkat serantau, fokus utama adalah untuk mengurangkan dedahan rantau ini terhadap volatiliti mata wang utama serta menggalakkan lagi perdagangan dan pelaburan. Untuk tujuan ini, BNM bekerjasama

dengan rakan serantau ASEAN untuk mewujudkan Rangka Kerja Transaksi Mata Wang Tempatan (Local Currency Transaction, LCT) ASEAN. Rangka kerja ini menjadi panduan kepada negara anggota ASEAN dalam meningkatkan kebolehcapaian dan kecekapan transaksi mata wang tempatan serta menggalakkan penggunaannya dengan lebih meluas oleh peserta pasaran di rantau ini.

Pada peringkat global, BNM memanfaatkan sesi libat urus bersama Pengarah Urusan IMF semasa Mesyuarat Tahunan IMF untuk menekankan kepentingan memelihara perdagangan global yang terbuka. BNM mengutarakan peranan penting IMF dalam mengetengahkan kelebihan sistem perdagangan yang adil dan berteraskan undang-undang. BNM juga menegaskan tanggungjawab IMF dalam memastikan perdagangan kekal sebagai asas pertumbuhan global dan menggunakan platform IMF untuk menggalakkan negara-negara supaya tidak melaksanakan langkah-langkah sekatan perdagangan.



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour bersama Pengarah Urusan IMF Kristalina Georgieva dan Menteri Kewangan II Malaysia, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan di Mesyuarat Tahunan IMF, 21–27 Oktober 2024.

Sumber: Melissa Lyttle | IMF Photo

Mesyuarat Gabenor EMEAP[1] ke-29 dan Mesyuarat Tidak Rasmi Gabenor dan Ketua Badan Penyeliaan EMEAP ke-13

Selaku Pengerusi Mesyuarat, BNM telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Gabenor EMEAP ke-29 dan Mesyuarat Tidak Rasmi Gabenor dan Ketua Badan Penyeliaan EMEAP ke-13 di Pulau Pinang pada 15 Julai 2024. Kedua-dua mesyuarat yang dipengerusikan oleh Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour ini telah menghimpunkan para gabenor bank pusat dan ketua badan penyeliaan serantau untuk bertukar pandangan mengenai cabaran-cabaran utama, termasuk cabaran dalam menguruskan inflasi, volatiliti aliran modal, kestabilan pasaran kewangan serta pengawalan dan penyeliaan.

Tumpuan utama mesyuarat adalah untuk menggiatkan inisiatif untuk menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau. Satu isu penting yang dibincangkan ialah potensi Mata Wang Bank Pusat (Central Bank Digital Currencies, CBDC) untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan. Mesyuarat juga membincangkan cabaran dan penyelesaian untuk menggalakkan lebih banyak penggunaan mata wang tempatan di rantau ini. Berhubung dengan hal ehwal penyeliaan, mesyuarat mempertimbangkan cabaran yang dihadapi dalam usaha melaksanakan peraturan dan piawaian global serta menangani risiko keselamatan siber, penipuan, perubahan iklim dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI).







[1] EMEAP ialah forum kerjasama sebelas bank pusat dan pihak berkuasa kewangan rantau Asia Timur dan Pasifik. Keahliannya terdiri daripada Reserve Bank of Australia, People's Bank of China, Hong Kong Monetary Authority, Bank Indonesia, Bank of Japan, Bank of Korea, Bank Negara Malaysia, Reserve Bank of New Zealand, Bangko Sentral ng Pilipinas, Monetary Authority of Singapore dan Bank of Thailand.

Memperteguh Jaringan Keselamatan Kewangan Luaran

Sebagai pelengkap kepada rangkaian instrumen yang melindungi negara daripada kejutan luaran, BNM telah meneruskan usaha untuk mengukuhkan lagi akses Malaysia dan rantau ini kepada jaringan keselamatan kewangan luaran. Tumpuan bagi tahun 2024 adalah untuk meningkatkan lagi kebolehcapaian dan kebolehgunaan jaringan keselamatan kewangan yang sedia ada.

BNM telah memperbaharui perjanjian swap dua hala dengan Bank Indonesia[2] dan Bank of Korea[3] dengan terma yang ditambah baik, secara khususnya untuk menambah baik akses kedua-dua belah pihak kepada kemudahan ini apabila diperlukan.



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour dan Gabenor Bank Indonesia (BI) Perry Warjiyo semasa upacara pembaharuan perjanjian swap dua hala antara BNM dengan BI.

Pada peringkat serantau, BNM terus menggalakkan kebolehcapaian yang lebih baik untuk Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM). Pencapaian penting pada tahun 2024 ialah penubuhan Kemudahan Pembiayaan Pantas (Rapid Financing Facility). Kemudahan baharu ini, yang merupakan komponen CMIM, menyediakan dana kecemasan pantas tanpa syarat kepada negara anggota ketika mereka mengalami situasi imbangan pembayaran yang mendesak akibat kejutan luaran yang mendadak seperti bencana alam dan pandemik. Selain itu, BNM kekal sebagai penyokong tegar usaha untuk terus menambah baik struktur pembiayaan modal CMIM dan terus bekerjasama bersama-sama ahli ASEAN+3 untuk memajukan usaha ini. Pada bulan Mei 2024, para Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 mengiktiraf manfaat peralihan CMIM kepada model modal berbayar, yang memusatkan sumber pemberian pinjaman bagi membolehkan pengeluaran dana yang lebih pantas, dan sekali gus meningkatkan keberkesanan CMIM sebagai pengaturan bantuan mandiri serantau.



Delegasi BNM yang mewakili Malaysia pada Mesyuarat Pasukan Petugas ASEAN+3 di Busan, Korea, 11–12 September 2024.



Timbalan Gabenor Marzunisham Omar, mewakili BNM pada Mesyuarat Timbalan Menteri Kewangan dan Timbalan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 di Pyeongchang, Korea, 17–18 Disember 2024.

Memaksimumkan Peluang Perdagangan Dan Pelaburan

Sebagai perunding utama Malaysia bagi isu-isu yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan dalam perjanjian perdagangan dan pelaburan antarabangsa, BNM terus memanfaatkan semua perjanjian ini untuk memberikan peluang pengembangan di luar negara yang lebih besar kepada peserta industri domestik, meningkatkan akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan berkualiti yang lebih luas dan keupayaan teknikal, serta mengukuhkan profil global Malaysia sebagai destinasi pasaran dan pelaburan yang menarik.

Usaha BNM telah menyokong pemeteraian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia-Emiriah Arab Bersatu (Malaysia-United Arab Emirates

[2] Ditandatangani pada 27 September 2024.
[3] Ditandatangani pada 13 Mei 2024.

Comprehensive Economic Partnership Agreement, MY-UAE CEPA), perjanjian pertama Malaysia bersama UAE. Perjanjian ini meningkatkan kerjasama dalam bidang kewangan Islam dan membuka peluang kepada peserta industri kewangan Malaysia untuk berkembang di UAE. BNM juga menyumbang kepada pemuktamadan rundingan isu-isu substantif bagi Perjanjian Naik Taraf Perdagangan Bebas ASEAN-China (ASEAN-China Free Trade Agreement, ACFTA) 3.0, yang menambah baik perjanjian sedia ada antara ASEAN dengan China. ACFTA yang ditambah baik ini mengandungi komitmen moden dalam bidang kelestarian dan pendigitalan yang bersinergi dengan matlamat BNM dan negara.

Menggalakkan Inisiatif Kelestarian

Dalam usaha untuk menggalakkan inisiatif kelestarian, sokongan terhadap peralihan yang adil dan teratur ke arah ekonomi yang lebih lestari kekal menjadi agenda utama BNM.[4] Fokus utama BNM tertumpu pada memastikan perspektif Malaysia dan negara serantau diberi perhatian dan diwakili dengan baik pada peringkat global.

BNM terus memainkan peranan utama dalam membentuk inisiatif kewangan mampan di rantau ASEAN. Sebagai ahli pengasas ASEAN Taxonomy Board, BNM menyumbang kepada penerbitan ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance Versi 3. Versi ini memperkenalkan rangka kerja umum untuk mengelaskan kegiatan ekonomi mampan untuk dua sektor fokus tambahan iaitu Pengangkutan dan Penyimpanan serta Pembinaan dan Harta Tanah.[5]

Sebagai anggota Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System (NGFS), BNM telah menjadi tuan rumah NGFS Asia Pacific Plenary Outreach pada bulan Disember 2024. Sidang Plenary Outreach ini menjadi medan dialog dalam kalangan pembuat dasar tentang pengalaman pengawalan dan penyeliaan serta keutamaan serantau untuk masa hadapan.

Memajukan Agenda Kewangan Islam di Malaysia

Sepanjang tahun 2024, usaha berterusan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa dalam sektor kewangan Islam.[6]

BNM telah menganjurkan Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF) 2024 yang menampilkan perbincangan dasar dan inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama antarabangsa. Resolusi utama telah dicapai, yang tertumpu pada peneguhan nilai dalam pembangunan dan agenda pembaharuan demi ekonomi global yang berdaya tahan, di samping menerapkan penyelesaian inovatif dan perkongsian yang kukuh dalam kewangan Islam untuk memacu pertumbuhan dalam bidang perdagangan halal, rangkaian infrastruktur dan pembangunan tenaga mahir. Secara khusus, forum tersebut menyaksikan pertukaran Memorandum Kerjasama (Memorandum of Collaborations, MOC) antara Majlis Kepimpinan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Finance Centre Leadership Council, MLC) dengan wakil industri[7] dari Indonesia, Hong Kong, Türkiye dan UK. MOC ini menggalakkan inovasi produk, menggalakkan aktiviti perdagangan dan kewangan serta menyokong pembinaan keupayaan dan pendidikan dalam ekosistem kewangan Islam. Forum ini juga menyaksikan pemeteraian Perjanjian Induk Murabahah antara Islamic Development Bank (IsDB) dengan institusi kewangan Islam tempatan untuk memudahkan penempatan dana merentasi institusi dan memperkukuh rangkaian pelaburan.

BNM juga telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Kumpulan Kerja Centralised Shariah Authorities Forum (CSAF) yang Keempat di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah membincangkan tadbir urus CSAF untuk meningkatkan kewibawaannya sebagai sumber rujukan utama pihak berkuasa pengawalseliaan kewangan, badan pengeluar fatwa global dan organisasi penetapan piawai antarabangsa.

[4] Maklumat lanjut tentang usaha kelestarian BNM pada tahun 2024 boleh dibaca dalam bab "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari".

[5] *Versi 1* ASEAN Taxonomy menyediakan rangka kerja keseluruhan ASEAN Taxonomy. *Versi 2* terdiri daripada; (a) Rangka Kerja Asas lengkap yang meliputi metodologi terperinci untuk menilai kegiatan ekonomi; dan (b) Kriteria Saringan Teknikal (Technical Screening Criteria, TSC) untuk sektor tumpuan pertama, iaitu sektor Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Penyaman Udara (sektor Tenaga) di bawah Piawaian Lanjutan (Plus Standard). Matlamat TSC adalah untuk menyediakan rangka kerja umum bagi mengelaskan kegiatan ekonomi yang mampan di rantau ASEAN. Maklumat lanjut tentang ASEAN Taxonomy boleh dibaca dalam bab "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari".

[6] Maklumat lanjut tentang agenda kewangan Islam BNM boleh dibaca dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif".

[7] Komite Nasional Ekonomi dan Keuangan Syariah Indonesia (KNEKS), Hong Kong Trade Development Council (HKTDC), Finance Office of the Presidency of the Republic of Türkiye (CBFO) dan Islamic Finance Council UK (UKIFC).

Kewangan Islam memainkan peranan yang penting untuk menghijaukan ekonomi. Untuk tujuan ini, BNM telah melancarkan program rintis Penghijauan Perniagaan Halal (Greening Halal Businesses, GHB), dengan kerjasama antara Kementerian Kewangan Malaysia, IsDB dan World Bank Group Inclusive Growth and Sustainable Finance Hub di Malaysia. Program rintis GHB ini menyokong usaha penghijauan dalam kalangan perniagaan halal dalam negeri, terutamanya untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Program ini bertujuan untuk memastikan PKS akan terus berdaya saing dalam rantaian bekalan halal global.

Dari sudut pengawalseliaan, BNM terus menyokong penyelarasan piawaian kehematan Islam pada peringkat global. BNM aktif menyertai seminar dan bengkel peringkat tinggi serta berkongsi pengalaman dalam pembangunan piawaian Islamic Financial Services Board (IFSB) berkaitan dengan pengurusan risiko takaful dan pembangunan instrumen pengurusan risiko. BNM menyumbang kepada penerbitan laporan perdana IFSB mengenai Islamic Financial Services Industry Stability Report 2024.[8] Kesemua usaha ini sangat penting dalam membentuk peraturan yang mantap dalam kalangan institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam. Selanjutnya, BNM akan menjalankan usaha berterusan untuk menyokong agenda strategik IFSB sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif IFSB[9] bagi tempoh 2025-2026. Pada peringkat pasaran kewangan Islam, BNM terus menyokong matlamat International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM) dalam menyediakan instrumen kewangan patuh Syariah bagi pengurusan mudah tunai rentas sempadan yang berkesan untuk kegunaan pasaran. Bagi tujuan ini, BNM menyokong usaha IILM ke arah mencapai pertumbuhan aset yang lebih mampan menerusi kejayaan penyempurnaan inisiatif strategik untuk meningkatkan hasil Program Sukuk IILM daripada USD4 bilion kepada USD6 bilion. BNM turut memberikan pandangan dan mengesyorkan strategi pembangunan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan jangkauan pasaran IILM.[10]

Memacu Kepimpinan dalam Pendigitalan

BNM juga terus berusaha untuk mencapai kemajuan dan kerjasama antarabangsa dalam pendigitalan sektor kewangan. Secara keseluruhannya, usaha ini menghasilkan rangkaian serantau yang lebih kukuh, peningkatan saling boleh kendali (*interoperability*) sistem pembayaran, kepelbagaian infrastruktur pembayaran digital dan mengukuhkan kesiapsiagaan digital Malaysia.[11]

Jalinan pembayaran QR rentas sempadan antara Malaysia dengan Kemboja telah dilancarkan oleh BNM dan National Bank of Cambodia pada tahun 2024.[12] Selain jalinan dua hala, BNM juga menyokong usaha BIS Innovation Hub berkenaan Projek Nexus, sebuah inisiatif untuk membangunkan infrastruktur rangkaian pembayaran pelbagai hala dengan menghubungkan sistem pembayaran segera negara-negara yang menyertainya. Pada bulan Jun 2024, satu pelan hala tuju terperinci telah dilengkapkan dan diterbitkan sebagai usaha untuk merealisasikan pelaksanaan Projek Nexus secara langsung. Pada peringkat ASEAN, BNM dan negara anggota penandatangan telah mengalu-alukan penandatanganan MOU Rangkaian Pembayaran Serantau (Regional Payment Connectivity, RPC)[13] oleh Bank Pusat Brunei Darussalam dengan Bank of the Lao PDR. Matlamat inisiatif RPC ini adalah untuk membolehkan pembayaran dibuat di seluruh negara anggota ASEAN secara lebih pantas, lebih murah, lebih inklusif dan telus. Usaha ini menekankan komitmen Malaysia dalam mewujudkan sistem pembayaran rentas sempadan yang lebih inklusif dan cekap untuk memajukan rangkaian pembayaran di seluruh rantau.

Selain itu, BNM juga terlibat secara aktif dalam inisiatif yang diterajui oleh BIS Innovation Hub untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan dengan memanfaatkan teknologi baharu. Inisiatif ini juga melibatkan kerjasama dengan bank-bank pusat lain.

[8] Laporan ini memberikan penilaian menyeluruh tentang pertumbuhan, pembangunan, daya tahan dan prospek masa hadapan industri kewangan Islam global.

[9] Jawatankuasa Eksekutif bertindak sebagai penasihat Majlis IFSB (yang terdiri daripada para Gabenor ahli pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan yang menganggotai majlis ini) tentang hal ehwal strategik dan memantau operasi pentadbiran, termasuk prosedur kewangan, pelan pembiayaan dan peraturan pekerja.

[10] Antara sumbangan BNM ialah menyokong perumusan strategi untuk meningkatkan skala IILM dan inisiatif pembangunan seperti inisiatif kertas kerja transaksi aset dan pempelbagaian peniaga utama (*primary dealers*).

[11] Maklumat lanjut tentang usaha pendigitalan BNM pada tahun 2024 boleh dibaca dalam bab "Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Kiriman Wang yang Selamat dan Cekap".

[12] Negara lain yang juga telah mewujudkan jalinan yang sama dengan Malaysia ialah Indonesia, Singapura dan Thailand.

[13] RPC melibatkan kerjasama untuk melaksanakan rangkaian pembayaran rentas sempadan bagi menyokong dan memudahkan perdagangan, pelaburan, pendalaman kewangan, kiriman wang, pelancongan dan kegiatan ekonomi lain secara rentas sempadan, di samping memupuk ekosistem kewangan yang lebih inklusif di rantau ini. Setakat ini, lapan daripada sepuluh negara anggota ASEAN merupakan ahli inisiatif RPC, iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Brunei dan Laos.



Pertukaran MoU pada 27 Februari 2024 antara Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour dengan Gabenor National Bank of Cambodia (NBC) Chea Serey disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Perdana Menteri Kerajaan Cambodia, Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet. MoU ini menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara BNM dengan NBC serta menjadi acara awal sebelum pelancaran jalinan pembayaran QR rentas sempadan pada 19 September 2024.

Menyedari tahap pembangunan dan inovasi yang berbeza di rantau ini, BNM juga menyertai inisiatif perkongsian pengetahuan dengan bank-bank pusat lain untuk menangani trend yang semakin bercambah dan cabaran dalam pendigitalan. Langkah ini termasuk perkongsian pengetahuan tentang aset digital, platform berbilang CDBC dan risiko serta peluang dalam AI.

Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Jenayah Kewangan

BNM kekal komited untuk membanteras pengubahan wang haram, penipuan dan pembiayaan keganasan. Sebagai anggota Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) dan Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG), BNM menyokong inisiatif semasa dan keutamaan strategik kedua-dua platform untuk memperkukuh rejim AML/CFT/CPF[14] di rantau ini. BNM aktif menyertai penilaian bersama rakan sejawat terhadap langkah-langkah yang diambil oleh negara anggota untuk membanteras pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan. Sebagai tuan rumah APG Typologies Workshop pada tahun 2024, BNM memudahkan pertukaran pengetahuan dalam memerangi penyalahgunaan entiti sah dan penipuan yang dijana oleh siber (*cyber-enabled fraud*). Secara keseluruhannya, BNM memainkan peranannya secara aktif dalam usaha mengukuhkan kerjasama serantau bagi menangani jenayah kewangan dan memastikan keselarasan amalan Malaysia dengan amalan terbaik global.[15]

Langkah Selanjutnya

Tatkala ekonomi dunia terus mengharungi cabaran semasa, BNM akan terus memanfaatkan libat urus dan kerjasama antarabangsa untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi Malaysia dan menggalakkan pembangunan mampan. Secara khusus, sejajar dengan tema Keterangkuman dan Kemampanan bagi Kepengerusian ASEAN di Malaysia, BNM akan terus melaksanakan inisiatif utama termasuk memacu akses pembiayaan projek hijau yang berdaya maju di rantau ini dan memupuk rangkaian pembayaran pantas yang inklusif dalam kalangan negara anggota ASEAN.

Sebagai pengerusi bersama ASEAN+3 Finance Process, Malaysia akan berusaha untuk mencapai kemajuan yang bermakna dalam peralihan CMIM ke arah model modal berbayar bagi meningkatkan keberkesanan dan kesiapsiagaan rantau ini apabila berhadapan dengan kejutan ekonomi pada masa hadapan. Kemajuan ini termasuk menjalankan penyelidikan dan memacu pertukaran idea tentang model modal berbayar yang terbaik dan bersesuaian dengan rantau ini.

[14] Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Anti-Money Laundering, AML), Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Countering Financing of Terrorism, CFT), dan Pencegahan Pembiayaan Percambahan (Countering Proliferation Financing, CPF).

[15] Maklumat lanjut mengenai usaha BNM pada tahun 2024 boleh dibaca menerusi bab "Mengekalkan Integriti Kewangan".

Tadbir Urus

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Struktur Organisasi dan Jawatankuasa Berkanun
Bank Negara Malaysia 182

Tadbir Urus

Tadbir Urus

Pengaturan tadbir urus Bank Negara Malaysia (BNM) memastikan bahawa BNM terus melaksanakan mandatnya secara berkesan untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Pengaturan ini diperuntukkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA) dan undang-undang lain yang ditadbir oleh BNM, serta dasar dalaman yang dibangunkan sejak sekian lama. Rangka kerja tadbir urus BNM kekal selaras dengan amalan terbaik global dan piawaian industri.

Lembaga Pengarah

Di bawah CBA, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan dan operasi BNM. Hal ini bertujuan untuk memastikan BNM melaksanakan mandatnya dan kekal kukuh dari segi kewangan dan operasi serta sumber-sumber BNM digunakan dengan cekap dan berkesan.

Lembaga Pengarah terdiri daripada Gabenor yang merupakan Pengerusi, tiga Timbalan Gabenor, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta enam Ahli Bukan Eksekutif Bebas yang membentuk majoriti Lembaga Pengarah. Gabenor dan Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas Lembaga Pengarah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, manakala Timbalan-timbalan Gabenor dilantik oleh Menteri Kewangan. Gabenor berkhidmat untuk tempoh boleh diperbaharui selama lima tahun, manakala Timbalan-timbalan Gabenor dan Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas berkhidmat untuk tempoh boleh diperbaharui selama tiga tahun. Ketua Setiausaha Perbendaharaan kekal sebagai ahli Lembaga Pengarah selagi beliau memegang jawatan.

Pada tahun 2024, Lembaga Pengarah terus melaksanakan pengawasan dan menawarkan nasihat mengenai operasi dan pelaksanaan mandat BNM dalam persekitaran perkembangan ekonomi global dan dalam negeri yang mencabar. Lembaga Pengarah sentiasa diberikan maklumat mengenai perkembangan berkaitan ringgit, berserta langkah-langkah yang diambil untuk membanteras penipuan kewangan dan mengurangkan kesan penetapan semula premium bagi produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan, susulan kenaikan inflasi perubatan. BNM juga melibatkan Lembaga Pengarah untuk menyokong usaha BNM menggalakkan kewangan Islam dan memperkukuh pengawasan aktiviti kredit pengguna bukan bank di samping bekerjasama dengan Kerajaan dalam pelaksanaan pembaharuan struktur.

Prestasi keseluruhan BNM, penunjuk prestasi bagi tahun 2024 dan keutamaan Pelan Urusan BNM diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mengawasi dengan teliti usaha BNM yang berterusan dalam menguruskan risiko, memperkukuh persekitaran keselamatan siber, memodenkan infrastruktur teknologi maklumat untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi, mengurangkan jejak karbon BNM serta memperteguh budaya kerja yang utuh selaras dengan hasil utama dan nilai-nilai organisasi BNM. Lembaga Pengarah menunjukkan minat yang tinggi terhadap keutamaan dan pelan BNM untuk Kepengerusian Malaysia untuk ASEAN dan ASEAN+3 pada tahun 2025 serta perkembangan persediaan bagi Penilaian Bersama 2025 oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan untuk menilai keberkesanan sistem pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and countering financing of terrorism*, AML/CFT) Malaysia.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 untuk memantapkan lagi amalan tadbir urus bagi memastikan BNM kekal sejajar dengan amalan terbaik korporat. Hal ini termasuk penambahbaikan rangka kerja pelantikan dan pelantikan semula ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi mengekalkan kebebasan Lembaga Pengarah serta meningkatkan keberkesanannya. Dasar konflik kepentingan Lembaga Pengarah juga turut diperkukuh untuk terus menambah baik pengurusan konflik dengan dilengkapi proses yang jelas. Pengukuhan dasar ini membuktikan komitmen BNM untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi.

Lembaga Pengarah juga melaksanakan penilaian kendiri untuk mengukur keberkesanannya sepanjang tahun 2024 pada peringkat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Secara keseluruhannya, Lembaga Pengarah berpuas hati dengan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus yang berkesan dan operasi jawatankuasa yang berjaya menyokong peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah. Melangkah ke hadapan, pelan selanjutnya untuk memperkukuh prestasi dan keberkesanan Lembaga Pengarah telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan sepanjang tahun.

Jawatankuasa Lembaga

Lembaga Pengarah disokong oleh tiga jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga. Ketiga-tiga jawatankuasa ini hanya dianggotai oleh Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas. Setiap jawatankuasa ditadbir oleh Terma Rujukan masing-masing yang bertujuan untuk menyokong Lembaga Pengarah dan melaksanakan fungsi semak dan imbang dalaman terhadap pengurusan dan operasi BNM.

Pada tahun 2024, Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah membincangkan perkara-perkara penting termasuk rancangan penggantian Lembaga Pengarah dan inisiatif untuk memperkukuh rangka kerja tadbir urus Lembaga Pengarah, keberkesanan pengurusan risiko organisasi dan pelan kesinambungan urusan BNM, audit kawalan risiko dan tenaga kerja, penambahbaikan rangka kerja dan pendekatan audit serta penerapan teknologi dengan lebih meluas, terutamanya berkaitan analitik data.

Gambar Rajah 1: Jawatankuasa Lembaga

	Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (BGC)	Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC)	Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC)
Pengerusi	**Tan Sri Mohamed Azman Yahya**	**Puan Chin Suit Fang**	**Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon**
Ahli	• **Puan Chin Suit Fang** • **Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon**	• **Dr. Nungsari Ahmad Radhi** • **Dato' Sheranjiv a/l M Sammanthan**	• **Tan Sri Mohamed Azman Yahya** • **Dr. Nungsari Ahmad Radhi** • **Puan Siti Hurrairah Sulaiman**
Peranan dan Tanggungjawab	Mengawasi rangka kerja dan amalan tadbir urus BNM. Menilai dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan belanjawan, pelan urusan dan polisi imbuhan BNM. Mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pelantikan dan pelantikan semula ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa BNM yang ditubuhkan di bawah Akta, seperti: • Jawatankuasa Dasar Monetari • Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan • Majlis Penasihat Shariah • Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari	Mengawasi integriti akaun dan penyata kewangan BNM. Mengawasi kecukupan kawalan dalaman dan pematuhan BNM terhadap keperluan undang-undang dan dasar dalaman. Menilai dan meluluskan rangka kerja audit, piagam audit, pelan audit dalaman dan laporan audit BNM, serta mengawasi tindakan susulan oleh pihak pengurusan dalam menangani hasil siasatan yang penting (*material findings*).	Mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko organisasi BNM. Mengawasi pengurusan BNM terhadap risiko kewangan, operasi, reputasi dan teknologi maklumat serta keselamatan siber, termasuk tadbir urus risiko, struktur dan akauntabiliti.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menurut peruntukan undang-undang, Lembaga Pengarah dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan. Pada tahun 2024, Lembaga Pengarah mencatatkan kadar kehadiran sebanyak 95% bagi mesyuarat Lembaga Pengarah dan 98.3% bagi mesyuarat pelbagai Jawatankuasa Lembaga, seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jawatan	Ahli	Lembaga	BGC	BAC	BRC
Pengerusi	Dato' Seri Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour	12/12			
Ahli Ex officio	Datuk Jessica Chew Cheng Lian	12/12			
	Dato' Marzunisham Omar	12/12			
	Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid	12/12			
	Datuk Johan Mahmood Merican *(Ketua Setiausaha Perbendaharaan)*	7/12[2]			
Ahli Bukan Eksekutif Bebas	Puan Chin Suit Fang	12/12	5/5	8/8	
	Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon	11/12[2]	5/5	1/1[3]	4/4
	Tan Sri Mohamed Azman Yahya	12/12	5/5		4/4
	Dr. Nungsari Ahmad Radhi	12/12	1/1[3]	8/8	4/4
	Dato' Kamarulazman Muhamed[1]	12/12	2/2[3]	8/8	3/4[2]

[1] Bersara pada 31 Disember 2024.
[2] Tidak hadir berikutan komitmen yang tidak dapat dielakkan.
[3] Bukan ahli yang hadir atas undangan, untuk memberikan maklumat kepada Ahli Bukan Eksekutif Bebas tentang hal-ehwal khusus yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nota Penghargaan:
Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dato' Kamarulazman Muhamed atas sumbangan beliau kepada BNM dan Lembaga Pengarah sejak 1 Januari 2022.

Program Induksi dan Pembangunan Lembaga Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas terdiri daripada individu kanan dan berpengalaman daripada pelbagai latar belakang profesional termasuk bidang ekonomi, perakaunan dan kewangan, perbankan dan insurans, pengurusan risiko dan audit. BNM mendapat manfaat daripada kebijaksanaan dan bimbingan kolektif ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pengetahuan mereka yang mendalam tentang isu-isu berkaitan sektor kewangan, sektor perniagaan dan sektor awam yang terus menyokong pengawasan operasi BNM yang berkesan dan menyumbang kepada pemakluman tindak balas dasar yang sewajarnya.

Sepanjang tempoh perkhidmatan mereka, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas menyertai program pembangunan yang menyentuh tema kontemporari dan terlibat dalam wacana dasar bersama pengurusan dan kakitangan BNM mengenai isu-isu teras yang mempengaruhi bank pusat. Isu-isu ini termasuk topik khusus yang penting seperti operasi perbendaharaan, pengurusan rizab dan operasi swap, infrastruktur pasaran kewangan serta kecerdasan buatan generatif dan analitik data. Program dan wacana ini akan membantu ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk memperdalam pengetahuan dan melaksanakan peranan pengawasan mereka secara berkesan.

Lembaga Pengarah



Barisan hadapan (duduk dari kiri ke kanan)

Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Jessica Chew Cheng Lian
Ahli Ex officio

Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour
Pengerusi

Puan Chin Suit Fang
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Puan Siti Hurrairah Sulaiman
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Barisan Belakang (berdiri dari kiri ke kanan)

Dato' Sheranjiv a/l M Sammanthan
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Ahli Ex officio

Dato' Marzunisham Omar
Ahli Ex officio

Datuk Johan Mahmood Merican
Ahli Ex officio

Dr. Nungsari Ahmad Radhi
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Tan Sri Mohamed Azman Yahya
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Lembaga Pengarah



Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour

Pengerusi

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 16 Julai 2016

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Oxford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Felo Chartered Banker, Asian Institute of Chartered Bankers

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Pusat SEACEN
- Ahli, Lembaga Gabenor Pusat SEACEN
- Ahli Majlis dan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Islamic Financial Services Board
- Ahli, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
- Ahli, Lembaga Pentadbir International Islamic Liquidity Management Corporation

Pengalaman Lepas

- Timbalan Gabenor dan ahli Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengarah Eksekutif Silih Ganti, Pejabat Kumpulan Asia Tenggara, Tabung Kewangan Antarabangsa



Datuk Jessica Chew Cheng Lian

Ahli Ex officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Januari 2018

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan), University of Melbourne, Australia
- Chartered Banker Institute (Scotland)
- Asian Institute of Chartered Bankers
- CPA Australia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Danamodal Nasional Berhad
- Ahli Silih Ganti, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Pengalaman Lepas

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Penasihat, Lembaga Pengarah Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Finance Accreditation Agency Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
- Ahli, Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- Ahli, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Lembaga Pengarah



Dato' Marzunisham Omar

Ahli Ex officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 15 Jun 2020

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Lembaga Pengarah ASB Management Sdn. Bhd.
- Ahli, Lembaga Gabenor Asia School of Business
- Ahli, Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli, Lembaga Pengarah Pusat SEACEN
- Pengerusi, Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram
- Ahli, Lembaga Penasihat Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional
- Profesor Adjung, Universiti Utara Malaysia

Pengalaman Lepas

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Pejabat Kumpulan Asia Tenggara, Tabung Kewangan Antarabangsa



Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid

Ahli Ex officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 September 2023

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Dasar Awam, Blavatnik School of Government, University of Oxford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains Ekonomi Pasaran Global, London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Chartered Professional in Islamic Finance

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah International Islamic Liquidity Management Corporation
- Ahli, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Ahli, Lembaga Pengarah International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) University
- Ahli, Majlis Kepimpinan Malaysia International Islamic Finance Centre
- Profesor Adjung, Universiti Malaysia Terengganu

Pengalaman Lepas

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Ahli, Lembaga Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- Ahli, Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Maybank Venture Capital Company Sdn. Bhd.
- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Islamic Financial Services Board
- Ahli, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Lembaga Pengarah



Datuk Johan Mahmood Merican

Ahli Ex officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 27 Februari 2023

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom
- Akauntan Bertauliah Bersekutu, Institute of Chartered Accountants in England and Wales

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengerusi, MySalam
- Ahli, Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Pengalaman Lepas

- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
- Pengarah Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan
- Ketua Pegawai Eksekutif, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)
- Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri di Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi
- Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan), Unit Perancang Ekonomi



Puan Chin Suit Fang

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 November 2019

Kelulusan

- Institut Akauntan Malaysia
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Pengalaman Lepas

- Rakan Kongsi, PwC Malaysia
- Ketua Pasaran PwC Malaysia dan PwCMYVN (Malaysia dan Vietnam)
- Ketua Corporate Responsibility dan Diversity & Inclusion, PwC Malaysia
- Ahli, PwC Global Gender Advisory Council
- Mentor untuk Wanita dalam Kepimpinan Malaysia oleh ICAEW dan TalentCorp Malaysia

Lembaga Pengarah



Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 16 Mac 2020

Qualifications

- Kelayakan pascasiswazah dalam Perubatan Insurans
- Ijazah Sarjana Muda Perubatan, University of Mysore, India

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Aviva Singlife Holdings Private Limited (Singapura)
- Ahli, Lembaga Pengarah Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd.
- Ahli, Lembaga Pengarah Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd.

Pengalaman Lepas

- Ahli, Lembaga Pengarah AXA Affin General Insurance Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Avicennia Capital Sdn. Bhd.
- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, ING Malaysia Berhad
- Naib Presiden Eksekutif dan Ketua, Designated Markets & Health Asia, MetLife Asia Pacific Limited
- Ketua Asia Selatan, ING Asia Pacific Limited
- Pegawai Perubatan, Hospital Kuala Lumpur



Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Jun 2020

Qualifications

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi), London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Institute of Bankers Malaysia
- Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Institut Akauntan Malaysia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Symphony House Sdn. Bhd.
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Sepang International Circuit Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Beringin Land Sdn. Bhd.
- Ahli, Lembaga Pengarah Azman & Sons Sdn. Bhd.

Pengalaman Lepas

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Ranhill Utilities Berhad
- Pengerusi, Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad*
- Ahli, Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah AIA Group Limited
- Ahli, Lembaga Pengarah PLUS Expressways Berhad
- Ahli PEMUDAH, Yayasan Laporan Kewangan dan Kumpulan Penasihat Pasaran Kewangan, Jawatankuasa Khas Ekonomi Malaysia

* Juga berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sebelum dilantik sebagai Pengerusi.

Lembaga Pengarah



Dr. Nungsari Ahmad Radhi

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 15 Februari 2023

Kelulusan

- Doktor Falsafah (Ekonomi), Purdue University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Sains (Matematik), Southern Illinois University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi dan Matematik), Southern Illinois University, Amerika Syarikat

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad
- Ahli, Jawatankuasa Penasihat Dasar kepada Perdana Menteri
- Pengarah, Ratulin Sdn. Bhd.
- Pengarah, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah Institut Penyelidikan Khazanah
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Rahimah binti Yusof

Pengalaman Lepas

- Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Penyelidikan dan Strategi di Khazanah Nasional Berhad
- Pengarah Urusan, Prokhas Sdn. Bhd.
- Pegawai Utama, Lembaga Pengarah DanaInfra Nasional Berhad
- Pegawai Utama dan Ahli, Lembaga Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Pegawai Utama dan Ahli, Lembaga Pengarah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Commerce Tijari Bank/CIMB Islamic Bank Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Bank Pertanian Malaysia



Dato' Sheranjiv a/l M Sammanthan

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Januari 2025

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan), University of Birmingham, United Kingdom
- Felo, Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Felo, Institute of Corporate Directors Malaysia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, S.P. Setia Berhad
- Pengasas Bersama dan Pengarah Eksekutif Fitrah Capital Associates LLC
- Pengarah, Battersea Project Holding Company Limited
- Pemegang Amanah, Yayasan Munarah

Pengalaman Lepas

- Rakan Kongsi/Pengarah Eksekutif/Pengurus Kanan, PwC Kuala Lumpur dan PW/PwC London
- Pengarah Eksekutif, Pejabat Pengarah Urusan di Khazanah Nasional Berhad
- Pengarah, Khazanah Europe Investment Limited
- Wakil untuk Khazanah Nasional Berhad, Institutional Investor Council of Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Taman Tugu Project Development Sdn. Bhd.
- Pengarah Bukan Eksekutif, Malaysia Aviation Group Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, UEM Sunrise Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, UEM Land Berhad
- Ahli Jawatankuasa Audit, M+S (Pte) Limited, Singapura
- Pemegang Amanah, Yayasan Hasanah

Lembaga Pengarah



Puan Siti Hurrairah Sulaiman

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Januari 2025

Kelulusan

- Ijazah Kejuruteraan Mekanikal, Imperial College London, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi Negara, Shell Malaysia
- Naib Presiden Kanan, Shell Upstream and Integrated Gas Business di Malaysia
- Pengarah dan Lembaga Pengarah pelbagai entiti Shell di Malaysia

Pengalaman Lepas

- Kumpulan Shell
  - Naib Presiden, Technical Asset Operations (Global)
  - Naib Presiden, Integrated Gas Ventures East (Regional)
  - Pengurus Besar, Global Operations Commercial Services in Shell's Trading and Supply United Kingdom
  - Pengurus Aset dan Pengarah, Sabah Shell Petroleum Company Limited
- Wakil Shell sebagai Ahli Lembaga Pengarah Brunei LNG (Brunei), Shell Middle Distillate Synthesis (Malaysia) dan ex-British Gas Companies (India)

Pengurusan Kanan

Seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009, Gabenor bertanggungjawab terhadap pengurusan BNM dalam melaksanakan mandat yang diberikan kepada BNM. Dalam menggalas tugas dan tanggungjawab ini, Gabenor dibantu oleh pasukan pengurusan kanan yang terdiri daripada para Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor. Struktur organisasi BNM bertujuan untuk menggalakkan saluran pelaporan dan akauntabiliti yang jelas bagi pelbagai fungsi BNM.

Pelbagai jawatankuasa pengurusan juga ditubuhkan bagi membolehkan pasukan pengurusan kanan dan pegawai kanan lain turut sama dalam perbincangan dan pertukaran pendapat mengenai urusan BNM, khususnya yang melibatkan strategi organisasi dan keutamaan terpenting. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan ini termasuk jawatankuasa dasar seperti Jawatankuasa Kestabilan Kewangan serta Jawatankuasa Dasar Bersama, iaitu sebuah jawatankuasa yang ditugaskan untuk membincangkan pelbagai isu serta menyelaraskan dasar-dasar yang memberikan impak kepada sistem kewangan dan ekonomi secara amnya. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan membolehkan BNM memanfaatkan pelbagai latar belakang kepakaran dan pandangan daripada seluruh organisasi untuk membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada perbincangan secara terbuka dan berterus-terang.

Dengan sokongan struktur pengurusan sedemikian, pihak pengurusan kanan menetapkan dasar-dasar dalaman serta menerajui operasi BNM bagi memastikan BNM berupaya mencapai matlamatnya, melaksanakan fungsinya serta menggunakan sumber-sumbernya secara berkesan, berhemat dan selaras dengan kepentingan BNM, demi memberikan manfaat kepada negara.

Jawatankuasa Pengurusan



Barisan hadapan (duduk dari kiri ke kanan)

Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Timbalan Gabenor

Jessica Chew Cheng Lian
Timbalan Gabenor

Abdul Rasheed Ghaffour
Gabenor

Marzunisham Omar
Timbalan Gabenor

Aznan Abdul Aziz
Penolong Gabenor

Barisan belakang (berdiri dari kiri ke kanan)

Abd. Rahman Abu Bakar
Penolong Gabenor

Suhaimi Ali
Penolong Gabenor

Fraziali Ismail
Penolong Gabenor

Dr. Norhana Endut
Penolong Gabenor

Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid
Penolong Gabenor

Madelena Mohamed
Penolong Gabenor

Pegawai-Pegawai Kanan

Gabenor	Abdul Rasheed Ghaffour
Timbalan Gabenor	Jessica Chew Cheng Lian
Timbalan Gabenor	Marzunisham Omar
Timbalan Gabenor	Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Penolong Gabenor	Aznan Abdul Aziz
Penolong Gabenor	Fraziali Ismail
Penolong Gabenor	Dr. Norhana Endut
Penolong Gabenor	Abd. Rahman Abu Bakar
Penolong Gabenor	Suhaimi Ali
Penolong Gabenor	Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid
Penolong Gabenor	Madelena Mohamed
Penolong Gabenor	Abu Hassan Alshari Yahaya *(dilantik sebagai Ketua, Pasukan Petugas Khas Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna)*
Setiausaha Lembaga Pengarah	Suhanna Omar
Pejabat Gabenor	—
Audit Dalam	Kamarul Nazim Yop Ahmad
Pengurusan Risiko	Beh Cheng Hoon
Pejabat Etika dan Integriti	Santamarie Shamni Arulanandam
Undang-Undang	Mohd Sofiyuddin Ahmad Tabrani
Kelestarian	Raja Syamsul Anwar Raja Mohammed Affandi
Komunikasi Strategik	Shasha Kartini Ridzam
Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan	Mohd Fuad Arshad
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan	Daniel Chin Shen Li
Dasar Kewangan Pruden	Cindy Siah Hooi Hoon
Konsumer dan Amalan Pasaran	—
Dasar Perkhidmatan Pembayaran	Qaiser Iskandar Anwarudin
Penyeliaan Konglomerat Kewangan	Hong Chin Pheng
Penyeliaan Perbankan	Mohd Zabidi Md Nor
Penyeliaan Insurans dan Takaful	Hoo Hon Shiong
Pakar Risiko dan Penyeliaan Teknologi	Hew Ee-Lu
Pemantauan Perkhidmatan Pembayaran	Zarifa Izan Zainol Abidin
Pembangunan dan Inovasi Kewangan	Lau Chin Ching
Sistem Kewangan Islam	Nurul Izza Idris
Rangkuman Kewangan	Nor Rafidz Nazri
LINK dan Pejabat BNM	Thomas Tan Koon Peng

Pelaburan	Shahredza Minhat
Operasi dan Pembangunan Pasaran	Nurashiqin Asri
Risiko dan Infrastruktur Perbendaharaan	Muhamad Jamil Fathi Jamaludin
Dasar Pertukaran Asing	Albert See Choon Kwang
Ekonomi	Idwan Suhardi Hakim
Dasar Monetari	Dr. Mohamad Hasni Sha'ari
Antarabangsa	Ida Harniza Johar
Pengurusan Data dan Statistik	Ong Li Ming
Ketua Pegawai Informasi	Tay Gim Soon
Teknologi Korporat	Victor Khor Eng Swee
Infrastruktur Teknologi Digital	Ahmad Affzan Mokhtar Anuar
Keselamatan Siber	Aizuddin Mohd Ghazali
Infrastruktur Pasaran Kewangan	Noor Hazama Fadhilah Abdullah
Modal Insan	Nurashikhin Md. Sharif
Mata Wang	Mohamad Zaini Ab Jabbar
Kewangan	Toh Ying Ying
Ketua Pegawai Perkhidmatan	Affendi Rashdi
Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti	Razman Samsudin
Hospitaliti dan Muzium	Noreen Zulkepli
Pengurusan Keselamatan Organisasi	Ahmad Azaharudin Mohd Anuar
Perolehan Berpusat	Zulkippli Haron
Pentadbiran dan Perkhidmatan Korporat	Hairi Adam
Pejabat Perwakilan Beijing	Mohd Faizal bin Md. Fathil
Pejabat Perwakilan London	Hasman Farid bin Mohd Ali Noh
Pejabat Perwakilan New York	Ahmad Abrar Shamsuddin
Pejabat Wilayah BNM Johor Bahru	Rosnani Mahamad Zain
Pejabat Wilayah BNM Pulau Pinang	Panimoli Kalidass
Pejabat Wilayah BNM Kuching	Rantai ak Naga
Pejabat Wilayah BNM Kota Kinabalu	Adlis Khairil Sazli Mohd Zaini
Pejabat Wilayah BNM Kuala Terengganu	Zambre Ismail

BANK NEGARA MALAYSIA

Struktur Organisasi



Pada 24 March 2025

Jawatankuasa Berkanun

Tanggungjawab untuk membuat keputusan bagi beberapa bidang tertentu diletakkan di luar bidang kuasa pihak Lembaga Pengarah mahupun pihak Pengurusan BNM. Bidang-bidang tersebut diuruskan oleh badan-badan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jawatankuasa Dasar Monetari

Matlamat utama dasar monetari di Malaysia adalah untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan ekonomi negara. Di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA 2009), Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) BNM bertanggungjawab merumuskan dasar monetari dan dasar berkaitan dengan cara mengendalikan operasi dasar monetari. MPC menetapkan kadar faedah dasar, yang juga dikenali sebagai Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), yang mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Dalam melaksanakan mandat ini, MPC menentukan dasar monetari berdasarkan penilaiannya terhadap imbangan risiko kepada prospek pertumbuhan inflasi dan ekonomi Malaysia . MPC juga memantau risiko keadaan kewangan yang tidak seimbang memandangkan implikasi risiko ini yang menggugat kestabilan ekonomi. MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai OPR. Selepas setiap mesyuarat diadakan, Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) disiarkan untuk memberikan penjelasan mengenai keputusan yang dibuat.

Ahli-ahli MPC terdiri daripada Gabenor, Timbalan-Timbalan Gabenor, dan ahli lain yang tidak kurang daripada tiga tetapi tidak melebihi tujuh orang. Keahlian ini termasuk ahli dari luar BNM yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas saranan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga BNM. Pada masa ini, MPC mempunyai sepuluh orang ahli, dengan tiga daripadanya adalah ahli dari luar BNM. Komposisi keahlian MPC ini bertujuan untuk menggabungkan pelbagai kepakaran dan pengalaman yang sangat penting untuk membuat keputusan mengenai dasar monetari yang tepat.

Ahli-ahli*

Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour (Pengerusi)

Datuk Jessica Chew Cheng Lian

Dato' Marzunisham Omar

Adnan Zaylani Mohamad Zahid

Dr. Norhana Endut

Fraziali Ismail

Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid

Nor Zahidi Alias *(Ahli Luar)*

Lim Chee Sing *(Ahli Luar)*

Datuk Yogeesvaran Kumaraguru *(Ahli Luar)*

* Pada 24 Mac 2025

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Jawatankuasa Eksekutif) ditubuhkan pada tahun 2010 mengikut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009. Jawatankuasa Eksekutif ini membantu BNM dalam pelaksanaan mandat berkanunnya, iaitu memelihara kestabilan kewangan melalui kuasa yang diberikan bagi menentukan langkah-langkah dasar khusus yang boleh diambil oleh BNM untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Dalam pelaksanaan mandatnya, Jawatankuasa Eksekutif ini menyemak, menilai dan memutuskan cadangan BNM bagi:

- mengeluarkan arahan kepada individu atau institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh BNM supaya mengambil langkah-langkah tertentu demi kepentingan kestabilan kewangan;
- memberikan bantuan mudah tunai kepada institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh BNM, atau kepada operasi luar negeri institusi kewangan berlesen di Malaysia; dan
- memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan berlesen di Malaysia yang tidak berdaya maju atau mungkin tidak akan berdaya maju.

Langkah-langkah ini bertujuan memastikan fungsi pengantaraan kewangan yang berterusan dan berkesan, termasuk fungsi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang teratur, serta memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan.

Jawatankuasa Eksekutif ini terdiri daripada tujuh orang ahli, dan kebanyakannya merupakan ahli bukan eksekutif yang tidak terlibat dengan Pengurusan BNM. Ahli-ahlinya tertakluk pada Kod Etika dan Konflik Kepentingan, yang bertujuan untuk memelihara integriti keputusan Jawatankuasa Eksekutif ini. Pada tahun 2024, Jawatankuasa Eksekutif ini bermesyuarat sebanyak dua kali untuk membincangkan perkembangan dan penilaian risiko kestabilan kewangan dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu berpunca daripada ketidakpastian berterusan berhubung dengan dasar di ekonomi utama serta perkembangan konflik geopolitik.

Ahli-ahli*

Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour (Pengerusi)

Dato' Marzunisham Omar

Datuk Johan Mahmood Merican *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Dato' Mohammad Faiz Azmi *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Rafiz Azuan Abdullah *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Dato' Abdul Rauf Rashid *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Wong Chee Lin *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

* Pada 24 Mac 2025

Majlis Penasihat Shariah

Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) ditubuhkan pada bulan Mei 1997 sebagai badan berautoriti Syariah tertinggi bagi institusi kewangan Islam di Malaysia. Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009) menggariskan peranan dan fungsi MPS sebagai badan berautoriti untuk menentukan hukum Syarak bagi perniagaan kewangan Islam yang dikawal selia oleh BNM.

Keputusan Syariah yang dibuat oleh MPS menjadi sumber rujukan institusi kewangan Islam bagi memastikan operasi perniagaan mereka mematuhi prinsip Syariah. Selain itu, keputusan MPS juga digunakan sebagai rujukan mahkamah dan penimbang tara. Dalam hal ini, MPS menetapkan keperluan utama dengan mengambil kira pelbagai pandangan Syariah, penyelidikan, serta amalan setempat dan pasaran. Oleh itu, MPS memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan kepastian amalan Syariah serta mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap industri kewangan Islam.

Ahli-ahli MPS dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kini, MPS mempunyai tujuh ahli yang terdiri daripada sarjana dan pengamal Syariah yang berpengalaman luas di dalam dan luar negara, terutamanya dalam bidang Syariah, undang-undang serta ekonomi dan kewangan Islam.

Pada tahun 2024, MPS bermesyuarat sebanyak sepuluh kali untuk membincangkan dan menangani isu-isu yang mendesak serta tindakan bagi mengukuhkan impak pembangunan jangka panjang terhadap ekosistem kewangan Islam di Malaysia.

Ahli-ahli*

Prof. Dr. Ashraf Md Hashim (Pengerusi)

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (Timbalan Pengerusi)

Sahibus Samahah Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar Haji Opir

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Dr. Marjan Muhammad

Dr. Ahmad Basri Ibrahim

Burhanuddin Lukman

Zainal Abidin Jamal[1]

Tan Sri Mohd Zawawi Salleh[2]

[1] Tempoh perkhidmatan berakhir pada 31 Oktober 2024.
[2] Tempoh perkhidmatan berakhir pada 31 Disember 2024.
* Setakat 24 Mac 2025

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (JSPM) ialah jawatankuasa bebas yang dibentuk di bawah seksyen 238 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan seksyen 249 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA). JSPM mempertimbangkan rayuan daripada perayu (individu atau institusi) terhadap penalti monetari pentadbiran (*administrative monetary penalty*, AMP) atau remedi kewangan yang dikenakan oleh BNM dalam menggunakan kuasa penguatkuasaan pentadbiran di bawah FSA, IFSA, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Mata Wang 2020 (Currency Act 2020, CA).[1]

JSPM menyediakan saluran bebas bagi pihak-pihak yang terkilan untuk membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh BNM. JSPM boleh membuat keputusan sama ada untuk mengesahkan keputusan BNM atau menghendaki BNM mempertimbangkan semula keputusannya dan mencapai suatu keputusan mengikut dapatan JSPM. Ahli-ahli JSPM dilantik oleh Menteri Kewangan dalam kalangan Ahli Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah BNM atau individu luar lain atas saranan BNM.

Ahli-ahli*

Tan Sri Hasan Lah (Pengerusi)

Chin Suit Fang

Goh Ka Im

[1] Bagi CA, rayuan hanya boleh dilakukan terhadap AMP yang dikenakan oleh BNM.

* Pada 24 Mac 2025

Kewangan
Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 211

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 212

Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 213

Kewangan
Bank Negara Malaysia



Kewangan Bank

Bank Negara Malaysia (BNM) membiayai sendiri operasi hariannya melalui pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan dalam rizab antarabangsa negara dan operasi am BNM yang lain. Bagi melaksanakan mandatnya dengan berkesan, BNM komited untuk bertanggungjawab, berhemat dan berdisiplin dalam menguruskan kewangan untuk memastikan BNM mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, BNM mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM13.16 bilion (2023: RM7.16 bilion) berikutan jumlah pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM14.98 bilion (2023: RM8.77 bilion), setelah ditolak kos yang berkaitan dengan pengurusan portfolio rizab dan operasi monetari. Pendapatan yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya didorong oleh pulangan pelaburan rizab antarabangsa yang lebih mantap dan aktiviti portfolio dalam pasaran pertukaran asing serta pasaran sekuriti global. Perbelanjaan organisasi berjumlah RM1.78 bilion pada tahun 2024 (2023: RM1.57 bilion), dengan kos kakitangan menyumbang kira-kira separuh daripada perbelanjaan tersebut.

Daripada keuntungan bersih sebanyak RM13.16 bilion, RM7.91 bilion (2023: RM4.31 bilion) akan dipindahkan kepada Rizab Risiko,[1] yang berjumlah RM147.90 bilion pada akhir tahun 2024 (2023: RM151.25 bilion).

Memandangkan rizab antarabangsa BNM adalah dalam mata wang asing, pengumpulan penampan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi menghadapi volatiliti dan kejutan dalam pasaran kewangan pada masa hadapan serta menguruskan risiko turun naik kadar pertukaran dalam landskap global yang tidak menentu. Baki keuntungan bersih sebanyak RM5.25 bilion akan dibayar kepada Kerajaan sebagai dividen (2023: RM2.85 bilion).

Jumlah aset pada 31 Disember 2024 menurun kepada RM621.54 bilion (2023: RM631.74 bilion). Rizab antarabangsa terus menjadi sebahagian besar daripada aset BNM sebanyak 84% (2023: 82%).

Liabiliti BNM terdiri terutamanya daripada mata wang dalam edaran dan deposit oleh institusi kewangan, masing-masing berjumlah RM170.72 bilion dan RM131.92 bilion pada akhir tahun 2024 (2023: masing-masing RM161.82 bilion dan RM176.66 bilion).

[1] Rizab Risiko ialah penampan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

Nota: Muka surat '3 hingga 22' dalam Sijil Ketua Audit Negara merujuk muka surat 211 hingga 225 dalam Laporan ini.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Bank Negara Malaysia dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang material seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Negara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Bank Negara Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia berdasarkan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 MAC 2025

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Abdul Rasheed Ghaffour dan Chin Suit Fang, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2024 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu, mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ABDUL RASHEED GHAFFOUR
PENGERUSI

25 FEBRUARI 2025
KUALA LUMPUR



CHIN SUIT FANG
PENGARAH

25 FEBRUARI 2025
KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Toh Ying Ying, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 25 Februari 2025.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 703
MOHD FITRY ABDUL GHANI
01/01/2025 - 31/12/2027
MALAYSIA

NO. 58A, JALAN BUKIT RAJA
TAMAN SEPUTEH,
58000 KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta Dinyatakan semula
ASET			
Emas dan Aset Kewangan Asing	3	489,309	487,960
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa dan Milikan Hak Pengeluaran Khas	4	30,821	32,905
Kertas Kerajaan Malaysia	5	12,805	13,009
Deposit dengan Institusi Kewangan	6	-	1,202
Pinjaman dan Pendahuluan	7	26,310	24,234
Tanah dan Bangunan	8	4,598	4,610
Aset-aset Lain	9	57,697	67,822
Jumlah Aset		**621,540**	**631,742**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		170,720	161,816
Deposit oleh: Institusi Kewangan		131,918	176,659
Kerajaan Persekutuan		5,233	3,526
Lain-lain	10	79,866	40,075
Kertas Bank Negara	11	12,431	29,235
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	4	28,185	29,738
Liabiliti-liabiliti Lain	12	3,121	3,268
Jumlah Liabiliti		431,474	444,317
Modal	13	100	100
Kumpulan Wang Rizab Am	14	28,888	28,888
Rizab Risiko	15	147,896	151,251
Keuntungan Sebelum Agihan	16	13,182	7,186
Jumlah Modal		190,066	187,425
Jumlah Liabiliti dan Modal		**621,540**	**631,742**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta
Jumlah Pendapatan	17	**14,978**	**8,772**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	18	(1,647)	(1,441)
Perbelanjaan Pembangunan	19	(128)	(126)
Jumlah Perbelanjaan		**(1,775)**	**(1,567)**
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai		**13,203**	**7,205**
Tolak: Cukai	20	(41)	(43)
Keuntungan Bersih Selepas Cukai		**13,162**	**7,162**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

NOTA-NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. **Maklumat Am**

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat BNM terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama BNM adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama BNM adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;

(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;

(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk pada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh BNM;

(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;

(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;

(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;

(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;

(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan

(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

2. **Dasar Perakaunan**

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, BNM hendaklah mematuhi MFRS setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi BNM. Dengan mengambil kira tanggungjawab BNM untuk menguruskan dasar monetari yang berkesan serta menggalakkan kestabilan pasaran kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada MFRS dalam beberapa aspek tertentu.

(b) Penyediaan penyata kewangan ini mengikut dasar yang dinyatakan pada perenggan 2.1 (a) yang menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan dalam menerapkan dasar perakaunan. Ia juga memerlukan penggunaan anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada, yang mungkin mempengaruhi aset dan liabiliti yang dilaporkan, termasuk pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan

BANK NEGARA MALAYSIA

itu. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

(c) Penyata kewangan ini disediakan pada asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 **Perubahan dalam Dasar Perakaunan**

Dalam tahun kewangan semasa, BNM telah mengubah dasar perakaunan bagi tanah dan bangunan untuk mencerminkan tujuan pemegangan hartanah dengan lebih baik, yang kebanyakannya adalah untuk kegunaan dalaman. Berikutan perubahan ini, BNM telah mengukur semula tanah dan bangunan yang sebelumnya tanah diukur pada model penilaian semula dan bangunan pula menggunakan kos nominal sebanyak RM10 setiap satu, menggunakan model kos.

Impak terhadap perubahan dasar perakaunan ini didedahkan dalam Nota 25.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian BNM, dan dibundarkan kepada juta terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(b) Urus niaga dalam mata wang asing telah dinilai berdasarkan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga. Keuntungan atau kerugian mata wang asing yang terhasil daripada penyelesaian transaksi tersebut diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

(c) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan nilai yang disebabkan oleh penilaian semula kadar pertukaran mata wang asing diiktiraf dalam Rizab Risiko.

2.4 **Penyatuan**

(a) **Syarikat Subsidiari**

Syarikat Subsidiari ialah entiti yang dikawal oleh BNM. BNM mempunyai kawalan terhadap sesebuah entiti apabila BNM terdedah, atau mempunyai hak terhadap, pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya untuk mengawal aktiviti berkaitan entiti tersebut.

(b) **Syarikat Bersekutu**

Syarikat Bersekutu ialah entiti yang BNM mempunyai pengaruh yang signifikan tetapi tidak mempunyai kuasa secara amnya atau kuasa bersama, diiringi dengan pemegangan saham antara 20% hingga 50% daripada hak mengundi dalam entiti tersebut.

BNM tidak menyediakan penyata kewangan disatukan untuk syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu kerana entiti-entiti terbabit ditubuhkan bertujuan untuk pembangunan dan kestabilan industri kewangan. Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan untuk kemerosotan nilai.

2.5 **Emas**

Emas direkodkan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian belum direalisasikan yang disebabkan oleh perubahan nilai saksama emas diiktiraf dalam Rizab Risiko. Keuntungan atau kerugian direalisasikan daripada penjualan emas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.6 **Aset Kewangan Asing**

Aset Kewangan asing merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti yang dinyatakan pada nilai saksama. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Rizab Risiko atau Penyata Pendapatan manakala keuntungan atau kerugian direalisasikan bagi penjualan aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.7 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**

Repo dan Repo Berbalik diolah sebagai pinjaman dan pemberian pinjaman bercagaran. Sekuriti yang dijual di bawah Repo dan sekuriti yang dibeli dibawah Repo Berbalik tidak dinyahiktiraf, dan kekal di dalam Penyata Kedudukan Kewangan, manakala jumlah pinjaman yang berkenaan dilaporkan di bawah Liabiliti-liabiliti Lain dan pemberian pinjaman dilaporkan di bawah Aset-aset Lain. Perbezaan antara harga jualan dengan harga belian balik bagi Repo diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah, manakala bagi Repo Berbalik, diiktiraf sebagai pendapatan faedah dalam Penyata Pendapatan.

2.8 **Tanah dan Bangunan**

Tanah dan bangunan dinyatakan pada kos tolak susut nilai dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos tersebut termasuk perbelanjaan langsung yang boleh dikaitkan dengan pembelian aset tersebut. Kos-kos berikutnya ditambah kepada jumlah bawaan aset, atau diiktiraf sebagai aset berasingan yang bersesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa ia akan menjana manfaat ekonomi masa depan kepada BNM dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dikenakan caj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku.

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai. Tanah pegangan pajakan dan bangunan disusut nilai secara garis lurus sepanjang jangka hayat berguna yang dianggarkan seperti berikut:

	Jangka Hayat Berguna
Tanah pegangan pajakan	Tempoh pajakan
Bangunan di atas tanah pegangan bebas	50 tahun
Bangunan di atas tanah pegangan pajakan	50 tahun atau baki pajakan (mana-mana yang lebih singkat)
Penambahbaikan bangunan	Baki jangka hayat berguna bangunan

Apabila tanah dan bangunan dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan bersih diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.9 **Aset Tetap Lain**

Semua aset tetap lain direkodkan sepenuhnya sebagai perbelanjaan pada tahun pembelian di dalam Penyata Pendapatan.

2.10 **Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan**

Aset akan dinilai untuk tujuan rosot dinilai apabila terdapat petunjuk bahawa jumlah bawaan aset mungkin tidak dapat diperolehi semula. Jika terdapat petunjuk sedemikian, jumlah yang boleh dipulihkan bagi aset dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosot nilai. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

Pembalikan rosot nilai yang telah diiktiraf pada tahun-tahun lalu direkodkan dalam Penyata Pendapatan apabila terdapat petunjuk bahawa kemerosotan nilai tersebut tidak lagi wujud.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.11 **Mata Wang dalam Edaran**

Mata wang dalam edaran ialah wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM, termasuk mata wang kertas dan syiling peringatan dan mata wang yang tidak lagi sah diperlakukan, untuk kegunaan dalam ekonomi. Mata wang dalam edaran diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai nominal semasa dalam edaran dan dinyahiktiraf apabila dikeluarkan daripada edaran. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pembelian dan pengeluaran wang kertas serta duit syiling diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.12 **Keuntungan Bersih**

Keuntungan bersih BNM diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

3. **Emas dan Aset Kewangan Asing**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Emas	14,556	11,884
Sekuriti	359,576	401,489
Deposit dan baki bank	104,752	61,532
Lain-lain	10,425	13,055
	489,309	487,960

4. **Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) dan Peruntukan SDR**

Kedudukan rizab terdiri daripada bahagian berbayar Malaysia dalam Kuota IMF dan pinjaman yang diberikan oleh BNM di bawah Rancangan Transaksi Kewangan (Financial Transaction Plan, FTP) IMF dan Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB). Kedua-dua program FTP dan NAB digunakan oleh IMF untuk memberikan pinjaman kepada negara-negara anggotanya.

	2024 RM juta	2023 RM juta
Kedudukan Rizab IMF	5,440	6,229
Milikan SDR	25,381	26,676
	30,821	32,905
Peruntukan SDR	(28,185)	(29,738)
Nilai kedudukan bersih dengan IMF	2,636	3,167

5. **Kertas Kerajaan Malaysia**

Kertas Kerajaan Malaysia merujuk kepada pemegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari BNM.

	2024 RM juta	2023 RM juta
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11,249	11,177
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,556	1,832
	12,805	13,009

BANK NEGARA MALAYSIA

6. **Deposit dengan Institusi Kewangan**
Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh BNM dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Pinjaman dan pendahuluan termasuk pembiayaan yang diberikan oleh BNM kepada institusi kewangan yang merupakan peserta di bawah pelbagai dana yang ditubuhkan menurut seksyen 49 Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk mempromosikan rangkuman kewangan.

	2024 RM juta	2023 RM juta
Dana BNM untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)		
Dana untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan PKS	5,655	4,452
Bantuan Khas PKS yang terjejas akibat COVID-19	18,206	17,441
Pembiayaan Pelancongan PENJANA dan Automasi & Digital untuk PKS yang terjejas akibat COVID-19	1,154	1,030
Dana Rumah Mampu Milik	975	1,000
Lain-lain	320	311
	26,310	24,234

8. **Tanah dan Bangunan**

2024	Tanah Pegangan Bebas	Tanah Pegangan Pajakan	Bangunan di atas Tanah Pegangan Bebas	Bangunan di atas Tanah Pegangan Pajakan	Jumlah
	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta
Kos					
Setakat 1 Januari	3,327	5	1,226	450	5,008
Tambahan	-	-	24	-	24
Penjualan	(2)	(1)	(1)	-	(4)
Setakat 31 Disember	3,325	4	1,249	450	5,028
Susut Nilai Terkumpul					
Setakat 1 Januari	-	2	261	135	398
Caj susut nilai	-	-	25	9	34
Penjualan	-	(1)	(1)	-	(2)
Setakat 31 Disember	-	1	285	144	430
Jumlah Bawaan Bersih	3,325	3	964	306	4,598

BANK NEGARA MALAYSIA

2023 Dinyatakan semula	Tanah Pegangan Bebas	Tanah Pegangan Pajakan	Bangunan di atas Tanah Pegangan Bebas	Bangunan di atas Tanah Pegangan Pajakan	Jumlah
	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta
Kos					
Setakat 1 Januari	4,011	151	-	-	4,162
Kesan pertukaran dasar perakaunan	(681)	(135)	1,226	450	860
Setakat dinyatakan semula	3,330	16	1,226	450	5,022
Penjualan	(3)	(11)	-	-	(14)
Setakat 31 Disember	3,327	5	1,226	450	5,008
Susut Nilai Terkumpul					
Setakat 1 Januari	-	20	-	-	20
Kesan pertukaran dasar perakaunan	-	(18)	237	126	345
Setakat dinyatakan semula	-	2	237	126	365
Caj susut nilai	-	2	24	9	35
Penjualan	-	(2)	-	-	(2)
Setakat 31 Disember	-	2	261	135	398
Jumlah Bawaan Bersih	3,327	3	965	315	4,610

9. **Aset-aset Lain**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Perjanjian Repo Berbalik	50,728	62,149
Pelaburan dalam Saham dan Bon:		
Syarikat Subsidiari	4,257	4,257
Syarikat Bersekutu	37	37
Pelaburan Lain	95	95
Lain-lain	2,580	1,284
	57,697	67,822

10. **Deposit oleh Lain-lain**
Deposit ini termasuk simpanan deposit oleh bank pusat lain dan agensi kerajaan.

11. **Kertas Bank Negara**
Kertas Bank Negara merupakan kertas yang diterbitkan sebagai sebahagian daripada alat dasar monetari BNM untuk menguruskan mudah tunai dalam pasaran wang domestik.

BANK NEGARA MALAYSIA

12. **Liabiliti-liabiliti Lain**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Akruan	1,462	1,728
Perjanjian Repo	1,104	1,121
Lain-lain	555	419
	3,121	3,268

13. **Modal**

Modal BNM dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

14. **Kumpulan Wang Rizab Am**

Pengagihan keuntungan bersih kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan dividen kepada Kerajaan hanya akan diiktiraf setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Menteri menurut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009. Tiada pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2024 dan 31 Disember 2023.

15. **Rizab Risiko**

Rizab Risiko ialah penampan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

	2024 RM juta	2023 RM juta Dinyatakan Semula
Setakat 1 Januari	151,251	116,610
Kesan pertukaran dalam dasar perakaunan	24	1,190
Perubahan dalam tahun semasa	(3,379)	33,451
Setakat 31 Disember	147,896	151,251

16. **Keuntungan Sebelum Agihan**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Setakat 1 Januari	7,186	6,986
Tolak:		
Pindahan kepada Rizab Risiko	(4,336)	(4,236)
Dividen dibayar kepada Kerajaan	(2,850)	(2,750)
	-	-
Tahun semasa	13,162	7,162
Tambah: Pindahan keuntungan dari Rizab Penilaian Semula Tanah	20	24
Setakat 31 Disember	13,182	7,186

BANK NEGARA MALAYSIA

Setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Menteri, pengagihan keuntungan akan diiktiraf dalam penyata kewangan pada tahun yang berikutnya.

Dividen dibayar kepada Kerajaan bagi tahun kewangan berakhir 2023, berjumlah RM2.85 bilion, telah diluluskan oleh Menteri pada 21 Mac 2024.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah telah meluluskan pindahan sebanyak RM7.91 bilion kepada Rizab Risiko dan mencadangkan dividen sebanyak RM5.25 bilion kepada Kerajaan.

17. Jumlah Pendapatan

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta
Pendapatan Operasi	(a)	14,655	8,472
Pendapatan Pinjaman dan Pendahuluan	(b)	33	34
Pendapatan Lain	(c)	290	266
		14,978	8,772

(a) **Pendapatan Operasi**
Pendapatan operasi merangkumi faedah, dividen, keuntungan atau kerugian ke atas penjualan sekuriti dan ditolak kos dasar monetari.

(b) **Pendapatan Pinjaman dan Pendahuluan**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Dana BNM untuk PKS	16	17
Dana Rumah Mampu Milik	10	10
Lain-lain	7	7
	33	34

(c) **Pendapatan Lain**
Pendapatan lain termasuk pendapatan daripada caj pemprosesan mata wang dan penjualan wang kertas dan duit syiling peringatan.

BANK NEGARA MALAYSIA

18. **Perbelanjaan Berulang**

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta
Modal Insan	(a)	(872)	(771)
Operasi Mata Wang	(b)	(197)	(176)
Teknologi Maklumat	(c)	(153)	(131)
Utiliti dan Penyelenggaraan	(d)	(176)	(145)
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(e)	(215)	(218)
Susut Nilai	(f)	(34)	-
		(1,647)	(1,441)

(a) **Modal Insan**
Modal insan termasuk gaji, elaun, kos perubatan kakitangan dan caruman berkanun majikan.

(b) **Operasi Mata Wang**
Operasi mata wang terdiri daripada perbelanjaan secara langsung dan tidak langsung dalam proses pengeluaran wang kertas dan duit syiling.

(c) **Teknologi Maklumat**
Teknologi maklumat merupakan perbelanjaan yang ditanggung untuk mengekalkan infrastruktur dan peralatan IT termasuk pembaharuan lesen dan pembelian alatan habis guna IT.

(d) **Utiliti dan Penyelenggaraan**
Utiliti dan penyelenggaraan termasuk perbelanjaan berkaitan dengan penyelenggaraan bangunan pejabat BNM dan premis-premis lain.

(e) **Perbelanjaan Am dan Pentadbiran**
Perbelanjaan am dan pentadbiran merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pentadbiran operasi harian BNM.

(f) **Susut Nilai**
Susut nilai dikenakan untuk tanah pegangan pajakan dan bangunan.

19. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh BNM selaras dengan matlamat dan fungsi utama BNM.

BANK NEGARA MALAYSIA

20. **Cukai**

BNM dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989. Perbelanjaan cukai ialah cukai pegangan tidak boleh dituntut ke atas dividen dan faedah daripada pelaburan asing serta cukai keuntungan modal ke atas penjualan pelaburan asing.

21. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

21.1 **Aset Luar Jangka**

Jumlah aset luar jangka setakat 31 Disember 2024 ialah RM1,840 juta. Aset ini terdiri daripada jumlah pendanaan BNM kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM1,000 juta dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM840 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan masing-masing oleh Asia School of Business (ASB) dan Universiti INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah pendanaan tersebut akan dikembalikan kepada BNM apabila pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

21.2 **Tuntutan Perundangan**

Beberapa tuntutan perundangan terhadap BNM masih belum selesai setakat 31 Disember 2024. Bagi tuntutan perundangan yang berkemungkinan rugi, peruntukan yang diperlukan akan dibuat. Berdasarkan maklumat setakat 31 Disember 2024, anggaran liabiliti luar jangka tidak akan memberi kesan yang material terhadap kedudukan kewangan dan operasi BNM.

21.3 **Komitmen**

Jumlah komitmen tertunggak adalah seperti berikut:

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta
Keanggotaan dengan IMF	(a)		
Kuota Belum Berbayar	(i)	15,769	16,409
Pengaturan Baharu untuk Meminjam	(ii)	3,969	4,183
Perjanjian Pinjaman Dua Hala	(iii)	1,929	1,978
Pengaturan Swap	(b)		
Pengaturan Swap Dua Hala dengan Bank Pusat Lain	(i)	170,704	142,540
Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai	(ii)	40,745	41,787
Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari	(iii)	22,378	22,950
Jumlah Komitmen Tertunggak		255,494	229,847

BANK NEGARA MALAYSIA

(a) **Keanggotaan dengan IMF**

(i) Kuota Belum Berbayar mewakili bahagian belum bayar kuota Malaysia dalam IMF di bawah Perjanjian Artikel (Articles of Agreement) di mana BNM mempunyai kewajipan untuk membayar kepada IMF dalam SDR atau dalam mata wang boleh tukar lain.

(ii) Pengaturan Baru untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB) adalah pengaturan kredit antara BNM dan IMF untuk menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF bagi tujuan menjaga kestabilan sistem kewangan antarabangsa.

(iii) Perjanjian Pinjaman Dua Hala (Bilateral Borrowing Agreement, BBA) melibatkan sumbangan dua hala oleh BNM kepada IMF untuk tujuan pencegahan dan penyelesaian krisis kewangan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.

(b) **Pengaturan Swap**

(i) Pengaturan Swap Dua Hala (Bilateral Swap Arrangement, BSA)
Secara amnya, BNM mengambil bahagian dalam BSA dengan bank pusat lain yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dan pelaburan langsung dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara, dan menyediakan sokongan mudah tunai untuk imbangan pembayaran jangka pendek. BNM telah menandatangani BSA dengan People's Bank of China, Bank of Korea, Bank Indonesia, Bank of Japan and Bank of Thailand.

(ii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**
BNM menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan melalui transaksi swap mata wang dalam Dolar AS atau mata wang tempatan terpilih kepada negara anggota ASEAN+3 untuk menangani imbangan pembayaran dan kesukaran mudah tunai jangka pendek dalam rantau ini.

(iii) **Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari**
BNM telah menandatangani perjanjian repo dengan beberapa bank pusat dan pihak berkuasa monetari serantau di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) untuk menyediakan bantuan mudah tunai semasa kecemasan.

22. **Pengurusan Risiko Kewangan**

Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, pengukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya rizab berada pada paras yang sewajarnya bagi memastikan matlamat untuk melindungi modal, mudah tunai dan pulangan yang munasabah tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi risiko yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan BNM terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran yang berkaitan dengan kadar pertukaran asing, kadar faedah serta harga bon dan ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau setiap hari. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh juga dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada instrumen tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko, pengaturan tadbir urus dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

BANK NEGARA MALAYSIA

(b) **Risiko Kredit**
Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit sekuriti atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada BNM yang menyebabkan BNM tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, mengikut tempoh yang sepatutnya. Rangka kerja risiko kredit yang komprehensif menggariskan pelaburan yang dibenarkan dan kesanggupan BNM untuk mengambil risiko, dengan itu memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang baik. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran serta langkah kuantitatif yang menyokong penilaian kredit yang lebih berpandangan ke hadapan.

(c) **Risiko Operasi**
Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau apa-apa perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus risiko yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi BNM supaya tindakan boleh diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

23. **Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) (disebut sebagai 'Akaun Dana Perubatan')**
Akaun Dana Perubatan ditubuhkan pada 21 Jun 2006 di bawah seksyen 15 (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan terus berada di bawah seksyen 83 (4) dan (5) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Akaun Dana Perubatan ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006 dan Arahan Amanah Tambahan 2017. Objektif Dana Perubatan ini adalah untuk membantu BNM membiayai perbelanjaan perubatan para pesara BNM dan tanggungan mereka yang layak. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006, Dana Perubatan hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Dana Perubatan. Akaun Dana Perubatan disediakan secara berasingan dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun BNM.

24. **Transaksi dan Baki Entiti Berkaitan**

Kerajaan Malaysia
Modal BNM dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. BNM membiayai operasinya sendiri dan mengekalkan kebebasan organisasi dan fungsi daripada Kerajaan. Dalam menjalankan operasinya, BNM melakukan transaksi melibatkan entiti berkaitan dan baki signifikan entiti berkaitan dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

Baki Signifikan Entiti Berkaitan

	2024 RM juta	2023 RM juta
Pemegang Saham		
Kerajaan Malaysia		
Pemegangan Kertas Kerajaan Malaysia	12,805	13,009
Penempatan deposit daripada Kerajaan	5,233	3,526

25. **Perubahan dalam Dasar Perakaunan dan Pelarasan Tahun Sebelumnya**
Kesan perubahan dalam dasar perakaunan telah diselaraskan secara retrospektif untuk tempoh terawal yang dibentangkan seolah-olah asas yang digunakan sentiasa diterapkan secara konsisten.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	Seperti dinyatakan sebelum ini	Penggunaan model kos	Seperti dinyatakan semula
	RM juta	RM juta	RM juta
Aset			
Tanah dan bangunan	4,128	482	4,610
Jumlah Aset	631,260	482	631,742
Modal			
Rizab Risiko	150,061	1,190	151,251
Rizab Penilaian Semula Tanah	708	(708)	-
Jumlah Liabiliti dan Modal	631,260	482	631,742

26. **Kelulusan Penyata Kewangan**
Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan ini pada 25 Februari 2025.